

**APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA  
SEMASA: ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI  
SELANGOR DARI TAHUN 2009-2013**

**AINON MARDHIAH BINTI ZAWAWI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA  
SEMASA: ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI  
SELANGOR DARI TAHUN 2009-2013**

**AINON MARDHIAH BINTI ZAWAWI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : Ainon Mardhiah Binti Zawawi  
No. Pendaftaran/Matrik: IGA130072  
Nama Ijazah: Sarjana Syariah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**APLIKASI IJTihad KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA: ANALISIS  
FATWA-FATWA NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2009-2013**

Bidang Penyelidikan: Syariah Dan Undang-Undang

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini meyerahkan semua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi  
Nama:  
Jawatan

Tarikh:

**APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA:  
ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI SELANGOR  
DARI TAHUN 2009-2013**

**ABSTRAK**

Konsep ijtihad mempunyai kaitan langsung dengan fatwa kerana ia merupakan saluran penyelesaian bagi masalah yang tidak mempunyai rujukan nas. Di Malaysia, kesan perkembangan sains teknologi, ekonomi dan perubahan sosial masyarakat telah menjadikan pelbagai isu baru dan permasalahan hukum turut berkembang dengan cepat. Oleh itu, keperluan fatwa dalam menjawab segala persoalan baru ini adalah penting dan institusi fatwa adalah badan yang bertanggungjawab dalam memberikan jawapan bagi permasalahan hukum tersebut. Kajian menunjukkan bahawa pengamalan institusi fatwa di Malaysia dalam menghasilkan sesuatu fatwa adalah melalui pendekatan *jam'i* atau (*collective ijtihad*), penggunaan *takhayyur* dan *ta'liq*, pengambilkiraan realiti semasa dan pendekatan *maqshidi*. Pendekatan ini digambarkan oleh para ulama sebagai ijtihad kontemporari. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana pendekatan ini telah digunakan oleh institusi fatwa di Malaysia dengan memilih fatwa yang dihasilkan oleh jawatankuasa fatwa negeri Selangor dari tahun 2009 hingga 2013 sebagai sampel. Data yang dikumpulkan termasuk fatwa, kertas kerja penyelidikan fatwa yang dihasilkan oleh Bahagian Fatwa di Jabatan Mufti Negeri Selangor dan temu bual dengan beberapa pegawai yang terlibat dalam penyelidikan fatwa. Ia kemudian dianalisis secara analisis induktif dan deduktif dengan menggunakan pelbagai rujukan terutamanya kitab-kitab fiqh, karya akademik dalam buku dan jurnal. Hasil analisis yang dijalankan terhadap 5 sampel fatwa daripada 139 fatwa yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mendapati bahawa penyelidikan fatwa yang dijalankan telah menggambarkan konsep penyelidikan fatwa dalam kerangka ijtihad kontemporari khususnya dalam pengamalan ijtihad *jam'i* dan penglibatan golongan pakar daripada pelbagai bidang iaitu (100%) dimana ia digunakan dalam kelima-lima

sampel fatwa. Aplikasi pendekatan *m q sidi* telah digunakan dalam 4 sampel fatwa (80%) dan pengambilkiraan realiti semasa dan sosial juga diutamakan dalam menghasilkan fatwa 3 daripada sampel fatwa (60%). Manakala penggunaan *takhayyur* dan *tlf̣q* telah digunakan dalam 2 daripada 5 sampel fatwa tersebut (40%). Di Malaysia, meskipun dominasi mazhab Sy fi dalam amalan fatwa masih berlaku namun demi meraikan tuntutan perkembangan semasa, laluan dibuka untuk mengambil pandangan di luar mazhab Sy fi , bahkan sampai kepada ijtihad yang lebih bebas telah diperuntukkan dalam enakmen negeri-negeri. Oleh itu, bagi menyelesaikan isu yang berbangkit dalam kalangan masyarakat jawatankuasa fatwa diberikan kebebasan untuk menentukan kaedah yang dilihat sesuai berasaskan kepada keperluan dan tuntutan realiti semasa.

**Kata Kunci:** Ijtihad Kontemporari, Fatwa Semasa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

**APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA:  
ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI SELANGOR  
DARI TAHUN 2009-2013**

**ABSTRACT**

The concept of *ijtihad* has a direct connection with *fatwa* as a channel to provide answer to problems that have no specific provisions in the texts or *nusus*. In Malaysia due to technological, economic and social change developments many problems that have religious implication have emerged rapidly. Therefore, the need for *fatwa* in responding to these new questions is vital and the *fatwa* institution that deals with such matters must be able to provide answers. It has been observed through the literature that the practice of *fatwa* institutions in Malaysia issued *fatwa* on these matters through collective *ijtihad* or *ijtihad j m ‘i* with cross-madhab legal devices or technicalities such as *takhayyur* and *t lfiq* and broader or higher principles of the *Syariah* namely the *m q ‘sidi* approach as well as using the empirical evidence of the subject. This practice or approach has been described by scholars as contemporary *ijtihad* or *fatwa*. The purpose of this study is to investigate the extent to which this approach has been used by the *fatwa* institution in Malaysia by selecting the *fatwa* issued by state of Selangor *Fatwa* Committee from the years 2009 to 2013 as a sample. The data collected includes *fatwa*, research papers prepared by Selangor Mufti Department and interviews with officials and academics. It is then analysed through inductive and deductive analysis using references mainly *fiqh* books, academic works in books and journals. The result of the analysis 5 sample *fatwas* from 139 *fatwas* issued by Selangor *Fatwa* Committee from years 2009-2013 show the practice of *ijtihad j m ‘i* and the involvement of experts from other fields of studies is 100% which been used in each 5 sample *fatwas*. The application of *m q ‘sidi's* approach has been used in 4 sample *fatwas* which stands at 80% percent. The consideration of current social reality and socio-economic factors is 60%, used in 3 sample *fatwas* and proved a priority in

producing a fatwa. Whereas the use of *takhayyur* and *talfiq* are at 40% percent. In Malaysia, despite the dominance of the Sy fi school of fiqh in the practice of fatwa, but the demands of current developments, the path was opened to take the views other from Sy fi school of fiqh based in the enactments of the states. Therefore, to resolve the issues arising in the community, the fatwa committee should determine and consider the method according to the current reality needs and demands.

**Keywords:** Contemporary ijtiḥad, Current Fatwas, Selangor Fatwa Committee

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan rezeki dan kekuatan serta atas pertolongan-Mu maka dapatlah pengkaji menyiapkan kajian ini. Terima kasih ya Allah, tanpa izin-Mu pengkaji tidak akan mampu menyiapkan disertasi ini. Ucapan jutaan terima kasih kepada Prof. Dato<sup>“</sup> Dr. Ahmad Hidayat Buang dan Dr Mohd Hafiz Jamaludin selaku penyelia tesis pengkaji. Tanpa idea dan panduan menulis daripada mereka mungkin hasil penulisan ini tidak terlaksana. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada kakitangan Jabatan Mufti Negeri Selangor khususnya di Bahagian Fatwa iaitu Ustaz Khairiamri bin Ahmad yang amat memberikan kerjasama tidak berbelah bahagi sepanjang pengkaji melakukan kajian lapangan disana. Begitu juga terima kasih kepada kakitangan Jabatan Mufti Negeri Selangor (Bahagian Fatwa) yang lain di atas bantuan langsung atau tidak langsung semasa pengkaji membuat kajian lapangan.

Penghargaan tidak terhingga buat ahli keluarga tercinta, abah, emak dan adik beradik, Sesungguhnya kalian adalah pemberi semangat yang utama untuk pengkaji menghabiskan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada para sahabat seperjuangan yang sentiasa menitipkan kata-kata semangat. Tidak ketinggalan para pemeriksa tesis ini, terima kasih diucapkan. Buat akhirnya, *skrol* Sarjana Syariah itu bukan sesuatu yang mudah dipegang oleh pengkaji. Pengkaji telah berhadapan dengan kekangan masa, emosi, dan idea. Terima kasih ya Allah kerana membantu hamba-Mu ini menamatkan pengajian dengan penuh rasa syukur.

**AINON MARDHIAH BINTI ZAWAWI**

Jabatan Syariah dan Undang-Undang  
APIUM, Kuala Lumpur

## DAFTAR ISI KANDUNGAN

|                                     |             |
|-------------------------------------|-------------|
| <b>ABSTRAK .....</b>                | <b>v</b>    |
| <b>ABSTRACT .....</b>               | <b>vii</b>  |
| <b>PENGHARGAAN .....</b>            | <b>ix</b>   |
| <b>DAFTAR ISI KANDUNGAN .....</b>   | <b>x</b>    |
| <b>PANDUAN TRANSLITERASI .....</b>  | <b>xiv</b>  |
| <b>SENARAI KEPENDEKAN .....</b>     | <b>xvii</b> |
| <b>SENARAI JADUAL .....</b>         | <b>xix</b>  |
| <br>                                |             |
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN .....</b>     | <b>1</b>    |
| 1.1 PENGENALAN .....                | 1           |
| 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN .....     | 3           |
| 1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN.....  | 5           |
| 1.4 OBJEKTIF KAJIAN .....           | 10          |
| 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN .....        | 10          |
| 1.6 SKOP KAJIAN .....               | 11          |
| 1.7 SOROTON LITERATUR.....          | 12          |
| 1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN.....    | 19          |
| 1.8.1 METODE PENGUMPULAN DATA ..... | 20          |
| a) Kajian Kepustakaan.....          | 20          |
| b) Kajian Lapangan.....             | 23          |
| 1.8.2 METODE ANALISIS DATA .....    | 25          |
| a) Metode Induktif .....            | 25          |
| b) Metode Deduktif.....             | 26          |

|                                                                                                                                   |           |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1.9 SUSUNAN PENULISAN .....                                                                                                       | 26        |
| <b>BAB 2: IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA.....</b>                                                                        | <b>28</b> |
| 2.1 PENDAHULUAN .....                                                                                                             | 28        |
| 2.2 KONSEP IJTIHAD, FATWA DAN MUFTI.....                                                                                          | 29        |
| 2.2.1 Ijtihad.....                                                                                                                | 29        |
| 2.2.2 Fatwa .....                                                                                                                 | 32        |
| 2.2.3 Mufti.....                                                                                                                  | 35        |
| 2.3 PERKEMBANGAN FATWA SEMASA DAN IJTIHAD .....                                                                                   | 37        |
| 2.4 IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA.....                                                                                  | 41        |
| 2.4.1 Konsep Ijtihad Kontemporari .....                                                                                           | 41        |
| 2.4.2 Pendekatan Ijtihad Kontemporari dalam Fatwa Semasa .....                                                                    | 46        |
| a) Pengambilkiraan realiti semasa: faktor perubahan zaman, masa dan tempat .....                                                  | 46        |
| b) Ijtihad <i>j m , i</i> dalam penyelidikan fatwa .....                                                                          | 49        |
| c) Penggunaan <i>takhayyur</i> dan <i>tl fīq</i> .....                                                                            | 54        |
| d) Pendekatan <i>q ṣi</i> Syariah .....                                                                                           | 59        |
| 2.5 KESIMPULAN.....                                                                                                               | 66        |
| <b>BAB 3: INSTITUSI FATWA NEGERI SELANGOR: PENTADBIRAN, PROSEDUR DAN PENYELIDIKAN FATWA .....</b>                                 | <b>67</b> |
| 3.1 PENDAHULUAN .....                                                                                                             | 67        |
| 3.2 INSTITUSI FATWA NEGERI SELANGOR .....                                                                                         | 68        |
| 3.2.1 Sejarah Penubuhan Jabatan Mufti Negeri Selangor .....                                                                       | 68        |
| 3.2.2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 : Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Autoritinya ..... | 70        |

|                                                                                                                                   |            |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.3 PROSEDUR PENGELUARAN DAN PEWARTAAN FATWA NEGERI SELANGOR .....                                                                | 77         |
| 3.3.1 Prosedur pertama: Permohonan .....                                                                                          | 78         |
| 3.3.2 Prosedur Kedua: Menjalankan penyelidikan dan menyediakan kertas kerja .....                                                 | 79         |
| 3.3.3 Prosedur Ketiga: Perbincangan Jawatankuasa Fatwa .....                                                                      | 79         |
| 3.3.4 Prosedur Keempat: Keputusan dan Penetapan Fatwa .....                                                                       | 80         |
| 3.3.5 Prosedur Kelima: Pewartaan dan hebahan kepada masyarakat.....                                                               | 81         |
| 3.4 PENYELIDIKAN FATWA OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR .....                                                              | 82         |
| 3.4.1 Kajian Dalaman.....                                                                                                         | 83         |
| a) Bersandarkan nas al-Quran dan al-Sunnah.....                                                                                   | 83         |
| b) Penggunaan kaedah <i>l-qis m sh l ih l-mursalah, s l - h r "i mrf</i> serta kaedah-kaedah fiqh.....                            | 85         |
| c) Rujukan terhadap karya-karya fiqh .....                                                                                        | 88         |
| 3.4.2 Kajian Lapangan atau Luaran.....                                                                                            | 93         |
| a) Temu bual, pemerhatian dan tinjauan ke lokasi kajian.....                                                                      | 93         |
| b) Rujukan kepada pakar-pakar .....                                                                                               | 95         |
| 3.5 KESIMPULAN .....                                                                                                              | 98         |
| <b>BAB 4: ANALISIS TERHADAP APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA-FATWA SEMASA NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2009-2013 .....</b> | <b>100</b> |
| 4.1 PENDAHULUAN .....                                                                                                             | 100        |
| 4.2 FATWA-FATWA SEMASA NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2008-2013.....                                                                  | 100        |
| 4.2.1 Statistik.....                                                                                                              | 100        |
| 4.2.2 Justifikasi 5 Sampel Pemilihan Fatwa Semasa.....                                                                            | 103        |

|                                                                                                                       |         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 4.3 ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2009 HINGGA 2013:<br>APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI .....                   | 107     |
| 4.3.1 FATWA 1: ISU TUNTUTAN PENGANUT KRISTIAN TERHADAP<br>PENGUNAAN KALIMAH ALLAH.....                                | 107     |
| a) Penyelidikan Fatwa.....                                                                                            | 108     |
| b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari.....                                                                                 | 109     |
| 4.3.2 FATWA 2: HUKUM PELABURAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)<br>DAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN SEUMPAMANYA. .... | 120     |
| a) Penyelidikan Fatwa.....                                                                                            | 122     |
| b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari.....                                                                                 | 125     |
| 4.3.3 FATWA 3: HUKUM MEMAKAN DAGING ATAU ISI BELANGKAS DAN<br>TELURNYA .....                                          | 136     |
| a) Penyelidikan Fatwa.....                                                                                            | 137     |
| b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari.....                                                                                 | 137     |
| 4.3.4 FATWA 4: ZAKAT FITRAH MELALUI PEMBAYARAN ELEKTRONIK ...                                                         | 146     |
| a) Penyelidikan Fatwa.....                                                                                            | 147     |
| b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari.....                                                                                 | 149     |
| 4.3.5 FATWA 5: HUKUM WANITA MENYUSUKAN ANAK ANGKAT .....                                                              | 161     |
| a) Penyelidikan Fatwa.....                                                                                            | 161     |
| b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari.....                                                                                 | 163     |
| 4.4 KESIMPULAN .....                                                                                                  | 177     |
| <br><b>BAB 5: RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP.....</b>                                                                  | <br>179 |
| 5.1 PENDAHULUAN .....                                                                                                 | 179     |
| 5.2 RUMUSAN KAJIAN .....                                                                                              | 179     |

|                               |            |
|-------------------------------|------------|
| 5.3 CADANGAN DAN SARANAN..... | 181        |
| 5.4 PENUTUP .....             | 185        |
| <b>BIBLIOGRAFI.....</b>       | <b>187</b> |
| <b>LAMPIRAN.....</b>          | <b>203</b> |

Universiti Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Konsonan

| No. | Huruf Arab | Huruf Rumi |
|-----|------------|------------|
| 1   | أ/ء        | a , ʿ      |
| 2   | ب          | b          |
| 3   | ث          | t          |
| 4   | ث          | th         |
| 5   | ج          | j          |
| 6   | ح          | ḥ          |
| 7   | خ          | kh         |
| 8   | د          | d          |
| 9   | ذ          | dh         |
| 10  | ر          | r          |
| 11  | ز          | z          |
| 12  | س          | s          |
| 13  | ش          | sy         |
| 14  | ص          | ṣ          |
| 15  | ض          | ḍ          |
| 16  | ط          | ṭ          |
| 17  | ظ          | ẓ          |
| 18  | ع          | ʿ          |
| 19  | غ          | gh         |
| 20  | ف          | f          |
| 21  | ق          | q          |
| 22  | ك          | k          |
| 23  | ل          | l          |
| 24  | م          | m          |
| 25  | ن          | n          |
| 26  | و          | w          |
| 27  | ه          | h          |
| 28  | ي          | y          |
| 29  | ة          | h , t      |

b. Vokal

| No | Vokal Panjang | Transliterasi | Tulisan Arab   | Tulisan Rumi  |
|----|---------------|---------------|----------------|---------------|
| 1  | ا, ي          |               | الْبَرْى / باب | <i>k u r</i>  |
| 2  | ي             |               | وَلِيل         | <i>w k īl</i> |
| 3  | و             |               | سَوْرَة        | <i>s r h</i>  |

| No | Vokal Pendek | Transliterasi | Contoh | Transliterasi |
|----|--------------|---------------|--------|---------------|
| 1  | ( فَتْحَت )  | a             | قَنَاج | <i>qanata</i> |
| 2  | ( كَسْرَة )  | i             | سَلِيم | <i>salima</i> |
| 3  | ( ضَمَّت )   | u             | جَعَل  | <i>ju''il</i> |

c. Diftong

| No | Diftong | Transliterasi | Contoh  | Transliterasi |
|----|---------|---------------|---------|---------------|
| 1  | أَوْ    | <i>aw</i>     | قَوْل   | <i>qawl</i>   |
| 2  | أَيَّ   | <i>ay</i>     | خَيْر   | <i>khayr</i>  |
| 3  | وَو     | <i>uww</i>    | قُوَّة  | <i>quwwah</i> |
| 4  | يَّ     | <i>i ī</i>    | عَوِيَّ | <i>„r i ī</i> |

## SENARAI KEPENDEKAN

|       |   |                                                             |
|-------|---|-------------------------------------------------------------|
| AJK   | : | Ahli Jawatankuasa                                           |
| ASB   | : | Amanah Saham Bumiputera                                     |
| ASM   | : | Amanah Saham Malaysia                                       |
| ASN   | : | Amanah Saham Nasional                                       |
| ASNB  | : | Amanah Saham Nasional Berhad                                |
| Cet.  | : | Cetakan                                                     |
| DEB   | : | Dasar Ekonomi Baru                                          |
| Dr    | : | Doktor                                                      |
| Ed.   | : | Editor                                                      |
| et.al | : | dan rakan-rakan                                             |
| Hj.   | : | Haji                                                        |
| Ibid. | : | Ibidem yakni rujukan bagi bagi halaman yang sama.           |
| INFAD | : | Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia          |
| ISRA  | : | International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance |
| JAIS  | : | Jabatan Agama Islam Selangor                                |
| JAKIM | : | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia                             |
| JMNS  | : | Jabatan Mufti Negeri Selangor                               |
| JPMI  | : | Jabatan Pasaran Modal Islam                                 |
| KPII  | : | Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam                       |
| LZS   | : | Lembaga Zakat Selangor                                      |
| MAIS  | : | Majlis Agama Islam Selangor                                 |
| MFK   | : | Majlis Fatwa Kebangsaan                                     |

|          |   |                                                       |
|----------|---|-------------------------------------------------------|
| MKI      | : | Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia |
| MPS      | : | Majlis Penasihat Syariah                              |
| Pem.     | : | Pembantu                                              |
| PHEI     | : | Pegawai Hal Ehwal Islam                               |
| PNB      | : | Permodalan Nasional Berhad                            |
| Prof.    | : | Profesor                                              |
| S.A.W    | : | Sallallahu ,alaihi Wasallam                           |
| SC       | : | Suruhanjaya Sekuriti                                  |
| Sdn. Bhd | : | Sendirian Berhad                                      |
| S.W.T    | : | Subhanahu Wa Ta,,ala                                  |
| t.p      | : | Karya tiada penerbit                                  |
| t.tp     | : | Karya tiada tempat terbitan                           |
| terj     | : | Terjemahan                                            |
| UKM      | : | Universiti Kebangsaan Malaysia                        |

## SENARAI JADUAL

Jadual 4.1 : Statistik Fatwa Negeri Selangor Dari Tahun 2008-2013..... 101

Jadual 4.2 : Peratusan Laporan Tahunan ASB iaitu bagi tahun kewangan berakhir

Disember 2011, 2012 dan 2013 ..... 123

Universiti Malaya

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Fatwa merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan ijtihad. Secara umumnya, ijtihad adalah mencurahkan sepenuh usaha, kemampuan dan tenaga bagi memperoleh hukum syarak yang bersifat amali melalui istinbat atau kesimpulan dan melakukan penyelidikan tentang hukum.<sup>1</sup> Sementara fatwa pula merupakan elemen penting dalam perundangan Islam dan perkembangan hukum-hukumnya. Hal ini kerana fatwa membawa maksud penjelasan tentang hukum syarak bagi sesuatu permasalahan sebagai jawapan kepada persoalan yang ditanya. Dari segi undang-undang, sesuatu pernyataan yang boleh ditafsirkan sebagai fatwa ialah apabila pernyataan itu disiarkan di dalam Warta Kerajaan di negeri masing-masing.<sup>2</sup>

Fatwa berperanan penting sebagai penghubung antara mufti dan *mustafī* sejak dari zaman Rasulullah S.A.W sebagai medium penyelesaian hukum bagi masalah yang berlaku dalam kalangan umat Islam.<sup>3</sup> Rasulullah S.A.W bertindak sebagai mufti dan orang bertanggungjawab memutuskan hukum bagi setiap kekeliruan dan masalah umat Islam pada ketika itu. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T menerusi firman-Nya.

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ ۚ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ

Surah al-Nisa 4:127

Terjemahan: *Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. K t k n l h olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada k mu m engen i..."*

<sup>1</sup> Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan Al-Jizani, " *lim Usul l-Fiqh Inda Ahl al-Sunnah* (al-Dammam : Dar Ibn al-Jawzi, 2010), 470.

<sup>2</sup> Seksyen 49, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>3</sup> Nooh Bin Gadot, "Peranan Fatwa Dalam Perpaduan Ummah" (makalah, Konvensyen Islam 2002 Peringkat Kebangsaan, Golden Legacy Hotel Melaka, 14-15 Jun 2002).

Manakala ijtiḥad kontemporari atau ijtiḥad baru pula ialah suatu usaha pemerahan minda yang dilakukan oleh mereka yang berkemampuan dalam menyelesaikan isu-isu kontemporari dan baru bagi memastikan ianya selari dengan kehendak Allah S.W.T.<sup>4</sup> Maka, ijtiḥad kontemporari ini boleh digambarkan bahawa semasa pengeluaran fatwa elemen-elemen berikut dipraktikkan iaitu: ijtiḥad *j m , , i*, pengambilkiraan faktor nilai semasa dan tempat, penggunaan *takhayyur* dan *tlfiq* dari pandangan mazhab, dan pendekatan *m q ṣidi*.

Keperluan kepada pendekatan ijtiḥad kontemporari dalam penyelidikan fatwa pada masa kini adalah suatu keperluan yang tidak boleh dielak dan dinafikan. Sinonimnya, istilah ijtiḥad kontemporari ini akan digunakan apabila melibatkan isu-isu baharu. Namun, ijtiḥad kontemporari juga boleh didefinisikan sebagai isu-isu lama yang diberikan interpretasi baharu sesuai dengan perkembangan zaman<sup>5</sup> yang serba pantas dengan kewujudan bentuk kegiatan ekonomi yang lebih berteknologi, bidang perubatan, bidang halal kepenggunaan dan peristiwa-peristiwa baru. Oleh itu, pengharmonian daripada ijtiḥad yang terdahulu itu perlu dijana semula bagi membuktikan bahawa syariat Islam adalah syariat yang sesuai dan kekal sepanjang zaman walaupun ianya menerima perubahan.

Untuk mengetahui sejauh mana konsep dan aplikasi ijtiḥad kontemporari dalam menyelesaikan persoalan hukum masalah-masalah baru pada masa kini, suatu kajian perlu dijalankan. Pada masa sekarang institusi fatwa memainkan peranan penting untuk menjawab permasalahan isu atau hukum yang berlaku terutama masalah-masalah baru yang tidak mempunyai hukum yang jelas sama ada di dalam al-Quran, al-Sunnah atau

---

<sup>4</sup> Mohd Marbawi Taha, "Pendekatan Ijtiḥad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 11.

<sup>5</sup> Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Aplikasi Ijtiḥad Kontemporari Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa", dalam *Dimensi Kontemporari Dalam Pengajian Islam*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff (Kuala Lumpur: APIUM, 2013).

ijtihad oleh para mujtahid yang terdahulu.<sup>6</sup> Persoalan baru yang timbul kesan perubahan zaman ini perlu dijawab dengan baik agar kelangsungan kehidupan umat Islam dapat diteruskan berlandaskan hukum syarak dan meraikan keperluan semasa. Justeru itu, pengkaji berpandangan bahawa institusi fatwa merupakan skop dan lokasi yang sesuai untuk menjalankan kajian ini memandangkan institusi fatwa mempunyai peranan besar dan penting dalam urusan penyelidikan fatwa dan menentukan hukum hakam di Malaysia.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perubahan sosial dan arus permodenan yang berlaku kepada masyarakat Islam di Malaysia telah mempengaruhi bentuk fatwa. Ianya memberi perubahan yang ketara dalam banyak perkara sama ada dari segi fizikal atau material dan juga dari segi moral serta spiritual.<sup>7</sup> Hal ini dapat dibuktikan bahawa di era 90-an, permasalahan hukum yang lebih kritikal semakin kerap dikemukakan masyarakat kepada jabatan mufti berbanding dengan sebelumnya apatah lagi kini sudah menjelang abad ke-21 banyak isu berkaitan dengan bidang-bidang kritikal seperti transaksi perbankan, ekonomi, halal kepenggunaan, perubatan mula diberi perhatian kerana ia semakin sinonim dengan kehidupan sebagai contoh permasalahan hukum berkaitan mangsa kesan tragedi penerbangan MH370.<sup>8</sup>

Selain itu, pada zaman sekarang, terdapat banyak masalah yang tidak mempunyai sumber dalil hukum yang khusus mengenainya. Kebanyakan persoalan baharu ini tidak wujud atau dipersoalkan pada waktu hukum Islam disimpulkan dalam kitab-kitab fiqh klasik. Persoalan baru ini boleh juga diertikan sebagai masalah baru

---

<sup>6</sup> Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2008), 42.

<sup>7</sup> Mohammad Aizat Jamaluddin, Mohd Anuar Ramli dan Suhaimi Ab Rahman, "Ijtihad Kontemporari Dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa Di Malaysia" (International Conference On Creativity And Innovation For Sustainable Development Infusing Creativity And Innovation In Education, UIAM, 12 Sep - 14 Sep 2011).

<sup>8</sup> Laman sesawang *Portal e-Fatwa*, dicapai 8 September 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/>.

yang belum pernah dirungkai hukumnya oleh para fuqaha sebelum ini, malah ianya mungkin tidak pernah terfikir oleh mereka ianya akan terjadi dan dipersoalkan.<sup>9</sup> Memandangkan penghuraian al-Quran dan al-Sunnah adalah terhad maka perlu ada sumber perundangan Islam yang lain untuk memenuhi keperluan (menjawab hukum baru) tersebut. Kepelbagaian isu baru yang timbul bagi memenuhi keperluan semasa ini dapat dijawab oleh fatwa yang terhasil daripada penelitian kepada prinsip dan pendekatan *Maqāsid al-Syariah*<sup>10</sup> dan mengambilkira faktor realiti masyarakat Malaysia semasa.

Selain itu, dalam proses penyediaan fatwa semasa, Jawatankuasa Fatwa perlu bersifat terbuka dan tidak menghadkan atau membataskan penyelesaian kepada sesuatu mazhab sahaja. Pengamalan ijtihad *jam'i* juga adalah cara terbaik untuk berijtihad dan mengistinbatkan hukum-hakam kerana kedalaman pengetahuan, kepakaran dan metodologi ilmiahnya. Konsep ini telah pun diamalkan di dalam perkembangan fatwa di Malaysia berdasarkan penubuhan Jawatankuasa Fatwa di setiap negeri<sup>11</sup> dan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan melibatkan ahli akademik, golongan profesional yang berkepakaran dalam pelbagai bidang. Ianya dapat membantu para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dalam menjawab permasalahan fatwa dengan tepat dan jelas sejurus dapat membentuk fatwa yang menepati konsep *fiqh al-waqt* (fiqh semasa). Hal ini telah disarankan dan dibincangkan secara ilmiah oleh ahli akademik dan para sarjana Islam kontemporari sebagai ijtihad kontemporari.

---

<sup>9</sup>Mohammad Aizat Jamaluddin, "Ijtihad Kontemporari Dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa Di Malaysia", 5.

<sup>10</sup> Segala hukum-hakam Islam bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia. Kemaslahatan tersebut terpelihara melalui penjagaan lima perkara, iaitu melalui penjagaan kesejahteraan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Pemeliharaan lima perkara ini dikenali sebagai Maqāsid Syariah, yang bererti: Objektif yang ingin dicapai Syarak Menurut Imam al-Shāfi'ī : Tujuan utama Allah menurunkan shari'at (aturan hukum) adalah untuk meraih kemaslahatan dan menghindari kemudaratan. Sila lihat: Al-Shāfi'ī, Al-Muwāfaqāt, (Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cetakan pertama, 1425H-2004), 220.

<sup>11</sup> Seksyen 46, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Berikutan daripada penyelidikan dan perbincangan ilmiah berkaitan gambaran ijtihad kontemporari, hal ini dapat dibuktikan bahawa keperluan kepada ijtihad kontemporari adalah besar dalam perundangan Islam pada masa kini. Tanpa penyelidikan, penelitian dan metode yang kukuh dalam berijtihad, fatwa yang dihasilkan tidak mampu memberi sebarang kesan terhadap pembangunan dan kepentingan ummah. Sekiranya tidak diberikan perhatian, maka padahnya adalah kepada masyarakat tempatan yang akan mengalami krisis keyakinan terhadap kredibiliti fatwa itu sendiri.<sup>12</sup> Bahkan fatwa tersebut tidak dilihat sebagai solusi terhadap pelbagai persoalan semasa yang berlaku khususnya kepada masyarakat Islam. Akhirnya jawapan fatwa tersebut kurang diyakini dan dipandang remeh, sementara institusi fatwa pula dilihat sebagai sebuah institusi yang tidak menggambarkan definisi institusi penyelidikan hukum.<sup>13</sup> Oleh itu, berdasarkan perbincangan ilmiah berkaitan ijtihad kontemporari yang dikemukakan, pengkaji ingin melihat realiti sebenar pengamalan ijtihad kontemporari ini dengan membuat kajian tentang sejauh manakah aplikasi ijtihad kontemporari digunapakai dalam proses penyediaan fatwa semasa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Melihat kepada keperluan ijtihad kontemporari dalam penyediaan fatwa yang begitu penting pada masa kini membuktikan perkembangan teknologi, sains, ekonomi dan sebagainya yang dialami oleh Malaysia sekarang telah menimbulkan banyak persoalan baru dalam pelbagai aspek bidang kehidupan. Perkara ini menjadikan fatwa berkembang selari dengan perkembangan isu dalam masyarakat. Semakin maju dan berkembang sesebuah masyarakat, semakin aktif aktiviti penyelidikan institusi fatwa

---

<sup>12</sup> Mohd Marbawi Taha, "Pendekatan Ijtihad", 4

<sup>13</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 15.

kerana ia menjadi alat utama dan medium terpenting untuk berhadapan dengan tuntutan keperluan masyarakat. Sesuatu fatwa yang diputuskan seharusnya tidak bertentangan dengan kemaslahatan agama. Oleh itu, institusi fatwa di setiap negeri serta Majlis Fatwa Kebangsaan perlu memikul tanggungjawab menjamin kesesuaian hukum yang dikeluarkan adalah bertepatan dengan *maqāṣid* syariah. Keberkesanan atau autoriti sesuatu fatwa yang dikeluarkan adalah bergantung kepada para mufti dan jawatankuasa fatwa.

Dalam perundangan fatwa di negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ada memperuntukan undang-undang yang jelas bahawa seorang mufti atau jawatankuasa fatwa boleh mengikut *qawl* yang muktamad dari mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali sekiranya mengikut *qawl* yang muktamad dari mazhab Syafi boleh membawa kepada keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam.<sup>14</sup> Peruntukan ini memperlihatkan bahawa terdapat kaedah yang lebih luas diberi kepada jawatankuasa fatwa untuk mengambil pandangan hukum dari mana-mana mazhab yang sunni dan pandangan di luar dari empat mazhab tersebut. Walaubagaimanapun, masih terdapat rungutan dan aduan daripada masyarakat mengenai kelemahan fatwa yang diputuskan kebanyakannya berdasarkan fiqh dan metodologi mazhab Syafi sahaja.<sup>15</sup>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 sebenarnya telah memperuntukkan berkaitan pelaksanaan ijtihad *jam'i* di peringkat jawatankuasa negeri Selangor. Keahlian sekumpulan pakar agama yang berkeelayakan boleh dilantik

---

<sup>14</sup> Seksyen 54(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>15</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, dan Nor Hayati Mohd Dahlal, "Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia", *Jurnal Syariah* 17 no. 1 (2009), 201. ; Ahmad Hidayat Buang, *Fatwa di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 106 ; Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

bagi membantu mufti dalam mengeluarkan fatwa secara kolektif.<sup>16</sup> *Ijtihad j m , i* dari kalangan mereka yang berbeza-beza kepakaran sudah pasti akan membantu mempercepat masa untuk mendapatkan suatu fatwa yang kukuh dan menyeluruh. Walaupun terdapat peruntukan yang membenarkan para mufti merujuk kepada pakar-pakar luar, tetapi terdapat beberapa kajian dan penulisan yang menyatakan bahawa ianya jarang dilakukan kerana bentuk perbincangan penyelidikan fatwa hanya berbentuk perbincangan dalaman antara Jawatankuasa Fatwa sahaja dan faktor kekurangan peruntukan kewangan.<sup>17</sup> Pengkaji turut terfikir untuk melihat sama ada pengamalan *ijtihad j m , i* ini diaplikasi dalam penyelidikan fatwa khususnya di institusi fatwa itu sendiri dalam mendepani isu yang pelbagai masa kini.

Selain itu, masih terdapat fatwa hangat dan polemik yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Syariah adalah bertentangan dengan fatwa kebangsaan dan beberapa negeri yang lain. Perkara ini telah menjadi topik perbualan, persoalan dan dilema oleh masyarakat mengenai keberkesanan dan autoritinya. Sebagai contoh, fatwa Selangor yang dikatakan bertentangan dengan kemaslahatan masyarakat boleh dilihat dalam fatwa pengharaman ASB (Skim Amanah Saham Bumiputera) oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan ianya bertentangan dengan fatwa yang diputuskan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu hukum melabur dalam ASB adalah harus.<sup>18</sup> Pengkaji melihat bahawa sekiranya sesuatu perkara itu membabitkan isu bersifat kebangsaan, isu itu akan dibincang semula ke peringkat negeri dan kebiasaannya jarang sekali timbul

---

<sup>16</sup> Seksyen 46, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>17</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010", 66 ; Rahimin Affandi Abd Rahimin, *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*, 202.

<sup>18</sup> Pada April 2017, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor membuat penilaian semula hukum (kali kedua) setelah keputusan penilaian semula kali pertama (2011) yang menjadi polemik. Pelaburan ASN dan ASB dan Fatwa Negeri Selangor telah berubah dimana Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan bahawa HARUS melabur dengan menggunakan pendekatan *m q sidi* yang meraikan *maşlahah* amah dengan meletakkan beberapa syarat dalam pelaburan tersebut.

percanggahan mengenainya. Walaubagaimanapun terdapat pergecualian bagi fatwa ASB yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, adalah apabila isu atau persoalan yang berlaku menyentuh kepentingan nasional, maka keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum sebarang fatwa diputuskan oleh pihak negeri kerana ia dapat mewujudkan penyelarasan hukum hakam yang dikeluarkan di Malaysia.<sup>19</sup> Pada pandangan pengkaji, keputusan keharusan dalam pelaburan ASN dan ASB yang dikeluarkan oleh MFK adalah berdasarkan *ijtihad j m , i* dan persetujuan semua ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada para mufti setiap negeri, alim ulama' dan pakar dalam bidang ekonomi Islam. Selain itu juga, MFK dalam berijtihad menghasilkan sesuatu fatwa, mereka telah mengambilkira sosio-realiti masyarakat Malaysia, pendekatan *m q şidi*, ketidakterikatan terhadap pandangan mazhab Sy fi sahaja<sup>20</sup> dalam memutuskan fatwa ini. Hal ini menunjukkan bahawa elemen ijtihad kontemporari ini telah digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan begitu juga dengan fatwa ASB yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa bagi negeri-negeri yang lain.

Persoalan yang timbul di sini adalah adakah fatwa Negeri Selangor ini mengambilkira pendekatan ijtihad kontemporari dalam penyediaan sesuatu fatwa dan sejauh manakah pendekatan ijtihad kontemporari seperti dinyatakan dalam latar belakang kajian pengkaji di atas digunapakai dalam menyelesaikan persoalan-persoalan isu semasa tersebut. Terdapat juga persoalan yang timbul sama ada mekanisme ijtihad kontemporari yang diperbincangkan ini mampu menjawab persoalan dan kekeliruan

---

<sup>19</sup> Seksyen 52, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>20</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

masyarakat. Kajian ini turut menfokuskan konsep dan pendekatan ijtihad kontemporari yang disarankan atau digambarkan oleh para sarjana dan intelektual Islam dalam menyumbang kepada penyelidikan fatwa semasa kerana istilah ijtihad kontemporari bagi pandangan pengkaji adalah masih kurang didengari dalam masyarakat sebagai satu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan fatwa. Istilah ini mungkin kerap digunakan dalam perbincangan metodologi berfatwa oleh para sarjana Islam atau intelektual Islam pada hari ini<sup>21</sup> tetapi masih lagi kurang diperincikan dalam bentuk penulisan yang jelas dan khusus mengenai istilah dan konsep pendekatan ijtihad kontemporari itu sendiri.

Untuk merealisasikan objektif kajian ini, pengkaji akan menilai pelbagai aspek yang berkaitan dengan merujuk peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, pentadbiran JMNS, proses penyelidikan dan penyediaan fatwa semasa, metode-metode yang digunakan dan analisis beberapa fatwa-fatwa semasa yang dipilih. Sekiranya pendekatan ijtihad kontemporari digunapakai, maka adalah penting bagi penyelidikan ini mengenal pasti metodologi dan pendekatan yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam mengeluarkan fatwa. Untuk tujuan tersebut, beberapa fatwa semasa dipilih dan akan dianalisis dengan lebih teliti mengenai aplikasi ijtihad kontemporari, bentuk-bentuk ijtihad kontemporari yang diimplimentasi, dan asas pertimbangan Jawatankuasa Fatwa ini dalam mengeluarkan sesuatu fatwa semasa tersebut.

---

<sup>21</sup> Muhamamad Ikhlas Rosele et al , “Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia”, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, no. 13 (2016), 55.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif iaitu:

1. Menjelaskan konsep dan pendekatan ijtiḥad kontemporari.
2. Mengkaji pendekatan ijtiḥad kontemporari yang digunapakai dalam penyelidikan fatwa semasa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
3. Menganalisis aplikasi ijtiḥad kontemporari dalam fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dari tahun 2009 sehingga 2013.

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Berdasarkan pengamatan dan penelitian pengkaji melalui kajian-kajian sebelum ini, terdapat banyak kajian yang telah menggambarkan keperluan ijtiḥad kontemporari dalam penyediaan fatwa semasa yang penting dalam perundangan Islam pada zaman kini. Malah pendekatan ini perlu diaplikasi oleh para mufti dan institusi fatwa turut ditekankan. Oleh itu, terdapat beberapa kepentingan yang menjadi pokok dan dasar bagi pemilihan kajian ini.

1. Hasil dari penyelidikan dan kajian ini dapat menjelaskan sejauh manakah aplikasi ijtiḥad kontemporari yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Negeri Selangor dalam memberi jawapan fatwa semasa dan bagaimanakah pendekatan ijtiḥad kontemporari ini boleh dicapai dalam amalan yang berlaku di negeri Selangor.
2. Membolehkan kefahaman yang mendalam mengenai peranan dan kepentingan pendekatan ijtiḥad kontemporari dalam sesuatu penyelidikan dan penyediaan fatwa semasa berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, perbincangan ilmiah ahli akademik, pandangan para sarjana Islam, kajian lapangan di institusi fatwa dan menganalisis fatwa-fatwa semasa dengan menfokuskan kepada fatwa Negeri Selangor.

3. Walaupun terdapat banyak perbincangan mengenai pendekatan ijtihad kontemporari ini dibincangkan, akan tetapi penulisan khusus yang menggunakan istilah ijtihad kontemporari dan disusun dalam penyelidikan akademik ini pada pemerhatian pengkaji masih belum kerap digunakan. Oleh itu, pada pandangan pengkaji, kajian ini sedikit sebanyak boleh membuktikan bagaimana pendekatan semasa dalam berijtihad perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berotoriti dalam memberi jawapan hukum kepada masyarakat dan bagaimanakah pendekatan tersebut boleh dicapai dalam amalan yang berlaku di negara kita.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Skop kajian pengkaji adalah menfokuskan kepada:

1. Fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bermula dari tahun 2009 hingga 2013. Dalam tempoh 5 tahun tersebut, terdapat beberapa fatwa yang telah menjadi polemik, konflik dan mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan.<sup>22</sup> Oleh yang demikian, dengan skop yang jelas kepada 5 tahun tersebut, ianya boleh menjawab objektif pengkaji untuk menghuraikan dan menjelaskan pendekatan ijtihad kontemporari ini.
2. Institusi Fatwa Negeri Selangor iaitu dengan menfokuskan kepada Bahagian Fatwa di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Justifikasi pengkhususan kajian kepada negeri Selangor sahaja dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa faktor. Pengkaji memilih Selangor adalah kerana negeri ini mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, menjadi pusat pentadbiran, tumpuan penduduk dari pelbagai latar belakang kaum dan agama, pusat pendidikan, perniagaan dan

---

<sup>22</sup> Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

pembangunan.<sup>23</sup> Sinonimnya, isu-isu baharu, kompleks dan permasalahan sosial akan terjadi di negeri yang mempunyai kepesatan penduduk yang tinggi.<sup>24</sup> Faktor tersebut boleh mewujudkan pelbagai isu masalah dan kedinamikan perkembangan sosial yang menjadikan institusi ini sentiasa aktif dalam aktiviti penyelidikan fatwa mereka.<sup>25</sup>

## 1.7 SOROTON LITERATUR

Pada dasarnya, kajian yang berkaitan dengan ijihad dan fatwa semasa telah menjadi topik yang kerap dibincangkan oleh kebanyakan para sarjana Islam antarabangsa dan tempatan memandangkan kedua-dua perkara tersebut merupakan elemen utama dalam perundangan Islam khususnya dalam penyelidikan fatwa. Walaubagaimanapun, pengkaji akan mengulas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian pengkaji iaitu ijihad kontemporari. Oleh itu, untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang tajuk untuk disertasi pengkaji ini, pengkaji telah membuat penelitian daripada kajian-kajian terdahulu atau sebelum ini mengenai konsep ijihad kontemporari dan aplikasinya dalam penyelidikan fatwa semasa seperti berikut:

### Konsep Ijihad Kontemporari

Perbincangan berkenaan konsep dan pendekatan ijihad kontemporari merangkumi pelbagai bentuk pendekatan seperti ijihad *j m , i*, pengambilkiraan realiti semasa dengan melihat faktor perubahan zaman, masa dan tempat, penggunaan *takhayyur* dan *tl fīq*, dan menggunakan pendekatan *m q šid* syariah. Dari aspek takrif dan konsep ijihad kontemporari, istilah ini masih tidak lagi digunapakai oleh masyarakat biasa dan tiada takrif yang khusus, akan tetapi terdapat perbincangan dan penulisan telah

<sup>23</sup>“Wikipedia, ensiklopedia bebas”, dicapai 13 September 2018, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Selangor> ; “Teks Belanjawan 2016 Negeri Selangor”, dicapai 14 September 2018, <http://www.selangor.gov>.

<sup>24</sup> Abdul Samad Hadi, “Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan Kepelbagaian Proses ke Bentuk Perbandaran”, *Malaysian Journal of Environmental Management*, no 11(2) (2010), 26-27.

<sup>25</sup> *Ibid.*

dilakukan oleh ulama kontemporari, ahli akademik dan sebagainya Muhamamad Ikhlas Rosele<sup>26</sup> dan lain-lain mentakrifkan ijthid kontemporari sebagai ijthid baru, zaman sekarang atau moden dengan menggunakan istilah *l-ijthid al-mu'asir*.<sup>27</sup> Manakala Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin telah mendefinisikan ijthid kontemporari dengan mengemukakan definisi ijthid terlebih dahulu daripada al-Amid,<sup>28</sup> Ruqayyah Taha Jibir Al-, Alwani<sup>29</sup> dan menukulkan pandangan Yusuf al-Qaradawi<sup>30</sup> yang menyatakan bahawa ijthid pada masa kini mempunyai dua bentuk ijthid yang boleh diaplikasikan iaitu pertama, *l-ijthid al-intiqā'i* dan kedua, *l-ijthid al-inshā'i*. Mohd Anuar Ramli dan Mohamad Aizat Jamaludin dalam penulisannya memberi penekanan kepada bentuk ijthid yang kedua iaitu *ijthid inshā'i* untuk pendefinisian dan penjelasan berkenaan ijthid kontemporari.<sup>31</sup>

### **Ijthid kontemporari dalam Penyelidikan Fatwa Semasa**

Meskipun tiada takrifan yang khusus kepada istilah ijthid kontemporari ini, pengkaji melihat terdapat banyak kajian yang mengkhususkan pendekatan-pendekatan ijthid kontemporari yang perlu diberi penekanan dalam menghasilkan sesuatu fatwa dan hukum. Penyelidikan tentang pendekatan ijthid kontemporari seperti ijthid *jam'i* ada dibincangkan oleh Mohammad Hashim Kamali, Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin,<sup>32</sup> Nadirsyah Hosen,<sup>33</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan,<sup>34</sup> Hj. Mohd

<sup>26</sup> Muhamamad Ikhlas Rosele et al., "Pendekatan Ijthid Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, no. 13 (2016).

<sup>27</sup> Doniach, N. S. (ed.), *The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage*, (London :Oxford University Press, 1972), dan lihat juga Osman Khalid, et al. (eds.), *Kamus Besar Arab-Melayu Diwan*, (Selangor : DAWAMA Sdn. Bhd, 2006).

<sup>28</sup> Al-Amid, *al-Ihkām fī Ushūl al-Fiqh*, (Kaherah: Muassasah al-Halab, t.t)

<sup>29</sup> Ruqayyah Taha Jibir Al-, Alwani, *al-Ijthid al-Mu'asir*, (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2003)

<sup>30</sup> Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijthid fī al-Syār'ih al-Islāmiyyah*, (Kuwait: Dar al-Qalam, 1985)

<sup>31</sup> Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Aplikasi Ijthid Kontemporari Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa", dalam *Dimensi Kontemporari Dalam Pengajian Islam*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff et al., (Kuala Lumpur: APIUM, 2012).

<sup>32</sup> *Ibid.*

Murat bin Md Aris,<sup>35</sup> dan Mohd Marbawi Bin Taha.<sup>36</sup> Hasil kajian mereka mencadangkan kepada mufti, mujtahid dan institusi fatwa bahawa penyelesaian hukum secara kolektif (ijtihad *j m , i*) dalam penyelesaian hukum atau penyelidikan berfatwa adalah lebih baik. Menurut Mohammad Hashim Kamali lagi,<sup>37</sup> pemakaian ijtihad *j m , i* dalam penyediaan fatwa semasa adalah menjadi suatu keperluan dengan penglibatan ahli akademik dari pelbagai bidang dalam penyelidikan fatwa. Aznan Hasan dalam artikelnya telah memetik definisi yang diberikan oleh al-Attar iaitu ijtihad *j m , i* adalah suatu persetujuan melebihi seorang mujtahid dimana para mujtahid berusaha untuk menjawab permasalahan hukum daripada sumber yang relevan atau berautoriti dan tidak menghadkan kepada para mujtahid sahaja, akan tetapi juga kepada penyelidik-penyelidik dalam pelbagai bidang fiqh dan para sarjana Islam yang yang belum mencapai tahap mujtahid.<sup>38</sup> Rentetan daripada itu, Aznan Hasan dalam kajiannya membuat kesimpulan bahawa konsep ijtihad *j m , i* merupakan kaedah baru yang digunakan oleh ulama“ kontemporari para mufti dan pihak berautoriti sebagai respon dan jawapan hukum terhadap isu semasa. Tambahan lagi, pandangan oleh Aznan Hasan menyatakan bahawa ijtihad seperti ini lebih berdaya maju dan praktikal untuk pada masa kini daripada *ijm* “ klasik dan lebih diyakini daripada ijtihad perseorangan. Oleh itu, kajiannya merumuskan jawapan terhadap fatwa semasa harus dicapai melalui pendekatan ijtihad *j m , i* ini dan dicadangkan agar beberapa penambahbaikan kaedah

<sup>33</sup>Nadirsyah Hosen, “Behind the scenes: Fatwa of Majelis Ulama“ Indonesia (1975-199),” *Journal of Islamic Studies* 15, no.2. (2004), 79-94.

<sup>34</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, “Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini”, *Jurnal Syariah* 15, no.2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

<sup>35</sup>Hj Mohd Murat bin Md Aris, “Pengurusan Fatwa Di Singapura,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et al., (Nilai:Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 1109-125.

<sup>36</sup> Mohd Marbawi Bin Taha, “Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu” (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

<sup>37</sup> Mohammad Hashim Kamali, “Methodological Issues in Islamic Jurisprudence”, *Arab Law Quarterly*, Vol 11, No 1 (1996), 3-33.

<sup>38</sup> Aznan Hasan, “An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihad Jama“i): Concept and Applications”, *The American Journal of Islamic Social Sciences* 20:2, 35-37. Lihat juga Al-,Attar, *l -T ,rif i l-Ijtih l- m ,i* 1:31.

ini perlu dibuat dari semasa ke semasa berhubung amalannya untuk memperbaiki sebarang kekurangan. Lanjutan itu, Raihanah Halid dalam kajiannya turut menegaskan berkenaan kepentingan merujuk pandangan pakar atau orang yang lebih arif berkaitan sesuatu bidang itu sebagai salah satu dari kaedah penyelidikan berfatwa dengan menghuraikan pengamalannya dalam penyelidikan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Singapura.<sup>39</sup>

Selain pendekatan *ijtihad j m , i*, beberapa pendekatan *ijtihad* kontemporari yang lain seperti pengambilkiraan realiti semasa dan pendekatan *maq ş id* Syariah juga merupakan pendekatan yang penting dalam penyelidikan fatwa.<sup>40</sup> Adat setempat, kemajuan sains dan teknologi, pendekatan *maq ş id* syariah mempunyai pengaruh dalam menentukan hukum dan jawapan fatwa kepada masyarakat. Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid menjelaskan bahawa menjadi satu keperluan bagi para mufti dalam menilai sesuatu isu dan masalah dengan mengambilkira perubahan dan perkembangan realiti semasa yang berlaku kepada masyarakat di sekelilingnya sebagai input fatwa.<sup>41</sup> Perkara ini turut ditegaskan dalam penulisan daripada Zulkipli Abd. Ghani yang menyatakan perkara yang sama bahawa mengambilkira perkembangan sains dan teknologi ini diperlukan sebagai salah satu daripada sumber dalam kaedah berfatwa dalam konteks semasa.<sup>42</sup> Selain itu, pendekatan mengambilkira realiti semasa ini juga telah banyak dibincangkan dalam penulisan buku yang bertajuk *Hukum Islam semasa Bagi*

---

<sup>39</sup> Raihanah Halid, "The Fatawa Issued By The Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study"(Tesis Kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,2008).

<sup>40</sup> Mohd Faez Bin Mohd Shah Dan Noor Naemah Bt Abdul Rahman, "Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, (2015). Lihat juga Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa :Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2013)

<sup>41</sup> Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, "Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa," dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et al, (Nilai:Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 177-190.

<sup>42</sup> Zulkipli Abd Ghani, "Teknologi Malumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, 148.

Masyarakat Malaysia Yang Membangun.<sup>43</sup> Daripada penulisan Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid,<sup>44</sup> Abd Karim Ali,<sup>45</sup> dan Hasan Hj Ahmad,<sup>46</sup> rumusan yang dapat dibuat dalam kajian para pengkaji ini adalah terarah kepada satu kesimpulan iaitu perlunya ada kaedah berfatwa dalam kerangka ijihad kontemporari seperti pendekatan *maqāṣid* dan pengambilkiraan realiti semasa seperti unsur-unsur lokaliti dan zaman bagi memastikan hukum-hukum ini berkembang seiring dengan peredaran zaman. Dengan membentangkan latar belakang dilema yang dihadapi fatwa hukum masa kini, kajian mereka ini cuba membetulkan persepsi bahawa fatwa-fatwa tidak harus kekal merujuk kepada realiti masyarakat arab klasik sahaja atau bersifat *taqlīd* semata-mata. Hasil penulisan-penulisan di atas merupakan simbol kepada proses *tajdīd* yang sedang berlaku dalam pembinaan fatwa semasa di Malaysia. Begitu juga kajian Azri Bhari dan Luqman Abdullah berkaitan fatwa permasalahan zakat menyimpulkan bahawa dalam menyelesaikan senario fatwa zakat, pendekatan *maqāṣid* syariah ini sangat penting dengan mempertimbangkan *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Hal ini kerana, senario zakat adalah berbeza mengikut tempat dan lokaliti masyarakat, pengambilkiraan realiti semasa juga perlu dilihat sebagai salah satu pendekatan untuk menjawab hukum yang menjadi isu semasa.<sup>47</sup> Pendekatan ini juga menjadi fokus kajian Ab. Mumin Ab. Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah<sup>48</sup> dan Siti Fatimah Binti Salleh.<sup>49</sup> yang turut menjelaskan kepentingan pengambilkiraan „urf, faktor perubahan sosial dalam

<sup>43</sup> Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari, *Hukum Islam semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999).

<sup>44</sup> Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, 1-12 .

<sup>45</sup> Abd Karim Ali, "Pengambilkiraan Nilai semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, 55-60 .

<sup>46</sup> Hasan Hj Ahmad, "Maqāṣid Shari'ah : Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, 61-73.

<sup>47</sup> Azri Bhari dan Luqman Abdullah, "Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia: Perspektif Maqāṣid Syariah", *Jurnal Fiqh*, No. 13 (2016).

<sup>48</sup> Ab Mumin Ab Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Mu'āmalat", *Jurnal Syariah*, 16, 2, (2008)

<sup>49</sup> Siti Fatimah Binti Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015)

perkembangan fiqh muamalat dan fiqh wanita yang mana menjadi salah satu pendekatan yang baik dalam kerangka ijtihad kontemporari.

Penggunaan *ta'liq* dan *takhayyur* juga turut diberi penekanan dalam perkembangan dan penyelidikan hukum semasa. Menurut Abdullah @ Alwi Haji Hassan peranan ijtihad melalui pendekatan *al-takhayyur* dan *al-ta'liq* merupakan suatu mekanisme ijtihad dalam pengharmonian undang-undang.<sup>50</sup> Realiti pengamalannya di Malaysia boleh dilihat dalam penulisan Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli yang membincangkan penyelesaian terhadap konflik fatwa dan cadangan kepada mengharmonisasinya di Malaysia.<sup>51</sup> Kajian ini menyentuh tentang keterikatan pandangan mazhab Sy fi", sedangkan peruntukan undang-undang setiap negeri memberi ruang dalam pengamalan pendekatan ijtihad kontemporari seperti pengamalan *ta'liq* dan *takhayyur*. Secara dasarnya, peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri memperlihatkan keterbukaan ijtihad dan anjakan dalam amalan berfatwa.<sup>52</sup> Laluan yang lebih luas diberi kepada jawatankuasa fatwa untuk mengambil pandangan hukum dari mana-mana mazhab yang sunni dan mana-mana pandangan di luar dari empat mazhab.<sup>53</sup> Noor Naemah Abd. Rahman turut menjelaskan bahawa peruntukan tersebut membuktikan keterbukaan dan ruang yang diberikan kepada para mufti dalam pemilihan mazhab ketika menjalankan penyelidikan fatwa. Walaupun pandangan mazhab Sy fi menjadi doktrin yang mengikat amalan fatwa di seluruh negeri di

---

<sup>50</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini" *urn l S r i h* 15, no.2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

<sup>51</sup> Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah, Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli, "Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal", *Jurnal Fiqh* 10, No. 10(2013) 31-56.

<sup>52</sup> Saadan Man, "Pattern of Contemporary Ijtihad in Malaysia: Analysis on Fatwa of Malaysian National Fatwa Council," *International Journal of Social Science and Human Behaviour Study*, Volume 1, issue 3 (2014).

<sup>53</sup> Noor Naemah Abd Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah* 10 No. 2(2002) 19-30. Lihat juga Noor Naemah Abd. Rahman, "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih," *Jurnal Fiqh*, No. 4 (2007).

Malaysia (kecuali Negeri Perlis), terdapat peruntukan yang jelas di dalam enakmen pentadbiran di semua negeri yang menyatakan ruang untuk tidak terikat dengan mazhab Sy fi sahaja di dalam situasi yang tertentu.<sup>54</sup> Hal ini membuktikan bahawa pentadbiran fatwa di Malaysia sebenarnya sentiasa menitikberatkan faktor kemaslahatan sebagai asas utama dalam penyelidikan dan penentuan fatwa. Seterusnya Ahmad Hidayat Buang dalam kajiannya yang menganalisis beberapa fatwa semasa telah merumuskan bahawa pandangan mazhab Sy fi telah tidak diikuti (tidak terikat semata-mata) dalam fatwa tertentu dan penggunaan pendapat mazhab lain menjadi pilihan bagi menyelesaikan persoalan-persoalan semasa umat Islam.<sup>55</sup> Kajian beliau menjelaskan bahawa fatwa-fatwa di Malaysia mempunyai ruang yang agak luas dalam menggunakan pandangan mazhab yang lain daripada mazhab Sy fi. Rentetan daripada itu, jawapan fatwa yang diputuskan menunjukkan pengamalan pendekatan ijtihad kontemporari dengan kaedah *takhayyur* dan *tlfiq* secara tidak langsung.

Tambahan lagi, terdapat kajian yang merumuskan bahawa penggunaan kaedah *tlfiq* di Malaysia adalah diterima dengan rasmi sebagai pilihan kedua selepas berusaha berpegang dengan pandangan mazhab Sy fi. Melalui penelitian pengkaji, pemakaian *tlfiq* sebenarnya telah diaplikasi dengan begitu meluas dalam isu-isu atau permasalahan hukum berkaitan dengan sektor perbankan, permodalan dan kewangan Islam di Malaysia.<sup>56</sup> Perkara ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Hafiz Bin Jamaludin<sup>57</sup> dan Maszlee bin Malik<sup>58</sup> yang menfokuskan kepentingan penggunaan kaedah *tlfiq* dalam realiti masyarakat pada masa kini sebagai kaedah penyelesaian

<sup>54</sup> Sekyen 54 (1)(2) dan (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

<sup>55</sup> Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil 10, Bil. 1, (2002), 39-52.

<sup>56</sup> Mustafa Shamsuddin, "Talf q: Sejauhmanakah Pengamalannya di Malaysia", (Seminar Pemahaman Empat Mazhab, anjuran Jabatan Agama Islam Perak (JAIP). 3.

<sup>57</sup> Mohd Hafiz Bin Jamaludin, "Aplikasi Talf q Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016)

<sup>58</sup> Maszlee bin Malik, "Hukum Talf q dalam Muamalat: Kajian terhadap " *l-u r h h li al-mīr i l-Sīra* di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004)

terbaik khususnya dalam bidang kewangan Islam.

Berdasarkan kepada semua ulasan kajian di atas, pengkaji berpendapat bahawa penyelidikan ilmiah berkaitan konsep ijtihad kontemporari dan aplikasinya dalam penyelidikan fatwa ada diperbincangkan dan digambarkan oleh ahli akademik luar dan dalam Malaysia. Walaubagaimanapun, pengkaji melihat belum ada kajian yang lebih khusus mengenai sejauhmanakah aplikasi ijtihad kontemporari ini yang menfokuskan kepada kajian lapangan di institusi fatwa seperti di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kebanyakan penulisan dan kajian lepas membincangkan secara umum tanpa menfokuskan kepada mana-mana institusi fatwa.<sup>59</sup> Oleh itu, ia memberikan keyakinan kepada pengkaji untuk membuat kajian berkenaan aplikasi ijtihad kontemporari bagi memberi gambaran keterbukaan para mufti dan jawatankuasa fatwa ketika menyelesaikan dan mendepani segala permasalahan atau isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam di negara ini dengan mengkhususkan latar belakang Negeri Selangor dan fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri tersebut.

## 1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Secara umumnya kajian ini adalah bersifat pendekatan kualitatif. Sinonimnya, penyelidikan kualitatif bermaksud sebarang bentuk penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.<sup>60</sup> Pengkaji telah menetapkan beberapa kaedah yang dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan data-data maklumat yang sangat diperlukan untuk membentuk kajian ini dan membuat analisis terhadap data yang telah dikumpulkan.

---

<sup>59</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal, “ Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah* 17, no 1 (2009).

<sup>60</sup> Strauss, A. & Corbin, J., *Basic of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*, (Newbury Park : Sage, 1998), 17.

### 1.8.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Dalam proses pengumpulan data terhadap kajian kualitatif ini, pengkaji akan bergantung kepada beberapa kaedah. Antaranya:

#### a) Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kajian bagi pengkaji mengumpulkan maklumat dan bahan yang bersifat teori atau fakta sama ada ia berbentuk dokumen, bahan-bahan visual, cetakan, video atau audio. Untuk memenuhi objektif kajian, pengumpulan data yang paling utama adalah melakukan kajian kepustakaan. Kaedah ini sangat penting dalam sesebuah kajian khususnya bagi memperolehi data dalam bentuk terbitan buku, jurnal akademik, tesis, disertasi, koleksi persidangan dan kertas kerja seminar, artikel majalah dan sebagainya. Sumber-sumber ini penting untuk memperkukuhkan ilmu pengetahuan pengkaji tentang fakta dan teori bagi tajuk disertasi ini. Untuk mendapatkan dan menghuraikan konsep fatwa, ijtihad dan mufti, bahan-bahan rujukan pengkaji merupakan kitab-kitab fiqh bagi empat mazhab terkemuka iaitu Mazhab Syafi'i, Hanafi, Hanbali dan Maliki, kesemua mazhab diteliti bagi melihat pendapat dan pandangan pelbagai mazhab. Rujukan terhadap ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah serta tafsir al-Quran dan *sharh al-hikmah* juga dilakukan. Pengkaji juga merujuk tafsiran daripada penulisan ilmiah yang lain untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam mengenai pandangan dari pelbagai mazhab ini.

Selain itu, rujukan terhadap penulisan akademik dari ilmuan-ilmuan kontemporari dan ahli akademik dalam bidang metodologi fatwa, perkembangan fatwa dan ijtihad turut dirujuk oleh pengkaji. Ini adalah untuk memenuhi keperluan bab kedua kajian yang digunakan sepenuhnya bagi menghuraikan secara terperinci fakta dan teori-teori berkaitan dengan fatwa, ijtihad, mufti, pendekatan ijtihad kontemporari, perkembangan fatwa semasa dan penyelidikan fatwa, pentadbiran institusi fatwa,

peruntukan undang-undang yang berkaitan dan metodologi penyelidikan yang digunakan dalam fatwa semasa. Justeru itu, pengkaji telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul data yang berkenaan.<sup>61</sup> Pengkaji juga merujuk kepada artikel-artikel jurnal, buku, kertas kerja persidangan, laman sesawang rasmi, penulisan yang tidak diterbitkan, untuk memenuhi keperluan bab kedua, ketiga dan keempat yang membantu pengkaji dalam kefahaman konsep dan aplikasi ijtihad kontemporari sejurus dapat memandu pengkaji menganalisis data kajian dengan lebih baik. Rujukan laman sesawang juga membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang kajian ini. Hal ini kerana, tidak semua bahan rujukan boleh didapati di perpustakaan sahaja kerana sumber yang agak terhad dan terdapat beberapa maklumat penting yang memerlukan akses kepada laman sesawang.<sup>62</sup>

Pengumpulan data melalui kaedah kajian kepustakaan juga digunakan untuk memperolehi data atau maklumat seperti bahan-bahan bertulis yang terpelihara (*privacy*) bagi sesuatu organisasi atau jabatan seperti surat-surat rasmi, enakmen, prosedur, warta, pekeliling, kertas kerja, minit mesyuarat, dokumen rasmi dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji telah mengunjungi Jabatan Mufti Selangor, khususnya bahagian Fatwa untuk mendapatkan segala data dan maklumat rasmi yang berkaitan dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor termasuk minit mesyuarat, laporan tahunan, kertas kerja bagi proses pematwaan, koleksi fatwa-fatwa yang diputuskan mengikut tahun dan prosedur penyediaan dan pengeluaran fatwa serta dokumen-dokumen rasmi yang berkaitan. Kaedah ini akan digunakan dalam bab yang ketiga di mana fakta ini digunakan untuk menghuraikan

---

<sup>61</sup>Perpustakaan yang dipilih oleh pengkaji adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.

<sup>62</sup> Antara laman sesawang utama yang dilayari, [www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my) – Laman sesawang rasmi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, JAKIM, [infad.usim.edu.my](http://infad.usim.edu.my) – Laman sesawang rasmi Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, <http://www.muftiselangor.gov.my/> - Laman sesawang rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor.

mengenai keanggotaan jawatankuasa fatwa, pentadbiran fatwa, prosedur dan metodologi penyelidikan fatwa yang dipraktikkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Seterusnya, untuk memenuhi keperluan bab ketiga dan keempat khususnya, pengkaji telah mengumpul data-data primer dokumentasi kertas kerja penyelidikan fatwa di Pejabat Mufti Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh Bahagian Fatwa. Pemilihan dokumen kertas kerja penyelidikan fatwa adalah menggunakan kaedah persampelan tak kebarangkalian<sup>63</sup> yang berdasarkan persampelan tujuan atau purposif<sup>64</sup> iaitu (16 fatwa dirujuk dan dianalisis daripada jumlah 139 fatwa dari tahun 2009-2013) untuk memenuhi keperluan bab ketiga manakala daripada 16 fatwa tersebut, pengkaji telah memilih 5 fatwa semasa yang memenuhi skop kajian dan justifikasi pengkaji untuk memenuhi keperluan analisis di bab keempat. Kaedah carian kertas kerja tersebut adalah melalui sistem pemfailan nombor mengikut tahun dan minit mesyuarat yang telah dijalankan. Rujukan 5 kertas kerja penyelidikan fatwa semasa yang terpilih akan dianalisis di bab keempat adalah berdasarkan justifikasi tempoh 2009 hingga 2013 yang mempunyai kes yang menjadi polemik, bersifat kritikal dan mengambil masa yang lama untuk dikendalikan mewakili bidang yang dikategorikan seperti syariah, akidah dan mua'malat. Justifikasi pemilihan fatwa-fatwa dalam tempoh berkenaan adalah untuk melihat perkembangan penyelidikan fatwa dan pendekatan ijtihad kontemporari.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup> Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, R Zirwatul, Aida R Ibrahim, " *etodologi Penyelidikan Sosiol* " (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2018), 45-46. Prosedur persampelan jenis bukan kebarangkalian lazimnya digunapakai oleh pengkaji dalam penyelidikan bersifat kualitatif. Persampelan bukan kebarangkalian melibatkan pemilihan sampel daripada suatu populasi yang telah dikenalpasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

<sup>64</sup> *Ibid.* Persampelan tujuan atau *purposive sampling* merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji.

<sup>65</sup> Rujuk justifikasi 5 sampel pemilihan fatwa semasa di bab keempat di halaman 115-117.

## **b) Kajian Lapangan**

Selain menggunakan kaedah kajian kepustakaan, pengkaji juga menggunakan kajian lapangan seperti kaedah temu bual. Kaedah ini digunakan untuk mengukuhkan lagi analisis kajian pengkaji.

### **i) Kaedah Temu Bual**

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji dalam bab ketiga, empat dan lima untuk memperolehi input yang lebih tepat dan terperinci di samping dapat mengukuhkan fakta-fakta yang dinyatakan dalam analisis kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menemubual individu-individu yang terlibat secara langsung mengenai tajuk kajian pengkaji mengenai pentadbiran institusi fatwa, ahli jawatankuasa fatwa, proses penyelidikan fatwa, konsep ijtihad kontemporari, sejauh manakah pengambilkiraan aplikasi ijtihad kontemporari dalam menyelesaikan sesuatu fatwa semasa, keputusan fatwa-fatwa semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kaedah temu bual adalah penting untuk menyempurnakan kajian ini, kerana pengkaji memerlukan kefahaman yang terperinci, benar dan mendalam dari segi metode penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, proses pengeluaran fatwa, pengamalan ijtihad kontemporari yang diaplikasi, perjalanan penyelidikan fatwa dalam mesyuarat jawatankuasa dan implikasinya. Setelah temu bual dijalankan, hasil temu bual tersebut akan dianalisis untuk mendapatkan tafsiran dan kesimpulan berdasarkan objektif yang ditetapkan. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah memaklumkan kepada penemubual bahawa nama mereka akan dinyatakan dalam disertasi ini sebagai rujukan pengkaji.

Oleh yang demikian, untuk memastikan kaedah temu bual ini dijalankan dengan lebih sistematik, beberapa langkah dilakukan antaranya:

- i. Bagi memastikan perjalanan temu bual ini berjalan dengan lancar, pengkaji mengatitkan temujanji terlebih dahulu dengan pegawai yang terlibat, antaranya Mufti, Timbalan Mufti dan beberapa pegawai di Bahagian Fatwa yang terlibat dalam penyelidikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.
- ii. Pengkaji telah mengadakan temu bual ini kepada dua sesi iaitu sesi pengenalan yang menjelaskan tujuan kajian ini dilakukan dan sesi temu bual sebenar yang lebih serius dan fokus kepada objektif kajian yang dibuat.
- iii. Pengkaji memilih kaedah temu bual berstruktur (soalan yang telah ditetapkan) dan tidak berstruktur (soalan yang ditanya hasil daripada jawapan yang diberikan oleh pihak yang ditemu bual terhadap soalan sebelumnya). Pengkaji telah menemubual Ustaz Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor) untuk mendapatkan data sokongan ke atas kajian perpustakaan yang dilakukan khususnya dalam kertas kerja penyelidikan fatwa yang dirujuk pengkaji. Manakala temu bual secara bertulis dilakukan terhadap Ustaz Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor). Temu bual secara bertulis ini dilakukan dengan kaedah mengemail satu set soalan dalam bentuk fail *word document* kepada beliau dan beliau menjawabnya terus di dalam soalan tersebut. Jawapan soalan ini dikembalikan kepada pengkaji melalui kaedah email juga.
- iv. Justifikasi pemilihan Ustaz Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor) dan Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor) adalah kerana pada ketika itu<sup>66</sup> Pihak Mufti (Sahibus Samahah Dato' Setia Haji

---

<sup>66</sup> Pengkaji telah mengumpul data dokumentasi dan menjalankan kajian lapangan di Jabatan Mufti Negeri Selangor dari tahun 2015 hingga awal tahun 2017. Pengkaji telah diberi keizinan mengakses perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Selangor oleh Pihak Mufti sendiri dan dibenarkan untuk mengumpul data primer

Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid) telah mewakilkan dua pegawai bagi pihak beliau untuk ditemu bual kerana Ustaz Khairiamri dan Ustaz Abdul Halim Hapiz mempunyai kelayakan dalam bidang yang dikehendaki pengkaji.

Sesi temu bual telah dijalankan bersama dua pegawai iaitu:

- (1) Abdul Halem Hapiz b. Salihin  
Jawatan : Ketua Penolong Mufti,  
Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor  
Tarikh/masa : 4 Disember 2016 /11.00 pagi  
12 April 2017/ 10.30 pagi
- (2) Khairiamri b. Ahmad  
Jawatan : Penolong Mufti (Buhuth)  
Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor  
Tarikh/masa : 4 Disember 2016 /12.00 pagi  
: 2 March 2017 / 10.00 pagi

### **1.8.2 METODE ANALISIS DATA**

Peringkat seterusnya selepas pengumpulan data adalah proses menganalisis data-data yang telah dikumpul. Pengkaji akan menganalisis keseluruhan data kajian ini dan akan membuat kesimpulan untuk setiap bab dalam penulisan pengkaji. Data-data penting daripada bahan dokumentasi seperti kertas kerja dan laporan tahunan fatwa, data temu bual telah disusun untuk memudahkan penganalisaan pengkaji. Seterusnya pengkaji akan menggabungkan keseluruhan data dan meneliti hasil pengumpulan data bagi membuat rumusan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.

#### **a) Metode Induktif**

Melalui metode ini pengkaji akan menganalisis maklumat, teori dan data-data yang bersifat khusus yang dikumpul menerusi kaedah perpustakaan, kaedah temu bual dan

---

iaitu kertas kerja penyelidikan fatwa-fatwa di Negeri Selangor yang dipantau oleh Ustaz Khairiamri bin Ahmad.

bahan-bahan dokumentasi mengenai prosedur penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk dianalisis, ditafsir dan disimpulkan kepada satu rumusan yang umum berkenaan sejauhmanakah ijthad kontemporari yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa dalam menjawab kekeliruan hukum dan persoalan semasa melalui penyelidikan yang dijalankan. Hasil dapatan yang diperolehi akan dimuatkan dalam bab yang kedua dan ketiga dan keempat selari dengan objektif kajian. Oleh yang demikian, hasil daripada analisis ini boleh menjelaskan konsep ijthad kontemporari dan menghuraikan sama ada pendekatan ijthad kontemporari ini digunapakai atau tidak oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tersebut dalam proses penyelidikan fatwa melalui beberapa pemilihan fatwa semasa.

#### **b) Metode Deduktif**

Dengan menggunakan metode ini pengkaji akan menganalisis teori-teori dan perbincangan ilmiah secara terperinci berkenaan ijthad, fatwa dan ijthad kontemporari yang disarankan dan dibincangkan oleh para intelektual Islam dan proses penyelidikan fatwa sebelum disimpulkan kepada penemuan penting iaitu pendekatan ijthad kontemporari yang perlu diamalkan atau dipraktikkan dalam menjawab fatwa semasa. Oleh itu, hasil daripada dapatan ini boleh menjelaskan bahwa pengambilkiraan pendekatan ijthad kontemporari sangat penting dan perlu diambil perhatian dalam penyelidikan sesuatu fatwa semasa. Metode ini diaplikasikan di dalam bab dua.<sup>67</sup>

### **1.9 SUSUNAN PENULISAN**

Kajian ini akan dipecahkan kepada lima bab. Bab pertama terdiri daripada pendahuluan kajian, latar belakang kajian, soroton literatur dan metodologi penyelidikan sebagai asas kepada penyelidikan ini. Seterusnya, dalam bab yang kedua pula akan dibincangkan

---

<sup>67</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 101; Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 160-161.

berkaitan konsep kajian ini yang merangkumi definisi ijihad, fatwa, mufti, dan konsep aplikasi ijihad kontemporari dalam penetapan fatwa. Turut dibincangkan juga kepentingan ijihad kontemporari dalam menjalankan penyelidikan fatwa semasa.

Dalam bab yang ketiga, kajian ini akan memfokuskan kepada aplikasi ijihad kontemporari digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam proses menjawab persoalan hukum atau penyelidikan fatwa berdasarkan fatwa-fatwa yang diputuskan bermula dari tahun 2009 hingga 2013. Seterusnya, hasil dapatan dari kajian ini akan dimuatkan dalam bab yang ketiga dan keempat di mana analisis secara kritikal akan dilakukan terhadap lima sampel fatwa-fatwa bersifat semasa, kritikal dan popular yang telah dikategorikan mengikut bidang fatwa. Manakala bab yang terakhir, bab yang kelima akan menjelaskan rumusan dan cadangan yang rasional untuk penambaan kepada seluruh institusi fatwa Negeri Selangor terhadap penyelidikan fatwa yang dijalankan.

## BAB 2: IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA

### 2.1 PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai isu baharu timbul kesan perubahan sosial dalam masyarakat. Perubahan ini terjadi disebabkan perkembangan ekonomi, sains, perubatan, dan teknologi yang pesat. Pembinaan hukum dan fatwa berubah dan berbeza mengikut perubahan masa, tempat, keadaan, tradisi dan adat masyarakat. Faktor inilah yang menyebabkan fuqaha<sup>2</sup>, ulama<sup>2</sup> kontemporari, dan sarjana Islam menegaskan bahawa ijtiḥad dan fatwa mesti diperbaharui agar ia bersifat semasa dan tempatan serta meraikan *maṣlaḥah*. Penetapan sesuatu fatwa semasa semestinya bersandarkan kepada ijtiḥad atau penyelidikan yang teliti agar fatwa yang dikeluarkan lebih efektif dan diterima masyarakat. Justeru itu, satu garis panduan atau pembaharuan kepada ijtiḥad yang berbentuk kontemporari dalam penyelidikan fatwa harus diaplikasi oleh setiap mufti yang ingin menjawab permasalahan hukum dan memutuskan sesuatu fatwa agar jawapan atau fatwa yang diberikan benar-benar mengikut kehendak syarak dan meraikan keperluan masyarakat. Oleh itu, bab ini akan membincangkan mengenai konsep ijtiḥad, fatwa dan mufti. Selain itu, penulis akan menghuraikan perkembangan fatwa, isu semasa dan ijtiḥad, dan bentuk-bentuk pendekatan ijtiḥad kontemporari dalam pembinaan fatwa semasa.

## 2.2 KONSEP IJTIHAD, FATWA DAN MUFTI

### 2.2.1 Ijtihad

Perkataan ijtihad berasal daripada bahasa Arab. Ianya adalah kata nama terbitan (*masdar*) daripada *ijtihada-yajtahidu-ijtihtadan* yang membawa maksud menumpahkan segala kemampuan dan keupayaan dalam melakukan sesuatu.<sup>1</sup> Manakala perkataan asalnya adalah daripada جَاهَدَ (*jahada-yajhadu-jahdan*)<sup>2</sup> yang bermakna bersungguh-sungguh dan mengeluarkan daya usaha untuk mencapai tujuan.<sup>3</sup> Justeru itu, Ibnu Manzur menyatakan bahawa ijtihad mempunyai ciri-ciri seperti:

- i. Kesukaran atau kesusahan<sup>4</sup>
- ii. Bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara<sup>5</sup>

Ijtihad dari sudut istilah pula didefinisikan dengan pelbagai definisi berbeza. Definisi menurut *uṣūlī* *īn* seperti diungkapkan oleh al-Amid adalah bersungguh-sungguh dalam mencari dan menggali hukum syarak sehingga keadaan tidak mampu lagi melakukan lebih dari itu.<sup>6</sup> Imam al-Syafi telah mendefinisikan ijtihad dengan erti qiyas dan menjelaskan bahawa kedua-duanya mempunyai maksud yang sama.<sup>7</sup> Definisi ini dipersetujui oleh Abu „Ali Abu Hurairah *f qī ḥ* mazhab Syafi, <sup>8</sup> dan juga Abu Bakr al-Razi.<sup>9</sup> Berbeza pula dengan Imam al-Ghazal berpendapat bahawa ijtihad lebih umum daripada qiyas kerana ijtihad itu ialah curahan kemampuan seseorang mujtahid dalam

<sup>1</sup> Al-Ghalayin, Mustafa, *mi“ l- u r s l- , r i h*, (Beirut : Mansyurat al-Maktabah al-„Asriy h, 1986) Lihat juga Ahmad bin Muhammad bin „Ali al-Fayy mi, *al-Misbah al- u nīr*, (Beirut : Maktabah Lubnan, 1990), 44.

<sup>2</sup> Muhammad Idris al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi, (Mesir: Dar al-Fikr, 1354), 111.

<sup>3</sup> Ahmad Mokhtar „Umar, *u “ j m l-Lughat al- , r i h l- u “ šir h*, (Kaherah : „Alim al-Kutub, 2008)

<sup>4</sup> Ibnu Manzur, *is n l-Arab*, (Beirut: D r Ihya“ al-Turath al-„Arabi, 1993) 2:395; Muhammad bin Abu Bakr bin „Abd al-Qadir al-Razi, *u kht r l-Siḥah*, (Beirut: D r al-Kitab al-„Arabi“, 1967), 114

<sup>5</sup> Ibn Manzur, “ *is n l- r “* 395

<sup>6</sup> Ali Ibn Muhammad al-Amid, *l-Ihk m ī Us l l- hk m*, Jilid 4, (Riyad: Dar al-Sami“l, 2003), 197

<sup>7</sup> Muhammad bin Idris al-Shafi“ (t t), *l- is l h*, (Beirut: al-Maktabah al-„Ilmiyy h), 477

<sup>8</sup> „Alau al-Din „Abd al-„Aziz bin Ahmad al-Bukh r , *K shf l- sr r*, jilid 3, (Beirut: D r al-Kitab al-„Ar b i, 1974), 268

<sup>9</sup> Muhammad bin „Ali bin Muhammad al-Shawk n , *Irsh l- uh l il Taḥqīq l- qq min „Ilm l- Uṣ l* Beirut: D r al-Kut b al-„Ilmiyy h, 1994), 371

mencari sesuatu hukum.<sup>10</sup> Menurut al-Shawk ni, ijihad adalah menfokuskan segala kemampuan dan kudrat untuk menghasilkan hukum syarak yang bersifat praktikal (amali) melalui kaedah istinbat (kajian).<sup>11</sup> Al- mid dan al-Sh r z bersependapat apabila definisi yang diberikan oleh mereka adalah hasil ijihad adalah untuk mendapatkan hukum syarak Al- mid <sup>12</sup> mendefinisikan ijihad sebagai mengerahkan segala keupayaan dalam mendapatkan suatu (jawapan) hukum syarak secara zanni (sangkaan kuat) sehingga tahap tidak berkemampuan untuk melakukan melebihi keupayaan itu. Manakala al-Sh r z mentakrifkan ijihad sebagai mencurahkan segala keupayaan dan berusaha segala daya upaya dalam menghasilkan sebuah hukum syarak.<sup>13</sup>

Kesimpulannya, pengkaji melihat bahawa elemen penting yang perlu difahami daripada definisi ijihad ini ialah keupayaan, bersungguh-sungguh, usaha ataupun menggunakan tenaga untuk memahami dan mengeluarkan hukum syarak. Persamaan yang dapat dilihat berdasarkan pelbagai definisi ijihad di atas ialah dimulakan dengan mengerahkan dan mengeluarkan keupayaan dan kemampuan.<sup>14</sup> Ini menunjukkan bahawa ijihad yang tidak dilakukan dengan keupayaan yang bersungguh-sungguh tidak dianggap sebagai ijihad yang muktabar<sup>15</sup> di dalam disiplin ilmu usul fiqh.<sup>16</sup>

Sejarah menunjukkan bahawa ijihad memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan hukum Islam. Setelah Rasulullah wafat, para sahabat telah menghadapi masalah dalam menyelesaikan sesuatu hukum yang sebelum ini tidak

<sup>10</sup> Wahbah al-Zuhayl, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Jilid 2, (Damshiq: Dar al-Fikr, 2002), 327.

<sup>11</sup> Muhammad bin Ali Al-Shawk n, *Irshad al-fuhal il Tahaqqiq min Ilm al-Uşl*, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 250.

<sup>12</sup> Al-Am d, *Al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*, (Beirut : al-Maktab al-Islami), 4:162.

<sup>13</sup> Al-Shir z, *al-um*; (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah), 129.

<sup>14</sup> Muhamamad Ikhlas Rosele et al, "Pendekatan Ijihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, no. 13 (2016), 55.

<sup>15</sup> Definisi muktabar menurut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah terhormat dan terkenal.

<sup>16</sup> Lokmanulhakim Hussain, "Ijihad m "i dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia", Monograf INFAD Siri 1, (Nilai : INFAD USIM, 2013), 9.

pernah berlaku sepanjang Rasulullah masih hidup. Setiap persoalan hukum yang timbul atau disoal adalah wajib untuk diselesaikan.<sup>17</sup> Oleh itu, para sahabat mengambil langkah dan inisiatif untuk menjawab hukum baru dengan cara berijtihad. Ijtihad yang dilakukan oleh para sahabat telah mendapat pengiktirafan daripada Rasulullah semasa baginda masih hidup lagi. Hal ini dapat dibuktikan apabila kebenaran yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada Mu'adh bin Jabal ketika mengutusnyanya ke Yaman.

Terjemahan: “ *h w sesungguhnya sulu llah S.A.W. ketika mengutus u'adh ke Yaman, bagaimanakah nanti engkau akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada engkau sesuatu permasalahan? Mu'adh menjawab saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah, Nabi bertanya lagi, Sekiranya kamu tidak dapati dalam kitab Allah? Jawab Mu'adh, Saya akan memutuskan berdasarkan sunnah Rasul-Nya. Tanya Nabi lagi Sekiranya engkau ti k menemui l m Sunn h? u" h menjawab saya akan berijtihad dan saya tidak akan mengabaikan perkara tersebut. Nabi pun menepuk dada sambil bersabda segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah ke arah sesuatu yang diredhai oleh Rasullullah.*<sup>18</sup>

Hadis di atas bermaksud bahawa setiap hukum yang tiada nas dalam al-Quran dan Sunnah boleh diselesaikan dengan cara berijtihad. Ijtihad dilihat semakin berkembang setelah berlakunya perluasan wilayah yang dikuasai oleh Islam.<sup>19</sup> Hal ini kerana timbul permasalahan hukum yang tidak pernah dibincangkan(baru) disebabkan oleh „urf dan keadaan(tempat) yang berbeza dalam masyarakat. Perkara ini menjadikan

<sup>17</sup> Zulfahmi, “Metodologi Ijtihad Imam al-Sy fi”: Analisis Pembaharuan Berkaitan Aspek Munakahat Di Malaysia” (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2011). 26-27.

<sup>18</sup> Abu Daw d Sulaym n Ibn al-Ash'ath al-Sijist ni, *Sun n ī w d, B Ijtih - y fi al-Qaḍ i*, Ḥad th No. 3592, Dirujuk dalam *Kit usu" h ḥ īth sh rif Kut b al-Sittah*, (Riyad: D r al-Sal m li al-Nashri wa al-Tauzi, 1996), 1489.

<sup>19</sup> Zulfahmi, “Metodologi Ijtihad Imam al-Sh fi”: Analisis Pembaharuan Berkaitan Aspek Munakahat Di Malaysia”, 26-27.

ijtihad sebagai satu cara dalam menjawab kekeliruan hukum yang melanda umat Islam selari dengan perkembangan zaman yang berlaku.

Penulisan Rahimin Affandi Abdul Rahim et.al.<sup>20</sup> menjelaskan kepentingan ijtihad dalam perkembangan fatwa dan perundangan Islam semasa. Beliau menegaskan bahawa ijtihad adalah konsep, metod dan aplikasi yang sangat penting untuk digunakan sebagai mekanisma utama dalam menggunakan sumber wahyu dengan bantuan daya pemikiran manusia. Selain itu, konsep ijtihad ini sangat berkait dengan institusi fatwa kerana gabungan kedua-duanya sebagai saluran penyelesaian masalah masyarakat. Kesimpulannya, institusi ijtihad merupakan satu dimensi yang diberikan oleh syarak untuk menyelesaikan masalah atau isu yang tidak pernah ditetapkan oleh dalil *q t''i*(pasti) agar dapat mengawal kelangsungan hidup masyarakat ke arah hidup berlandaskan prinsip Islam.

### 2.2.2 Fatwa

Fatwa dalam pengajian bahasa Arab sinonim dengan perkataan *ifta'*. Ia secara umum bermakna menjawab atau menjelaskan sesuatu persoalan atau kekeliruan berhubung dengan sesuatu perkara.<sup>21</sup> Fatwa berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *l-ft w*. Definisinya menurut bahasa, *l-ft w* yang diambil daripada *ft* dan *ft w* adalah bermaksud penerangan atau jawapan bagi sebarang kekeliruan dan kemusykilan hukum.<sup>22</sup> Ibn Manzur mendefinisikan fatwa sebagai memberi jawapan fatwa kepada sesuatu perkara iaitu menerangkan fatwa (hukum) mengenai perkara tersebut. Walaubagaimanapun, penjelasan fatwa tidak akan berlaku sekiranya tiada persoalan

---

<sup>20</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, dan Nor Hayati Mohd Dahlal, " Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia", *Jurnal Syariah* 17 no. 1 (2009), 195-222.

<sup>21</sup> Ibnu Manz r, *is n l-Arab*, (Beirut: D r Ihya" al-Turath al-,Ar b , 1997) 10:183

<sup>22</sup> Amir Sa, id al-Zib r i, *hith ft hk m l- tw* (Beirut: D r Ibn Hazm, 1995), 31

atau pertanyaan diajukan.<sup>23</sup> Beliau turut mengemukakan bahawa perkataan fatwa berasal daripada tiga perkataan bahasa Arab bagi menunjukkan maknanya iaitu *f t w* *fut n* *futw* . Ketiga-tiga perkataan tersebut membawa maksud yang sama iaitu:

- a) suatu penjelasan oleh seseorang *f qī h*.<sup>24</sup>
- b) penerangan berkaitan perkara yang musykil dan kesamaran tentang hukum.
- c) memberikan jawapan kepada suatu masalah oleh seseorang yang *f qī h*.

Dari segi istilah, perkataan fatwa tidak jauh beza dengan pengertian bahasa kerana ia memberi maksud penjelasan tentang hukum syarak bagi sesuatu permasalahan sebagai jawapan terhadap persoalan yang ditanya.<sup>25</sup> Menurut Mustafa Sanu Qutb, fatwa merupakan jawapan hukum yang diputuskan oleh mufti atau *f qī h* terhadap perkara atau hukum yang berlaku apabila terdapat soalan diajukan kepadanya.<sup>26</sup> Manakala, al-Harr ni menjelaskan definisi istilah fatwa sebagai satu bentuk jawapan daripada mufti atau suatu hukum syarak yang diberitahu oleh mufti melalui pemberian fatwanya.<sup>27</sup> Yusuf al-Qarad w turut memberikan takrif fatwa yang hampir sama iaitu memberi penjelasan hukum syarak terhadap masalah yang timbul sebagai jawapan bagi sesiapa yang mengajukan pertanyaan, sama ada soalan yang ditanya jelas ataupun samar dan juga sama ada yang bertanya individu atau pun ramai.<sup>28</sup> Wahbah al-Zuhayl pula menyatakan bahawa fatwa adalah jawapan yang dibuat oleh mufti apabila soalan diajukan kepadanya.<sup>29</sup> Pandangan daripada Noor Naemah Abd. Rahman dalam artikelnya, fatwa kebiasaannya ditakrifkan sebagai jawapan hukum yang dikemukakan

<sup>23</sup> Jamil al-Din Muhammad Bin Mukram Ibn al-Manz r, *is n l., r* (Beirut: Dar Sadir, 1990), 15:148.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Sulaym n al-Asyqar, *Manh j l-Ift in l-Im m I n īm l- wzī h*, (Jordan: Dar al-Nafaes, 2004), 8.

<sup>26</sup> Qutb Mustaf San , *u ,j m u st l h t Uṣ l al-Fiqh*, ed Muhammad Rawwas Qal,aji (Dimashq: Dar al-Fikr, 2000), 312.

<sup>27</sup> Ahmad Ibn Hamdan al-Harr ni, *Sif t l-f tw wa al-mufti wa al-mustaffi* (Beirut: Maktab al-Islami, 1984), 4.

<sup>28</sup> Yusuf al-Qarad w , “*l - tw n l-In i t Al-T s u* ” 11.

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhayl , *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Beirut : Dar al-Fikr al-Mu’asir,1996), 2:1156,

sebagai respon kepada persoalan.<sup>30</sup> Akan tetapi sebenarnya fatwa adalah respon atau jawapan kepada permasalahan yang diajukan berlandaskan kepada penyelidikan hukum yang mengambil kira perkembangan semasa Fatwa mempunyai peranan yang sangat penting dalam perkembangan hukum Islam. Al-Ashqar dan Ahmad Hidayat Buang juga menyatakan definisi secara umum yang hampir sama, iaitu fatwa bermaksud suatu penerangan mengenai hukum syarak kepada masalah-masalah yang tidak mempunyai nas atau perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh, akan tetapi ia tidak bersifat mengikat.<sup>31</sup>

Pelbagai definisi fatwa yang dikemukakan oleh para sarjana Islam dan ahli akademik di atas dapat dirumuskan bahawa fatwa adalah suatu penjelasan hukum syarak yang diberikan oleh seorang mufti bagi menjawab permasalahan dan isu-isu yang berlaku sama ada dalam bentuk respon hukum kepada yang bertanya atau semata-mata penjelasan hukum yang bersifat sebagai sesuatu yang mengikat atau sekadar pemberitahuan sahaja (tidak mengikat).<sup>32</sup> Oleh yang demikian setelah meneliti kesemua definisi yang dikemukakan, pengkaji berpendapat bahawa terdapat titik persamaan di antara kesemua definisi adalah menjawab, menerangkan, menjelaskan, respon atau mengkhabarkan hukum. Dari sudut pengamalan fatwa di Malaysia, sesuatu fatwa disediakan atau dikeluarkan mufti atau institusi fatwa adalah berdasarkan pertanyaan daripada masyarakat, agensi kerajaan dan pertubuhan, arahan dari pihak kerajaan, inisiatif sendiri dan menjawab kepada suatu pertikaian atau polemik. Kedudukan fatwa di Malaysia diiktiraf oleh perundangan Malaysia melalui kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri. Oleh itu, fatwa yang diwartakan hanya mengikat orang

---

<sup>30</sup> Noor Naemah Abd Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah*, 10:2 [2002] 19-21.

<sup>31</sup> Sulayman al-Asyqar, *Manhaj al-Ifta'inda al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyah*, (Jordan: Dar al-Nafaes, 2004), 62. Lihat juga, Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia" *Jurnal Syariah*, 10:1 (2002), 39-40.

<sup>32</sup> Al-Shaṭībī, *al-Mawḍi'at al-Shar'īyah* (Tunis: t.p, 1985), 68 ; Wahbah al-Zuhayl, *al-Fiqh al-Islāmī wa Ahkām al-Sharī'ah*, (Damsyiq: Dar al-Fikr, 2007), 1:35.

Islam dalam negeri yang mewartakan fatwa tersebut kecuali Negeri Kelantan.<sup>33</sup> Perkara ini membuktikan keautoritian fatwa sebagai mekanisma perundangan Islam di Malaysia dalam menyelesaikan permasalahan hukum.

### 2.2.3 Mufti

Al- mid<sup>34</sup> mendefinisikan mufti sebagai mujtahid atau ahli ijthad manakala al-Zarkash<sup>35</sup> mentakrifkan mufti sebagai seorang yang *f qī h* dalam hukum-hukum syarak. al-Sh ṭīb menerusi kitab *al-Muw faq t* menjelaskan bahawa mufti ialah seorang yang boleh memandu manusia dengan fatwanya kepada perlaksanaan yang sederhana dan sesuai dengan keadaan masyarakat.<sup>36</sup> Walaubagaimanapun pengkaji telah memilih takrifan yang dikemukakan oleh Ibn al-Sam n sebagai takrif yang lebih terperinci iaitu mufti sebagai seorang ulama yang memenuhi tiga syarat utama iaitu ahli ijthad, bersifat adil dan berhati-hati daripada menfatwakan sesuatu yang terlalu meringankan dan memudahkan.<sup>37</sup>

„Ali Hasballah menyebut dalam kitabnya *Uṣ l al-tashri' l -Isl mī* bahawa Imam Ahmad pernah berkata bahawa seorang mufti perlu mempunyai ilmu pengetahuan tentang realiti perubahan dan perkembangan semasa yang sedang dihadapi oleh manusia. Mufti yang tidak mengambil tahu mengenai perubahan realiti semasa dan memahami keperluan manusia, mufti tersebut tidak mampu atau tidak berupaya dalam membuat keputusan fatwa dengan tepat. Perkara ini boleh membawa kepada kerosakan kepada masyarakat, khususnya kepada umat Islam.<sup>38</sup> Yusuf al-Qaraḍ w turut menegaskan bahawa mufti yang sebenar perlulah peka dan mahir tentang perkembangan

<sup>33</sup> Mohd Kamel bin Mat Salleh, Mohd al-Adib bin Samuri, dan Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, "Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah di Malaysia", *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 1(1) 2016, 5-6.

<sup>34</sup> al-Amid, *l- hk m fi Uṣ l l- hk m*, (Kaherah: t.tp., 1987), 3: 270.

<sup>35</sup> al-Zarkash, *Bahr al-Muḥīt*, 305.

<sup>36</sup> Al-Shaṭīb, Abi Ishak Ibrahim Bin Musa, *l- u w f q t Arab Sa'udi*: D r Ibn „Affan, 1997), 17

<sup>37</sup> Al-Sam'an, " w ti" *l-Adillah fi Usul al-Fiqh*", (Riyad: Makt b ah al-Taubah, 1998), 5:133

<sup>38</sup> 'Ali Hasballah, *Uṣ l l-t s ri l- Isl mī* Kaherah: D r al-Ma'arif, 1964), 89-90.

realiti semasa masyarakat supaya mufti tersebut dapat menghubungkan atau mengharmonikan fatwanya dengan kehidupan manusia.<sup>39</sup> Perkara ini telah dinyatakan oleh Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim.<sup>40</sup> Beliau mengulas bahawa fatwa yang dikeluarkan memerlukan seorang mufti yang mempunyai kelayakan keilmuan yang betul-betul mantap serta kefahaman mendalam terhadap realiti semasa masyarakat agar fatwa yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Peranan mufti dalam konteks semasa disentuh oleh Ahmad Hidayat Buang dalam penulisannya yang menyatakan bahawa peranan mufti atau „*ift*“ (memberi fatwa) pada masa kini tidak terhad kepada seorang individu atau mufti ekoran perkembangan semasa dan kemajuan sains dan teknologi.<sup>41</sup> Peranan mufti ini sudah dikongsi bersama secara kolektif melalui penubuhan jawatankuasa atau lajnah fatwa yang mengeluarkan fatwa di atas nama badan atau pertubuhan. Dalam konteks di Malaysia kedudukan mufti dan fatwa diiktiraf oleh perundangan Malaysia melalui bidang kuasa yang diperuntukkan dalam enakmen. Fatwa rasmi yang dikeluarkan mufti juga merupakan fatwa yang diakui dan diiktiraf oleh Mahkamah Syariah.<sup>42</sup>

Kesimpulannya, mufti bertanggungjawab dalam perkembangan fiqh dan fatwa semasa. Mereka juga berperanan penting untuk melakukan ijtihad atau penyelidikan fatwa berdasarkan kaedah-kaedah dalam perundangan Islam sehingga mampu untuk memutuskan fatwa yang rasional dan menjawab persoalan masyarakat. Benarlah, bahawa mufti pada kini perlu terdiri dalam kalangan mereka memahami realiti

---

<sup>39</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Al-Fatwa al-in taw l-t s i*, (Dr al-Sahw h li al-nasyr, 1988), 36.

<sup>40</sup> Ahmad Ibrahim, *Sources And Development Of Muslim Law*, (Singapore, 1965), 43.

<sup>41</sup> Ahmad Hidayat Buang, “Memperkuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa di Malaysia”, (Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia, Institute of Advance Islamic Studies, Kuala Lumpur, 10 Mac 2016).

<sup>42</sup> Mohd Kamel bin Mat Salleh, Mohd al-Adib bin Samuri, dan Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, “Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah di Malaysia”, *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 1(1) 2016, 5.

kehidupan semasa.<sup>43</sup> Mufti juga perlu mampu melakukan penyelidikan hukum yang mendalam disamping memiliki kemampuan dalam berijtihad dan menjalankan penyelidikan fatwa yang mantap serta perlu menyiapkan mempunyai pengetahuan yang tinggi agar dapat membantunya untuk menghasilkan fatwa yang dapat menyelesaikan masalah sejurus fatwa tersebut dapat meyakini umat Islam. Oleh yang demikian, memahami realiti semasa dan *waqi'* amat penting dalam penghasilan sesuatu hukum Islam semasa pada hari ini khususnya kepada para mufti dan institusi fatwa yang berperanan penting sebagai pusat rujukan tentang hukum-hakam kepada masyarakat.

### 2.3 PERKEMBANGAN FATWA SEMASA DAN IJTIHAD

Fatwa akan melalui proses perkembangan dan perubahan selari dengan tuntutan dan keperluan masyarakat. Semakin maju dan membangun sesebuah masyarakat, maka semakin berkembang aktiviti fatwa lantas kedudukannya sebagai medium atau alat penting untuk menyelesaikan isu-isu baru yang timbul dalam kalangan masyarakat sebagai memenuhi tuntutan dan keperluan jawapan hukum kepada aktiviti harian mereka.<sup>44</sup> Sebagai contoh adalah Malaysia iaitu negara Islam yang membangun dan telah mengalami perkembangan populasi yang pesat. Perkara ini menjadikan pelbagai isu baharu dan permasalahan yang tercetus dalam masyarakat semakin bertambah seperti perkembangan ekonomi, sistem perbankan, permasalahan sosial masyarakat, pembaharuan dalam bidang teknologi pertanian, halal kepenggunaan dan sebagainya. Rentetan itu, ianya perlu kepada kaedah penyelidikan hukum atau fatwa yang lebih mendalam dan meraikan perkembangan realiti semasa yang boleh menjamin keharmonian masyarakat terhadap institusi fatwa.

<sup>43</sup> Yusuf al-Qaradawi, "Al-Ijtihad fi al-Fiqh al-Islami", 31.

<sup>44</sup> Noor Naemah Abd Rahman, "Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia : Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah*, 10, no. 2, (2002), 19.

Kewujudan isu-isu baru mendorong pelbagai persoalan dan tanda tanya oleh masyarakat berkaitan hukum sesuatu isu tersebut. Dari sudut perundangan Islam, fatwa merupakan suatu respon hukum yang dikemukakan oleh mufti terhadap persoalan hukum yang diajukan kepadanya. Pada masa kini, sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh sesuatu badan insititusi fatwa dianggap suatu keputusan hukum yang boleh dipercayai oleh masyarakat dan mempunyai kredibiliti yang membolehkan masyarakat menerima fatwa tersebut. Penulisan Hashim Kamali<sup>45</sup> ada merumuskan bahawa fatwa harus dilihat sebagai instrumen atau mekanisma perundangan Islam yang memudahkan dan membantu urusan kehidupan masyarakat dengan menggunakan prinsip agama dan Syariah seiring dengan perkembangan fatwa yang lebih mencabar dan pelbagai. Penyediaan fatwa tidak harus sewenang-wenangnya menjatuhkan sesuatu hukum itu sebagai haram atau sebaliknya tanpa penyelidikan hukum yang baik untuk menyokongnya. Lanjutan itu, Hashim Kamali menyatakan bahawa perkembangan sains dan globalisasi telah membawa perkembangan fatwa dan prosedur penyediaan fatwa di bawah disiplin dan kaedah penyelidikan yang baru berbanding penyelidikan fatwa yang terdahulu.<sup>46</sup>

Persidangan Fatwa Antarabangsa kali ke-4 pada tahun 2018<sup>47</sup> dalam perbincangannya merumuskan bahawa perkembangan dan tajdid dalam berfatwa bukanlah bermakna menyelisih apa yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu dari kalangan para ulama dan *fuq h* ", namun ia adalah proses penyegaran dan pengembalian agama kepada prinsip yang asal dengan meraikan keadaan setempat,

<sup>45</sup> Mohammad Hashim Kamali, "Moderation in Fatwa and Ijtihad:Juristic and Historical Perspectives", *Journal Islam and Civilisational Renewal*, vol.7(2016), 319-320.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, "Bayan Linnas Siri Ke- 151 : Tajdid Dalam Fatwa : Antara Teori Dan Praktikal", laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan* dicapai pada 27 Mac 2019, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2709-bayan-linnas-siri-ke-151-tajdid-dalam-fatwa-antara-teori-dan-praktikal>. Pada 16 hingga 19 Oktober 2018, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah dijemput untuk menghadiri Persidangan Fatwa Antarabangsa kali ke- 4 yang bertempat di Hotel Al Masah, Kaherah, Mesir Persidangan yang dianjurkan oleh pihak „Sekretariat Umum Badan-badan Fatwa Berautoriti Sedunia“pada tahun tersebut telah menetapkan topik perbincangan di bawah tajuk „Tajdid dalam Fatwa: Antara Teori dan Praktikal“

masa dan ketika, serta adat yang tidak bercanggah dengan syarak. Selain itu, Mufti Wilayah Persekutuan iaitu Dr Zulkifli al-Bakri menjelaskan bahawa perkembangan dan tajdid dalam fatwa telah memberi satu jawapan yang bernas dalam membentuk gambaran bahawa Islam itu sesuai di sepanjang zaman dan masa begitu juga tempat dan geografi. Ini kerana, *zuruf* dan *biah* masyarakat itu berubah dari semasa ke semasa, begitu juga budaya yang boleh jadi berubah mengikut peredaran zaman dan tempat. Keanjalan Islam melalui proses tajdid dalam fatwa dapat direalisasikan. Sebaliknya, jika dibiarkan dalam kejumudan akan pasti membawa kepada kesukaran dan kemunduran.<sup>48</sup>

Tambahan lagi, Mahmood Zuhdi dalam penulisannya menyatakan bahawa isu-isu semasa dan persoalan hukum baru yang berlaku adalah dipengaruhi oleh adat setempat, „*urf* sejak turun temurun dan juga keperluan pada masa kini yang mendorong kepada perubahan kehidupan seharian manusia.<sup>49</sup> Pertumbuhan dan perkembangan teknologi moden dalam pelbagai bidang, pembaharuan dalam bidang ekonomi,<sup>50</sup> perubahan<sup>51</sup> dan halal kepenggunaan turut menjadi faktor kepada kewujudan pelbagai isu semasa bersifat kritikal yang membawa kepada perubahan hukum berlaku. Isu-isu kritikal yang dimaksudkan adalah isu tersebut tidak ada penjelasan dan jawapannya secara langsung di dalam al-Quran dan al-Sunnah bahkan isu atau masalah tersebut juga belum pernah dibincangkan oleh ulama” terdahulu. Kesannya, ijtihad turut berkembang seiring dengan perkembangan zaman dan perkembangan ijtihad digambarkan sebagai suatu ijtihad yang berbentuk kontemporari bagi menyediakan fatwa atau jawapan bagi isu semasa ini. Pengamalan ijtihad seperti yang diketahui sudah wujud sejak zaman

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, “*Transformasi Iktisadi Semasa*” 21.

<sup>50</sup> Basri Bin Ibrahim, *et al.* *Ulu-ur dan Ulu-ur dalam Isu-Isu Semasa* (Batu caves: al-Hidayah Publisher, 2011), 192.

<sup>51</sup> Harmy Mohd Yusoff et al., *Fikah Perubatan* (Batu Caves : PTS Millennia Sdn. Bhd., 2011), 39.

Rasulullah lagi,<sup>52</sup> akan tetapi ijtihad mengalami era kemunduran apabila berlakunya era taqlid iaitu pintu ijtihad ditutup. Ianya berlaku pada akhir kurun ke-3 hijrah. Era kemunduran ini terjadi apabila wujudnya anggapan bahawa segala konflik dan permasalahan hukum telah diselesaikan dan dibahasakan oleh fuqaha sehingga tiada keperluan untuk melakukan proses ijtihad lagi.<sup>53</sup> Rahimin Affandi dalam artikelnya pula berpandangan bahawa dalam mendepani perkembangan dunia globalisasi dan kemajuan sains teknologi ini tidak wajar sekiranya berpegang kepada prinsip *taqlid* semata-mata. Hal ini kerana, hukum yang telah dibina berdasarkan ijtihad tidak bersifat *mumtaz*. Setiap mujtahid, para mufti dan para sarjana Islam pada masa kini perlu diberi kesempatan dan peluang untuk berijtihad atau menjalankan penyelidikan hukum dalam setiap permasalahan hukum yang timbul, isu-isu baru dan perkara yang telah dibincangkan oleh mujtahid terdahulu.<sup>54</sup>

Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa perlu diberikan perhatian terhadap kajian berkaitan: “*Tajdid* (pembaharuan) dalam fatwa” dan juga menitik beratkan kajian terhadap ilmu-ilmu yang bersifat realiti (semasa) serta ilmu-ilmu yang diperlukan untuk menggabungkan antara pengetahuan syariah dan juga realiti semasa. Penegasan turut ditekankan terhadap kepentingan ijtihad bersifat kontemporari dalam mendepani perkembangan isu-isu kefatwaan serta mewujudkan kemahiran-kemahiran moden untuk berinteraksi dengan permasalahan-permasalahan dan isu-isu semasa. Oleh itu institusi fatwa atau badan berautoriti haruslah memperluaskan usaha untuk meminta pandangan golongan yang pakar dan berpengalaman dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, perubatan, politik, kemasyarakatan, melalui cara muzakarah kesefahaman dan protokol-protokol kerjasama di antara institusi-institusi fatwa dan juga pertubuhan-

---

<sup>52</sup> Al-Shawkan, Muhammad, *Ali, Irshad al-Uh al-il T hqīq min Ilm al-Uṣūl*, (Damsyiq : Dar Ibn Kathir, 2003) dan Al-Ashqar, *Tarikh al-Fiqh al-Islāmī* (Kuwait : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1982)

<sup>53</sup> Saifudin Mujtaba, “Membuka Pintu Ijtihad”, *Jurnal Falasifa* 1, no 1 (2010), 87-97.

<sup>54</sup> Rahimin Affandi, “Ijtihad : Satu Analisis Perbandingan”, *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (1993), 153-162.

pertubuhan negara yang berkaitan dengannya, untuk mengeluarkan fatwa yang *,ilmiyyah*, tepat, dan terbina di atas maklumat yang diyakini.

## 2.4 IJTIHAD KONTEMPORARI DALAM FATWA SEMASA

### 2.4.1 Konsep Ijtihad Kontemporari

Ijtihad kontemporari atau istilah lain disebut sebagai ijtihad baru atau moden sebenarnya telah menjadi perbincangan dikalangan para sarjana Islam dan ahli akademik. Pendekatan ijtihad baru atau kerangka kontemporari ini telah menjadi sebuah pendekatan yang diperlukan oleh para mujtahid apabila berlakunya perkembangan dan kemajuan dari sudut sains dan teknologi, perubatan, ekonomi, jaringan perhubungan antarabangsa dan sebagainya. Oleh itu, para sarjana Islam kontemporari dan ahli akademik telah membincangkan dan menggambarkan pengamalan ijtihad dalam realiti perkembangan zaman yang berlaku perlu ditekankan sehingga mewujudkan istilah ijtihad baru (kontemporari).<sup>55</sup>

Ijtihad kontemporari dalam bahasa arab disebut *l-ijtih l-mu" šir* yang bermaksud ijtihad pada zaman baru atau sekarang. *Al- u" šir* pula boleh ditakrifkan sebagai kontemporari ataupun baru<sup>56</sup> ini kerana maksud *al-mu" šir* adalah hidup (wujud) semasa atau sezaman.<sup>57</sup> Oleh itu, ijtihad kontemporari dapat didefinsikan sebagai suatu proses ijtihad yang mengambil kira konteks semasa dan setempat yang tertakluk kepada sebarang perubahan dan kemajuan zaman tersebut.<sup>58</sup> Walaupun istilah

---

<sup>55</sup> Muhamamad Ikhlas Rosele et al , "Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", 55-56.

<sup>56</sup> Doniach, N. S. (ed.), *The Oxford English-Arabic Dictionary of Current Usage* (London : Oxford University Press, 1972)

<sup>57</sup> Muhamamad Ikhlas Rosele et al , "Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", 57.

<sup>58</sup> *Ibid.*

ijtihad kontemporari masih tidak lagi digunakan dalam masyarakat biasa,<sup>59</sup> akan tetapi terdapat banyak perbincangan dan penyelidikan telah dilakukan oleh ulama-ulama kontemporari, para sarjana Islam, ahli akademik, dan sebagainya. Hal ini kerana, perkembangan fatwa dan isu semasa mendorong suatu bentuk penyelidikan moden dengan menggunakan instrumen pengaplikasian ijtihad kontemporari. Pelbagai perbincangan dan pertimbangan dititik beratkan dalam mencapai definisi ijtihad kontemporari. Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam pengamalan kerangka ijtihad kontemporari seperti dirumuskan oleh Wahbah al-Zuhayl, iaitu:<sup>60</sup>

- i. Menjaga keberkekalan *shari'ah Islami* dan keanjalannya agar sesuai untuk setiap zaman dan tempat.
- ii. Untuk meraikan hajat dan *maṣlahah*.
- iii. Untuk menyelaraskan nas dan *maṣlahah*
- iv. Meraikan keadaan masa kini.

Yusuf al-Qaradawi pula menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk *ijtihad* yang boleh diaplikasikan pada masa kini.<sup>61</sup> Pertama, *al-ijtihād al-intiqā'i*, iaitu meneliti kembali (reijtihad) hasil ijtihad sarjana hukum Islam terdahulu berserta dalil-dalilnya yang terdapat warisan fiqh klasik, membuat perbandingan antara satu sama lain, kemudian memilih pendapat yang lebih kuat (*tarjīh*). Kriteria yang digunakan dalam memilih pendapat yang kuat termasuklah:

<sup>59</sup> Pengkaji berpandangan bahawa istilah Ijtihad Kontemporari ini kebanyakannya digunakan oleh golongan intelektual Islam dalam perbincangan dan penyelidikan mereka. Hasil temubual bersama Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016 ada menyatakan bahawa istilah ini masih kurang digunakan dalam penulisan biasa kepada orang awam. Hakikatnya istilah ijtihad ini mudah diterangkan kepada masyarakat dengan istilah penyelidikan fatwa. Manakala ijtihad kontemporari ini dilihat sebagai suatu istilah dalam penyelidikan oleh para sarjana Islam dan ahli akademik untuk mendefinisikan ijtihad dalam kerangka menyesuaikan keadaan masa dan tempat dan beberapa faktor lain.

<sup>60</sup> Wahbah al-Zuhayl, *Ijtihad Baru Fiqh: Titik Tolak dan Aliran-Alirannya*, terj. Basri al-Hasani (Johor: JAHABERSA).

<sup>61</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Al-Ijtihād fī al-Sharī'ah al-Islāmīyah min al-ḥadīth ilā al-ḥadīth al-ḥadīth* (Kuwait: Dar al-Qalam: 1996).

- i. Pendapat tersebut hendaknya lebih sesuai dengan kehidupan orang zaman sekarang.
- ii. Pendapat tersebut perlu banyak memberikan rahmat kepada manusia.
- iii. Pendapat tersebut hendaklah lebih dekat kepada kemudahan yang diberikan syariat.
- iv. Pendapat tersebut lebih mengutamakan dalam mewujudkan syariat, memberikan kemaslahatan bagi makhluk dan menjauhkan mereka dari kerosakan.

Bentuk kedua adalah *ijtih ins̄h* "i, iaitu ijtihad konstruktif dan inovatif, dengan memutuskan hukum berdasarkan masalah baharu, atau dalam masalah lama tetapi sarjana hukum Islam kontemporari mempunyai pendapat baharu yang belum pernah dibincangkan oleh ulama" terdahulu.<sup>62</sup> Dalam ijtihad bentuk yang kedua, penguasaan terhadap pengetahuan baharu berkaitan persoalan tersebut, di samping pengetahuan yang menjadi persyaratan ijtihad itu sendiri adalah signifikan. Untuk itu, *ijtih d j m* „ i atau kolektif sangat diperlukan. Ini kerana keterbatasan pengetahuan seseorang seiring dengan semakin ketatnya pengkhususan disiplin ilmu pada masa kini, menjadikan *ijtih fr di* atau individu adalah tidak relevan.

Selain itu beberapa garis panduan dibincangkan oleh Yusuf al-Qarad w untuk berijtihad dalam kerangka zaman kontemporari. Antaranya, tidak ada ijtihad tanpa kerahan tenaga dan usaha kerana definisi ijtihad itu sendiri adalah mengeluarkan usaha untuk mengistinbat hukum. Menurutny juga, tidak ada tempat untuk berijtihad dalam persoalan *q t* "i h . Lapangan ijtihad boleh dilakukan dalam hukum-hukum yang mempunyai dalil yang *z nnī* . Para mujtahid atau mufti dalam berijtihad perlu mempunyai kefahaman dan meraikan perkara baru yang memberi manfaat dan tidak mengabaikan „urf zaman dan keperluannya. Aspek yang diberi penekanan dalam ijtihad berbentuk kontemporari ini adalah perlu berpindah kepada ijtihad *j m* „ i iaitu para

<sup>62</sup> Ibid. Muhamamad Ikhlas Rosele et al , "Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, no. 13 (2016), 56-57

ilmuan dalam kepakaran bidang masing-masing saling bermesyuarat atas sesuatu masalah yang timbul.<sup>63</sup>

Tambahan lagi, penulisan oleh Abdullah @ Alwi Haji Hassan turut menyatakan bahawa asas-asas pengharmonian undang-undang Syariah telah dijustifikasikan oleh para pakar perundangan Islam, yang berfahaman moden, dengan mengemukakan beberapa metode. Antaranya ialah melalui kaedah *takhayyur* dan *tlfiq* (peminjaman secara bebas dari pelbagai sumber atau mazhab secara tidak eksklusif pada satu-satu mazhab), *si sh s r'i h* (prosedur perundangan atau arahan pentadbiran yang tidak bertentangan dengan Syariah), *maṣlaḥah* (kepentingan awam), dan pentafsiran semula terhadap nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith yang menjadi sumber perundangan. Pentafsiran semula ini dicirikan sebagai pengijtihadan secara baru, atau dikenali juga dengan neo-ijtiḥad (al-ijtiḥad al-j̄ ī d/ijtiḥad baru).<sup>64</sup>

Hakikatnya, ijtihad secara *j m , i* atau fatwa dari majlis ulama merupakan amalan yang telah dilakukan oleh zaman Umar Ibn Abdul Aziz. Dikatakan beliau menubuhkan Majlis Fuqaha Madinah di mana fungsinya untuk istinbat hukum yang baru berlaku begitu juga bermesyuarat berkenaan dengan masalah rakyat.<sup>65</sup> Begitu juga pengamalan *takhayyur* dan *tlfiq* yang sebenarnya telah diamalkan oleh zaman ulamak klasik lagi akan tetapi yang penggunaan *takhayyur* telah dilakukan oleh para pembaharu perundangan Syariah untuk menjawab kepada beberapa persoalan perundangan dan fatwa semasa. Antaranya mereka menggunakan *tlfiq* iaitu penggabungan antara beberapa doktrin dalam pelbagai mazhab dan pendapat beberapa fuqaha dan disatukan ke dalam satu peruntukan undang-undang bagi menyediakan satu penyelesaian yang

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

<sup>64</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini" *urn l S r'i h* 15, no.2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 23-24.

<sup>65</sup> Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, "Mufti: Fatwa Perseorangan dan Majlis", dalam *Monograf al-Ifta Siri I* ed. Wan Morsita Wan Sudin, *et.al.* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 56-58.

diharapkan kepada masalah-masalah perundangan tertentu yang sesuai dengan keperluan semasa.<sup>66</sup>

Apakah yang dilakukan oleh ijthid ulamak silam dahulu berbeza dengan ijthid pada masa kini?. Pendekatan ijthid kontemporari ini mempunyai aspek penting yang perlu diteliti dan dititiberatkan. Walaupun terdapat perbezaan dengan pendapat ulamak dan sarjana hukum Islam terdahulu, ia tidak menjadi masalah kerana tiada larangan bahawa hasil ijthid yang terkemudian tidak boleh bertentangan dengan hasil ijthid sarjana hukum Islam terdahulu. Lebih-lebih lagi hasil ijthid tidak dapat dibatalkan oleh hasil ijthid yang lain, masing-masing diaplikasikan sesuai dengan masa dan keadaannya. Secara umumnya, bukan isi kandungan hukum atau prinsip hukum yang akan diubah, tetapi aspek metodologi penyelidikan menjadi asas kepada perbincangan dan semakan semula.<sup>67</sup> Tambahan lagi, untuk berpegang hanya kepada teori-teori atau kaedah-kaedah klasik semata-mata tidaklah memadai kerana metodologi klasik tidak dapat memenuhi tuntutan perkembangan semasa dan penyelidikan fatwa pada masa kini perlu kepada kerangka ijthid kontemporari untuk memperlengkapkan dan menghasilkan fatwa yang berwibawa tanpa mengabaikan dan menyimpang dari ciri-ciri dan rangka bentuk undang-undang Syariah yang diformulasikan oleh para fuqaha“ terdahulu.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian lepas dan penyelidikan sebelum yang berkaitan pendekatan ijthid kontemporari ini, pengkaji dapat melihat bahawa ada beberapa pendekatan penting bagi para mufti atau institusi fatwa yang terlibat dalam bidang ijthid dan penfatwaan ini. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan pendekatan ijthid kontemporari dalam fatwa semasa berdasarkan hasil perbincangan, penyelidikan,

---

<sup>66</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, “Ijthid Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini 7-8.

<sup>67</sup> Alias bin Azhar Et Al, “Implikasi Isu-Isu Sains Dan Teknologi Dalam Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari”, *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)* 2, No. 1 (2016), 48-49.

kajian-kajian lepas oleh ulama-ulama kontemporari, para sarjana Islam dan ahli akademik.

#### 2.4.2 Pendekatan Ijtihad Kontemporari dalam Fatwa Semasa

##### a) Pengambilkiraan realiti semasa: faktor perubahan zaman, masa dan tempat

Realiti semasa adalah cukup sinonim apabila dikaitkan dengan perubahan zaman, tempat dan masa yang berlaku. Pembaharuan dan perkembangan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia akan mewujudkan suatu realiti kehidupan yang baru sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa yang wujud sama ada dari segi budaya, persekitaran, tempat, adat dan seumpamanya. Hakikatnya, para sarjana Islam sememangnya telah mengambil kira input realiti semasa dalam memutuskan sesuatu fatwa. Contohnya dalam isu perbezaan *qawl qadim* dan *qawl jadid* dalam aliran mazhab al-Shafi'i,<sup>68</sup> pengambilkiraan Amalan Ahli Madinah bagi penentuan hukum dalam mazhab al-Malik dan aplikasi *istihsan* dalam mazhab Hanafi.

Ahmad Bu'ud mendefinisikan realiti semasa sebagai setiap situasi atau keadaan yang merangkumi pelbagai aspek dan cabang kehidupan manusia berdasarkan suasana, realiti, objektif dan perkembangannya.<sup>69</sup> „Abd al-Majid al-Najar pula menghuraikan bahawa realiti semasa merupakan setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia dengan pelbagai cabang yang berbeza di mana ia menentukan corak kehidupan mereka sehingga membentuk „*urf* yang tersendiri dan akhirnya melahirkan pelbagai situasi semasa dan permasalahan hukum yang baru.<sup>70</sup> Menurut Abdul Karim Ali, syaria Islam

---

<sup>68</sup> Abdul Karim Ali "Faktor-Faktor Semasa Dan Setempat Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum" dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 61.

<sup>69</sup> Ahmad Bu'ud, *Fiqh al-Waqi' Usul wa Fiqh al-Taqwim* (Kaherah: Dar al-Salam, 2006), 40

<sup>70</sup> „Abd al-Majid al-Najar. *Fiqh al-Taqwim* (Kaherah: Dar al-Salam, 1989), 111.

mempunyai doktrin-doktrin yang tetap, tidak akan berubah walaupun berlaku perubahan masa dan zaman. Namun begitu, aplikasi daripada syariah boleh menerima perubahan. Maksudnya, pemahaman ke atas nas-nas syarak serta menghasilkan beberapa hukum boleh menerima perubahan berdasarkan beberapa faktor tertentu.<sup>71</sup> Sebagai contoh kaedah fiqh yang menyatakan bahawa:

تغير الفتوى واختلافها بحسب تغير الأزمنة والأمكنة والأحوال والنيات

والعوائد

Terjemahan: *Perubahan dan perbezaan fatwa [hukum] adalah berasaskan perubahan waktu (masa), ruang (tempat), keadaan, motivasi dan kebiasaan.*

Berasaskan kaedah tersebut, hukum yang ditetapkan berasaskan ijtihad yang tiada nas *q t' i* akan berubah apabila berlakunya perubahan dari segi masa, keadaan dan tempat, niat dan tradisi „urf). Hal ini kerana, kebiasaannya hukum tersebut dibina bagi memelihara *maṣlaḥah* dan kepentingan masyarakat dan dalam masa yang sama menolak sebarang kesulitan di samping mempermudah urusan hidup. Menerusi kaedah ini, antara ciri-ciri keistimewaan fiqh Islam adalah keanjalan (hukum atau pemahaman ke atas syariah adalah tidak statistik). Tambahan lagi, Muhammad Yusuf Musa ada menyatakan antara ciri penting *fiqh* Islam ialah boleh menerima perkembangan (perubahan) mengikut perubahan suasana masa dan tempat.<sup>72</sup> Perubahan-perubahan ini tidak boleh diabaikan dari aspek penganalisan hukum dan penyelidikan fatwa kini

<sup>71</sup> Abdul Karim Ali, “Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum”, dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur : APIUM, 2000), 54.

<sup>72</sup> Muhammad Yusuf Musa, *kh l li- ir s t l- fiqh l- Isl mī* (Kaherah: D r al-Fikr al- Arabi, 1961), 47.

kerana ia merupakan objektif hukum syarak iaitu kemaslahatan.<sup>73</sup> Yang dimaksudkan oleh perubahan-perubahan yang tidak boleh diabaikan ialah faktor perubahan waktu, masa, tempat dan „urf setempat. Pengkaji telah memetik kupasan dan huraian contoh yang ringkas oleh penulisan oleh Alias bin Azhar *et. al* yang menjelaskan bahawa faktor perubahan waktu dan „urf menjadi asas kepada perubahan hukum dan diperlukan dalam pendekatan penyelidikan fatwa yang bersifat semasa.<sup>74</sup>

i. Waktu (masa dan zaman)

Faktor perubahan ini memfokuskan kepada kepentingan dimensi waktu sebagai faktor penyebab terjadinya perubahan hukum Islam. Contohnya, konsep waktu yang biasanya diambil kira dalam perubahan hukum adalah perubahan dari waktu damai ke waktu perang dari waktu biasa (normal) ke waktu darurat dan kelaparan. Selain itu, waktu juga dikaitkan dengan dimensi masa lepas (silam/ klasik), kini (sekarang/ moden/ kontemporari) dan akan datang.

ii. „Uf (budaya dan tradisi setempat)

Faktor ini fokus kepada kepentingan tradisi sebagai faktor perubahan hukum Islam. Jika berlaku perubahan tradisi, perubahan itu akan diikuti oleh perubahan hukum Islam yang didasarnya. Dalam kajian *Usul al-Fiqh*, „urf memainkan peranan yang penting dalam tafsiran dan huraian fuqaha bagi ketetapan hukum yang tiada nas yang jelas. Sehubungan dengan itu, dalam kajian *fiqh*, banyak sekali masalah yang rujukannya ialah tradisi dan kebiasaan adat setempat tetapi masih dalam landasan kriteria dan syarat yang digariskan.<sup>75</sup>

---

<sup>73</sup> Muhamad Zaidi Abdul Rahman Raja Hisyamudin Raja Sulong, “Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Shar’iyyah”, *Jurnal Syariah* (2008), 18-20.

<sup>74</sup> Alias bin Azhar Et Al, “Implikasi Isu-Isu Sains Dan Teknologi Dalam Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari”, *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship* (GBSE) 2, No. 1 (2016), 50.

<sup>75</sup> *Ibid.*

Kaedah fiqh ini secara jelas membuktikan dan mengiktiraf penetapan hukum yang berlaku kesan perubahan zaman dan bersifat semasa. Memetik penjelasan Ibn „Abidin al-Ḥanaf dalam *al-Madkhal al-Fiqh al-„ m*:

“ h w ter p t n k jug hukum-hukum yang dibina oleh mujtahid berasaskan suasana yang ada pada zamannya. Oleh itu, hukum–hukum tersebut k n e r e z e n g n e r e z n m s k e r n e r l k u p e r u h n „uruf h l i n (penduduk setempat) atau kerana berlaku darurat atau kerana kerosakan akhlak masyarakat. Kalau dikekalkan hukum itu atas sifat yang dahulu juga akan menimbulkan mashaqqah (kesukaran) dan kemudaratannya kepada manusia dan akan menyalahi kaedah-kaedah syariat yang diasaskan atas dasar meringan, memudah dan menolak kemudaratannya dan kerosakan, bagi tujuan mengekalkan sistem hidup di atas hukum-hukum yang terbaik”.<sup>76</sup>

Kesimpulannya, pengambilkiraan realiti semasa dan faktor perubahan setempat perlu dititikberatkan dalam mentafsirkan, menghuraikan hukum-hukum syarak dan proses penyelidikan fatwa. Para mufti atau mujtahid tidak boleh mengambil sikap bertaqlid kepada hukum atau fatwa terdahulu secara statik tanpa mengambilkira kepada realiti perubahan zaman yang berlaku. Sekiranya sikap bertaqlid ini diteruskan, ia boleh menyebabkan kegelinciran dan ketidaktepatan dalam menghasilkan sesuatu fatwa.<sup>77</sup> Justeru itu, pengharmonian hukum dalam perundangan Islam tidak boleh dicapai dan jawapan hukum atau fatwa yang dihasilkan dilihat sebagai fatwa yang kurang menjawab persoalan semasa dan kurang diyakini oleh masyarakat.

## **b) Ijtihad dalam penyelidikan fatwa**

Aznan Hasan dalam artikelnya telah memetik definisi ijtihad kolektif (*j m „ i*) yang diberikan oleh al-Attar iaitu ijtihad *j m „ i* adalah suatu persetujuan melebihi seorang

<sup>76</sup> Mustafa Ahmad al-Zarqa, *l - k h l l - Fiqh al-„ m* (Damshiq: D r al-Qal m, 1998), 1:102

<sup>77</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid, “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia ( INFAD).

mujtahid dimana para mujtahid berusaha untuk menjawab permasalahan hukum daripada sumber yang relevan atau berautoriti. Al-Attar juga memperluas definisi bentuk ijtihad ini dengan tidak menghadkan kepada para mujtahid sahaja, akan tetapi juga kepada penyelidik-penyelidik dalam bidang fiqh dan para sarjana Islam yang belum mencapai tahap mujtahid.<sup>78</sup> Menurut Irwan bin Muhammad Sabri dalam penulisan berpandangan bahawa pada masa kini, rata-rata mufti tidak mencapai tahap mujtahid yang mutlak bahkan kebanyakannya hanya menukulkan pandangan mazhab dalam kitab-kitab fiqh mereka yang muktabar. Walaubagaimanapun, apabila permasalahan baharu ditimbulkan, mufti merupakan individu yang bertanggungjawab memberi jawapan hukum sama ada secara individu (*ijtih f r d i*) atau secara bersama dan kolektif (*ijtih j m i*).<sup>79</sup>

Oleh itu, dalam penulisan Yusuf al-Qaradawi, beliau juga berpandangan dalam menetapkan hukum bagi masalah baharu yang tidak pernah diketahui oleh sarjana hukum Islam terdahulu<sup>80</sup> penguasaan terhadap pengetahuan baharu berkaitan persoalan tersebut dan pengetahuan yang menjadi persyaratannya ijtihad itu sendiri adalah signifikan. Rentetan daripada itu, ijtihad *j m i* atau kolektif dilihat sebagai sangat diperlukan kerana keterbatasan pengetahuan para mujtahid atau mufti seiring dengan semakin ketatnya pengkhususan disiplin ilmu pada masa kini, menjadikan ijtihad *f r d i* atau individu dilihat kurang praktikal atau relevan. Sebagai contoh, dalam isu pemindahan organ manusia. Sukar bagi sarjana hukum Islam atau mufti untuk menetapkan hukum dengan tepat tanpa bantuan daripada pakar perubatan. Mereka perlu mendengar dahulu pendapat pakar dalam bidang perubatan, khususnya pakar bedah. Informasi mengenai

<sup>78</sup> Aznan Hasan, "An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihad Jama'i): Concept and Applications", *The American Journal of Islamic Social Sciences* 20:2, 35-37. Lihat juga Al-Attar, *al-Tarīf bi al-Ijtihād al-Jamā'i*, 1:31.

<sup>79</sup> Irwan bin Muhammad Sabri, *al-Ahkām wa al-Fatāwa al-Shar'iyyah bayna al-Thabat wa al-Taghayyū*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2012), 101-102.

<sup>80</sup> *Ibid*. Lihat juga Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, dan Suhaimi Ab Rahman, "Ijtihad Kontemporari Dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa Di Malaysia, 3-5.

cara dan mekanisme pemindahan organ manusia. Setelah diketahui secara jelas perihal pemindahan organ, baharu dimulai perbahasan dari disiplin *uṣ l fiqh* untuk ditetapkan hukumnya. Justeru, ijihad kolektif pada masa kini lebih relevan dan signifikan selaras dengan perkembangan fiqh semasa.

Wahbah al-Zuhayl juga dalam kitabnya *l-ijtih l-fiqhī al-h īt hi* mencadangkan sesuatu isu hukum ditentukan melalui pendekatan ijihad *j m , i* kerana ia merupakan langkah terbaik dipraktikkan hari ini.<sup>81</sup> Antara pembaharuan yang boleh menjadikan ijihad lebih bersifat *t j ī d* dan bukan *taqlid* adalah sesuatu *ijihad* perlulah menggunakan ijihad *j m , i* kerana ianya melibatkan kemahiran dan sumbangan yang bukan sahaja datang daripada para mufti atau mujtahid malah penglibatan ahli akademik berkepakaran dalam pelbagai bidang.<sup>82</sup> Abdul Shukor bin Hj. Husin turut menjelaskan bahawa perkembangan ilmu ke arah pengkhususan yang lebih sempit dan menjurus kepada sesuatu bidang ada baiknya, tetapi ia juga memberi kesan negatif dengan menyebabkan terhakisnya alim ulama” yang mempunyai dan menguasai banyak cabang dan bidang ilmu.<sup>83</sup> Hakikatnya kita dapati adalah sukar pada masa ini untuk mencari individu yang mendalami semua bidang seperti akidah, tafsir, hadis, perubatan, ekonomi, sains dan teknologi dan sebagainya. Perubahan seperti ini memerlukan kerjasama daripada semua ulama” dalam bidang pengkhususan masing-masing, golongan yang berkepakaran dan ahli akademik yang terlibat dengan pelbagai penyelidikan untuk melahirkan keputusan dan pendekatan hukum yang sifatnya lebih menyeluruh dan mendalam. Maka himpunan daripada golongan berkepakaran dalam bidang pengkhususan masing-masing inilah dapat memberikan pandangan yang kukuh dan mantap dalam menangani kepelbagai isu semasa. Oleh itu melalui ijihad *j m , i*,

---

<sup>81</sup> Wahbah al-Zuhayl *l-Ijtiḥ l- iqhī Al-H īthī*, (Damsyik: D r al-Maktab, 1997).

<sup>82</sup> Mohammad Hashim Kamali, *Methodological Issues in Islamic Jurisprudence* (BRILL, 1996), 19-23.

<sup>83</sup> Profesor Emeritus Tan Sri Dato” Dr Abdul Shukor bin Hj Husin , “Ijihad jama’ī: Satu Transformasi Fatwa Dalam Menangani Kepelbagaian Isu Semasa” 48-49.

pendapat-pendapat fuqaha' silam serta dalil-dalil mereka akan lebih banyak terkumpul yang menyebabkan pentarjihan boleh dilakukan dengan lebih teliti.

Aplikasi ijtihad *jam'i* ini banyak digunakan oleh para ulama<sup>84</sup> dalam mengeluarkan fatwa sama ada dalam bentuk institusi rasmi seperti Akademi Fiqh Islami di Mekah, *jam' al-Buḥūth al-īqhiyyah* di Mesir, *jam' al-fiqh al-Islāmī* di Arab Saudi, Jawatankuasa Fatwa Universiti Al-Azhar dan juga Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia.<sup>84</sup> Secara dasarnya, aplikasi ijtihad *jam'i* dalam perkembangan fiqh dan fatwa di Malaysia boleh dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh institusi fatwa di peringkat negeri dan kebangsaan, JAKIM. Institusi ini bertanggungjawab dalam mengurus tadbir dan mengeluarkan hukum Islam yang bersesuaian dengan realiti masyarakat Malaysia semasa khususnya umat Islam. Kebiasaannya, agensi seperti JAKIM dan institusi fatwa ini sering meminta bantuan khidmat nasihat daripada ahli akademik khususnya yang membabitkan penyelidikan ilmiah dalam isu yang dikehendaki jawapan oleh masyarakat. Kebanyakan tokoh-tokoh, para mufti daripada institusi fatwa setiap negeri dan ahli akademik daripada institut pengajian tinggi juga menjadi penasihat kepada perbankan Islam, takaful, perundangan Islam dan sebagainya. Perkara ini turut dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri di Malaysia yang sebenarnya telah membuka ruang untuk mengimplimentasikan pendekatan ijtihad *jam'i* dalam kajian, kertas kerja dan proses penyelidikan fatwa. Antara contoh-contoh enakmen pentadbiran fatwa yang menunjukkan pengamalan ijtihad *jam'i* di Malaysia. Seksyen 48 (2) dan Seksyen 51(1)(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan penglibatan secara kolektif (Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Kebangsaan) dalam penyelidikan fatwa:<sup>85</sup>

---

<sup>84</sup> Profesor Emeritus Tan Sri Dato<sup>84</sup> Dr Abdul Shukor bin Hj Husin, "Ijtihad *jam'i*: Satu Transformasi Fatwa Dalam Menangani Kepelbagaian Isu Semasa" dalam Monograf al-Ifta<sup>84</sup> Siri 2 (JAKIM), 48-49.

<sup>85</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

48 (2) *Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.*

51 (1) *Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.*

51 (2) *Selepas menimbang teliti perkara itu Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapat perkenannya supaya fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, melalui Majlis Raja-Raja.*

Contoh lain, Seksyen 37 (2) dan 40 (1) dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 pula memperuntukkan:<sup>86</sup>

37 (2) *Bilamana Jawatankuasa bercadang hendak membuat sesuatu fatwa, Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.*

40 (1) *Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 36, bilamana Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.*

40 (2) *Selepas menimbang teliti perkara itu, Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda agar fatwa yang dicadangkan itu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja, melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.*

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan bahawa konsep *ijtihad j m , i* dalam konteks semasa merupakan perbincangan, kajian, penyelidikan serta pendapat yang dikemukakan secara langsung atau tidak, disertai usaha dan kesungguhan mereka bagi mencari fakta-fakta, dalil-dalil yang berautoriti seperti al-Quran dan Sunnah ataupun lain-lain metodologi bagi menyelesaikan isu tersebut sehingga mencapai kata sepakat daripada keseluruhan ahlinya atau sebahagian besarnya. Maka proses seperti ini dikenali

---

<sup>86</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

sebagai ijtihad. Hasil dari perbincangan atau penyelidikan fatwa tersebut jika disepakati oleh Jamaah tersebut atau segolongan besar daripada mereka, maka lahirlah satu keputusan atau fatwa atas nama golongan tersebut. Maka fatwa tersebut boleh dinamakan Fatwa *majma'iyah*.<sup>87</sup>

### c) Penggunaan *takhayyur* dan *ta'liq*

Abdul Karim bin Ali dalam kajiannya menyatakan kita boleh merujuk kepada *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i walaupun "if' atau boleh merujuk kepada pendapat dalam mazhab selain Syafi'i" yang boleh mendatangkan manfaat (*maṣlahah*) kepada orang ramai sekiranya terdapat persoalan dan kekeliruan hukum yang sukar berlaku.<sup>88</sup> Perkara ini merujuk kepada persoalan penggunaan *ta'liq* dan *takhayyur*. Penulisannya juga turut menjelaskan bahawa pegangan kepada satu mazhab sahaja dalam kerangka pembinaan hukum Islam semasa dan perkembangan fatwa di Malaysia boleh menunjukkan ketaksuban kepada sesuatu mazhab dan ianya bersifat *taqlid*(tidak terbuka). Sesungguhnya, syariat Islam itu sebenarnya, bukan semata-mata pegangan kepada satu-satu mazhab sahaja, malah pada zaman era globalisasi ini, fiqh pelbagai mazhab perlu didedahkan kepada masyarakat supaya jawapan fatwa yang diberikan lebih meyakinkan.

*Takhayyur* bermaksud mengambil salah satu pendapat mazhab yang paling rajih disebabkan kekuatan dalilnya dan sesuai serta selari dengan *maṣlahah* umum.<sup>89</sup>

Abdullah @Alwi Hj Hassan telah mendefinisikan *takhayyur* dengan takrifan yang mudah iaitu penyesuaian beberapa doktrin undang-undang dari sesuatu mazhab yang

---

<sup>87</sup> Prof Dr. Mustafa Al-Zuhaidi, *Al-Ijtihad Al-Majma'i Al-Fiqh Al-Islami*, (Mekah:2008), 6-7. Lihat juga Aznan Hasan, "An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihad Jama'i): Concept and Applications", *The American Journal of Islamic Social Sciences* 20:2, 35-44.

<sup>88</sup> Abdul Karim bin Ali, "Tajdid Fiqh Mazhab Shafi'i di Malaysia", *Jurnal Fiqh*, No 4 (2007), 77-84.

<sup>89</sup> Muhammad Siraj, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Iskandariyah: Mansha'ah al-Ma'arif, 1988), 383

mengikut keperluan dan tuntutan semasa masyarakat dan negara.<sup>90</sup> Manakala Maszlee bin Malik dalam kajiannya telah menyatakan hubungan antara *takhayyur* dengan *ta'liq* iaitu *takhayyur* merupakan salah satu daripada bentuk *ta'liq*, kerana *takhayyur* adalah kebebasan individu (yang beragama Islam) untuk tidak terikat dengan suatu mazhab sahaja atau boleh mengikut dan memilih mana-mana pendapat mazhab.<sup>91</sup> Beliau turut menjelaskan bahawa *takhayyur* adalah salah satu contoh perbuatan *ta'liq* yang disebabkan oleh hajat(keperluan), tuntutan masa serta keadaan dan fatwa mufti. Pengamalannya boleh dijustifikasikan dalam dua bentuk keadaan iaitu pewartaan oleh pemerintah dan pengamalan peribadi individu.

Pada masa kini, konsep *takhayyur* ini banyak diamalkan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah (negara Islam) dalam menyusun tadbir enakmen atau perundangan Islam di negara mereka.. Abdullah@Alwi Hj Hassan dalam artikelnya telah mengemukakan contoh iaitu dalam peraturan perundangan, mazhab Hanafi telah dijadikan sebagai asas penggubalan *al-hukm al-mali*, *li al-hajj* atau *The Mejelle*<sup>92</sup> dengan disesuaikan dengan keperluan semasa masyarakat dan negara.<sup>93</sup> Penggunaan *takhayyur* bukan asing lagi terutama di kebanyakan negara-negara Islam khususnya dalam penfatwaan dan penggubalan undang-undang Islam atas dasar masalah umum dan selari dengan kaedah-kaedah fiqh.<sup>94</sup> Sebagai contoh Pakistan, Sudan, Iran, Libya, Nigeria dan Mesir yang telah melakukan proses harmonisasi undang-undang Islam dari bersifat teori fiqh dalam kitab-kitab turath ke dalam bentuk statutori bersama-sama

---

<sup>90</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini", *Jurnal Syariah* 15, no.2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 6

<sup>91</sup> Maszlee bin Malik, "Hukum Ta'liq dalam Muamalat: Kajian terhadap Bay' al-Murabahah li al-Amir bi al-Syira" di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 55-58.

<sup>92</sup> Ini diperakui oleh Hakim Mahkamah Agung Pakistan S.A. Rahman pada tahun 1967, Mohd Daud Bakar bahawa mazhab Hanafi merupakan asas kepada kandungan *Majallah al-Ahkam al-mali*, *li al-hajj*, lihat *The Mejelle*,v dipetik dari Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini", 8

<sup>93</sup> Muhammad Siraj, *Usul al-Fiqh al-Islami*, 382.

<sup>94</sup> *Ibid*, 383.

prinsip dari undang-undang sivil yang bersifat sekular tetapi selari dengan hukum dan objektif syariah.<sup>95</sup>

Manakala *ta'liq* menurut Wahbah al-Zuhayl adalah menghimpunkan antara *taqlid* dua imam atau lebih dalam sesuatu perbuatan di mana setiap perbuatan itu mempunyai rukun atau *juz'iat* yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Setiap perbuatan itu juga mempunyai hukum khas yang menjadi pokok perselisihan di kalangan ulama. Apabila seseorang bertaqlid kepada mazhab tertentu dalam sesuatu hukum dan bertaqlid kepada mazhab yang lain dalam masalah hukum yang lain, maka perbuatan itu dianggap *ta'liq* di antara dua mazhab atau lebih.<sup>96</sup> Mohd Hafiz Jamaludin dalam kajiannya berpandangan bahawa takrif Wahbah al-Zuhayl ini antara takrif yang lengkap, walaubagaimanapun ianya terlalu panjang dan tidak sesuai digunakan sebagai takrif konsep.<sup>97</sup> Beliau telah cenderung untuk memilih takrifan istilah *ta'liq* yang diberikan oleh ulama iaitu “mencampurkan dua pendapat mazhab dalam satu permasalahan sehingga menghasilkan satu gabungan hukum yang tidak diiktiraf oleh kedua-duanya sama ada percampuran itu dilakukan pada asal permasalahan atau pada permasalahan lain yang merupakan kesan daripada asal permasalahan tersebut”<sup>98</sup>

Mohd Salleh Ahmad dalam penulisannya telah merumuskan *ta'liq* sebagai menghimpun dua pendapat atau mazhab dalam satu-satu permasalahan sehingga membentuk satu hukum atau konsep tertentu walaupun kaedah sedemikian tidak mendapat pengiktirafan dari mazhab tersebut.<sup>99</sup> Takrifan yang lebih moden dan ringkas

---

<sup>95</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, “Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini”, 18.

<sup>96</sup> Wahbah al-Zuhayl, *al-Ukhs al-Sharhi fi al-Hukm al-Muwat'at* (Beirut: Dar al-Khair, 1993), 56.

<sup>97</sup> Mohd Hafiz Bin Jamaludin, “Aplikasi Talfiq Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016), 28.

<sup>98</sup> *Ibid*, 55.

<sup>99</sup> Mohd Salleh Ahmad, *Pengantar Syariat Islam* (Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2014), 186.

diberikan oleh Abdullah @ Alwi Haji Hassan iaitu *talfiq* sebagai peminjaman secara bebas dari pelbagai sumber atau mazhab secara tidak eksklusif pada satu-satu mazhab.<sup>100</sup> Muhammad Siraj telah menjelaskan berkaitan *talfiq* dalam perundangan Islam, apabila pihak pemerintah atau badan perundangan menggabungkan beberapa mazhab sebagai asas kepada sesuatu undang-undang dan *talfiq* jenis inilah yang menjadi amalan badan perundangan masa kini dan dianggap kaedah yang paling sesuai bagi memastikan undang-undang Islam terlaksana selari dengan matlamat syarak dan masalah umum.<sup>101</sup> Pengamalan di Malaysia contohnya, walaupun mazhab Shafi merupakan mazhab rasmi negara, proses pengeluaran fatwa atau penggubalan undang-undang mahupun dalam konteks penghakiman di Mahkamah Syariah, dengan merujuk kepada mazhab-mazhab lain yang muktabar selain mazhab Shafi adalah dibenarkan sekiranya pandangan dari mazhab Syafi tidak sesuai dengan „urf atau keperluan semasa.<sup>102</sup>

Mustafa Shamsuddin<sup>103</sup> telah merumuskan bahawa pengamalan *talfiq* di Malaysia adalah diterima dengan rasmi secara pilihan kedua, iaitu selepas berusaha berpegang dengan mazhab Syafi. Dengan kata lainnya, berpaling kepada *talfiq* hanya dibenarkan dengan bersyarat dan perlu pada masa yang sama mengutamakan mazhab Shafi seboleh mungkin. Beliau turut memetik ucapan Dato“ Dr Haji Shafie bin Mohd Salleh dalam pembentangan laporan berkenaan industri modal dan kewangan Islam. Dato“ Dr Haji Shafie dalam pembentangannya telah meletakkan *talfiq* ini di dalam senarai instrumen modal berlandaskan Syariah yang telah banyak ditubuhkan. Perkara

<sup>100</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, “Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini”, 7

<sup>101</sup> Muhammad Siraj, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Iskandariyah: Mansha‘ah al-Ma‘arif, 1988), 383

<sup>102</sup> Sekyen 54 (1)(2) dan (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003)

<sup>103</sup> Mustafa Shamsuddin, “Talfiq: Sejauhmanakah Pengamalannya di Malaysia”, (Seminar Pemahaman Empat Mazhab, anjuran Jabatan Agama Islam Perak (JAIP). 3.

ini membuktikan bahawa pemakaian *talfiq* telah begitu meluas di dalam sektor perbankan, permodalan dan kewangan Islam di Malaysia.

Perkembangan fiqh dan penyelidikan fatwa di Malaysia khususnya menunjukkan amalan bertalfiq antara mazhab sebenarnya diterima dan digunapakai oleh masyarakat Islam di Malaysia samaada disedari atau tanpa disedari. Sebagai contoh dalam kontrak hutang ( , *al-dayn*), mengikut mazhab Sy fi dan jumhur, hutang tidak boleh dijual beli kerana ia satu yang tidak dimiliki sepenuhnya, dan ia adalah satu kontrak yang lain. Namun begitu, kebanyakan syarikat kewangan Islam di Malaysia telah menggunakan kontrak ini terutamanya ketika melibatkan projek-projek besar yang bernilai berbilion ringgit. Dalam mazhab Hanbali, terdapat pendapat yang membolehkan kontrak seperti ini lalu mereka mengambil pendapat ini.<sup>104</sup> Antara contoh lain juga adalah hukum mendirikan solat jumaat dengan bilangan makmum kurang daripada 40 orang. Mengikut mazhab Sy fi , mendirikan solat jumaat dengan bilangan jumlah jemaah yang kurang dari 40 orang adalah tidak dibenarkan. Walaubagaimanapun, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa kebolehan mendirikan solat Jumaat dengan hanya empat orang bagi penuntut Malaysia yang berada di luar negara.<sup>105</sup>

Oleh yang demikian, *talfiq* boleh disifatkan sebagai mengharmonisasi sumber undang-undang Islam dalam bentuk penggabungan atau kombinasi sumber mazhab.<sup>106</sup>

Tan Sri Syeikh Ghazali Bin Hj Abdul Rahman dalam kertas kerjanya menjelaskan bahawa dalam menggubal peruntukan undang-undang dan enakmen-enakmen,

---

<sup>104</sup> *Ibid*, 17. Lihat juga Maszlee Malik, *Talfiq: Beramal Dengan Pelbagai Mazhab*, (Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2005), 33.

<sup>105</sup> Mustafa Shamsuddin, "Talfiq: Sejauhmanakah Pengamalannya di Malaysia", (Seminar Pemahaman Empat Mazhab), 17. Lihat juga Mohd Firdaus Nurulhuda, *th r l- u ruf l- Ijtim 'i h , l l- tw l- Sh r' i h: lizi mu h j n*, (Pusat Penyelidikan, UIAM: 2001), 139.

<sup>106</sup> Tan Sri Sheikh Ghazali Hj Sbdul Rahman, "Beberapa Manifestasi Penggunaan *Ijtihad* dan *Talfiq* Dalam peruntukan-peruntukan Statut Moden Di Malaysia", (Kertas kerja, Seminar Taqlid, Ijtihad dan Talfiq: Skop, Amalan Dan Batasan , anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dewan Besar, IKIM, Kuala Lumpur, 12-13 November 2009), 2.

metodologi ijtihad dan *tafīq* telah digunakan secara meluas demi memperlihatkan kesesuaian hukum Allah S.W.T mengikut peredaran zaman dan masa, sekaligus nama Islam dilihat sebagai suatu agama yang unik oleh masyarakat bukan Islam.<sup>107</sup> Perkara ini turut dinyatakan oleh Mohammad Hashim Kamali iaitu *takhayyur* dan *tafīq* merupakan metode atau kaedah yang boleh digunakan dalam proses harmonisasi undang-undang. Malah kedua-dua metode tersebut merupakan metode *uṣ l fiqh* yang biasa digunakan dalam melaksanakan undang-undang yang berorientasikan syariah.<sup>108</sup> Kesimpulannya, kaedah *tafīq* ini sepatutnya bukanlah satu pengambilan kesempatan perundangan (*juristic opportunism*) yang tidak berasaskan kepada mana-mana kaedah yang diterima, kerana ia berasaskan kepada *maṣlaḥah* (kepentingan umum). Pembukaan pintu ijtihad dan pembaharuan penggunaan kaedah *takhayyur* ini boleh memberi ruang yang luas kepada para mufti untuk berijtihad mengikut skop bidang kuasa yang diperuntukkan, terutamanya bila menghadapi masalah-masalah yang dihadapi, termasuk bidang undang-undang keluarga ataupun muʿāmalat yang semakin meluas digunapakai oleh masyarakat kini.<sup>109</sup>

#### **d) Pendekatan q Syariah**

Noraʿīnan binti Bahari<sup>110</sup> dalam penulisan artikelnya membincangkan mengenai istilah maqṣid Syariah ini dengan mengkategorikan kepada dua bahagian iaitu pertama adalah para pengasas seperti al-Ghazālī, al-Shāṭibī dan Ibn ʿAbd al-Salām. Kedua adalah daripada ulama kontemporari seperti Ibn ʿAshur, Ahmad Raysuni, Yusuf al-Qaradawi, Wahbah al-Zuhayl, Ibn al-Zaghibah, Jasir ʿAwdah, al-Khadam dan ʿAlal al-Fasi.

<sup>107</sup> *Ibid.*

<sup>108</sup> Mohammad Hashim Kamali, "Syariah And Civil Law: Towards A Methodology Of Harmonization", *Islamic Law and Society Journal* 14, No. 3, (2007), 1.

<sup>109</sup> Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini", 12

<sup>110</sup> Noraʿīnan bt Bahari, "Pembentukan Berasaskan Maqṣid Shariʿah: Analisis Metode Pengenalpastian dan Kawalan oleh al-Shatibi dan Ibn ʿAshur", *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8, No 1, (2015), 20-21.

Terdapat pelbagai definisi yang telah dikemukakan tentang istilah *maq şid*. Fuqaha klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang khusus terhadap *maq şid*. Malah al-Sh ĩb dan al-Ghaz l yang dikenali sebagai pelopor ilmu *maq şid* tidak pernah memberikan definisi tertentu kepadanya. Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan *maq şid* syariah dalam hukum-hukum syarak.

Perbincangan al-Ghaz l<sup>111</sup> dalam mendefinisikan *maq şid* syariah adalah dengan menghuraikan tentang *maşlahah* yang bertepatan dengan syarak dan *maşlahah* yang ditolak kerana bercanggah dengan syarak ataupun menurut syarak yang diistilahkan dengan *maşlahah mursalah*. al-Ghaz l menggariskan hanya yang menepati *maq şid* syariah sahaja diterima. Manakala menurut al-Sh ĩb<sup>112</sup> penciptaan syariat menurut tujuan ilahi ialah demi kemaslahatan hamba di dunia dan akhirat melalui pertanggungjawaban hukum syarak. Oleh itu *maq şid* syariah yang dimaksudkan al-Sh ĩb adalah dengan membahagikan tingkatan *maq şid* syariah kepada *đ r rĩ t* (asasi), *h jiy t* (keperluan) atau *taşşĩniyy t* (kesempurnaan).<sup>113</sup>

Al-Ghaz l dan al-Sh ĩb<sup>114</sup> telah meletakkan lima perkara asas yang perlu diberi perhatian dan keutamaan iaitu penjagaan agama, diri, keturunan, harta dan akal dalam perkara *đ r rĩ t*. Lima perkara ini mesti dipertahankan agar kemaslahatan terpelihara. Oleh itu, seorang mufti perlu mengambil kira kelima-lima kepentingan tersebut dalam memutuskan keputusan fatwa, lebih-lebih lagi persoalan yang menyentuh kepentingan umat Islam pada masa kini. Penjagaan lima kepentingan

<sup>111</sup> al-Ghaz l , Muhammad ibn Muhammad. *Al-Must şf min Ilm l- Uş l*, (Beirut: D r Ihya" al-Turath al- Arab Mua"ssasah al-Tarikh al- Arab , 1993) Jilid 1.

<sup>112</sup> al-Sh ĩb , Abi Ishaq Ibrahim Ibn Musa Al-Lakhamiyy. *l - u w f q t Fi Uş l Al-Ahk m* ( Beirut: D r Al-Fikr, t.t) Jilid 2. Lihat juga Nora"ınan bt Bahari, "Pembentukan Berasaskan Maq şid Shari"ah: Analisis Metode Pengenalpastian dan Kawalan oleh al-Shatibi dan Ibn „Ashur", *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8, No 1, (2015).

<sup>113</sup> Ziyad Muhammad Ahmidan., *q şid al-Sh ri" h l-Islamĩ h ir sah Uş li h w T t iq t iqhĩyah*. (Beirut: Risalah Publishers, 2008), 23.

<sup>114</sup> al-Shaĩb , Abi Ishak Ibrahim Bin Musa, *l - u w f q t Arab Sa"udi*: Dar Ibn „Affan,1997), 17

*d r rī* menjadi syarat yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan penentuan fatwa dibuat berasaskan kepentingan pengambilkiraan prinsip *maq šid* tersebut.<sup>115</sup> Menurut al-Sh ūb aspek *h jiy t* (keperluan) dan *taḥsīniyy t* (kesempurnaan) adalah pelengkap kepada keperluan asasi. Sebagai contoh kewajipan solat untuk menjaga agama tidak akan tertunai dengan sempurna tanpa syarat menutup aurat dan menghadap kiblat serta sunat memakai wangian semasa solat. Para mujtahid atau mufti juga perlu mengambil kira kepentingan *h jiy t* dalam menentukan keputusan fatwa apabila berlaku sesuatu permasalahan yang memerlukan kelonggaran atau keringanan supaya tidak menimbulkan kepayahan atau kesukaran kepada umat Islam. Oleh yang demikian, pihak institusi fatwa harus memberi perhatian terhadap prinsip *muw z n t* (pertimbangan) dengan merealisasikan *maṣlaḥah* atau menolak *mafsadah*<sup>116</sup> terhadap persoalan yang timbul jika sesuatu perkara itu memerlukan pertimbangan antara kedua-dua aspek tersebut<sup>117</sup> bagi menentukan sama ada menerima *maṣlaḥah* lebih utama atau pun menolak *mafsadah*.<sup>118</sup>

Ulama“ kontemporari seperti Y su f al-Qaraḍ w , mentakrifkan *m q šid* syariah sebagai tujuan yang menjadi tujuan teks dan hukum untuk direalisasikan dalam hubungan manusia berbentuk perintah, larangan atau harus sama ada untuk individu, keluarga, bangsa dan umat. Maksud-maksud ini juga boleh diertikan sebagai hikmah-hikmah yang menjadi tujuan ditetapkan hukum yang disyariatkan oleh Allah untuk hambaNya.<sup>119</sup> Manakala, *m q šid* syariah menurut Al-Zuhayl ialah makna-makna dan matlamat mutlak yang dirumuskan dalam semua hukum atau kebanyakannya atau ia

<sup>115</sup> Mohd Faez Bin Mohd Shah Dan Noor Naemah Bt Abdul Rahman, “Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, (2015) 68-84.

<sup>116</sup> Abu Muhammad ,Jzz al-Din Bin ,Abd al-Sal m al-Damsyiqi, w ‘i l-Aḥk m fī s līh l- n m. (Kaherah: Maktabah al-Kull yat al-Azh r iyah,1991)1:60

<sup>117</sup> Y suf al-Qaraḍ w , *iqh l- wl wi t* Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 30.

<sup>118</sup> Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maṣlaḥah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa ” *Jurnal Syariah* 16, no. 1.(2008), 107-136.

<sup>119</sup> Y suf al-Qaraḍ w , *ir s h fī fiqh m q šī l-Sh rī” h: n l-m q šī l-kullī h w l-nuṣuṣ al-juz’i h* Kaherah:D r al-Sh ruq,2007).

adalah matlamat syarak dan rahsia yang diletakkan oleh Allah bagi setiap hukum-hukumnya.<sup>120</sup> Secara umumnya *maqāsid* syariah didefinisikan sebagai mewujudkan kebaikan dan menolak keburukan serta menghilangkan kemudaratan.<sup>121</sup> Ianya merupakan tujuan pensyariaan yang ingin dicapai oleh syarak untuk kemaslahatan umum. Pemahaman dan penggunaan kaedah *maqāsid* syariah merupakan unsur penting bagi setiap mujtahid atau mufti semasa proses ijtihad dan pengaplikasian hukum syarak ke alam realiti dan kehidupan semasa, seiring dengan kehendak dan tujuan pensyariaan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T. Antara ayat al-Quran yang menjadi asas kepada *maqāsid* syariah adalah seperti berikut:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Al-Baqarah: 185

Terjemahan: *Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.*

هُوَ أَجْتَبَنُكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Al-Hajj: 78

Terjemahan: *dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.*

Rumusan daripada dua ayat al-Quran di atas adalah jelas menunjukkan prinsip mempermudah dan menghindari kesusahan adalah menjadi misi dan visi yang terkandung di dalam *maqāsid* syariah. Allah S.W.T juga tidak akan membebani manusia dengan sesuatu perkara melainkan sesuai dan seiring dengan kemampuan serta

<sup>120</sup> Dato<sup>u</sup> Dr Abdul Monir bin Yaacob, "Maqāsid Shariah: Konsep Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Semasa Di Malaysia Dalam Menentukan Hukum", dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur :APIUM, 2000), 168.

<sup>121</sup> Al-Ghazālī, *Ilmu al-Uṣūl* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi Mu'assasah al-Tarikh al-Arab, 1993); Yusuf al-Qaradawi, *Khilafah al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2001).

menepati kriteria fitrah kejadian manusia itu sendiri.<sup>122</sup> Selain itu, kepentingan penggunaan kaedah *maqāṣid* syariah dalam ijtiḥad dan fatwa telah dijelaskan oleh Imam Al-Ghazālī :

مقاصدالشرع قبله المجتهدين من توجه إلى جهة منها أصاب الحق

Terjemahan: *maqāṣid* Syariah adalah kiblat para mujtahid, sesiapa yang menghadap ke arahnya nescaya dia telah menepati kebenaran.<sup>123</sup>

Penggunaan kaedah *maqāṣid* syariah dalam ijtiḥad dan fatwa akan menambahkan lagi keyakinan masyarakat umum terhadap risalah islam<sup>124</sup> dan *maqāṣid* syariah ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia.<sup>125</sup> Pendekatan dan kefahaman yang tinggi tentang *maqāṣid* syariah merupakan keperluan asas yang penting bagi mana-mana pihak yang akan terlibat dengan amalan fatwa. Oleh itu, wujud pelbagai pendekatan dalam kalangan para sarjana seperti Hashim Kamali,<sup>126</sup> al-Badawī,<sup>127</sup> `Abdullah Nasih `Ulwan, al-Khadimi<sup>128</sup> dan al-Raysuni<sup>129</sup> dalam mengemukakan kaedah untuk mengenalpasti *maqāṣid* dengan menjadikan pandangan al-Shāṭibī<sup>130</sup> dalam *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Fiqh* dan Ibn `Ashur<sup>131</sup> dalam *maqāṣid al-Shari`ah al-Islamiyyah* sebagai rujukan utama. Antaranya:

<sup>122</sup> Alias Azhari, Mohammad Azam Hussain, Mohd Zakhiri Md. Nor Dan Mohamad Khairi Haji Othmani, "Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Syariah: Satu Tinjauan", (Seminar Fatwa Antarabangsa, 2016), 17. Lihat juga Surah. al-Baqarah ayat 286.

<sup>123</sup> al-Sayyidī, Jalūddīn, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Fiqh al-Sharī`ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1983), 181

<sup>124</sup> Al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar, *al-Ijtihād al-Maqāṣidī*, (Qatar: tp, 1998), 59.

<sup>125</sup> Alias Azhari, Mohammad Azam Hussain, Mohd Zakhiri Md Nor Dan Mohamad Khairi Haji Othmani, "Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Syariah: Satu Tinjauan", 18.

<sup>126</sup> Muhammad Hashim Kamali. An Introduction To Syariah. Selangor: Ilmiah Publishers, 2006.

<sup>127</sup> Al-Badawī, Yusuf Ahmad Muhammad. *Maqāṣid al-Shari`ah in Iḥkām al-Fiqh*, (Jordan: Dar al-Nafais, 2000).

<sup>128</sup> Al-Khadami, Nur al-Din ibn Mukhtar. *Maqāṣid al-Shari`iyah*. (Riyadh: Kunuz Asybilah, 2003M)

<sup>129</sup> Al-Raysuni, Ahmad. *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Fiqh*, (Rabat: Mansyurat Jaridah al-Zaman, 1999).

<sup>130</sup> Al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim Ibn Musa Al-Lakhamiyy. *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Fiqh al-Sharī`ī* 2 Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

- i. Merujuk secara patuh kepada perintah dan larangan Allah yang jelas
- ii. Mengambil kira „*ill h* suruhan dan larangan
- iii. Istibat hukum berasaskan *maq şid* dalam adat dan ibadat
- iv. Tiada ketetapan syarak sedangkan makna menghendaknya
- v. Penelitian (*istiqr* ") <sup>132</sup>

Hashim Kamali dalam penulisannya menjelaskan bahawa pendekatan *m q şidi* sebagai pendekatan sarjana untuk mengenalpasti *m q şid*.<sup>133</sup> Menurutnya, pendekatan *m q şidi* bermaksud merealisasikan manfaat dan menghalang keburukan iaitu *`illah* terbesar bagi semua undang-undang Syariah yang dilaksanakan kepada semua kes yang relevan. Oleh itu para sarjana perlu mengenalpasti kewujudan *maşlahah* dan hikmah (rasional dan kewajaran) dalam semua kes dan penyelidikan fatwa atau hukum yang baharu. Hikmah merupakan istilah yang berorientasikan *maşlahah* untuk *`illah*. Ia merupakan satu terminologi dalam ilmu *Uş l*, satu sifat yang boleh didapati dalam sesuatu hukum dan menjadi tanda kehadiran dan keabsahannya. Mabuk adalah hikmah, sifat dan *`illah* pengharaman arak. Sama juga seperti musafir dan kesakitan adalah *`illah* untuk berbuka puasa. Dalam sesuatu hikmah pula terdapat rasional sesuatu hukum sama ada untuk merealisasikan sesuatu manfaat atau untuk menghalang sesuatu keburukan dan marabahaya. Oleh itu pengharaman arak adalah untuk menghalang bahaya yang akan muncul kesan dari hilang daya kewarasan manakala pengharaman riba adalah untuk menghalang eksploitasi dan hikmah berbuka puasa di bulan Ramadan bagi musafir.

Perkembangan institusi fatwa di Malaysia telah menunjukkan implimentasi pendekatan *m q ş id* syariah dalam peruntukan undang-undang dan penyelidikan fatwa.

<sup>131</sup> Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir Treaties on Maq şid al-Shari`ah. Terj. dan ed. Muhammad al-Tahir al-Misawi. London: The International Institute of Islamic Thought and Al-Maq şid Research Centre In The Philosophy Of Islamic Law, Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006.

<sup>132</sup> Istiqra" bermaksud penyelidikan syariah berbentuk Induktif, iaitu salah satu metod penyelidikan Syariah untuk mengkaji sesuatu hukum fiqh bagi menghasilkan penemuan satu impak bersifat umum.

<sup>133</sup> Hashim Kamali, *An Introduction To Syariah*, 236-238.

Pengkaji sangat bersetuju dengan penulisan Nora'`inan bt Bahari dalam Seminar Fatwa Antarabangsa 2016 yang menjelaskan pendekatan sesuatu penyelidikan fatwa dengan mengikut *priority* dalam perundangan Islam. Beliau menghuraikan bahawa proses utama dalam pengeluaran fatwa adalah bersandarkan kepada nas al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak dan qiyas.<sup>134</sup> Rujukan juga dibuat terhadap pendapat-pendapat sahabat, tabi'in, imam-imam mazhab dan fuqaha melalui penelitian dalil dan bentuk pendalilannya (*isti'`l*). Ketegasan dan keutamaan merujuk kepada pendapat mazhab Shafi apabila berkaitan dengan penentuan hukum sesuatu masalah. Sekiranya tiada, barulah dirujuk kepada *qawl* atau pendapat muktamad mazhab yang lain bagi mendapatkan pandangan yang mempunyai dalil yang lebih kuat hanya apabila qaul muktamad berlawanan dengan kepentingan awam atau *ma'slahah* umum.<sup>135</sup> Sekiranya tiada jawapan daripada sumber-sumber di atas maka barulah dilakukan *ijtihad*.<sup>136</sup> Penglibatan golongan yang berkepakaran dalam bidang seperti sains dan teknologi, perubatan dan ekonomi diperlukan bagi memastikan keputusan yang diputuskan benar-benar tepat dan berwibawa. Penjelasan di atas membuktikan bahawa *maq'sid* syariah bagi mencapai *ma'slahah* atau kepentingan umat manusia itu dimanifestasikan dalam proses dan tujuan penentuan hukum atau sesuatu fatwa itu dikeluarkan.

Hassan Hj Ahmad dalam penulisannya juga menekankan bahawa penentuan secara tepat pertimbangan *ma'slahah* dan *mafsadah* dalam setiap keputusan fatwa yang akan dibuat menjadi nadi utama bagi memastikan jawapan hukum yang dipilih adalah bertepatan dengan kepentingan hidup masyarakat iaitu menjamin kebaikan dan

<sup>134</sup> Nora'`inan bt Bahari, *Maq'sid al-Shari'ah dalam Institusi Fatwa*, (Seminar Fatwa Antarabangsa, 2016), 236-239.

<sup>135</sup> Sebagai contoh lihat Seksyen 54 (1)(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 berkaitan qaul muktamad.

<sup>136</sup> Abdul Shukor Husin. *Ke Arah Penyelarasan Fatwa Di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia, 2012. Lihat juga Seksyen 54 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

menjauhkan kemudaran ke atas mereka.<sup>137</sup> Kesimpulannya, pendekatan *maqāṣid* syariah terhadap perkembangan hukum Islam boleh disimpulkan sebagai berperanan penting dalam proses ijtihad bagi menjamin sifat keterbukaan hukum Islam dalam penyelidikan dan pengeluaran fatwa pada masa kini. Tambahan lagi menurut Ridzwan Ahmad,<sup>138</sup> pendekatan *maqāṣid* syariah ini mampu memberikan perspektif pelbagai dimensi (*multi-dimensional*) yang dapat membantu untuk mengharmonikan kontradiksi yang wujud dalam *nas* atau teori-teori asas hukum Islam.

## 2.5 KESIMPULAN

Ijtihad dan fatwa merupakan suatu proses yang berterusan dalam perundangan Islam untuk menghadapi cabaran dan kemajuan dari sudut sains dan teknologi, perubahan, farmaseutikal, pemakanan, perubahan sosial, tempat dan sebagainya. Di mata masyarakat sesuatu fatwa yang diputuskan adalah suatu jalan penyelesaian atau jawapan kepada kekeliruan terhadap sesuatu isu. Justeru, untuk menjawab segala persoalan dan kekeliruan tersebut, ia memerlukan kepada pendekatan ijtihad yang mempunyai kerangka yang sesuai dengan era globalisasi dan kehendak zaman tersebut. Pembaharuan terhadap bentuk ijtihad atau penyelidikan berbentuk kontemporari dalam isu semasa perlu diteruskan demi kemaslahatan umat Islam dan kelangsungan hukum Islam yang berterusan. Oleh itu, kemampuan berijtihad atau melakukan penyelidikan fatwa yang bercorak kontemporari seperti dihuraikan oleh pengkaji iaitu pengambilkiraan realiti semasa, keperluan kepada ijtihad *j m , i*, penggunaan *takhayyur* dan *taḥfīq* serta pendekatan *maqāṣid* syariah dapat membuktikan kelestarian syariat Islam sepanjang zaman dan membantu masyarakat menyediakan jawapan fatwa yang terbaik.

---

<sup>137</sup> Hassan Hj Ahmad, "Maqāṣid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000),

<sup>138</sup> Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maṣlaḥah Dan Mafṣadah Dalam Hukum Islam Semasa", 107-136.

### **BAB 3: INSTITUSI FATWA NEGERI SELANGOR: PENTADBIRAN, PROSEDUR DAN PENYELIDIKAN FATWA**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Pengurusan dan pengeluaran fatwa di negeri Selangor terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti Selangor. Setiap fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebagai sebuah badan yang mempunyai autoriti untuk memutuskan dan mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi di negeri Selangor. Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) telah memperuntukkan peranan dan bidang kuasa berkaitan mufti, jawatankuasa fatwa, prosedur dan penyelidikan fatwa. Penulisan dan kajian berkaitan institusi fatwa Negeri Selangor telah banyak ditulis, walaubagaimanapun, penulisan bab ini akan difokuskan kepada pentadbiran institusi fatwa negeri Selangor dengan merujuk kepada sejarah, keanggotaan jawatankuasa fatwa, bidang kuasa mufti dan jawatankuasa berdasarkan peruntukan undang-undang, prosedur dan kaedah penyelidikan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menyelesaikan isu-isu yang bersifat semasa. Hasil daripada penulisan dan penyelidikan dalam bab ketiga ini, pengkaji dapat meneliti kaedah, pendekatan dan metodologi penyelidikan yang digunapakai dalam proses pengeluaran fatwa-fatwa semasa agar pengkaji boleh mengenal pasti pendekatan ijtihad kontemporari yang digunapakai.

## 3.2 INSTITUSI FATWA NEGERI SELANGOR

### 3.2.1 Sejarah Penubuhan Jabatan Mufti Negeri Selangor<sup>1</sup>

Institusi Mufti atau fatwa merupakan sebahagian daripada institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia yang telah wujud sejak sebelum merdeka lagi. Ia merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab dengan pengeluaran fatwa, cerapan hilal, taqvim solat dan sebagainya. Dari segi pentadbiran, pada awalnya para Mufti diletakkan sama ada di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam negeri atau secara langsung di bawah Majlis Agama Islam negeri dan tidak terdapat satu jabatan khusus.<sup>2</sup> Walaubagaimanapun pada masa kini, pentadbiran Mufti telah dipisahkan sejak tahun 1996 dan telah menjadi satu jabatan yang khusus yang mempunyai peranan yang tersendiri.

Jabatan Mufti Negeri Selangor pada peringkat awal kewujudannya merupakan salah satu bahagian yang terdapat di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Menurut penulisan oleh daripada beberapa penulis seperti Abdullah@Alwi Hj. Hassan,<sup>3</sup> Shamrahayu A.Aziz<sup>4</sup> dan Mohd Hisham Mohd Kamal,<sup>5</sup> pada peringkat awal, ketika itu gelaran dan jawatan Mufti belum diwujudkan lagi dan ia dikenali sebagai Sheikul Islam dan Penasihat Agama bagi menunjukkan peranan mereka sebagai pakar rujuk hukum syarak kepada istana dan masyarakat. Jawatan Sheikul Islam di Negeri Selangor telah disandang oleh Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman. Beliau mula berkhidmat pada tahun 1935 hingga tahun 1952. Setelah itu,

---

<sup>1</sup> Sejarah Jabatan Mufti Negeri Selangor, laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, dicapai 25 November 2016, <http://www.muftiselangor.gov.my/pengenalan/sejarah>. Lihat juga *Pelan Strategik 2015-2019*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2015), 2-4.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Abdullah @ Alwi Hj Hassan, "Pelaksanaan Undang-Undang Syariah pada Zaman Pramerdeka: Aspek Sejarah dan Pelaksanaan" dalam *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia*, ed. Siti Shamsiah Md Supi, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2005), 7.

<sup>4</sup> Shamrahayu A. Aziz, *Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2015), 20.

<sup>5</sup> Mohd Hisham Mohd Kamal, "Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role", *Syariah Law Reports*, no. 3 (2009).

jawatan Mufti mula diwujudkan pada tahun 1953. Tuan Haji Yusuf bin Sahabuddin merupakan Mufti Selangor yang pertama. Jawatan Mufti yang disandang pada sesi tahun 2016 hingga 2017 merupakan Mufti Selangor keenam Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid yang dilantik pada 16 Mac 1998 dan masih berkhidmat sehingga kini. Jawatan Timbalan Mufti diwujudkan pada tahun 1991. Jawatan ini diwujudkan bagi membantu Mufti dalam menjalankan tugas mengenai Hal Ehwal Islam sesuai dengan perkembangan semasa.<sup>6</sup> Kini, jawatan Timbalan Mufti disandang oleh Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir yang mula berkhidmat pada 1 Januari 2016 dan berkhidmat hingga kini.

Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Malaysia termasuk Negeri Selangor.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, proses pengasingan tidak dapat dilakukan dengan serta merta kerana masih kekurangan kakitangan. Oleh itu, Bahagian Fatwa masih lagi bergantung kepada Jabatan Agama Islam Selangor dari segi pentadbiran dan kewangan.<sup>8</sup> Secara zahirnya Jabatan Mufti telah berasingan dari Jabatan Agama Islam Selangor tetapi masih berhubung rapat dan bekerjasama dengan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Selangor dalam menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran salah (menyeleweng).

Semua Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia memperuntukkan bahawa penubuhan institusi fatwa mesti terdiri daripada gandingan antara mufti dan Jawatankuasa Fatwa bagi setiap negeri tersebut. Pelbagai nama

---

<sup>6</sup> Sejarah Jabatan Mufti Negeri Selangor, laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, dicapai 25 November 2016, <http://www.muftiselangor.gov.my/pengenalan/sejarah>. Lihat juga *Pelan Strategik 2015-2019*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2015), 2-4.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Mazni Binti Abdul Wahab, "Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989", (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 41.

jawatankuasa yang berbeza seperti Majlis Fatwa,<sup>9</sup> Jawatankuasa Perundangan Syarak<sup>10</sup> Jawatankuasa Syariah<sup>11</sup> akan tetapi Negeri Selangor menggunakan istilah Jawatankuasa Fatwa dan sebarang istilah yang diperuntukkan dalam enakmen dan akta setiap negeri, hakikatnya mereka mempunyai peranan dan fungsi yang sama.<sup>12</sup> Sehingga tahun 2016, kedudukan fatwa telah diiktiraf oleh perundangan melalui punca kuasa Enakmen tersebut. Fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh mufti dan Majlis melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor merupakan fatwa yang diakui dan diiktiraf oleh Mahkamah Syariah. Fatwa yang diwartakan juga berautoriti dan mengikat semua orang Islam di Negeri Selangor. Perbincangan berkaitan autoriti fatwa dalam sejarah perundangan Islam sehingga tahun 2016 telah dirumuskan dalam penulisan oleh Mohd Kamel Bin Mat Salleh, Mohd al-Adib bin Samuri dan Mohd Izzhar Ariff bin Mohd Kashim.<sup>13</sup>

### **3.2.2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 : Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Autoritinya**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan Seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Keahlian bagi jawatankuasa ini adalah melalui peruntukan seksyen 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mempunyai kuasa untuk melantik ahli jawatankuasa ini dan tempohnya adalah selama dua tahun. Mereka yang dilantik adalah terdiri daripada:<sup>14</sup>

1. Mufti, sebagai Pengerusi
2. Timbalan Mufti

---

<sup>9</sup> Seksyen 38, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah), 1992.

<sup>10</sup> Seksyen 36, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

<sup>11</sup> Seksyen 34, Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan), 1994.

<sup>12</sup> Azri Bin Bhari, "Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif *q sid* Syariah", (Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2016), 127.

<sup>13</sup> Mohd Kamel Bin Mat Salleh, Mohd al-Adib bin Samuri dan Mohd Izzhar Ariff bin Mohd Kashim, "Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia," *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 1(1) (2016), 3-4.

<sup>14</sup> Seksyen 46 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

3. Penasihat Undang-Undang Negeri
4. Dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis
5. Seorang pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mahir dalam hukum syarak yang akan dilantik oleh Majlis
6. Tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai, dilantik oleh Majlis
7. Seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai setiausaha

Berdasarkan ahli jawatankuasa dilantik, kebanyakannya ahli Jawatankuasa Fatwa terdiri dalam kalangan ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan dan individu yang mempunyai latar belakang dalam bidang syariah khususnya. Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri sesi tahun 2018-2020.<sup>15</sup>

| <b>AHLI JAWATANKUASA FATWA<sup>16</sup></b>                  | <b>JAWATAN</b>                                                                                                                                                                          |
|--------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid | Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor                                                                                                                                           |
| Sahibus Samahah Dr Haji Anhar Bin Opir                       | Timbalan Mufti Negeri Selangor                                                                                                                                                          |
| Y. B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman                | Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor                                                                                                                                                 |
| Y.Bhg Dato <sup>re</sup> Haji Mokhtar bin Haji Shafii        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Penasihat kepada Bank OCBC al-Amin dan EXIM Bank Malaysia</li> <li>• Ahli Kebangsaan PERKIM</li> </ul> |
| YBhg. Prof. Dato' Dr. Mujaini bin Tarimin                    | Dekan Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial, Universiti Selangor                                                                                                                          |
| Y Bhg Dato <sup>re</sup> Dr Ab Halim bin Tamuri              | Rektor, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor                                                                                                                                     |
| Y. Bhg. Prof Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali@Hambali  | Pensyarah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.                                                                                              |

<sup>15</sup> Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, dicapai 1 April 2019, <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/ajk-fatwa>.

<sup>16</sup> *Ibid.*

|                                             |                                                                                                         |
|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Y Bhg Dato“ Hj Abdul Majid bin Omar         | Mantan Timbalan Mufti Negeri Selangor dan kini dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor |
| Y Bhg Dato“ Hj Abdul Aziz bin Andik Achok   | Ahi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sejak tahun 1989 hingga kini.                                    |
| Y. Bhg. Dato' Dr. Amran bin Kasimin         | Mantan Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia                                                        |
| Y. Bhg. Tuan Hj. Md. Sahari bin Abdullah    | Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor                                                                 |
| Y. Bhg. Tuan Hj. Mat Jais bin Kamos         | Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Fatwa)                                                                |
| Y. Bhg. Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin | Ketua Penolong Mufti (Bahagian Fatwa)                                                                   |

Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa di atas membuktikan bahawa keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dianggotai oleh mereka yang kebanyakannya mahir dan pakar dalam bidang syariah dengan berlatar belakangkan kepakaran yang pelbagai seperti jenayah Islam, fiqh dan usul fiqh, ekonomi dan perbankan Islam, undang-undang kekeluargaan dan syarak. Kepakaran mereka yang mahir dalam bidang yang berlainan seperti perubatan, sains, teknologi dan sebagainya tidak dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa, akan tetapi mereka akan dijemput sebagai panel jemputan jika diperlukan kepakaran mereka berkenaan dengan isu fatwa tertentu. Hal ini kerana, pengkaji melihat bahawa kajian atau penyelidikan fatwa secara mendalam yang memerlukan kepakaran mereka tersebut kebiasaannya sudah dijalankan di peringkat JAKIM terlebih dahulu dan pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri menerima keputusan yang telah diputuskan oleh pihak Majlis Fatwa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, menurut Khairiamri bin Ahmad, dalam kes atau isu tertentu atau melibatkan fatwa-fatwa yang bersifat kritikal pandangan mereka juga dirujuk oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri yang memerlukan mereka membentangkan kertas kerja, perbincangan di seminar

atau taklimat bagi mendapat penjelasan yang lebih terancang, terperinci dan meyakinkan.<sup>17</sup>

Penglibatan mereka yang pakar dalam bidang teknikal untuk bersama Jawatankuasa Fatwa menyelesaikan isu-isu berkaitan perubatan, ekonomi, sosial dan sebagainya sangat diperlukan pada masa kini. Jawatankuasa Fatwa dalam penetapan sesuatu fatwa mengambil pengalaman dan pandangan mereka khususnya fatwa-fatwa yang rumit atau berkepentingan kepada banyak pihak. Ilmu dan kepakaran mereka berperanan penting dalam menghasilkan keputusan fatwa yang bersifat rasional dan selari dengan realiti semasa pada hari ini. Sumbangan idea dan pandangan mereka melalui pengalaman yang dimiliki dapat membantu Jawatankuasa Fatwa mewujudkan keharmonian pelbagai bidang kepakaran dalam pengeluaran fatwa semasa. Penglibatan mereka juga penting sebagai „penilai“ bagi keputusan fatwa yang dikeluarkan agar tidak berlaku kekeliruan kepada masyarakat, kesilapan atau terlepas pandang bagi isu-isu fatwa kritikal yang dikemukakan.<sup>18</sup>

Selain itu, pengkaji melihat keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ini terdiri daripada golongan lelaki sahaja sedangkan tiada perkara yang memperuntukkan bahawa syarat untuk menjadi ahli jawatankuasa hendaklah seorang lelaki di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003). Perkara yang melibatkan kedudukan wanita dalam kepimpinan ini telah ditulis oleh Nur Azyan Baharizan<sup>19</sup> dengan memetik hujah daripada Dr. Mustafa al-Sibai“e iaitu “Tiada tegahan dalam Islam wanita tidak boleh menggubal undang-undang dan terlibat dalam dunia perundangan. Ini kerana, apa yang dituntut dalam perundangan adalah seseorang perlu

---

<sup>17</sup> Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>18</sup> *Ibid*

<sup>19</sup> Nur Azyan Baharizan, “Kepimpinan Wanita Dalam Politik: Satu Perbincangan Tentang Pandangan Ulama,” dalam (Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor, 2015).

memiliki ilmu pengetahuan mengenai keperluan dan kepentingan yang dihajati oleh masyarakat. Agama memberi hak ilmu pengetahuan yang sama kepada lelaki dan wanita ” Menurut Khairiamri bin Ahmad,<sup>20</sup> terdapat penglibatan wanita sebagai ahli jawatankuasa fatwa sebelum ini akan tetapi penglibatan ahli jawatankuasa yang dilantik pada sesi tahun 2016/2017 kesemuanya adalah lelaki. Perkara ini juga turut sama seperti pelantikan jawatankuasa fatwa di negeri-negeri yang lain. Walaubagaimanapun pada baru-baru ini lantikan baru sesi 2018-2020 telah menunjukkan penglibatan wanita dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor iaitu Y. Bhg. Prof Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali@Hambali, Pensyarah dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Pengkaji berpandangan penglibatan wanita sebagai ahli dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bukanlah menjadi suatu polemik seperti isu lantikan hakim syarie wanita sebelum ini. Malah perkara ini disentuh oleh Raihanah Hj. Abdullah bahawa jumlah wanita Islam sebagai pemimpin atau ketua terutama di jabatan-jabatan melibatkan pentadbiran Islam itu sendiri perlu dipertingkatkan. Raihanah dalam penulisannya menafikan keintelektualan wanita tidak setanding lelaki dan berpandangan ianya sesuatu yang berat sebelah. Memetik pandangan Khalijah M. Salleh, beliau juga berpandangan sedemikian, *“However I would say that if we have a good understanding of the Quran, we realise that Allah does not in any way discriminate the intellectual capacity of men from that of women”*.<sup>21</sup>

Kalau dilihat, keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor lebih tertumpu kepada ahli-ahli yang berkepakaran dalam bidang syariah. Penglibatan pakar dalam bidang teknikal seperti perubatan, kepakaran dalam pelbagai bidang kejuruteraan, teknikal dan sebagainya sebagai ahli jawatankuasa adalah turut sama pentingnya dalam

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Zaini Nasohah et, al, “Analisis Literatur Isu Pelantikan Hakim Syarie Wanita Di Malaysia”, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol. 3, no. 1 (2016), 66-67.

menyelesaikan fatwa semasa yang semakin mencabar penyelesaiannya. Pengalaman, pendapat, idea dan kepakaran mereka sebenarnya sedikit sebanyak membantu, tambahan lagi apabila kepakaran bidang syariah dan teknikal bergabung, nescaya penghasilan fatwa tersebut lebih diyakini oleh masyarakat kita yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Mohd Faez Mohd Shah,<sup>22</sup> dalam kajiannya yang mencadangkan bahawa suatu penilaian semula terhadap keanggotaan jawatankuasa fatwa Negeri Johor yang dilantik supaya ahli jawatankuasa yang terdiri daripada para sarjana Islam boleh diharmonikan dengan kerjasama bersama kepakaran ahli dalam bidang teknikal.

Menyentuh autoriti mufti dan jawatankuasa fatwa di Selangor, pelantikan dan fungsi seseorang Mufti telah diperuntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berhak melantik mereka yang mempunyai kelayakan dan dilihat sesuai untuk menjawat jawatan tersebut. Pelantikan tersebut juga perlu disiarkan di dalam warta. Menurut Hasnan Kasan dalam penulisannya, corak pelantikan dan fungsi mufti ini hampir sama seperti negeri-negeri lain di Malaysia.<sup>23</sup> Tiada kelayakan khusus untuk seseorang itu dilantik menjadi mufti, akan tetapi rata-rata mufti di Malaysia ini adalah berlatarbelakangkan pendidikan dan lulusan dalam bidang syariah. Tugas dan peranan utama seorang mufti juga telah diperuntukkan dalam Seksyen 45,<sup>24</sup> Enakmen yang sama iaitu membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara iaitu berkaitan hukum syarak.

---

<sup>22</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 46.

<sup>23</sup> Hasnan Kasan, "Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah," *Jurnal Pengajian Umum*, Bil 2. 38.

<sup>24</sup> Seksyen 45, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (2003).

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mempunyai kuasa dan autoriti penuh selaku badan eksekutif yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi yang menjadi panduan dan pegangan umat Islam di negeri Selangor. Autoriti tersebut diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mengkaji dan membuat keputusan fatwa bagi isu yang berlaku. Jawatankuasa boleh mengeluarkan fatwa berdasarkan inisiatif jawatankuasa sendiri atau permohonan dari mana-mana orang melalui surat yang dialamatkan kepada mufti.<sup>25</sup> Selain itu, mufti boleh membuat apa-apa kajian atau penyelidikan dan memanggil Jawatankuasa Fatwa mengadakan perbincangan kertas kerja berkaitan fatwa yang dicadangkan. Perkara ini diperuntukkan dalam Seksyen 48.<sup>26</sup>

*“(1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya untuk kerja-kerja ini”*

*“(2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi memutuskan fatwa yang dicadangkan itu”*

Sesuatu fatwa hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal di negeri Selangor sebaik sahaja ia diwartakan di dalam Warta dan menjadi kewajipan kepada orang Islam di Selangor berpegang dengan fatwa itu. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa juga boleh meminda atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam Warta. Prosedur pindaan adalah menurut peruntukan Seksyen 48 dan kemudiannya hendaklah diwartakan.<sup>27</sup> Tambahan lagi, jawatankuasa mempunyai kuasa untuk menangguhkan perbincangan jika fatwa yang dicadangkan itu menyentuh kepentingan nasional dan

---

<sup>25</sup> Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

<sup>26</sup> Seksyen 48 (1) dan (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

<sup>27</sup> Seksyen 50 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

hendaklah dikemukakan kepada Majlis. Perkara-perkara ini disebut dalam Seksyen 51(1):<sup>28</sup>

*“(1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menengguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara-perkara itu kepada Majlis.”*

Peruntukan di atas menunjukkan bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menangani persoalan yang berkaitan kepentingan umat Islam melalui penyelidikan dan pengeluaran fatwa-fatwa rasmi. Melalui peruntukan yang disediakan oleh enakmen di atas dapat disimpulkan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan fatwa menerusi kajian dalaman atau lapangan bagi mendapatkan gambaran dan realiti sebenar isu yang dikemukakan supaya dapat memberikan jawapan fatwa yang bersifat rasional dan mengambil kira realiti semasa. Secara tidak langsung ia memberikan ruang yang secukupnya kepada mufti dan Jawatankuasa Fatwa untuk membuat penilaian dan kajian dengan teliti terhadap isu yang dikemukakan.<sup>29</sup> Kesimpulannya, peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian III, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003) telah memberi kuasa mutlak kepada jawatankuasa fatwa dan institusi fatwa dalam menghasilkan fatwa yang bersifat menyelesaikan masalah ummah dengan menjalankan metode penyelidikan fatwa.

### **3.3 PROSEDUR PENGELUARAN DAN PEWARTAAN FATWA NEGERI SELANGOR**

Tatacara pengeluaran fatwa atau proses sebenarnya tiada banyak perbezaan dengan negeri-negeri yang lain. Hasil pemerhatian pengkaji terhadap kertas kerja penyelidikan

---

<sup>28</sup> Seksyen 51 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

<sup>29</sup> Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

fatwa di Jabatan Mufti Negeri Selangor, tiada tempoh masa yang ditetapkan untuk menghasilkan sesuatu fatwa bermula dari prosedur permohonan hingga ke pewartaan. Terdapat isu yang mengambil masa yang lama dan ada yang hanya sekejap sahaja. Kebiasaanya fatwa yang mengambil masa tidak panjang adalah fatwa yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sendiri tanpa merujuk kepada Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan sebagainya. Fatwa ini kebiasaannya merupakan fatwa yang bukan polemik. Fatwa yang bersifat polemik dan kritikal kebiasaanya akan mengambil masa yang lebih panjang.

### **3.3.1 Prosedur pertama: Permohonan <sup>30</sup>**

Tatacara pengeluaran dan pewartaan fatwa Negeri Selangor secara asanya bermula apabila sesuatu isu itu diterima oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) melalui permohonan daripada pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan, agensi kerajaan, badan-badan berkanun, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aduan serta permohonan daripada orang perseorangan, selain daripada inisiatif Jabatan Mufti Negeri Selangor sendiri dalam melaksanakan sebarang penyelidikan atau kajian terhadap sesuatu isu. Berdasarkan Laporan Tahunan Bahagian Fatwa 2016, pengkaji mendapati bahawa aduan dan permohonan yang diterima adalah daripada individu, pihak universiti seperti UKM, Jabatan Kerja Raya, media NTV7, JAIS dan sebagainya.<sup>31</sup> Pada kebiasaannya, isu-isu yang diterima adalah melalui surat rasmi, panggilan telefon, fax dan e-mel. Sesuatu isu yang dikemukakan itu akan disemak dan dikenal pasti terlebih dahulu oleh Mufti sama ada isu tersebut adalah kemusykilan agama, isu sedia ada yang hanya memerlukan kepada penjelasan hukum atau pun ianya isu baru yang memerlukan kepada satu penyelidikan dan kajian lanjut.

---

<sup>30</sup> Prosiding Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa Negeri Selangor, (Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor: 2015), 6.

<sup>31</sup> Laporan Tahunan Bahagian Fatwa 2016 Jabatan Mufti Negeri Selangor.

### **3.3.2 Prosedur Kedua: Menjalankan penyelidikan dan menyediakan kertas kerja**

Sekiranya sesuatu isu itu merupakan permasalahan hukum yang telah sedia ada, maka mufti atau wakilnya akan terus memberikan jawapan. Manakala isu baru yang memerlukan kepada penetapan sesuatu hukum, maka ia akan didaftarkan sebelum diserahkan kepada Bahagian Istibat. Mufti akan meminta satu kajian dibuat tentang isu tersebut. Bahagian Istibat akan membuat perancangan untuk membuat kajian selanjutnya. Kaedah atau siasatan ke lokasi (jika berkaitan), mendapatkan khidmat kepakaran teknikal atau mereka yang berkemahiran dalam bidang tertentu, kerjasama dengan IPT tempatan serta penganalisaan berkaitan isu. Manakala bagi kajian dalaman pula adalah melalui rujukan sumber seperti al-Quran, Hadis, Ijma' Ulama' dan Qiyas serta kitab-kitab yang muktabar.

### **3.3.3 Prosedur Ketiga: Perbincangan Jawatankuasa Fatwa<sup>32</sup>**

Apabila penyelidikan atau kajian telah lengkap, satu kertas kerja akan disediakan dan dikemukakan kepada Mufti untuk ulasan dan penambahbaikan. Di samping itu, Jabatan Mufti Selangor juga menerima kertas kerja yang dikemukakan oleh pelbagai agensi lain seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sebagainya untuk dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri.<sup>33</sup> Tetapi sekiranya isu tersebut bersifat nasional yang melibatkan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat Islam secara keseluruhannya, maka ia akan dibawa dan dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang diurusetikan oleh JAKIM.<sup>34</sup>

---

<sup>32</sup> Prosiding Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa Negeri Selangor, 7

<sup>33</sup> Laporan Tahunan Bahagian Fatwa 2016 Jabatan Mufti Negeri Selangor.

<sup>34</sup> *Ibid.*

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri diadakan apabila terdapat sekurang-kurangnya dua (2) kertas kerja untuk dibincangkan. Pihak urusetia mesyuarat akan membuat cetakan kertas kerja dan menguruskan edaran surat panggilan mesyuarat, minit mesyuarat dan kertas kerja berkaitan kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Pengesahan kehadiran ahli mesyuarat akan dipastikan melalui panggilan telefon dan direkodkan dalam borang yang berkenaan. Mesyuarat akan diadakan apabila kehadiran ahli mencukupi sekurang-kurangnya 1/3 daripada jumlah keseluruhan ahli mesyuarat.<sup>35</sup> Jika sebaliknya mesyuarat akan ditangguhkan. Apabila pengesahan kehadiran mencapai kuorum 1/3, persiapan mesyuarat akan dilakukan berdasarkan senarai semak yang telah disediakan. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri akan membincangkan semua kertas kerja yang telah diatur dalam agenda mesyuarat. Sekiranya kertas kerja yang dikemukakan didapati kurang lengkap<sup>36</sup> atau ahli mesyuarat memerlukan maklumat atau kajian dengan lebih lanjut dan terperinci, maka keputusan akan ditangguhkan sehingga dibentangkan semula pada mesyuarat yang akan datang.

#### **3.3.4 Prosedur Keempat: Keputusan dan Penetapan Fatwa**

Apabila kertas kerja dipersetujui dan ahli mesyuarat telah membuat keputusan, pihak urusetia akan menyediakan minit mesyuarat dan ianya akan disemak oleh Timbalan Mufti. Pihak urusetia akan mengemukakan senarai kehadiran kepada Bahagian Pentadbiran / Kewangan, Jabatan Mufti Selangor dan Timbalan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk urusan pembayaran elaun kehadiran kepada ahli mesyuarat. Pihak urusetia akan memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri melalui surat dan cabutan minit mesyuarat kepada pihak yang berkenaan

---

<sup>35</sup> Seksyen 19, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

<sup>36</sup> Kertas yang kurang lengkap adalah kertas kerja yang masih lagi menyelidiki fatwanya perlu ditambah dan diperincikan. Sebagai contoh dalam kertas kerja penyelidikan fatwa zakat melalui pembayaran elektronik. Mesyuarat ditangguhkan sehingga ada pembentangan lanjut oleh pihak Celcom dan wakil daripada Jabatan Dakwah dan Kutipan, Lembaga Zakat Selangor.

sekiranya ia tidak perlu diwartakan. Bagi keputusan yang akan diwartakan, pihak urusetia akan membentangkan minit mesyuarat dan keputusan fatwa ke Mesyuarat MAIS sebagai makluman.<sup>37</sup>

### **3.3.5 Prosedur Kelima: Pewartaan dan hebahan kepada masyarakat<sup>38</sup>**

Pihak MAIS akan menyebarkan keputusan fatwa kepada D.Y.M.M Sultan Selangor bagi memohon perkenan Baginda sebelum sesuatu fatwa diwartakan. Setelah mendapat perkenan, keputusan fatwa akan dimaklumkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) sebagai makluman. Setelah itu, Bahagian Undang-undang, MAIS akan menyediakan deraf teks pewartaan dan diajukan kepada Mufti untuk pengesahan, sebelum dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan ulasan. Deraf teks pewartaan yang telah dikemaskini akan dikemukakan semula kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk disahkan dan diwartakan. Setelah sesuatu fatwa itu diwartakan, MAIS akan menerima bil bayaran dan salinan fatwa yang telah diwartakan dari Percetakan Nasional Berhad (PNB) untuk urusan pembayaran kos pewartaan.<sup>39</sup> MAIS dengan kerjasama Jabatan Mufti Selangor akan mengedarkan salinan fatwa yang telah diwartakan untuk makluman kepada masyarakat umum. Kaedah yang digunakan adalah melalui surat edaran kepada Ketua-ketua jabatan, Pejabat Agama Islam Daerah (untuk diedarkan kepada seluruh masjid), Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, fatwa juga akan dimaklumkan melalui khutbah jumaat, cetakan risalah, pamflet, buku, media cetak seperti akhbar Selangor Maju dan sebagainya. Tidak ketinggalan penyebaran juga dilakukan melalui media elektronik Jabatan Mufti Selangor juga giat menjalankan Majlis Penerangan Fatwa ke seluruh daerah di Negeri Selangor. Menurut Khairiamri, program penerangan

---

<sup>37</sup> Prosiding Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa Negeri Selangor, 8.

<sup>38</sup> *Ibid*, 9.

<sup>39</sup> Setiap sehelai salinan yang diwarta bernilai RM85.

fatwa ini giat dijalankan sejak tahun 2011.<sup>40</sup> Program ini merupakan inisiatif JMS untuk memasyarakatkan fatwa. Pelbagai agensi yang turut menyertai dalam menjayakan program tersebut melalui program turun padang yang dirancang setiap tahun bagi memberi penjelasan tentang sesuatu fatwa kepada masyarakat.

### **3.4 PENYELIDIKAN FATWA OLEH JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR**

Menurut Dr. Paizah Hj Ismail, penyelidikan merupakan suatu definisi alternatif bagi „*ijtihad*“ kerana penyelidikan itu sendiri bermaksud kerja-kerja akademik yang serius bagi tujuan mencapai kebenaran ilmiah melalui proses penganalisaan yang teliti dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau jawapan fatwa.<sup>41</sup> Keperluan untuk menjalankan penyelidikan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor diperuntukkan dalam Seksyen 48 :<sup>42</sup>

*“(1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.”*

Sesuatu penyelidikan akan dilakukan setelah mufti meminta suatu kajian dibuat berdasarkan isu yang memerlukan sesuatu hukum. Proses penyediaan dan penyelidikan fatwa ini akan diserahkan kepada Bahagian Istihsat Jabatan Mufti Negeri Selangor. Hasil kajian daripada melihat kepada penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ini, pengkaji boleh mengenalpasti pendekatan *ijtihad* kontemporari yang digunapakai dalam proses penetapan fatwa. Pengkaji

---

<sup>40</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>41</sup> Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj Ismail, “*Ijtihad Sebagai Manhaj Istihsat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa*”, dalam *Monograf al-Ifta* ” ed. Wan Morsita Wan Sudin, *et.al.* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010)

<sup>42</sup> Seksyen 48 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003).

mendapati bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan dua kaedah dalam menjalankan kajian untuk merangka sesuatu fatwa:<sup>43</sup>

Pertama : Kajian Dalaman

Kedua : Kajian Lapangan

### 3.4.1 Kajian Dalaman

Kajian dalaman merupakan kajian yang bersifat kepustakaan setelah permohonan fatwa diterima oleh pihak Jabatan Mufti Selangor atau Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Kaedah ini merupakan suatu kemestian dalam proses penyelidikan fatwa kerana ia bakal menentukan jawapan fatwa yang terhasil melalui maklumat dan dapatan yang diperolehi berdasarkan kajian kepustakaan. Kaedah ini diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa melalui kaedah kepustakaan yang melibatkan tiga kaedah pendalilan;

1. Bersandarkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
2. Penggunaan kaedah *l-qis, maṣ liḥ al-mursalah, s l - h r "i ṣrf* dan kaedah-kaedah fiqh.
3. Rujukan terhadap kitab-kitab muktabar.

#### a) Bersandarkan nas al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil kajian mendapati bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan nas dari al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan dalam penetapan fatwa. Aplikasi nas al-Quran dan al-Sunnah yang dilakukan adalah rujukan dalam bentuk petikan ayat, terjemahan dan penjelasan yang ringkas sahaja melalui nukilan dari kitab-kitab fiqh yang sedia ada tanpa kupasan yang mendalam dan diperhatikan kurang perincian kepada tafsir al-Quran dan syarah al-Hadis bagi memperolehi perbincangan hukum yang lebih terperinci berkenaan isu fatwa.<sup>44</sup> Contohnya dalam kaedah pengambilan

---

<sup>43</sup> Prosiding Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa Negeri Selangor, 7.

<sup>44</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016. Lihat juga Mohd Faez Mohd Shah,

hukum dalam kertas kerja fatwa berkaitan dengan kaedah penyelesaian mengikut hukum syarak terhadap pencemaran asid deoksiribonukliek (DNA) babi pada makanan yang disahkan halal.<sup>45</sup> Dalam menghasilkan fatwa ini, dalil al-Quran menjadi sandaran supaya tidak mentaklifkan kepada manusia apa yang mereka tidak mampu melakukannya atau membebankan dan menyukarkan mereka dinukilkan dalam bentuk ayat, terjemahan dan sedikit penjelasan sahaja. Selain itu, contoh fatwa berkenaan hukum *euthanasia* atau *mercy killing*,<sup>46</sup> dan begitu juga dalam fatwa berkenaan dengan pelaksanaan pengurusan dan pelupusan harta luqatah yang disimpan oleh Majlis Agama Islam Selangor.<sup>47</sup> Dalil al-Quran dan al-Sunnah dijadikan sebagai hujah bahawa perbuatan membunuh diri merupakan dosa terbesar dinyatakan secara literal iaitu dengan menyatakan petikan ayat, terjemahan dan tanpa penjelasan syarah al-hadis yang muktabar.

Realiti dan kesimpulannya adalah rujukan terhadap kedua-dua sumber ini adalah bersifat umum atau literal iaitu dengan menyatakan ayat al-Quran dan al-Sunnah tanpa penjelasan yang lebih mendalam. Walaubagaimanapun, kedua-dua sumber ini penting dalam proses penyelidikan fatwa kerana ia merupakan sumber asas yang bakal menentukan ketepatan fatwa menerusi nas dan dalil yang muktabar berdasarkan kaedah pendalilan yang tepat.

---

“Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010” (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 97.

<sup>45</sup> Kertas kerja makluman fatwa Pencemaran Asid Deoksiribonukliek (DNA) Babi Pada Produk Makanan Yang Disahkan Halal: Penelitian Dari Aspek Sains Dalam Menentukan Kaedah Penyelesaiannya Mengikut Aspek Syarak, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (10 April 2012).

<sup>46</sup> Kertas kerja makluman hukum Euthanasia Atau Mercy Killing, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012).

<sup>47</sup> Kertas kerja Pelaksanaan Pengurusan Dan Pelupusan Harta Luqatah Yang Disimpan Oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (18 Mac 2009).

**b) Penggunaan kaedah *l-q* s, *ma l h l-mursal*ah, *l - h* ', *u f* serta kaedah-kaedah fiqh**

Dalam proses penentuan hukum, aplikasi qiyas merupakan antara kaedah penetapan hukum yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa. Pengkaji mendapati bahawa aplikasi qiyas yang digunakan dalam menentukan hukum hanya bersifat literal dan berpandukan nukilan dari kitab-kitab fiqh tanpa dihuraikan kaedah „*illah* yang tepat. Contohnya fatwa berkenaan zakat kepada asnaf *r -riq b*. Merujuk kepada Fatwa Negeri Selangor. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Jun 2011,<sup>48</sup> telah memutuskan golongan penerima agihan asnaf *r -riq b* adalah masalah sosial dan masalah akhlak, seperti mana termaktub di dalam fatwa:

*“uk um penggun n w ng z k t sn f riq gi merek ng terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah ih r usk n ”*

Menurut sumber dari Lembaga Zakat Selangor dan Abdul Halem Hapiz b. Salihin,<sup>49</sup> fatwa yang dikeluarkan adalah meluaskan qiyas „*niqab*” yang disebut dalam firman Allah dalam surah al-taubah ayat 60 tersebut dengan '*illah* terbelenggu yang mampu mengekang kebebasan manusia. Pandangan ini telah dikemukakan oleh Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Syaltut berijtihad bahawa bangsa yang dijajah adalah lebih besar mudarat berbanding seorang hamba. Kaedah yang digunakan adalah *qi s aw-lawi*.<sup>50</sup>

<sup>48</sup> Kertas kerja meminta fatwa mengenai jenis Penerima Asnaf Al-Riqab Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012).

<sup>49</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istisbat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>50</sup> Akhbar Utusan Malaysia, (13 Julai 2012), ruang mega Agama “Siapa Asnaf Riqab)

Perkara ini ada diperincikan dalam penulisan oleh Mohd Faez Mohd Shah<sup>51</sup> yang turut mengulas dan menganalisis mengenai aplikasi qiyas dalam fatwa berkenaan zakat gaji dan pendapatan. Analisis menunjukkan bahawa qiyas yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor tidak berlaku mengikut proses analogi hukum yang dibangunkan oleh para fuqaha bahkan kaedah penggunaan qiyas dalam cara pengambilan hukum juga tidak jelas. Proses-proses pencarian *illah* menerusi kaedah *si r w l t q s ī m t n q ī ḥ l - m n ṭ t khrī j al - m n ṭ* perlu digali dengan mendalam kerana hasilnya akan melahirkan ketepatan *illah* hukum yang boleh menganalogikan antara hukum asal dengan hukum semasa.

Selain itu, jawatankuasa Fatwa juga mengambilkira keperluan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam setiap keputusan fatwa yang diputuskan dengan melihat isu tersebut berdasarkan kaedah *maṣalih al-mursalah*, *sadd al - h r 'ī* , *al-urf*serta kaedah-kaedah fiqh. Pertimbangan Jawatankuasa Fatwa dalam menggunakan kaedah ini adalah berdasarkan latar belakang pemohon fatwa, budaya setempat, sensitiviti masyarakat, kesan jika memberikan fatwa sebaliknya dan keperluan realiti semasa. Pemakaian kaedah ini dalam penyelidikan pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dilihat melalui pendekatan yang mengutamakan *maṣlahah* yang lebih besar kepentingannya daripada *mafsadah* yang sedikit kesannya berasaskan kaedah *maṣalih al-mursalah* sebagai tujuan untuk menghapuskan *mafsadah* yang lebih besar. Jawatankuasa Fatwa telah menggunakan pendekatan *maqṣid* syariah Selain itu, daripada observasi keatas kertas kerja yang dilakukan, Jawatankuasa Fatwa mengambil pendekatan melarang dan menegah sesuatu perbuatan atau tindakan sebagai langkah untuk mencegah *mafsadah* yang lebih besar kesannya berdasarkan doktrin *sadd al - h r 'ī*. Contohnya fatwa berkaitan dengan hukum menggunakan kaedah khidmat ibu

<sup>51</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 70.

tumpang (*Surrogate Motherhood*) untuk mendapatkan zuriat.<sup>52</sup> Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa hukum menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang tersebut adalah haram kerana boleh berlaku kekeliruan dari segi nasab anak yang bakal dilahirkan. Tegahan ini adalah bertepatan dengan konsep *maqāsid* syariah iaitu menjaga keturunan (*hifz al-nasal*). Oleh itu, dalam menangani hukum berkaitan khidmat ibu tumpang ini, Jawatankuasa Fatwa menggunakan kaedah *sabab al-haraj* atau menutup jalan dengan mengharamkan kaedah khidmat ibu tumpang ini untuk mendapatkan zuriat kerana penglibatan orang ketiga dalam mendapatkan zuriat akan menyebabkan berlaku *mafsadah* yang lebih besar iaitu menimbulkan kekeliruan identiti bayi yang dilahirkan kerana setiap anak mempunyai hak sabitan nasab dan dikenalpasti ibu bapanya. Penggunaan kaedah ini sudah pasti mengganggu sistem kekeluargaan Islam dan keturunan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Jawatankuasa Fatwa dalam dalam menghasilkan fatwa turut menggunakan kaedah mengharuskan sesuatu tegahan atau larangan berasaskan faktor darurat yang besar dan situasi yang mendesak di mana kemudahan boleh berlaku jika bersikap jumud dengan tegahan atau larangan tersebut. Jawatankuasa Fatwa juga memberikan keutamaan terhadap sesuatu yang menjadi keperluan atau *hajah* masyarakat supaya tidak mendatangkan kepayahan atau kesukaran kepada mereka dalam melaksanakan keperluan tersebut. Sebagai contoh dalam penetapan fatwa terhadap pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik dilihat telah meraihan prinsip *qawā'id fiqh*:<sup>53</sup>

المشقة تجلب التيسير

Terjemahan: *Kesulitan itu membawa kepada kemudahan*

<sup>52</sup> Kertas kerja Hukum Menggunakan Khidmat Ibu tumpang (*Surrogate Motherhood*) Untuk Mendapatkan Zuriat, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

<sup>53</sup> Kertas kerja cadangan pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

Dalam fatwa ini, jawatankuasa fatwa mengharuskan penggunaan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), mesin ATM dan mesin E-Debit. Fatwa ini menjelaskan bahawa dengan memberikan kemudahan pembayaran zakat kepada masyarakat dapat menghalang mereka daripada tidak menunaikan zakat kerana sifat lalai, sibuk dengan urusan duniawi, masalah pengangkutan dan sebagainya. Jawatankuasa Fatwa juga turut mengambil kira adat, budaya dan realiti setempat dalam metode pengeluaran fatwa semasa berasaskan konsep *al-„urf*.<sup>54</sup>

### **c) Rujukan terhadap karya-karya fiqh**

Rujukan terhadap karya-karya fiqh merupakan kaedah penyelidikan kepustakaan yang melibatkan rujukan terhadap kitab-kitab fiqh yang sedia ada sebagai sumber penetapan fatwa sama ada kitab terdahulu mahupun semasa. Rujukan ini lebih kepada memetik pandangan yang terdapat dalam karya terdahulu atau semasa untuk dinukilkan sebagai dalil penghujahan fatwa yang dimuatkan sebagai kaedah pengambilan hukum bagi sesuatu isu fatwa. Melihat kepada realiti berfatwa di institusi fatwa negeri Selangor, rujukan terhadap karya fiqh boleh disifatkan sebagai rujukan utama kerana menjadi kelaziman dalam proses penyelidikan fatwa dengan cara menukil dan memetik setiap pandangan atau pendapat yang dikemukakan. Rujukan terhadap karya-karya fiqh ini boleh diklasifikasikan kepada empat rujukan iaitu rujukan terhadap kitab-kitab klasik, kitab-kitab kontemporari, fatwa-fatwa terdahulu dan sumber internet.

---

<sup>54</sup> *Ibid.*

**Pertama:** Rujukan terhadap kitab-kitab klasik.

Kitab-kitab klasik<sup>55</sup> di sini ialah kitab-kitab *turath* mazhab Sy fi , Hanafi, Maliki dan Hanbali. Dalam mengemukakan penghujahan atau pendalilan, Jawatankuasa Fatwa akan mengutamakan rujukan terhadap kitab-kitab *turath* dari mazhab Sy fi (kerana majoriti masyarakat Malaysia bermazhab Sy fi ). Selain daripada itu, pendapat-pendapat Mazhab Sy fi adalah digunapakai sebagai rujukan utama dalam penyelidikan fatwa kecuali jika didapati sebab tertentu untuk menggunakan mazhab-mazhab *Ahli Sunnah Wal Jamaah* yang lain untuk menemukan pendapat mana yang lebih kuat dalilnya dan lebih masalah bagi umat untuk difatwakan.<sup>56</sup> Dalam penyelidikan fatwa Jawatankuasa Fatwa Selangor menggunakan rujukan kitab-kitab Fiqh yang muktabar dalam menjalankan penyelidikan dalaman.<sup>57</sup>

Perkara ini turut diperincikan oleh Nora'inan Binti Bahari dalam penulisannya, hasil penyelidikan yang dilakukan mendapati tumpuan metodologi fatwa di Malaysia adalah kepada mazhab Sy fi dengan mengambilkira pandangan mazhab yang lain atas dasar kemaslahatan jika pandangan dari mazhab Sy fi tidak boleh menyelesaikan masalah. Analisis juga mendapati fatwa yang dihasilkan bersifat progresif, hasil daripada sifat keterbukaan dan memberi perhatian kepada perubahan semasa. Walau bagaimanapun masih perlu diperbaiki aspek kaedah dan metodologi mengeluarkan hujah dan rujukan kepada mazhab selain Sy fi .<sup>58</sup>

---

<sup>55</sup> Antara contoh kitab-kitab klasik atau *turath* mazhab al-Sh fi , seperti, *l - j m* "karangan al-Nawaw , *u ghnī l-Muht j* karangan Khaṭ b al-Sharbin , *in h j l-T li īn* al-Nawaw dan sebagainya

<sup>56</sup> S S Dato' Haji Nooh Gadot (Mufti Negeri Johor), "Pengurusan Fatwa di Malaysia", dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, (Nilai : Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, 2006), 65-65.

<sup>57</sup> Antara kitab klasik yang digunakan adalah *al- jmu* " karangan al-Nawawi, *Mughni al-Muhtaj* karangan Khatib al-Sharbini, *Minhaj al-Talibin* karangan al-Naw w dan sebagainya

<sup>58</sup> Nora'inan Bt Bahari, *Fatwa Muamalat Di Malaysia: Satu Kajian Literatur*, *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* Jilid I, (2014) 34 – 55, Lihat Juga Seksyen 54 (1)(2)(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

**Kedua:** Rujukan terhadap kitab-kitab kontemporari.

Rujukan ini digunakan secara meluas oleh Jawatankuasa Fatwa kerana kitab-kitab tersebut menyediakan perbincangan fiqh dalam bentuk yang ringkas dan senang difahami. Bahkan perbincangan mengenai *khilaf* dalam kalangan fuqaha juga mudah diperolehi menerusi kitab-kitab ini beserta dalil yang ringkas. Tambahan pula, kitab-kitab tersebut sudah diterjemahkan ke dalam bahasa melayu bagi memudahkan pemahaman. Oleh itu, ianya memudahkan aktiviti penyelidikan fatwa kerana semua maklumat dan hujah boleh didapati di dalam satu kitab sahaja.<sup>59</sup> Contohnya, jika isu fatwa tersebut perlu melihat kepada pandangan mazhab Hanafi, maka rujukan perlu dilakukan terhadap kitab-kitab *turath* mazhab Hanafi termasuk mazhab-mazhab yang lain. Ini kerana, melalui rujukan terhadap kitab-kitab *turath* mazhab pelbagai input boleh diperolehi berkaitan dengan hukum fiqh dan kaedah pendalilan yang digunakan oleh mazhab tersebut dan berkemungkinan terdapat pandangan yang bersesuaian dengan isu fatwa yang dikemukakan.<sup>60</sup> Kitab-kitab kontemporari<sup>61</sup> berperanan sebagai rujukan sampingan yang boleh membantu atau menyokong pendalilan fatwa.

Sebagai contoh fatwa berkaitan hukum menternak dan menjual lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik.<sup>62</sup> Di dalam penyelidikan tersebut Jawatankuasa Fatwa ada memetik perbincangan fuqaha berkaitan status lintah dan cacing sebagai makanan manusia dari sudut hukum fiqh. Menurut Wahbah al-Zuhayl dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* beliau membahagikan haiwan yang boleh dimakan kepada tiga kategori utama. Jawatankuasa Fatwa turut mengambil pelbagai pandangan

---

<sup>59</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010", 74-75.

<sup>60</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istisbat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>61</sup> Antara kitab-kitab kontemporari yang dirujuk oleh Jawatankuasa Fatwa adalah *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* karangan Dr. Wahbah al-Zuhayl, *al-Fiqh al-Manhaji* karangan Dr. Mustafa al-Bugha dan al-Khin, Tafsir al-Munir karangan Dr. Wahbah al-Zuhayl, Tafsir fi Zilal al-Quran karangan Sayyid Qutb. dan sebagainya.

<sup>62</sup> Kertas kerja Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 April 2008).

para fuqaha dari mazhab berlainan berkenaan sesuatu isu tetapi diambil secara terus dari kitab kontemporari sebagai sandaran dalil.

**Ketiga:** Rujukan terhadap fatwa-fatwa terdahulu dan semasa.

Dalam menyokong dan mengukuhkan lagi jawapan fatwa, Jawatankuasa Fatwa turut merujuk fatwa-fatwa terdahulu dan semasa sebagai dalil penghujahan dalam proses pengeluaran fatwa supaya boleh berlaku persepakatan antara fatwa-fatwa yang sedia ada dengan isu yang dikemukakan jika dirasakan fatwa tersebut rasional untuk digunapakai. Antara fatwa-fatwa terdahulu yang menjadi rujukan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ialah:<sup>63</sup>

a) Fatwa-fatwa tempatan:

- i. Fatwa-fatwa terdahulu yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebelum ini (sebelum pindaan).<sup>64</sup>
- ii. Fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.<sup>65</sup>
- iii. Fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia.<sup>66</sup>

b) Fatwa-fatwa antarabangsa:

- i. Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.<sup>67</sup>
- ii. Fatwa-fatwa Majlis Ugama Islam Singapura.<sup>68</sup>

---

<sup>63</sup> Fakta ini diperolehi pengkaji melalui pengumpulan data kertas kerja penyelidikan fatwa negeri Selangor dan minit mesyuarat yang dikeluarkan daripada tahun 2009-2013. Pengkaji telah meneliti setiap penyelidikan dan kupasan fakta serta rujukan yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Fatwa dalam menghasilkan sesuatu kertas kerja.

<sup>64</sup> Kertas kerja meminta fatwa mengenai jenis Penerima Asnaf Al-Riqab Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012)

<sup>65</sup> Kertas kerja maklumat hukum Euthanasia Atau Mercy Killing, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012). Lihat juga, Kertas maklumat Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011), Lihat juga, Kertas kerja Hukum Penggunaan Vaksin Menactra, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (2 Februari 2015)

<sup>66</sup> Kertas kerja Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 April 2008).

<sup>67</sup> Kertas kerja Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (EBOLA VIRUS DISEASE:EVD) di Malaysia, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (11 Ogos 2015).

- iii. Fatwa-fatwa Majelis Ulama Indonesia<sup>69</sup>
- iv. Fatwa-fatwa semasa Dr Yusuf al-Qaradawi

**Keempat:** Rujukan terhadap sumber internet dan jurnal penyelidikan

Dalam menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa juga turut merujuk sumber internet dan jurnal penyelidikan ilmiah sebagai rujukan tambahan dalam proses pengeluaran fatwa.<sup>70</sup> Kebiasaannya rujukan internet dilakukan bagi memperoleh maklumat atau pengenalan awal berkenaan isu fatwa yang dikemukakan supaya dapat diketahui latarbelakang dan keadaan sebenar isu tersebut sebelum melakukan proses penyelidikan hukum. Contohnya, Jawatankuasa Fatwa telah merujuk beberapa laman seS.A.Wang berkenaan isu tuntutan penganut kristian terhadap penggunaan kalimah Allah.<sup>71</sup> Dalam isu ini kajian dan pencarian telah dilakukan menerusi laman-laman web terkemuka seperti Islamonline.net, Aljazeera.net, akhbar-akhbar Mesir online, laman web Universiti al-Azhar([www.alazhar.gov.eg](http://www.alazhar.gov.eg)) dan alwatan.com. Selain itu, dalam kes berkenaan dengan hukum menggunakan khidmat ibu tumpang, Jawatankuasa Fatwa ada merujuk kepada jurnal penyelidikan ilmiah yang ditulis oleh doktor yang berkepakaran dalam bidang genetik, neonatal dan kesihatan reproduktif agar gambaran berkaitan etika perubahan isu ini boleh diketahui dengan lebih terperinci. Hasil rujukan jurnal tersebut menyatakan bahawa khidmat ibu tumpang ini adalah bertentangan dengan prinsip asas Islam berhubung dengan reproduksi manusia.<sup>72</sup>

---

<sup>68</sup> Kertas kerja makluman hukum Euthanasia Atau Mercy Killing, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012).

<sup>69</sup> Kertas kerja Hukum Menggunakan Khidmat Ibu tumpang (Surrogate Motherhood) Untuk Mendapatkan Zuriat, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

<sup>70</sup> Fakta ini diperolehi pengkaji melalui pengumpulan data kertas kerja penyelidikan fatwa negeri Selangor dan minit mesyuarat yang dikeluarkan daripada tahun 2009-2013. Pengkaji telah meneliti setiap penyelidikan dan kupasan fakta serta rujukan yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Fatwa dalam menghasilkan sesuatu kertas kerja.

<sup>71</sup> Kertas kerja isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

<sup>72</sup> Prof Madya Dr Siti Nurani Mohamed Nor "Ethical Issue in Artificial Reproductive Technics in Geneology and Preservation of the Progeny An Islamic Perspective", *Journal Genealogy and the Preservation of the Progeny*, (2006), 136-137.

### 3.4.2 Kajian Lapangan atau Luaran

Kaedah penyelidikan lapangan merupakan kaedah penyelidikan fatwa yang melibatkan kajian atau aktiviti lapangan di mana melalui metode ini Jawatankuasa Fatwa dan pegawai-pegawai yang terlibat akan mendapatkan maklumat dengan melakukan siasatan ke lokasi kajian untuk melihat dan menyaksikan sendiri realiti atau gambaran sebenar latar belakang isu yang dikemukakan.<sup>73</sup> Melalui kaedah temu bual dan observasi keatas kertas kerja fatwa yang dibentangkan. Terdapat tiga kaedah lapangan yang lazim digunakan iaitu:

1. Temu bual, pemerhatian dan mendapatkan maklumat atau siasatan ke lokasi (jika berkaitan)
2. Rujukan kepada pakar-pakar yang berkaitan dengan isu fatwa bagi mendapatkan penjelasan yang lengkap.

#### a) Temu bual, pemerhatian dan tinjauan ke lokasi kajian

Jawatankuasa Fatwa dalam menjalankan penyelidikan fatwa yang lebih efektif, mereka turut melakukan kajian lapangan dengan menjalankan siasatan ke lokasi kajian untuk menyaksikan keadaan sebenar isu yang berlaku supaya dapat menyediakan laporan yang tepat dan seterusnya menentukan hukum yang rasional bagi isu tersebut. Menurut Abdul Halem Hapiz b. Salihin,<sup>74</sup> Bagi memahami keadaan yang sebenar mengenai persoalan yang diajukan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa, penglibatan ahli Jawatankuasa dan pegawai yang terlibat untuk hadir ke kawasan atau lokasi isu sangat diperlukan khususnya dalam menangani persoalan-persoalan yang bersifat semasa. Kegagalan pihak jawatankuasa fatwa untuk meninjau lokasi di mana persoalan tersebut berlaku boleh menyebabkan berlakunya kegelinciran dalam mengeluarkan fatwa mengenainya. Melalui kajian lapangan ini, gambaran dan latar belakang permasalahan yang

---

<sup>73</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istibat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>74</sup> *Ibid.*

dikemukakan boleh difahami dengan jelas dan tepat, justeru memudahkan proses penyelesaian hukum fatwa. Bahkan di dalam peringkat penyelidikan fatwa, kajian lapangan termasuk dalam peringkat *al-tasawwur* iaitu memahami secara jelas dan tepat realiti persoalan yang diajukan sebelum membuat keputusan fatwa.

Antara contoh fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual, observasi dan siasatan ke lokasi kajian ialah fatwa berkenaan hukum menternak dan menjual lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik.<sup>75</sup> Beberapa pegawai dari jabatan mufti negeri Selangor dan ahli Jawatankuasa Fatwa telah membuat lawatan ke lokasi kajian iaitu pusat ternakan lintah DAGI Agrotech untuk menjalankan pemerhatian dan temu bual bersama En Rahim bin Ismail selaku pengurus DAGI Agrotech. Hasil lawatan ke pusat ternakan lintah ini mendapati bahawa DAGI Agrotech tidak terlibat dalam memproses dan menghasilkan produk daripada ekstrak lintah-lintah ini, menurut temu bual bersama pengurusnya, ia digunakan untuk membuat produk bagi industri farmaseutikal, herbasutikal, bio-kosmetik dan bio-medikal sahaja. Begitu juga, isu fatwa berkaitan dengan pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik seperti khidmat pesanan ringkas (SMS), perbankan internet, mesin-ATM dan mesin E-Debit.<sup>76</sup> Sesi temu bual telah dilakukan dan pihak celcom telah membentangkan cadangan pembayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS), dan bagaimana mekanisme pembayaran yang dicadangkan seperti pembayaran pelanggan *pre-paid* dan *post-paid*. Oleh itu, jawatankuasa dapat menilai gambaran sebenar objektif perkhidmatan tersebut.

---

<sup>75</sup> Kertas kerja Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 April 2008).

<sup>76</sup> Kertas kerja cadangan pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

## b) Rujukan kepada pakar-pakar

Merujuk kepada penulisan Mohd Faez Mohd Shah<sup>77</sup> rujukan kepada pakar berlaku bagi persoalan yang memerlukan kepakaran mereka dalam isu fatwa yang bersifat polemik dan kritikal. Bagi memperkukuhkan lagi penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa merujuk khidmat kepakaran tertentu dalam bidang-bidang kritikal sebagai salah satu daripada kaedah untuk mendapatkan maklumat terperinci dan latarbelakang yang jelas mengenai persoalan fatwa yang dikemukakan jika persoalan tersebut diluar pengetahuan ahli Jawatankuasa Fatwa. Memang tidak dinafikan bahawa, rujukan kepada pakar sangat penting dalam metode berfatwa pada masa kini, lebih-lebih lagi urusan kehidupan manusia pada zaman ini telah didominasi dengan teknologi yang canggih dan moden. Firman Allah S.W.T:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٦٤﴾

An-Nahl 16:43

Terjemahan: *Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.*

Hasil dapatan yang diperolehi mendapati bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan khidmat kepakaran dari pakar-pakar luar dalam bidang seperti ekonomi, perbankan, sosio-ekonomi, perundangan dan perubatan untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan mereka secara mendalam berkenaan dengan isu fatwa. Sebagai contoh dalam isu pembayaran zakat melalui kaedah elektronik, khidmat rujukan daripada pihak Celcom dan pihak Lembaga Zakat Selangor diperlukan dalam menjelaskan realiti sebenar pengurusan zakat semasa tersebut. Kesannya adalah,

---

<sup>77</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 114.

pendapat pakar dalam memperkukuhkan metode berfatwa dapat menghasilkan suatu fatwa yang *ilmiyyah*, tepat dan terbit atas maklumat yang dipercayai.

Contoh lain yang boleh dilihat seperti di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam penyelidikan fatwa yang dijalankan turut merujuk kepada golongan pakar sebelum mengeluarkan sebarang persoalan hukum, khususnya di dalam bidang yang pihak penyelidikan kurang pengetahuan padanya.<sup>78</sup> Sebagai contoh dalam usaha mendapatkan pandangan pakar perubatan dari kalangan doktor dan ahli farmasi mengenai penggunaan inhaler apabila pihak mereka ingin mengeluarkan pandangan tentang hukum penggunaan *inhaler* bagi pesakit asma semasa sedang berpuasa Ramadan. Situasi sama turut pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan amalkan dalam mengeluarkan artikel panjang lebar berkaitan hukum vaksin menurut perspektif syarak.<sup>79</sup>

Lazimnya dalam mendapatkan khidmat dari pakar-pakar luar ini, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor akan menjemput mereka yang pakar dalam bidang tertentu untuk hadir bersama-sama di dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang diadakan pada tarikh tertentu. Dalam perjumpaan itu, pakar tersebut akan memberikan taklimat, membentangkan kertas kerja dan memberi penjelasan secara terperinci mengenai isu yang dikemukakan dalam bentuk soal jawab sehingga Jawatankuasa Fatwa berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan dalam mengenal pasti secara mendalam persoalan tersebut agar keputusan fatwa boleh ditentukan. Sebagai contoh fatwa berkaitan pelaksanaan pengurusan dan pelupusan harta luqatah yang disimpan oleh

---

<sup>78</sup> Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, "Bayan Linnas Siri Ke- 151 : Tajdid Dalam Fatwa : Antara Teori Dan Praktikal", laman sesawang *Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan* dicapai pada 27 Mac 2019, <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2709-bayan-linnas-siri-ke-151-tajdid-dalam-fatwa-antara-teori-dan-praktikal>. Pada 16 hingga 19 Oktober 2018, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah dijemput untuk menghadiri Persidangan Fatwa Antarabangsa kali ke- 4 yang bertempat di Hotel Al Masah, Kaherah, Mesir. Persidangan yang dianjurkan oleh pihak „Sekretariat Umum Badan-badan Fatwa Berautoriti Sedunia“ pada tahun tersebut telah menetapkan topik perbincangan di bawah tajuk „Tajdid Dalam Fatwa: Antara Teori dan Praktikal“

<sup>79</sup> *Ibid.*

majlis agama Islam Selangor (MAIS).<sup>80</sup> Jawatankuasa Fatwa telah menjemput timbalan setiausaha MAIS untuk membentangkan kertas kerja berkenaan cadangan pengurusan dan pelupusan harta luqatah dan masalah-masalah yang berkaitan dengan harta luqatah.

Kebanyakan proses penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa lebih tertumpu kepada penyelidikan kepustakaan berbanding penyelidikan secara terperinci dan bersifat kajian lapangan. Maka pengkaji melihat bahawa isu-isu fatwa yang bersifat kritikal lazimnya akan dirujuk dan dibincangkan dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan. Bahkan penyelidikan fatwa bagi isu-isu tersebut akan dijalankan oleh panel kajian syariah yang dilantik oleh pihak JAKIM sendiri dengan usahasama badan-badan seperti IKIM, Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya. Sebagai contoh, isu pelaburan dalam amanah saham nasional (ASN), Amanah Saham bumiputera (ASB) dan seumpamanya,<sup>81</sup> jawatankuasa fatwa melihat hujah dan asas pertimbangan dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan yang menyatakan bahawa kebanyakan fatwa yang dikeluarkan di seluruh dunia adalah berdasarkan kepada prinsip *al-hajah al-umma* iaitu konsep keperluan umum yang mana sesuatu perkara itu sekiranya tiada atau tidak dilaksanakan akan menyebabkan kesukaran kepada manusia, sama ada dengan tidak melabur dalam skim ASN dan ASB akan menyebabkan kesukaran kepada umat Islam di Malaysia, fakta-fakta yang dinyatakan ini sedikit sebanyak membantu merungkai persoalan sejauh mana tahap ekonomi yang dikatakan darurat dalam menyelesaikan isu keharusan melabur dalam skim ASN dan ASB ini. Manakala di peringkat negeri pula, Jawatankuasa Fatwa hanya menerimapakai keputusan fatwa yang telah diputuskan di peringkat kebangsaan sebagai rujukan dan diputuskan semula sebagai fatwa negeri dalam bentuk fatwa biasa atau

---

<sup>80</sup> Kertas kerja Pelaksanaan Pengurusan Dan Pelupusan Harta Luqatah Yang Disimpan Oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (18 Mac 2009).

<sup>81</sup> Kertas makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

diwartakan walaupun fatwa ASB yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor berbeza dengan keputusan fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

### 3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor merupakan suatu badan yang berautoriti penuh dalam menyelesaikan permasalahan hukum semasa. Jawatankuasa dilihat telah menggunakan kaedah penyelidikan yang terancang dan hampir kesemua fatwa menepati kaedah hukum yang mengambil kira realiti semasa. Terdapat pendekatan ijtihad kontemporari yang digunakan dalam penyelidikan fatwa tersebut. Pengkaji akan melihat dan mengenalpasti sejauhmanakah aplikasi ijtihad kontemporari digunakan dalam bab seterusnya bersama analisis beberapa fatwa. Kesimpulannya, penyelidikan fatwa semasa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada masa kini boleh dirumuskan seperti:

1. Penyelidikan fatwa kesemuanya merujuk al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama atau primer dengan menukikan ayat, terjemahan dan penjelasan secara ringkas.
2. Penyelidikan dengan rujukan sekunder yang terdiri daripada qiyas dan sumber-sumber yang tidak disepakati iaitu *masalih mursalah*, *sad - l - h r ' ' i ,urf* dan kaedah-kaedah fiqh.
3. Rujukan terhadap karya-karya fiqh seperti kitab-kitab klasik, kontemporari, rujukan terhadap fatwa-fatwa terdahulu, rujukan terhadap sumber internet dan jurnal penyelidikan ilmiah. Jawatankuasa Fatwa dilihat tidak hanya terikat kepada pandangan mazhab Sy fi , bahkan sekiranya memerlukan kepada pandangan mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali, Jawatankuasa akan merujuk kepada pandangan mazhab-mazhab tersebut.

4. Mengambil kira *maqāsid* syariah yang merangkumi pertimbangan antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, *al-awliyat*, *fiqh al-waqi'* yang berlaku. Jawatankuasa Fatwa juga menitik beratkan faktor perkembangan realiti semasa sebelum menentukan sesuatu fatwa.
5. Penyelidikan fatwa semasa yang melibatkan kajian lapangan, seperti kerjasama wakil yang berkepakaran (*sebagai jemputan atau temubual*), kerjasama antara badan autoriti atau institusi fatwa, siasatan ke lokasi kajian dan sebagainya adalah untuk mendapatkan gambaran dan maklumat sebenar mengenai punca dan jalan penyelesaian sesuatu isu yang dikemukakan.

**BAB 4: ANALISIS TERHADAP APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI  
DALAM FATWA-FATWA SEMASA NEGERI SELANGOR  
DARI TAHUN 2009-2013**

**4.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bermula dari tahun 2009 hingga 2013 dengan mengambil lima fatwa sebagai sampel kajian daripada tiga bidang fatwa yang telah diklasifikasikan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor iaitu syariah, akidah dan muamalat. Analisis akan dilakukan terhadap kaedah penyelidikan fatwa dan kertas kerja mesyuarat jawatankuasa untuk melihat sejauhmana aplikasi ijtihad kontemporari ini diimplimentasikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

**4.2 FATWA-FATWA SEMASA NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2009-2013**

**4.2.1 Statistik**

Berdasarkan sumber Laporan Tahunan Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor, sepanjang tahun 2009 hingga 2013, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengeluarkan 139 fatwa yang boleh disifatkan sebagai fatwa-fatwa semasa. Terdapat 139 fatwa yang telah diputuskan mengikut tiga pengkelasan bidang iaitu shari ah, akidah dan muamalat. Berikut adalah jadual yang menunjukkan jumlah dan statistik fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan bidang yang telah dikategorikan oleh Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Selangor sendiri.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

| TAHUN         | SYARIAH   | AKIDAH    | MUAMALAT  | JUMLAH     |
|---------------|-----------|-----------|-----------|------------|
| 2009          | 6         | 7         | 8         | 21         |
| 2010          | 10        | 2         | 8         | 20         |
| 2011          | 17        | 7         | 9         | 33         |
| 2012          | 11        | 3         | 14        | 28         |
| 2013          | 8         | 10        | 19        | 37         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>52</b> | <b>29</b> | <b>58</b> | <b>139</b> |

**Jadual 4.1 : Statistik Fatwa Negeri Selangor Dari Tahun 2009-2013<sup>2</sup>**

Jadual di atas memaparkan statistik keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor sepanjang lima tahun bermula dari tahun 2009 hingga 2013. Fatwa-fatwa tersebut merupakan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa setelah melalui mesyuarat bersama ahli jawatankuasa fatwa. Berdasarkan statistik di atas, fatwa dalam bidang ekonomi dan muamalat merupakan jumlah fatwa yang paling banyak dikeluarkan sepanjang lima tahun tersebut iaitu sebanyak 58 fatwa. Perkara ini membuktikan bahawa isu muamalat dan ekonomi merupakan isu yang sering mengalami pembaharuan seiring dengan perubahan semasa dan perkembangan sains dan teknologi.<sup>3</sup> Menurut Ab. Mumin Ab. Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, penemuan dan pembaharuan dalam sistem muamalat manusia adalah semakin meluas seperti perbankan internet, penggunaan kad kredit, transaksi melalui internet dan telefon bimbit dan sebagainya memerlukan penyelidikan fatwa yang teliti, tepat dan rasional agar kehendak-kehendak syarak dapat tercapai<sup>4</sup> melalui penyelesaian tersebut dan juga dapat memenuhi keperluan masyarakat masa kini.<sup>5</sup> Pengkaji melihat bahawa perkembangan dalam transaksi perbankan, ekonomi, dan

<sup>2</sup> Pengkaji mendapatkan maklumat jumlah dan statistik bilangan fatwa yang telah dikeluarkan setiap tahun dalam Laporan Tahunan Bahagian Fatwa 2016 Jabatan Mufti Negeri Selangor.

<sup>3</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 46.

<sup>4</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Mu'amalat", *Jurnal Syariah*, 16, 2, (2008), 393-428.

<sup>5</sup> Mohd Daud Bakar, "Kedinamikan Syari'ah Dalam Memenuhi Tuntutan Mu'amalah Perbankan Moden", *Jurnal Syariah*, 6, (1998) 59-72. Lihat juga Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Instrumen Pasaran Kewangan Islam di Malaysia: Perspektif Semasa", dalam *Dinasmisme Kewangan Islam di Malaysia*, e.d. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 147-170.

sebagainya membawa perubahan juga kepada pengamalan seperti pelaburan Islam, zakat, waqaf dan lain-lain. Pelbagai alternatif dan kaedah baru telah diperbincangkan untuk memudahkan dan mempertingkatkan urusan muamalat masyarakat Islam khususnya.

Fatwa-fatwa semasa dalam bidang syariah atau sosial juga merupakan fatwa yang banyak dikeluarkan sepanjang lima tahun ini. Fatwa yang berjumlah 52 ini adalah fatwa syariah yang mempunyai hubungkait antara masyarakat dengan hal berkaitan perubatan, halal dan kepenggunaan, munakahat, dan ibadah. Isu-isu syariah dan sosial juga merupakan isu yang mengalami perubahan kesan perubahan zaman, isu yang melibatkan penemuan baharu dan isu yang memberi kesan dalam urusan kehidupan manusia. Antaranya ialah seperti isu penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman, penggunaan bahan najis dalam kosmetik dan perubatan, hukum penggunaan kaedah ibu tumpang, hukum penyusuan anak angkat dengan mengambil suntikan hormon, dan sebagainya. Fatwa-fatwa berkaitan isu syariah dan sosial ini telah dibincangkan secara khusus oleh Mohd Anuar Ramli,<sup>6</sup> dan Siti Fatimah Salleh<sup>7</sup> dalam kajian mereka. Daripada jumlah 52 fatwa ini, pengkaji akan memilih fatwa yang mewakili bidang ini untuk dianalisis pengamalan ijihad kontemporari. Secara umumnya, pengkaji melihat bahawa apabila fatwa semasa yang menjadi isu kepada masyarakat, ia akan dibincangkan dan diputuskan di peringkat kebangsaan oleh JFK. Walaubagaimanapun, pengkaji akan menilai kajian fatwa yang dibincangkan semula oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bersama ahli jawatankuasa dan panel yang dijemput dengan melihat minit mesyuarat dan kertas kerja yang dilaporkan.

---

<sup>6</sup> Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Aplikasi Ijihad Kontemporari Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa," dalam *Dimensi Kontemporari Dalam Pengajian Islam*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff et al (Kuala Lumpur: APIUM, 2012).

<sup>7</sup> Siti Fatimah Salleh, Mohd Zulkifli Muda dan Saadan Man, "Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik Dalam Penyusuan: Dirasah Ta'siliyyah," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9, (2015).

Fatwa akidah pula merupakan fatwa yang terendah dikeluarkan iaitu 29 fatwa sepanjang tempoh lima tahun. Walaubagaimanapun, pada tahun 2013, bilangan fatwa yang dikeluarkan berkaitan akidah adalah lebih tinggi berbanding fatwa bidang syariah dan sosial iaitu sebanyak 10 fatwa. Antara masalah akidah yang berlaku dalam kalangan masyarakat Selangor adalah seperti wujud Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati Selangor, ajaran sesat Kumpulan Negara Islam Indonesia Di Negeri Selangor, ajaran syiah di Selangor, dan sebagainya. Selain dari isu akidah yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor, terdapat isu akidah yang menjadi polemik di Malaysia juga seperti tuntutan penganut kristian terhadap penggunaan kalimah Allah. Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri turut bertanggungjawab membuat perbincangan semula dan mengeluarkan fatwa untuk diwartakan di peringkat negeri pula walaupun fatwa tersebut sudah diputuskan di peringkat nasional oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.<sup>8</sup> Berdasarkan perbincangan semula di peringkat negeri mengenai polemik kalimah Allah ini, pengkaji akan menilai dari sudut pandangan dan penyelidikan fatwa untuk menganalisis sejauhmana pendekatan ijtihad kontemporari diimplimentasikan dalam setiap fatwa yang menimbulkan polemik ini.

#### **4.2.2 Justifikasi 5 Sampel Pemilihan Fatwa Semasa**

Hasil kajian menunjukkan bahawa sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2013, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengeluarkan sebanyak 29 fatwa akidah, 52 fatwa syariah dan 58 fatwa muamalat. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan penganalisaan terhadap 5 sampel fatwa semasa sahaja. Hal ini bukan bermakna fatwa yang dikeluarkan selepas tahun 2013 tidak bersifat semasa tetapi apa yang pengkaji fokuskan adalah sepanjang tempoh lima tahun (2009-2013) tersebut, terdapat beberapa

---

<sup>8</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

fatwa yang telah menjadi polemik, konflik dan mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan.<sup>9</sup> Justifikasi 5 fatwa tersebut dipilih adalah berasaskan:

- i. Fatwa semasa yang dipilih disifatkan sebagai fatwa kritikal yang mempunyai kaitan dengan kepentingan dan keperluan semasa dalam kalangan masyarakat. Selain itu, fatwa tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini. Fatwa semasa ini berlaku disebabkan perubahan masa dan perkembangan ekonomi.<sup>10</sup> Kajian yang dilakukan oleh Othman Ishak<sup>11</sup> membincangkan fatwa yang bersifat kritikal yang boleh didefinisikan sebagai masalah baru atau fatwa baru yang dikeluarkan bertentangan dengan fatwa terdahulu mendapati, keputusan hukum yang dikeluarkan masih dipertikaikan bahkan kadangkala tidak diterima oleh agensi kerajaan sendiri dan antara kelemahannya ialah keputusan hukum tidak selaras dan masih lagi menjadi isu hingga kini, tiada rujukan yang memuaskan, tiada keahlian khusus dan tidak terdiri daripada semua mazhab. Menurut Khairiamri bin Ahmad,<sup>12</sup> fatwa yang boleh dijadikan contoh ini adalah fatwa berkaitan hukum pelaburan Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan seumpamanya. Fatwa ini merupakan satu fatwa yang menjadi perbincangan dan polemik di Malaysia khususnya fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Negeri Selangor berbeza dengan Majlis Fatwa Kebangsaan. Fatwa berkaitan isi tuntutan penganut Kristian terhadap penggunaan nama Allah juga turut dilihat sebagai isu yang menjadi polemik.<sup>13</sup>

---

<sup>9</sup> Khairiamri bin Ahmad (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>10</sup> Saadan Man, "Pattern of Contemporary Ijtihad in Malaysia: Analysis on Fatwa of Malaysian National Fatwa Council," *International Journal of Social Science and Human Behaviour Study*, Volume 1, issue 3 (2014), 1-3.

<sup>11</sup> Othman Ishak, *Fatwa dalam Perundangan di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1981).

<sup>12</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>13</sup> *Ibid.*

- ii. Fatwa ini boleh dijustifikasikan sebagai permasalahan atau isu yang telah dibincangkan oleh para fuqaha sebelum ini tetapi perlu dinilai semula hukumnya agar menepati (relevan) dengan realiti semasa pada hari ini.<sup>14</sup> Sebagai contoh hukum menyusukan anak angkat sudah dibincangkan oleh fuqaha silam tetapi tidak dibincangkan apabila bayi tersebut disusui oleh wanita bujang yang mengambil suntikan hormon penggalak susu.
- iii. Selain itu, fatwa semasa juga adalah fatwa-fatwa tersebut diputuskan seiring dengan perkembangan sains dan teknologi.<sup>15</sup> Secara tidak langsung ia turut memberi impak terhadap perkembangan hukum Islam. Contohnya, fatwa dalam bidang muamalat seperti pembayaran zakat fitrah melalui SMS, perbankan internet, mesin ATM dan E-debit. Fatwa zakat ini diputuskan berasaskan kepada kepentingan masyarakat untuk menjaga keselamatan pembayar zakat tanpa perlu membawa wang tunai dengan jumlah yang besar ke kaunter zakat. Melalui alternatif pembayaran zakat seperti ini, pembayaran zakat dapat dilakukan dengan lebih selamat dan mudah.
- iv. Fatwa yang dipilih mempunyai kaedah penyelidikan atau ijtihad kontemporari yang boleh dianalisis sejauhmana implimentasi dalam penetapan sesuatu fatwa.<sup>16</sup> Hubungkait antara keputusan sesuatu fatwa dan aplikasi ijtihad kontemporari boleh dilihat melalui aktiviti penyelidikan fatwa isu semasa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa. Oleh sebab itu, fatwa-fatwa tersebut dipilih sebagai sampel untuk dianalisis kerana

---

<sup>14</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Al-Fatwa al-Infiitihiyya*, 107-130.

<sup>15</sup> Alias bin Azhar Et Al, "Implikasi Isu-Isu Sains Dan Teknologi Dalam Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari", *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship* (GBSE) 2, No. 1 (2016) 41-52.

<sup>16</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017. Lihat juga Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, "Aplikasi Ijtihad Kontemporari Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa," dalam *Dimensi Kontemporari Dalam Pengajian Islam*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff et al (Kuala Lumpur: APIUM, 2012).

mempunyai bentuk penyelidikan dalam kerangka ijtihad kontemporari. Pengkaji telah meneliti daripada 139 fatwa yang dikeluarkan, memadai untuk memilih 5 fatwa sahaja untuk dijadikan sebagai fatwa yang boleh menepati kriteria dengan kajian pengkaji iaitu fatwa yang bersifat semasa, polemik, kritikal dan mengambil masa yang panjang dalam penyelidikan disamping 5 fatwa yang dipilih boleh membuktikan aplikasi ijtihad kontemporari dengan baik dan terperinci. Fatwa-fatwa lain yang tidak dipilih bukan kerana penyelidikan fatwa yang dilakukan tidak menggunakan 4 pendekatan ijtihad kontemporari seperti dibincangkan, akan tetapi 5 fatwa yang dipilih adalah lebih jelas, terperinci dan lebih mempamerkan kaedah penyelidikan dalam kerangka ijtihad kontemporari. Sebagai contoh dalam setiap fatwa yang dipilih, pengkaji melihat kaedah penyelidikan dalaman dan lapangan yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Fatwa. Lanjutan itu, pengkaji akan mendapati sekiranya terdapat pelbagai elemen pendekatan ijtihad kontemporari yang diaplikasikan berbanding fatwa yang lain, maka pengkaji lebih memilih fatwa yang lebih memberi impak dalam menjawab kepada objektif kajian pengkaji iaitu sejauhmana aplikasi ijtihad kontemporari dalam penyelidikan fatwa.

- v. Fatwa-fatwa yang dipilih memadai untuk mewakili persoalan semasa yang berlaku dalam setiap bidang yang diklasifikasikan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor iaitu akidah, syariah dan muamalat. Tambahan pula, fatwa-fatwa yang dipilih adalah isu-isu penting dan terkini dalam setiap bidang yang berkaitan. Sebagai contoh fatwa mewakili bidang syariah dan sosial yang dipilih adalah fatwa berkaitan hukum wanita menyusukan anak angkat dan hukum memakan daging atau isi belangkas.

#### **4.3 ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2009 HINGGA 2013:**

##### **APLIKASI IJTIHAD KONTEMPORARI**

Perbincangan akan memfokuskan kepada penilaian terhadap 5 fatwa semasa<sup>17</sup> negeri Selangor yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berdasarkan penyelidikan fatwa yang dijalankan. Kelima-lima fatwa ini dikategorikan kepada fatwa akidah, syariah dan muamalat. Kajian ini dibentuk untuk memfokuskan sejauhmana aplikasi ijtiha d kontemporari dalam penyelidikan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Pengkaji juga telah mengklasifikasikan ijtiha d kontemporari ini kepada empat pendekatan. Keempat-empat pendekatan ini juga telah dibincangkan oleh pengkaji di bab kedua berdasarkan gambaran dan penyelidikan para sarjana Islam dan juga sorotan kajian lepas yang dilakukan. Antaranya ialah pendekatan ijtiha d jam ‘i dan penglibatan golongan pakar, pendekatan maq ‘sidi, pengambilkiraan realiti semasa dan kaedah *takhayyur* dan *al fiq*.

##### **4.3.1 FATWA 1: ISU TUNTUTAN PENGANUT KRISTIAN TERHADAP PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH**

Fatwa ini telah diwartakan pada tahun 2010. Penetapan fatwa ini dibuat adalah kerana tuntutan penganut Kristian terhadap Kerajaan Malaysia untuk menggunakan kalimah Allah dalam bahan terbitan mereka. Pada 23 April 2007 , Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menghantar satu surat kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertujuan untuk memohon pandangan JAKIM tentang kenyataan pihak penerbitan “Herald Catholic Weekly” yang mendakwa bahawa dalam Al-Quran sendiri mengakui golongan Kristian percaya kepada Allah dan menggunakan perkataan Allah di dalam Bible terlebih dahulu sebelum kedatangan Rasulullah S.A.W. Isu ini terus hangat dibincangkan secara terbuka didalam beberapa akhbar tempatan. Oleh itu,

---

<sup>17</sup> Rujuk subtopik 4.22 iaitu justifikasi lima pemilihan fatwa-fatwa semasa tersebut.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga bertanggungjawab mengeluarkan fatwa berkenaan tuntutan ini.

#### **a) Penyelidikan Fatwa**

Penyelidikan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan isu ini adalah dengan membentangkan semula keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Kali ke-82. Penyelidikan fatwa ini dilakukan dalam bentuk penyelidikan dalaman.<sup>18</sup>

Penyelidikan fatwa yang dijalankan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor boleh dihuraikan seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Fatwa meneliti perbincangan asal perkataan Allah
- ii. Jawatankuasa turut menjalankan perbincangan yang mendalam mengenai perbezaan istilah Allah antara Islam dan Kristian
- iii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor membincangkan kesan penggunaan kalimah Allah terhadap umat Islam.
- iv. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam menjalankan penyelidikan fatwa yang bersifat polemik dan nasional, menjadi keutamaan merujuk kepada fatwa yang telah diputuskan oleh Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa:<sup>19</sup>
  - a. Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain.
  - b. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

---

<sup>18</sup> *Ibid.* Penyelidikan dalaman yang dimaksudkan adalah Jawatankuasa mengaplikasikan kajian secara kepustakaan sahaja dan menjalankan perbincangan bersama ahli jawatankuasa fatwa dan panel jemputan.

<sup>19</sup> Kertas Kerja Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

## **b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari**

Dalam kajian fatwa yang dijalankan sehingga kepada keputusan fatwa yang dihasilkan, penulis mendapati sebenarnya pendekatan ijtihad kontemporari telah diaplikasi dalam menghasilkan fatwa ini. Analisis aplikasi ijtihad kontemporari yang digunakan dalam isu ini boleh dijustifikasikan seperti berikut:

### **Pertama: Ijtihad dan pandangan golongan pakar**

Isu tuntutan penganut kristian terhadap penggunaan kalimah Allah dalam bahan terbitan di Malaysia merupakan suatu isu yang sangat polemik. Persoalan yang terbentuk disini adalah bagaimana aplikasi ijtihad kontemporari di bawah elemen ijtihad *j m , i* atau kolektif telah berlaku dalam keputusan fatwa ini. Walaupun keputusan daripada seperti Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah sedia ada, tetapi di peringkat pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor masih menjalankan suatu penyelidikan dalaman dan perbincangan dengan dihadiri ahli jawatankuasa dan menjemput ahli akademik universiti, wakil daripada MAIS dan JAIS dalam membincangkan isu tersebut sehingga mencapai kata sepakat daripada keseluruhan ahlinya atau sebahagian besarnya. Perkara ini membuktikan juga bahawa pendekatan ijtihad *j m , i* dan penyelidikan bersama ahli jawatankuasa juga telah diterapkan. Menurut Khairiamri juga, ahli jawatankuasa fatwa Selangor kesemuanya bersetuju dan menegaskan bahawa nama Allah tidak boleh digunakan oleh agama bukan Islam kerana ia pasti akan menjurus pada suatu bentuk penyalahgunaan dan amat menyentuh sensitiviti beragama umat Islam.

Pengkaji melihat bahawa keputusan ini adalah hasil penyelidikan fatwa daripada rujukan atau mengambil semula otoriti fatwa yang bersifat ijtihad kolektif atau *j m , i*

seperti Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.<sup>20</sup> Hal ini kerana, apabila isu yang dikemukakan adalah bersifat kritikal atau sangat memberi kesan kepada masyarakat, Jawatankuasa Fatwa akan merujuk semula kepada fatwa yang berotoriti seperti keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Perkara ini bertepatan dengan saranan yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu menerima pakai nasihat Jawatan Kuasa Kebangsaan.<sup>21</sup>

Pembuktian bahawa pengamalan ijtihad *j m , i* dan pandangan-pandangan banyak pihak telah dirujuk adalah apabila Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengambil maklum kertas kerja Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan perkara ini turut dibincangkan sesama ahli jawatankuasa. Jawatankuasa Fatwa Selangor menukilkan kajian oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam keputusan fatwa mereka bahawa asal perkataan Allah ialah daripada dua perkataan Arab iaitu (*al-*) yang membawa erti khusus dan (*-ilah*) memberi erti Tuhan, Dua perkataan ini apabila digabungkan membentuk perkataan Allah yang membawa maksud Tuhan Yang Maha Esa .Perkataan Allah menurut Ensiklopedia Islam adalah merujuk kepada sebutan atau nama Tuhan yang tiada Tuhan selain Allah.<sup>22</sup> Walaupun Revenand Datuk Murphy Pakiam, Archbshop of Kuala Lumpur menyatakan bahawa perkataan Allah telah lama digunakan oleh orang-orang Kristian sejak sebelum kedatangan Rasulullah S.A.W namun lafaz Allah yang telah digunakan oleh orang-orang Kristian tersebut adalah merujuk kepada „Tuhan Bapa“ iaitu salah satu oknum daripada akidah trinititi.<sup>23</sup> Manakala lafaz Allah yang disebut di dalam Al-Quran adalah membawa maksud Tuhan Yang Maha Esa. Umum mengetahui perkataan Allah tidak pernah terdapat di dalam

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Seksyen 51 dan 52, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

<sup>22</sup> *Eksiklopedia Islam*, (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 126.

<sup>23</sup> Trinititi, tritunggal bererti keesaan dari tiga wujud Tuhan, iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak, dan Roh Kudus menurut kepercayaan Roman Katolik. (Kamus Dewan, 2007, Edisi IV).

bahasa asal Perjanjian Lama yang dikenali sebagai Taurat dan Perjanjian Baru yang dikenali sebagai Bible. Ini adalah kerana Perjanjian Lama ditulis dalam bahasa Hebrew manakala Perjanjian Baru ditulis dalam bahasa Greek. Perkataan Hebrew yang membawa maksud Tuhan ialah *El, Eloh, Elohim dan juga Yhwh*.<sup>24</sup> Manakala dalam bahasa Greek pula perkataan yang membawa maksud Tuhan ialah *Theos*.<sup>25</sup> Sesetengah sarjana mereka menyatakan kepada Muslim bahawa alasan yang paling kukuh bagi mereka untuk turut dibenarkan menggunakan kalimah Allah ini ialah berdasarkan penggunaan kalimah Allah di dalam kitab Bible versi bahasa Arab. Memang diakui terdapat kalimah Allah di dalam Bible bahasa Arab.<sup>26</sup> Kalimah ini wujud kerana sesetengah Kristian Arab (seperti Syria, Mesir dan lain-lain) yang muncul sebelum kedatangan Islam meyakini konsep Uniti (Keesaan Allah) Mohd Aizam bin Mas'od menegaskan dalam penulisannya bahawa ia berbeza sama sekali dengan konsep Trinititi (tiga dalam satu) sepertimana doktrin kebanyakan Kristian pada hari ini termasuk mereka yang terlibat dengan tuntutan isu kalimah Allah.<sup>27</sup>

Tambahan lagi, menurut Mufti Selangor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid tidak bersetuju apabila kalimah Allah itu hendak digunakan dalam Bible bahasa Melayu kemudian perkataan „God“ itu ditukar dengan kalimah Allah kerana ia menimbulkan kekeliruan untuk jangka masa yang panjang khususnya untuk golongan anak muda zaman akan datang.<sup>28</sup> Jika kalimah Allah itu digunakan dalam Bible menggantikan „God“ sedangkan „God“ dalam Bible itu adalah Trinititi, Tuhan yang ada anak, Tuhan

---

<sup>24</sup> Bahasa Ibrani yang membawa maksud Allah S.W.T.

<sup>25</sup> Bahasa Greek yang membawa maksud Tuhan yang diiktiraf sebagai Tuhan yang sebenar bagi orang-orang Rom. Lihat juga, Kertas Kerja Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

<sup>26</sup> Bible bahasa Arab dikenali sebagai „*Al-kitab al-u q s*“.

<sup>27</sup> Mohd Aizam bin Mas'od, „Hujah Menolak Penggunaan Kalimah Allah Oleh Kristian“, *Jurnal Penyelidikan*, no. 21 (2008), 7-8.

<sup>28</sup> Kertas Kerja Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008). Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istibat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

yang ada bapa, Tuhan yang ada isteri. Beliau berpandangan jikalau kita redha kalimah Allah digunakan dalam Bible, maknanya kita telah pun merelakan Allah itu bukan lagi Esa.

Selain itu, menurut Abdul Halem Hapiz b. Salihin<sup>29</sup> rujukan juga dilakukan kepada fatwa yang telah diputuskan oleh Keputusan Jemaah Menteri. Walaubagaimanapun pengkaji berpandangan bahawa rujukan terhadap Keputusan Jemaah Menteri tersebut tidak boleh di kategorikan atau dianggap sebagai *ijtihad j m , i* tetapi lebih kepada sumber penyelidikan dalaman fatwa sahaja. Larangan terhadap penggunaan kalimah Allah ini telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 16 Mei 1986 yang memutuskan empat (4) perkataan khusus iaitu Allah, Solat, Kaabah dan Baitullah tidak dibenarkan penggunaannya oleh bukan Islam. Pada masa ini terdapat 10 buah negeri telah memperuntukkan larangan penggunaan kalimah Allah dalam Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam<sup>30</sup> kecuali Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan yang masih dalam proses menggubal Enakmen ini.

Bahagian penyelidikan JAKIM juga telah menemui pandangan yang baik berkaitan isu ini setelah merujuk laman web milik Pergerakan Perlembagaan Islam (*Islamic Constitutional Movement*) Kuwait iaitu sebuah pertubuhan politik yang berideologi Ikhwan Muslimin (Mesir) yang mempunyai beberapa orang wakil di Parlimen Kuwait Menurut pandangan penulisnya Syaikh Abdul Hamid al-Ball 1 menjelaskan tentang signifikan bagi memelihara maksud istilah sebenar bagi kalimah Allah. Umat yang gagal memelihara istilah-istilah agamanya adalah umat yang tiada sifat ambil peduli. Sedangkan Allah S.W.T telah mengangkat umat ini sebagai sebaik-

---

<sup>29</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istihsat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>30</sup> Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, 1988 (Enakmen 1 Tahun,1988).

baik umat. Penyelidikan JAKIM ini juga tidak boleh dianggap sebagai ijtihad jam „i. Walaubagaimanapun, pengkaji berpandangan pihak JAKIM juga merupakan satu badan atau institusi yang berautoriti yang boleh didefinisikan pihak yang berkepakaran dalam hal ehwal agama Islam khususnya di Malaysia dan pandangan yang dikemukakan oleh pihak JAKIM tidak boleh dinafikan kepentingannya sebagai rujukan dalam penyelidikan fatwa ini.

Polemik penggunaan kalimah Allah telah menimbulkan kebimbangan dan konflik yang berpanjangan khususnya membabitkan hubungan di antara umat Islam dan penganut Kristian. Oleh itu, dalam perbincangan bersama Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, ada menyatakan bahawa Negeri Selangor ada menetapkan enakmen untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang-orang Islam yang dikenali sebagai Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988, Negeri Selangor.<sup>31</sup> Seksyen 9 enakmen ini menyenaraikan kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaannya tertentu yang bersumber Islam. Jadual Seksyen 9 enakmen ini menyenaraikan perkataan-perkataan yang tidak boleh digunakan berkaitan dengan agama bukan Islam. Enakmen ini juga menggariskan perbahasaannya yang tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam berkaitan dengan agama bukan Islam.<sup>32</sup>

## **Kedua: Pendekatan *q* *idi*.**

Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan, JKFNS mendapati bahawa kalimah Allah yang dimaksudkan dalam Bible mempunyai konsep yang berbeza dengan konsep

---

<sup>31</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017. Lihat juga Mohd Aizam bin Mas'od, "Hujah Menolak Penggunaan Kalimah Allah Oleh Kristian", 9-10.

<sup>32</sup> Jadual (Seksyen 9), Bahagian I, Perkataan-Perkataan Yang Tidak Boleh Digunakan Berkaitan Dengan Ugama Bukan Islam, Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, 1988 (Enakmen 1 Tahun, 1988).

ketauhidan Islam kerana konsep yang mengakui Allah satu-satunya Tuhan Yang Maha Esa sedangkan bagi agama Kristian pula, Allah merupakan satu aknum daripada tiga aknum (trinit).<sup>33</sup> Maka jelaslah di sini bahawa JKFNS memutuskan melarang penggunaan kalimah Allah digunakan oleh bukan Islam patut disokong oleh segenap masyarakat. Ia adalah bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat apabila terminologi yang tidak tepat digunakan oleh mereka yang mempunyai kepentingan tertentu.<sup>34</sup> Pengkaji melihat JKFNS mengambil pendekatan kepentingan menjaga agama *hifz al- ĩn* daripada diganggu gugat oleh anasir yang boleh memesongkan akidah umat dan mencabar kedaulatan Islam sebagai Agama Persekutuan. Oleh yang demikian, dalam isu ini, pengkaji bersetuju sekiranya sekatan dikeluarkan oleh institusi fatwa dan pihak kerajaan kerana mereka mempunyai bidang kuasa yang diperuntukan oleh syarak dan undang-undang dalam menentukan sesuatu keputusan yang dirasakan wajar bagi memelihara kepentingan umum rakyat khususnya umat Islam.<sup>35</sup>

Khairul Azhar Bin Meerangani dalam kajiannya merumuskan bahawa keputusan oleh kerajaan Malaysia boleh dilihat sebagai langkah pembendungan awal daripada berlakunya kekeliruan dalam kalangan umat Islam berdasarkan kaedah usul fiqh *sadd l- ĩr* 'i' aitu menutup sebarang jalan dan ruang yang boleh membawa kepada kerosakan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.<sup>36</sup> Pengkaji juga berpandangan

<sup>33</sup> Trinit, tritunggal bererti keesaan dari tiga wujud Tuhan, iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak, dan Roh Kudus menurut kepercayaan Roman Katolik. (Kamus Dewan, 2007, Edisi IV). Lihat juga Kertas Kerja Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).

<sup>34</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istibat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

<sup>35</sup> Ini berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh para ulama Usul al-Fiqh iaitu "*Keputusan pemerintah terikat dengan kemaslahatan rakyatnya*" Rujuk Jal l al-D n bin ,Abd al-Rahman al- Suy t , *al- s h wa al-Naz 'ir fi w 'i w uru" iqh l-Sh fi"i h* (Makkah: Maktabah al-Sa'udiyah, 1997), 121

<sup>36</sup> Wahbah al-Zuhayl , *al- ĩr 'i' fi l-Si s h l-Shar'iyah wa al-Fiqh al-Isl mĩ* (Damsyik: D r al-Maktab , 1999), 21. Lihat juga, Khairul Azhar Bin Meerangani, "Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim Di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam" (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur ,2016).

bahawa tindakan ini juga bagi mengelakkan tercetusnya sebarang insiden tertentu yang berpotensi menjejaskan keharmonian masyarakat awam khususnya umat Islam.<sup>37</sup> Kerajaan dan pihak berautoriti seperti institusi fatwa, majlis agama Islam dan Jabatan agama Islam berhak memutuskan dasar dan tindakan dalam konteks menghalang mudarat boleh menimpa orang awam Islam yang lemah. Beberapa kesulitan dan mudarat yang mungkin berlaku adalah:<sup>38</sup>

- i. Mendefinisikan nama Allah secara berbeza-beza dalam penulisan, penerbitan dan pengamalan masyarakat yang boleh mencetuskan kecelaruan akidah.
- ii. Melahirkan pelbagai penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu berunsur ketuhanan menggunakan nama Allah tetapi tidak membawa maksud nama Allah yang sebenar.
- iii. Mencetuskan fahaman pluralisme yang ekstrim kesan daripada kecelaruan fikiran umat sehingga mereka merasakan semua agama sama sahaja.

Dalam isu ini, penjagaan agama *ḥifẓ al-dīn* merupakan objektif paling utama yang perlu didahulukan berbanding objektif-objektif yang lain. Imam al-Sh ṭib menjelaskan bahawa terdapat dua elemen penting yang perlu dilaksanakan dalam rangka menjaga agama iaitu pengukuhan akidah Islam dan penyebaran kefahaman yang benar serta pemeliharaan akidah Islam daripada sebarang bentuk penyelewengan dan pengancaman oleh pihak musuh.<sup>39</sup> Al-Sh ṭib menyatakan sekiranya kemudaratan tersebut berpotensi dihilangkan sekali gus, maka menjadi keutamaan untuk mendahulukan perkara tersebut walaupun dengan tindakan tersebut menyebabkan pihak tertentu tidak memperoleh *maṣlaḥah* yang diperlukannya (*maṣlaḥah* khusus). Hal ini

<sup>37</sup> Mohamad Zaidi Abdul Rahman, "Aplikasi Maq ṣid al-Syar 'ah dalam Pentadbiran Negara : Satu Tinjauan Sejarah Islam", *Jurnal Fiqh* 12 (2015), 35.

<sup>38</sup> *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah* (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2013 ), 15-16.

<sup>39</sup> Ini berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh para ulama Usul al-Fiqh iaitu Keputusan pemerintah terikat dengan kemaslahatan rakyatnya Rujuk Jal l al-D n bin ,Abd al-Rahman al- Suy ṭ, *al- s h w al-Naz 'ir fi w 'i w uru" iqh l-Sh fi"i h* (Makkah: Maktabah al-Sa'ūdiyyah, 1997), 121

kerana dalam keadaan tersebut *maṣlahah* yang umum perlu(menjaga agama) diutamakan terlebih dahulu daripada *maṣlahah* yang khusus.<sup>40</sup>

Pengkaji melihat penjelasan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkenaan isu penggunaan kalimah Allah ini berkait rapat dengan *Siyasah Sh r,,i h* yang menjelaskan bahawa larangan ini datang dari pihak kerajaan bagi menjaga kesucian agama dan memberi kemaslahatan kembali kepada umat Islam. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa fatwa yang dikeluarkan dalam mesyuarat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ini adalah berdasarkan kepada *Istihsan*<sup>41</sup> dengan *maṣlahah* kerana pada asalnya tidak terdapat sebarang larangan khusus daripada Al-Quran dan Sunnah berhubung penggunaan kalimah Allah bagi orang yang bukan beragama Islam. Perkara ini turut dinyatakan dengan jelas dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Hafiz Bin Jamaludin.<sup>42</sup> Kajian beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa dalil menunjukkan penggunaan kalimah Allah ini adalah dibenarkan. Namun kebenaran ini tidak boleh dipraktikkan sekiranya ia boleh menyebabkan mudarat yang lebih besar sehingga boleh menggugat akidah umat Islam.

Kebenaran untuk menggunakan kalimah Allah sepertimana yang disebutkan di dalam al-Quran dan perbahasan ulama"-ulama" fiqh pula adalah merujuk kepada Allah Yang Maha Esa, bukan merujuk kepada tuhan dalam konsep *tathlith* dan syirik seperti dalam agama-agama lain selain Islam. Malahan, pengakuan-pengakuan yang dilakukan oleh golongan *kuffar* sepertimana yang dirakamkan oleh Al-Quran<sup>43</sup> hanyalah

---

<sup>40</sup> Ibrahim bin Musa al-Sy'ibi, *al-Uwq'at*, 2:348.

<sup>41</sup> *Istihsan* menuntut seorang mujtahid untuk membuat perbandingan dalam masalah yang dikajinya sama ada ia boleh dihukumkan dengan hukum yang sama dengan masalah-masalah lain berdasarkan dalil atau kaedah yang bersifat umum, ataupun ia perlu dihukumkan berdasarkan *Istihsan* kerana wujud kesusahan dalam mengamalkan hukum yang terdahulu. Lihat juga, Mohd Hafiz Bin Jamaludin, "Realiti Pengamalan Istihsan Di Dalam Perundangan Islam Dan Fatwa Di Malaysia", (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2012), 56-58.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Sepertimana di dalam Surah Al-,Ankabut ayat 61 dan 63, Surah Luqman ayat 25, Surah al-Zumar ayat 38 dan Surah al-Zukhruf ayat 87.

pengakuan di lidah yang tidak diikuti dengan keimanan sepenuhnya melalui keyakinan yang jitu di dalam hati, pengamalan anggota badan dan mereka juga akan kembali menuturkan perkataan-perkataan syirik yang menunjukkan kekufuran dan keangkuhan mereka terhadap Allah, Tuhan Yang mencipta dan mentadbir sekalian alam.

Kesimpulannya, sekatan dan larangan ini adalah untuk memelihara kesucian akidah Islam dan mengelakkan salah guna serta kekeliruan di dalam masyarakat khususnya di kalangan umat Islam. Jika pihak Kristian diberi kebenaran untuk menggunakan nama Allah, adalah ditakuti banyak lagi istilah-istilah Islam yang akan dituntut untuk digunakan dalam agama mereka yang boleh menimbulkan kemarahan umat Islam. Apabila kebenaran diberi kepada mereka untuk menggunakan nama Allah, maka tidak mustahil mereka akan menggunakannya dalam penerbitan agama mereka secara meluas.<sup>44</sup> Jika mereka menggunakan kalimah “Allah” dalam Bible mereka, golongan Kristian ini akan mentafsirkan kalimah “Allah” menurut fahaman agama Kristian dan ditakuti akan menjadi propaganda mereka untuk menyesatkan umat Islam. Satu kaedah yang perlu kita fikirkan, “*l-m f sid awla min jalb al-maṣ liḥ*”<sup>45</sup> Kewajipan menjaga kesucian agama Islam perlu lebih diutamakan dari *maṣlaḥah* menggalakkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dengan harapan mereka akan masuk Islam.<sup>46</sup> Kewajipan menjaga akidah ini juga hendaklah diberikan keutamaan kerana sepertimana yang sedia dimaklumi, menjaga agama merupakan *Maṣlaḥah D r riyyah* peringkat pertama daripada perkara-perkara *d r riyyah* yang lima. Firman Allah Taala:

---

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> “*Dar al-mafasid awla min jalb al-masalih*” bermaksud menolak kerosakan itu lebih utama daripada mengambil manfaatnya. Lihat juga, Shibir, Muhammad Uthman *l- w id al-Fiqhiyyah wa al-Dawabit al-Fiqhi h fi l-Sh ri’ah al-Islamiyyah*. (2000; Amman: Dar al-Furqan)

<sup>46</sup> *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah* (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2013 ), 17.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ  
لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

al-Rum:30

Terjemahan: *(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

### **Ketiga: Pengambilkiraan realiti semasa**

JKFNS berpandangan sekiranya penganut agama Kristian di Malaysia mahu menggunakan nama Allah, maka ia jelas bertentangan dengan konsep trinititi yang difahami oleh mereka sendiri. Mereka ibarat menerima akidah bahawa Allah adalah Esa. Realitinya di Malaysia nama Allah bukanlah satu kalimah tetapi telah dianggap sebagai satu nama khas. Umat Islam di Malaysia khususnya melihat perkara ini merupakan usaha mencemarkan kesucian akidah Islam. Dalam konteks kefahaman realiti di Malaysia, jika kita membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dalam Bible, bermakna kita membenarkan kesucian agama Islam dicemari dan nama Allah digunakan sewenang-wenangnya dalam maksud yang salah oleh orang bukan Islam.<sup>47</sup> Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin menjelaskan bahawa sebenarnya pihak Kristian tidak terjejas dengan keputusan pihak kerajaan yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam terjemahan Bible kerana konsep tersebut bukanlah sebahagian daripada inti pati utama ajaran Kristian itu sendiri. Sebaliknya, pertelingkahan dan perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam di Malaysia

---

<sup>47</sup> Ibid, 25.

berkaitan isu tersebut merupakan agenda yang lebih utama untuk ditangani terlebih dahulu.

Realiti, tradisi dan kebiasaan setempat di Malaysia adalah berbeza dengan negara-negara Arab dalam sudut hubungan antara penganut agama serta penggunaan Bible versi Nusantara. Khairul Azhar Bin Meerangani<sup>48</sup> dalam kajiannya jua ada menjelaskan bahawa penggunaan kalimah Allah oleh bangsa Arab sebenarnya telah bermula sejak zaman Nabi Ibrahim AS, namun pemahaman terhadap hakikat sebenar kalimah tersebut semakin pudar disebabkan ketiadaan rasul yang membimbing bangsa Arab dalam jangka masa yang lama. Maka, kalimah tersebut hanya kekal diwarisi secara tradisi tanpa kefahaman sebenar yang menyebabkan golongan musyrikin Makkah meletakkan kalimah tersebut pada kedudukan yang batil. Oleh sebab itulah mereka dilihat seolah-olah tetap mengakui peranan Allah sebagai tuhan yang mencipta dan mengatur setiap isi alam walaupun sebenarnya mereka sendiri keliru tentang hakikat tuhan yang mereka sembah tersebut.<sup>49</sup>

Berbeza pula dengan realiti semasa di Malaysia, kalimah Allah sememangnya telah sinonim digunakan oleh umat Islam di Malaysia dalam urusan ibadah dan kehidupan seharian sebaliknya penganut Kristian pula lebih sinonim dengan penggunaan istilah *God* dan *Lord* bagi merujuk kepada tuhan.<sup>50</sup> Maka pertembungan yang berlaku antara kedua-dua pihak hanya akan membawa kepada kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Penggunaan kalimah Allah dalam terjemahan Bible di Malaysia sebenarnya turut mendapat bantahan daripada sebahagian sarjana dalam ajaran Kristian sendiri kerana ia bakal membawa kepada penetapan konsep “*the onl go*” di mana

---

<sup>48</sup> Khairul Azhar Bin Meerangani, “Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim Di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam” (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2016), 140.

<sup>49</sup> Muhammad Ariffin Ismail, “Isu Kalimah Allah dan Kaitannya dengan Pluralisme” (Makalah, Program Pemantapan Fatwa 2, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2010), 10-11.

<sup>50</sup> Zulkifli Mohd al-Bakri, Rashidy Jamil dan Mohd Aizam Mas’od, *Validity of the Use of the „Allah“ Only For Muslim*, terj. Ahmad Dahan (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 18.

konsep tersebut sebenarnya hanya akan menjejaskan kepercayaan trinititi yang telah menjadi doktrin dalam ajaran Kristian. Bagi mereka, istilah Allah itu lebih merujuk kepada dewa yang dipuja oleh masyarakat Arab kuno melambangkan dewa air atau dewa bulan.<sup>51</sup>

Kefahaman dan pegangan agama lain apabila menggunakan nama Allah tidak sama seperti akidah, kefahaman dan pegangan umat Islam. Perkongsian perkataan adalah satu perkara yang tidak sesuai dalam budaya masyarakat di Malaysia. Mohd Aizam bin Mas'od<sup>52</sup> memberi kesimpulan dalam penulisannya bahawa bahaya akan menimpa masyarakat awam Islam yang keliru dengan situasi ini yang sekaligus boleh mencemarkan akidah dan keimanan mereka. Penerimaan dan penggunaan nama Allah mestilah dalam maksud tauhid sebenar yang digariskan oleh syarak. Sebarang bentuk penyalahgunaan nama suci Allah adalah penghinaan pada akidah Islam dan mengganggu sensitiviti umat Islam.<sup>53</sup>

#### **4.3.2 FATWA 2: HUKUM PELABURAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) DAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN SEUMPAMANYA.**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah melakukan penilaian semula hukum (pertama) pelaburan ASN, ASB dan seumpamanya bersidang pada 12 April 2011. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju memutuskan bahawa pelaburan ASN, ASB dan seumpamanya adalah tidak halal kerana masih belum menepati hukum syarak. Fatwa yang diputuskan ini adalah berbeza dengan fatwa

---

<sup>51</sup> Mohd Sani Badron, "Heresy Arises from Words Wrongly Used," 16 Lihat juga Majlis Agama Islam Selangor, *Obligation to Preserve the Sanctity of the Name Allah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2013), 58

<sup>52</sup> Mohd Aizam bin Mas'od, "Hujah Menolak Penggunaan Kalimah Allah Oleh Kristian", 13

<sup>53</sup> Abdul Halem Hapiz b. Salihin, (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Unit Istibat, Jabatan Mufti Negeri Selangor) dalam temu bual dengan penulis pada 4 Disember 2016.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Keputusan ini dihasilkan setelah meneliti setiap hujah-hujah dan pandangan ahli mesyuarat seperti berikut<sup>54</sup>:

- i. Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional. Ini berdasarkan hadis riwayat Jab r Al-Ja“f daripada Ibnu Mas“ud:

ما اجتمع الحلال و الحرام إلا غلب الحرام الحلال

Terjemahan: “ti k e rc mpur nt r ng h l l n ng h r m  
melainkan menghalalkan yang haram atas yang halal.”<sup>55</sup>”

- ii. Skim amanah saham nasional (ASN) dan amanah saham bumiputera (ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ( MPS SC ) kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang.
- iii. Sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadar yang berubah-ubah ini menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.

Walaubagaimanapun, berlaku penilaian semula hukum (kali kedua) pelaburan ASN dan ASB dan Fatwa Negeri Selangor telah berubah dimana Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rajab 1438H memutuskan bahawa:<sup>56</sup>

<sup>54</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011), 1.

<sup>55</sup> Had th riwayat ĩr l- ,fi, Harf al-M m, no. had th 941 Lihat Shams al-D n Abu al-Khayr Muhammad Ibn „Abd Rahman al-Sakh w , al- q šid al-Ĥ s n h fi n K thĭr min al-Aĥ ĩth l- Mushtaĥ r h , l l- Ĥsinah (Lubnan: D r al-Kutub al- Ĥmiyy h, 1979), 362.

<sup>56</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011), 2.

- i. Hukum pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah HARUS kerana peratusan pelaburan dalam syarikat patuh syarak telah melepasi 66% mengikut piawaian Suruhanjaya Sekuriti Pengharusan ini berdasarkan kaedah fiqh yyah iaitu *ان حكمه يذوري ع عفه* وجى دا و عنب yang bermaksud “hukum berubah mengikut menurut perubahan *„ill h* (sebab).
- ii. PNB hendaklah meneruskan usaha-usaha penambahbaikan bagi memastikan pelaburan tersebut menepati syarak sepenuhnya: dan
- iii. Keharusan hukum pelaburan ini akan dikaji semula selepas 3 tahun dan sekurang-kurangnya peratusan pelaburan patuh syarak melebihi 75.

Mesyyuarat juga memutuskan pihak PNB hendaklah mengeluarkan zakat kepada pelaburan yang patuh syarak. PNB perlu mengemukakan laporan perkembangan peratusan patuh syarak kepada Jabatan Mufti pada setiap tahun sepanjang tempoh tiga tahun. Jabatan Mufti Selangor akan mengkaji semula status harus ini selepas 3 tahun. Keputusan pelaburan PNB dalam ASNB telah melalui pelbagai proses semakan dan pemantauan. Malah keputusan terbaharu yang mengharuskan pelaburan tersebut adalah tidak mutlak tetapi bersyarat sebagaimana yang dinyatakan Jawatankuasa Fatwa akan menyemak semula keputusan tersebut pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, pengkaji akan menfokuskan penyelidikan fatwa penilaian semula hukum (pertama) pelaburan ASN, ASB dan seumpamanya ASB yang bersidang pada 12 April 2011 kerana ia menepati skop dan justifikasi kajian pengkaji untuk melihat polemik fatwa Selangor yang pada awalnya bertentangan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

#### **a) Penyelidikan Fatwa**

Penyelidikan fatwa yang dijalankan adalah berbentuk dalaman dan lapangan. Secara umumnya, hujah-hujah yang dikemukakan adalah bersandarkan kepada hadis, pendapat pakar dan penilaian yang dilakukan sendiri terhadap ASB. Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, Skim ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang

bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, di mana sebahagian besar daripada tidak patuh syariah datang daripada sektor kewangan konvensional iaitu Maybank. Apabila bercampur antara perkara yang halal dan haram, nescaya yang haram akan mengatasi yang halal. Mereka menyokong hujah ini dengan hadis yang diriwayatkan oleh Jab r al-Ja,,f daripada Ibn Mas,,ud yang berbunyi seperti berikut:<sup>57</sup>

ما اجتمع الحلال و الحرام إلا غلب الحرام الحلال

Terjemahan: “Ti k e rc mpur nt r ng h l l n ng h r m  
mel i nk n ng h r m m eng l h k n ng h l l .”

Pada peringkat ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah berpegang pada hujah daripada hadis kerana tindakan yang mereka ambil adalah bagi memastikan masyarakat terhindar daripada pelaburan yang haram.<sup>58</sup> Selain daripada aktiviti pelaburan ASB yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak, sumbangan kepada tidak patuh syariah yang mana sebahagian besar daripadanya datang daripada sektor kewangan konvensional juga berubah-ubah<sup>59</sup> dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berpandangan bahawa ia menyukarkan para pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.<sup>60</sup>

| TAHUN         | PERATUS (%) |
|---------------|-------------|
| DESEMBER 2011 | 26.73 %     |
| DESEMBER 2012 | 23.3%       |
| DESEMBER 2013 | 21.32%      |

**Jadual 4.2: Peratusan Laporan Tahunan ASB iaitu bagi tahun kewangan berakhir  
Disember 2011, 2012 dan 2013**

<sup>57</sup> Had th riwayat ĩr l- ,fi, Harf al-Mim, no. had th 941 Lihat Shams al-D n Abu al-Khayr Muhammad Ibn ,Abd Rahman al-Sakh wi, al- q šid al-H s nah fi Bayan Kathir min al-Aħ ĩth l- Mushtah r h ,, l l- Alsinah (Lubnan: D r al-Kutub al- Ilmiyyah, 1979), 362

<sup>58</sup> Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 12 April 2017.

<sup>59</sup> dalam Laporan Tahunan ASB iaitu bagi tahun kewangan berakhir Disember 2011, 2012 dan 2013 dimana jelas memperlihatkan peratus daripada nilai aset bersih tabung yang diletak di Maybank berubah-ubah iaitu sebanyak 26.73% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2011, 23.23% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2012 dan 21.33% bagi tahun kewangan berakhir Disember 2013.

<sup>60</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

Jadual di atas menunjukkan jumlah peratusan ini menyebabkan Skim ASB masih tidak boleh dimasukkan dalam Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti (SC). Skim ASB ini masih tidak diklasifikasikan sebagai dana Islamik (*Islamic fund*) kerana peratusan pelaburan dalam sektor kewangan konvensional telah melepasi tanda aras lima peratus (5%) yang ditetapkan oleh MPS SC bagi mengukur sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat.<sup>61</sup> Aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah yang dimaksudkan adalah seperti perbankan konvensional, insurans konvensional, pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional dan sebarang aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh syariah.<sup>62</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah merujuk hujah mereka kepada sebuah suruhanjaya yang berautoriti dan bertanggungjawab dalam pasaran modal Islam dengan kata mereka:

*“Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui bank konvensional.”*

Di samping itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah merujuk dan berpegang kepada tiga alasan lain yang dipetik daripada laman seS.A.Wang Zaharuddin

<sup>61</sup> Sumbangan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat mestilah kurang daripada lima peratus (5%).

<sup>62</sup> Abdul Hadi Bin Md Rofee, “Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia”, (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 74-77. Lihat juga, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 29 November 2013), 3-4; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, “Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dicapai 25 Disember 2015, [http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc\\_syariahcompliant\\_291113.pdf](http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf).

Abd. Rahman iaitu <http://www.zaharuddin.net>.<sup>63</sup> Antara tiga alasan tersebut adalah akad pelaburan yang digunakan tidak jelas, jaminan modal atau „*C pit l*” menyebabkan akad pelaburannya bermasalah dari sudut syariah dan pelaburan yang bercampur dengan yang haram melebihi 30%. Perkara ini turut dihuraikan dengan jelas dalam kajian oleh Abdul Hadi Bin Md Rofiee.<sup>64</sup>

## **b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menjalankan penyelidikan fatwa secara dalaman dan lapangan dengan serius dalam menghasilkan keputusan fatwa ini. Penelitian terhadap penyelidikan dan sandaran hujah-hujah kepada keputusan fatwa yang dihasilkan, pengkaji mendapati terdapat dua pendekatan ijtihad kontemporari yang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan. Antaranya:

### **Pertama: Ijtihad dan penglibatan golongan pakar**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menyokong hujah mereka dengan hujah-hujah daripada pihak dan individu yang berautoriti dalam bidang pasaran modal dan kewangan Islam iaitu Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Zaharuddin Abd Rahman. Tambahan lagi, semasa mesyuarat Jawatankuasa Fatwa dijalankan untuk membincangkan isu ini, wakil dari PNB turut hadir bagi menyatakan pendapat. Justeru itu, hasil perbincangan dan penyelidikan secara kolektif atau ijtihad *j m i*” yang telah dijalankan telah membantu kekuatan hujah, dalil dan huraian apabila pihak yang mempunyai kepakaran dan keilmuan dalam bidang tersebut telah berusaha

---

<sup>63</sup> Zaharuddin.Net {Rujukan Informasi Islam}, “Perbincangan Hukum Pelaburan ASB : Kemaskini”, laman sesawang *Ustaz Dr Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman*, dicapai 7 Januari 2016, <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/224-perbincangan-hukum-pelaburan-asb->

<sup>64</sup> Abdul Hadi Bin Md Rofiee, “Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia”, 77; Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

bersungguh-sungguh dalam penyelidikan ini.<sup>65</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan fatwa tidak halal ASB adalah fatwa yang lebih tepat menurut garis panduan syarak dengan bersandarkan hadis<sup>66</sup> yang menjadi hujah pertama. Namun begitu, terdapat beberapa kritikan yang dilontarkan terhadap hadis tersebut.<sup>67</sup> Kajian al-Rofie menukilkan pandangan al-Bayh q yang menyebut bahawa hadis di atas berstatus lemah dan terputus.<sup>68</sup> Al-Rofie turut menukilkan pandangan daripada al-Zayn al-Iraqi dalam *Tk hrīj inh j al-Uş l* dalam kajiannya yang menyebut bahawa hadis di atas tiada sumber. Sungguhpun mendapat beberapa kritikan, namun al-Subk menyebut kaedah yang dibawa oleh hadis tersebut secara sendirinya adalah betul. Dalam kajian Abdul Hadi Bin Md Rofiee, beliau menyatakan kritikan lain terhadap hadis di atas adalah kandungan hadis di atas boleh termansuh dengan satu hadis lain yang menjelaskan bahawa perkara yang haram tidak menyebabkan yang halal menjadi haram. Perkara ini bersandarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah<sup>69</sup> dan al-Daruqutn<sup>70</sup> daripada Ibn Umar seperti berikut:

لا يحرّم الحلال

Terjemahan: “Perkara yang halal tidak menguap menjadi haram.”

<sup>65</sup> Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 12 April 2017.

<sup>66</sup> Hadis riwayat Jabir al-Ja’ifi, Harf al-Mim, no. hadis 941. Lihat Shams al-Din Abu al-Khayr Muhammad Ibn ‘Abd Rahman al-Sakhawi, *l- q şid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ah āth l- Mushtā r h , l l- Alsinah*, (Lubnan: D r al-Kut b al- Ilmiyyah, 1979), 362. Hadis yang diriwayatkan oleh Jab r al-Ja,f daripada Ibn Mas,ud yang berbunyi seperti berikut:

ل ي ب ا ي ع ن ح و ا ن ح ر ا و غ ي ب ا ن

Terjemahan: “Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan yang haram mengalahkan yang halal.”

<sup>67</sup> Abdul Hadi Bin Md Rofiee, Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (Asb) Di Malaysia, (Disertasi, Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2014), 112.

<sup>68</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

<sup>69</sup> Hadis riwayat Ibn Majah, Kitab al-Nikah, Bab la Yuharrim al-Har m al-Hal l, no. hadis 2015. al-Albani mengatakan hadis ini lemah. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yaz d al-Qazwayn Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, 348.

183 Hadis riwayat al-Daruqutni, Kit b al-Nikah, no. hadis: 3623, Bab al-Mahr, no. hadis: 89.

<sup>70</sup> Lihat ‘Ali Ibn ‘Umar al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, ed. ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud dan ‘Ali Muhammad (Beirut: D r al-Ma,rifah, 2001), 3:197.

Sungguhpun begitu, menurut al-Subkī lagi; hukum sebenar yang terkandung dalam hadis yang pertama bukan bermaksud yang haram akan mengatasi yang halal, sebaliknya merupakan satu bentuk langkah berhati-hati supaya orang ramai tidak terjebak dalam perkara yang haram.<sup>71</sup> Jelas pada peringkat ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah berpegang pada hujah daripada hadis kerana tindakan yang mereka ambil adalah bagi memastikan masyarakat terhindar daripada pelaburan yang haram.<sup>72</sup>

Pembuktian bahawa pengamalan ijtihad *j m , i* dan pandangan-pandangan banyak pihak telah dirujuk adalah apabila Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah melakukan rujukan kepada MPS SC bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah satu badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia bursa-bursa, prospektus syarikat, semua perkara yang berkaitan dengan skim unit amanah dan sekuriti di Malaysia telah melakukan beberapa langkah bagi mengawal selia pasaran modal dan melindungi para pelabur daripada sebarang bentuk penipuan.<sup>73</sup> Antara langkah yang dilakukan adalah menubuhkan Jabatan Pasaran Modal Islam (JPMI), Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) dan Majlis Penasihat Syariah (MPS).<sup>74</sup> MPS SC pula merupakan badan penasihat syariah di peringkat nasional. Majlis ini ditubuhkan untuk menasihati SC mengenai perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pasaran modal Islam.<sup>75</sup> Mereka bertanggungjawab memastikan pelaksanaan pasaran modal Islam mengikut lunas Islam. Mereka bertanggungjawab

<sup>71</sup> al-Subkī, *l-sh h w l- z 'ir*, 118.

<sup>72</sup> Abdul Hadi Bin Md Rofee, Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (Asb) Di Malaysia, (Disertasi, Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2014). 114.

<sup>73</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

<sup>74</sup> Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, 2008), 3-5.

<sup>75</sup> Abdul Hadi Bin Md Rofee, Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (Asb) Di Malaysia, 98-100. Lihat juga, Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia, "List of launched funds in relation to unit trust funds as at 31 Mei 2014", laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 2 Februari 2016, <http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

melindungi para pelabur khususnya orang Islam dan awam daripada terjerumus ke dalam pelaburan yang tidak patuh Syariah. Secara keseluruhannya atau lebih tepat ialah MPS SC bertanggungjawab terhadap mengkaji status sekuriti dan menilai sama ada unit amanah yang tersenarai di Bursa Malaysia patuh syariah atau tidak. Ahli-ahli MPS terdiri daripada individu berkeelayakan yang boleh memberikan pandangan mengenai syariah dan mempunyai pengalaman yang luas dalam aplikasi syariah, terutama dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam. Dalam melakukan penyelidikan tentang pasaran modal, MPS telah memutuskan untuk menerima semua sumber metodologi hukum fuqaha. Sumber utama yang menjadi rujukan dalam penyelidikan adalah al-Quran dan al-sunnah. Sementara sumber sokongan yang menjadi rujukan dalam penyelidikan pula terdiri daripada ijmak, qiyas, *maṣlaḥah*, *istiḥsan*, *istiṣḥā*, *urf*, *maṣḥūr*, *ḥisāh*, *sharʿiyyah*, *ḥukm*, *ḥikm*, *ḥikm*, *ḥikm* dan lain-lain yang telah diterima pakai dalam perundangan Islam.<sup>76</sup> Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh MPS SC patut menjadi rujukan khusus berhubung persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pasaran modal Islam. Berdasarkan autoriti SC dan kredibiliti MPS SC, hasil keputusan mereka wajar diberi keutamaan, dijadikan panduan dan rujukan khusus dalam pasaran modal Islam.<sup>77</sup>

Selain itu, pembuktian pengamalan ijtihad kontemporari boleh dilihat apabila Jawatankuasa Fatwa juga merujuk pendapat individu yang diakui kepakarannya dalam bidang kewangan Islam iaitu Zaharuddin Abd Rahman. Zaharuddin Abd Rahman bersependapat dengan Jawatankuasa Fatwa mengenai hukum ASB berpanduan kepada tiga hujah lain iaitu:<sup>78</sup>

<sup>76</sup> Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, 8-9.

<sup>77</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

<sup>78</sup> Zaharuddin Net {Rujukan Informasi Islam}, "Perbincangan Hukum Pelaburan ASB : Kemaskini", laman sesawang *Ustaz Dr Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman*, dicapai 6 Oktober 2015, <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/224-perbincangan-hukum-pelaburan-asb--kemaskini.html>. Lihat juga, Abdul Hadi Bin Md Rofee, Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (Asb) Di Malaysia, 104-114.

**Pertama:** akad pelaburan tidak jelas, akad pelaburan yang digunakan tidak jelas sama ada *qirad*, *mudarabah* atau *musyarakah*. Sebagai contoh jika menggunakan *mud r bah*, maka pelaburan ini disyaratkan menentukan kadar nisbah pembahagian keuntungan seperti 80:20 dan sebagainya di awal pelaburan. Namun hal ini tidak dinyatakan langsung dalam pelaburan ASB. Apabila sesebuah „ *k* itu tidak sah dari sudut syarak, maka seluruh pelaburan adalah batal tanpa mengira pelaburannya diletakkan dalam industri halal atau haram.

**Kedua:** Jaminan Modal atau „Capital“ Menyebabkan Akad Pelaburannya Bermasalah dari sudut Syariah. Termaktub bahawa modal (capital) pelaburan ASB dijamin oleh PNB. Hal ini bermakna syarat dalam akad pelaburan ini telah bercanggah dengan syarat pelaburan *mud r bah* dalam Islam yang tidak membenarkan pengusaha iaitu *mud rib* (dalam hal ini PNB) menjamin keselamatan modal para pelabur. Malah menurut mazhab Sy fi“, akad pelaburan tersebut dikira batal. Modal pelaburan sememangnya tidak boleh dijamin oleh pihak yang menguruskan pelaburan. Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia (Majma“ Fiqh Islami) atau OIC Islamic Fiqh Academy dalam konvensyen mereka yang kesembilan telah memutuskan bahawa jaminan modal hanya dibenarkan apabila ia datang daripada pihak ketiga (dalam hal ASB, yang menjamin bukan datang daripada pihak ketiga). Malah apabila jaminan daripada pihak ketiga sekalipun, Majlis Fiqh Dunia bersepakat mensyaratkan ia tidak dimasukkan dalam kontrak pelaburan. Malangnya, klausa ini dimasukkan dalam akad pelaburan ASB yang diwakili oleh borangnya.

Keistimewaan jaminan modal ini tidak sah menurut seluruh ulama“ empat mazhab juga. Hal ini kerana dalam konsep pelaburan Islam yang dikenali sebagai

mudarabah, tiada sebarang jaminan daripada pengusaha bahawa modalnya terjamin.<sup>79</sup>

Selain itu menurut syariah, hanya dua jenis jaminan modal diizinkan dalam akad mudarabah iaitu:

- i. Jaminan modal dikembalikan jika pihak pengurus pelaburan (*mudharib*) mengkhianati mana-mana isi kontrak, kecuaiian yang jelas dalam pengurusan dan yang sepertinya.
- ii. Jaminan daripada pihak ketiga dan bukannya pihak pengurus pelaburan (*mudharib*).<sup>80</sup>

Namun demikian, Nazih Hammad berpendapat bahawa walaupun pendapat yang mengatakan tidak harus berlaku jaminan pulangan modal adalah masyhur dalam kalangan mazhab empat dan para pengkaji sistem kewangan Islam semasa, namun ia bukanlah pendapat yang disepakati. Terdapat pendapat yang mengharuskannya. Beliau menganggap pendapat yang mengharuskan ini lebih tepat dan menyandarkannya kepada Qatadah, „Uthman al-Batt , „Ubayd Allah Ibn al-Hasan al-„Anb ri, Dawud al-Zah ri, salah satu riwayat daripada Ahmad, pendapat yang tidak masyhur dalam mazhab M lik dan tidak begitu kuat (*marjuh*) dalam mazhab Hanafi, juga pendapat yang dipilih oleh Ibn Taymiyyah dan dipegang serta didokong oleh al-Shawk n daripada kalangan ulama yang terkemudian.<sup>81</sup> Hujah yang menjadi pegangan pendapat kedua ini adalah hadis Nabi Muhammad S.A.W:

*“Perj n j i n m i itu h rus gi or ng Islam, kecuali perjanjian yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Dan orang Islam itu terikat dengan syarat-syarat yang mereka buat, kecuali syarat-syarat yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram”.*<sup>82</sup>

<sup>79</sup> Wahbah al-Zuhayl , l - u , m l t al-Maliyyah al- u , , s rah, ed 6 (Damsyik: D r al-Fikr, 2008), 442.

<sup>80</sup> Ibid., 442 & 443.

<sup>81</sup> Nazih Hammad, da Sihhah Tadmiḍn l- m n h i l-Sh rt fī l- iqh l-Isl mi ed. ke-2 (Jeddah: al-Maḥad al-Islam li al-Buhuth wa al-Tadr b, 2000), 45. Lihat juga Nazih Hammad, i iqh l- u , m l t al-Maliyyah wa al-Masrafiyyah al- u , , shrah (Dimashq: D r al-Qal m, 2008), 261-286.

<sup>82</sup> Ḥad th riwayat al-Tirmidhi, Kitab al-Ahkam ,an Rasulullah Sallahu‘alayhi Wasallam, Bab Ma Zukir ,an Rasulullah Sallahu‘alayhi Wasallam fi al-Sulh Bayn al-Nas, no. ḥad th 1352. al-Albani menyebut ḥad th

Hadis di atas secara jelas menunjukkan bahawa mensyaratkan jaminan pulangan modal ke atas pengusaha (*mudharib*) tidak bercanggah dengan nas syarak. Syarat sedemikian tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal. Selain itu, persetujuan pengusaha (*mudharib*) ke atas syarat ini juga menandakan bahawa dia reda dengan sebarang kesan yang akan ditanggung. Hal ini kerana persetujuan bersama adalah syarat yang mesti ada untuk membolehkan sebarang urusan berkaitan harta dilakukan sesama manusia, selama mana ia tidak menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.<sup>83</sup> Berasaskan penerangan di atas, penulisan Wan Mohd Yusof Wan Chik telah menyimpulkan bahawa pendapat yang tidak masyhur boleh digunakan oleh pihak pemerintah berdasarkan konsep *si sh sh r, i h* apabila ia lebih mendekati kemaslahatan umum dalam bernegara.<sup>84</sup>

**Ketiga:** Dana terkumpul dilabur secara bercampur-campur dalam industri halal dan haram. Jawatankuasa Fatwa juga telah mengemukakan pendapat sendiri dengan menegaskan bahawa peratusan sumbangan dana ASB kepada tidak patuh syariah iaitu yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak adalah yang terbesar serta berubah-ubah.<sup>85</sup> Hal ini sekaligus menyukarkan para pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen. Skim ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, di mana sebahagian besar daripada tidak patuh syariah datangnya daripada sektor kewangan konvensional. Sebagaimana telah dijelaskan, peratusan sumbangan kepada tidak patuh syariah yang mana sebahagian besar daripadanya datang daripada sektor kewangan konvensional telah melepasi tanda aras lima peratus

---

ini hasan sahih Lihat Muhammad Ibn „Isa Ibn Surah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, ed al-Alb ni, 318-319.

<sup>83</sup> Nazih Hammad, *Sih h T min l- m n h i l-Sh rt fi l- iqh l-Isl mī*, 265-266.

<sup>84</sup> Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, “Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh & Usul, APIUM, 14-15 Disember 2011), 9.

<sup>85</sup> Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

(5%) yang digunakan oleh MPS SC bagi mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan syariah) seperti perbankan konvensional, insurans konvensional, pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrumen konvensional serta lain-lain.<sup>86</sup>

## **Kedua: Pendekatan *q idi***

Daripada penjelasan hujah di atas, dapat dijustifikasikan bahawa pendekatan berfatwa yang diambil oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor adalah lebih cenderung menjaga agama *hifz al- ĩn* . Jawatankuasa Fatwa juga tidak memfokuskan hujah mereka pada aspek *maşlahah* iaitu kepentingan menjaga harta *hifz l -m l* . Hal ini kerana *maşlahah* di akhirat lebih menjadi keutamaan berbanding di dunia. Jawatankuasa Fatwa berpandangan kesemua pertimbangan ini penting dilakukan demi kesejahteraan umat di dunia, apatah lagi di akhirat walaupun ada yang bercanggah pandangan kerana keputusan yang diputuskan telah dinilai oleh segelintir pihak sebagai tidak meraikan *maşlahah* dan realiti semasa masyarakat di Malaysia.<sup>87</sup>

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menilai dari sudut yang berbeza. Walaupun menjaga harta itu penting, namun bagi mereka menjaga agama adalah lebih utama. Pendirian ini menjadikan fatwa mereka berbeza dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Dalam Islam, setiap perkara yang disyariatkan mengandungi *maşlahah* Perkara ini diterima secara sepakat oleh kebanyakan ulama” dan Muslim pada setiap masa dan pegangan mazhab kecuali al-Zahir yyah. Sebagai contoh, Ibn al-Qayy m menyebut:

---

<sup>86</sup> Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, 3-4; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, “Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”,

<sup>87</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

“*Sesungguhnya syariat Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariat Islam itu segalanya keadilan, rahmat dan kebaikan. Maka setiap perkara yang terkeluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada yang berlawanan dengannya, daripada kebaikan kepada kerosakan, daripada hikmah kepada sia-sia, maka ianya bukan syariat Islam sekalipun diberikan tafsiran (takwilan) untukn*”<sup>88</sup>.

Perkara ini bermakna bahawa yang penting adalah tujuan utama syariat itu sendiri iaitu kebaikan untuk manusia. Namun begitu, kebaikan untuk manusia tidak terhad hanya di dunia sahaja bahkan di akhirat juga. Al-Shatib telah mengesahkan bahawa kebaikan di sebalik sesuatu kewajipan akan kembali kepada *mukallaf* jua, di dunia dan akhirat.<sup>89</sup> Jika sekiranya kebaikan hanya dicapai di dunia sehingga mengabaikan kebaikan di akhirat, maka ia adalah sia-sia kerana kehidupan di dunia hanya sementara dan kehidupan di akhirat jua yang kekal abadi. Allah S.W.T berfirman:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلَاهَا مَذْمُومًا مَدْحُورًا ﴿١٨﴾ وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَشْكُورًا ﴿١٩﴾

Al-Israa“ 17:18-19

Terjemahan: *Sesiapa Yang menghendaki (kesenangan hidup) dunia, Kami akan segerakan kepadanya Dalam dunia apa Yang Kami kehendaki, bagi sesiapa Yang Kami kehendaki; kemudian Kami sediakan baginya neraka jahannam (di akhirat kelak), untuk membakarnya Dalam keadaan Yang hina lagi tersingkir dari rahmat Allah. Dan sesiapa Yang menghendaki akhirat dan berusaha*

<sup>88</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Ilmu Uluwqqiyyah*, 1/1, 4:337.

<sup>89</sup> Al-Shatib, Abu Ishaq Ibrahim al-Lakhmi al-Gharnati al-Malik, *Ilmu Uluwqqiyyah* (Saudi: Dar Ibn Affan, 1997), 2:294-295.

*mengerjakan amal-amal Yang baik untuk akhirat Dengan usaha Yang layak bagiNya, sedang ia beriman, maka mereka Yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa sesiapa yang ingin mendapatkan kejayaan di akhirat, maka usaha yang dia lakukan di dunia mesti selari dengan kehendak syariat, maka dia layak mendapat pemberian Allah di dunia dan akhirat.<sup>90</sup> Dari segi turutan kepentingan *maṣlahah* pula, menjaga agama hendaklah didahulukan daripada diri, akal, keturunan dan harta. Apabila berlaku pertembungan antara menjaga agama dan harta, nescaya menjaga agama akan didahulukan.<sup>91</sup> Maksud menjaga agama *ḥifz al- dīn* di sini adalah hanya melabur dalam dana yang patuh syariah dan menjauhi dana yang tidak Islamik. Maka selagi dana ASB dikategorikan sebagai tidak Islamik, maka jalan yang terbaik adalah tidak menyertainya.<sup>92</sup> Al-Buṭī juga telah menegaskan bahawa *maṣlahah* yang hendak dicapai mesti menepati lima piawaian dan salah satu daripadanya adalah tidak menghapuskan *maṣlahah* lain yang lebih penting.<sup>93</sup> Dalam konteks ini, *maṣlahah* yang lebih penting adalah menjaga agama berbanding harta. Apabila menjaga harta boleh mengenenpikan kepentingan lain yang paling utama iaitu menjaga agama, maka tatkala itu ia adalah *maṣlahah* yang masih lagi longgar dan samar-samar.

Pengkaji melihat bahawa perkara ini berbeza dengan semakan semula kali kedua(2017) yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang dilihat mempertimbangkan semula hukum tersebut apabila pihak pengurusan PNB telah mengkaji dan seterusnya menggunakan saringan bagi mengkategorikan pelaburan dana unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) berdasarkan Fiqh *q ṣid* serta

---

<sup>90</sup> Yusuf Hamid al-, Alim, *l - q ṣid al-, mm h li l-Sh ri., h l-Isl mī h*, ed ke-2 (Herndon: al-Maḥad al-, Alami li al-Fikr al-Isl m , 1994), 85

<sup>91</sup> al-Buṭī, Muhammad Sa, id Ramadan, *Dawabit al-Maṣlahah fi al-Sh ri., h l-Islamiyyah*, ed. ke-2 (t.tp.: Mu'assasah al-Risalah, t.t.), 249.

<sup>92</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>93</sup> Al-Buṭī, *D w bit al-Maṣl h h fi l-Sh ri., h l-Isl miyyah*, 249.

membuat beberapa inisiatif penambahbaikan status patuh Syariah pelaburan PNB seperti:<sup>94</sup>

- i. Akad yang jelas akan digunakan di dalam pelaburan
- ii. Kearah penyelesaian isu Sekuriti Pendapatan tetap (Fixed Income Securities) dan pasaran wang.
- iii. Meningkatkan perniagaan patuh Syariah (*Syariah compliant*) di dalam syarikat kumpulan Maybank
- iv. Isu mengenai jaminan modal bagi pelaburan PNB.
- v. Menasihati para pelabur muslim untuk membayar zakat sekiranya cukup nisab dan haul.

Jawatankuasa Fatwa telah mengambil pendekatan *maqāṣid* yang meraikan *maṣlaḥah* ammah dalam memutuskan keharusan fatwa ini walaupun berdasarkan data dan maklumat terkini yang diberikan oleh pihak PNB, memang ada kekangan yang dihadapi oleh PNB untuk melabur sepenuhnya di dalam pelaburan patuh Syariah. Oleh kerana PNB mempunyai mandat yang khusus daripada kerajaan untuk menstruktur semula ketidakseimbangan ekonomi dengan meningkatkan pemilikan ekuiti oleh masyarakat Bumiputera dalam sektor korporat di negara ini yang merupakan *maṣlaḥah* „*muḥim*“, maka PNB terpaksa melabur di dalam sektor-sektor strategik negara termasuk sektor kewangan. Walaubagaimanapun, pendapatan daripada pelaburan patuh Syariah adalah lebih besar daripada pelaburan tidak patuh Syariah dan PNB telah memberi komitmen untuk memperbaiki dari masa ke semasa peratusan kepatuhan Syariah pelaburannya sedaya upaya dengan pelan-pelan tindakan yang telah dan sedang berjalan. Di samping itu, PNB juga telah menambak pelaburan yang tidak melabur dalam syarikat-syarikat arak, judi dan rokok.

---

<sup>94</sup> Ringkasan Eksekutif Memohon Menerimapakai Pelaburan Permodalan Nasional Berhad (Pnb) Berdasarkan *maqāṣid* *l-sharī'ah* Kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Yang Disediakan Oleh Bahagian Projek Islamik, Pejabat Presiden Dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad.

### **4.3.3 FATWA 3: HUKUM MEMAKAN DAGING ATAU ISI BELANGKAS DAN TELURNYA**

Fatwa berkaitan hukum memakan daging atau isi belangkas dan telurnya telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 1/2011 yang bersidang pada 8 Februari 2011 M. Jawatankuasa telah bersetuju membuat keputusan harus memakan telur dan isi belangkas dengan alasan seperti berikut:<sup>95</sup>

1. Belangkas bukan hidupan dua alam, ia hidupan air dan
2. Kandungan toksin yang terdapat dalam badannya hendaklah dipisahkan (dibuangkan)

Penyelidikan fatwa dibincangkan adalah kerana masyarakat Malaysia gemar memilih makanan hidupan laut sebagai salah satu menu di restoran atau di kedai-kedai makan. Antara jenis hidupan laut yang dipilih sebagai hidangan masakan seperti ketam, sotong, udang, ikan dan termasuklah juga belangkas. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, belangkas menjadi salah satu hidangan popular dan telah dikomersialkan sebagai salah satu menu makanan kegemaran bagi sesetengah yang meminatinya terutama hidangan telur belangkas dan isinya. Isu ini telah mendapat perhatian oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui pertanyaan orang awam mengenai hukum memakan daging atau telur belangkas. Oleh itu, untuk mengelak kekeliruan masyarakat sama ada ianya boleh dimakan atau tidak, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah disyorkan untuk mengeluarkan fatwa berkaitan dengan isu ini.

---

<sup>95</sup> Kertas Kerja Hukum Memakan Daging Atau Isi Belangkas Dan Telurnya, Bahagian Dokumentasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 Februari 2011).

### a) Penyelidikan Fatwa

Penyelidikan ini adalah berbentuk kajian dalaman. Menurut Khairiamri bin Ahmad, Pegawai yang membentangkan kertas kerja ini menyatakan secara umumnya, hujah-hujah yang dikemukakan adalah bersandarkan kepada:<sup>96</sup>

1. Nas al-quran dan al-sunnah,
2. Merujuk kepada karya-karya fiqh dengan mengemukakan pandangan dari keempat-empat mazhab. Merujuk juga kepada kitab *Sirat l - ust q īm* karangan Syeikh Nuruddin al-Ranir dan kitab *S il l - uht din* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banj ri (ulama“ melayu klasik)
3. Merujuk kepada pendapat pakar daripada Dr. Zaleha Kassim, Pakar Kajian Haiwan Hidupan Air, Universiti Malaysia Terengganu untuk mengklasifikasikan belangkas adalah sejenis haiwan yang hidup di laut atau di darat atau sebaliknya.
4. Perbincangan sesama ahli jawatankuasa fatwa sahaja.

### b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari

Penelitian terhadap penyelidikan dan sandaran hujah-hujah kepada keputusan fatwa yang dihasilkan, pengkaji mendapati terdapat dua pendekatan ijtihad kontemporari yang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan. Antaranya:

#### **Pertama: Ijtihad dan penglibatan golongan pakar**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menyokong hujah mereka dengan merujuk kepada fatwa yang diputuskan oleh Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali Ke 75 dan merujuk kepada pandangan Dr. Zaleha Kassim Pakar Kajian Haiwan Hidupan Laut. Dalam isu belangkas, pada asalnya kebanyakan sarjana hukum Islam-Melayu klasik telah memutuskan hukum memakannya adalah haram kerana ia digolongkan dalam

---

<sup>96</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

kategori haiwan dua alam, darat dan air. Pengkaji telah merujuk kepada penyelidikan oleh Mohd Aizat Jamaluddin dan Mohd Anuar Ramli<sup>97</sup> berkaitan pemikiran ulama melayu klasik tentang pemakanan yang menfokuskan dua buah karya fiqh klasik, iaitu kitab *Sirat l - ust q īm* karangan Syeikh Nuruddin al-Ranir dan kitab *S il l - uht i n* karya Syeikh Muhammad Arshad al-Banjar.<sup>98</sup> Ulama melayu klasik menklasifikasikan belangkas sebagai binatang dua alam. Mereka berpandangan haiwan yang hidupnya dua alam adalah diharamkan kerana ia boleh memberi kemudahan. Di antara haiwan tersebut seperti ketam batu, katak, ular air, nas-nas, buaya, belangkas, penyu dan memerang. Begitu juga diharamkan memakan haiwan beracun seperti ikan buntal. Namun, apabila racun tersebut dapat dibuang hukumnya berubah menjadi halal. Berasaskan pandangan tersebut, haiwan akuatik atau laut adalah halal dimakan selagi ia tidak dipandang keji, memudaratkan dan beracun. Ini termasuklah haiwan yang ditegah dibunuh seperti katak dan seumpamanya.

Namun begitu, apabila Jawatankuasa fatwa merujuk kepada Dr. Zaleha Kassim, Pakar Kajian Haiwan Hidupan Air, Universiti Malaysia Terengganu, belangkas adalah haiwan yang hidup di laut dalam dan hanya naik ke pantai untuk bertelur. Sifat hidup ini sama seperti penyu.<sup>99</sup> Belangkas adalah sejenis haiwan yang hidup di laut masin dan sedikit di paya air tawar. Dalam badan belangkas terdapat sejenis toksin yang boleh memberikan ketidakselesaan kepada kepala iaitu menjadi pening apabila termakannya. Habitat kehidupan belangkas ialah di kuala sungai dan dataran berlumpur hutan bakau. Belangkas bergerak ke daratan untuk bertelur dan membiak pada bulan penuh atau pada 15 dan 30 bulan Islam (Hijrah).<sup>100</sup> Anak belangkas menetas selepas beberapa minggu

---

<sup>97</sup> Mohamamad Aizat Jamaludin dan Mohd Anuar Ramli, "Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan" (World Congress For Islamic History And Civilization (Wocihac), Akademi Pengajian Islam (Apium) Januari 2011).

<sup>98</sup> Syeikh Muhammad Arshad al-Banjar (1343H), *S ī l al-Muht īn li l-T f qquh fī mr l- ī n*, (Pulau Pinang: D r al-Mu,arif).

<sup>99</sup> *Ibid.*

<sup>100</sup> Kertas Kerja Hukum Memakan Daging Atau Isi Belangkas Dan Telurnya, Bahagian Dokumentasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 Februari 2011).

dan berenang ke laut dan membesar di laut dalam. Ia mengambil masa sampai 10 tahun membesar untuk menjadi dewasa. Belangkas dewasa bernafas menggunakan insang pada bahagian buku insangnya. Ia akan mati jika buku insangnya kering. Jadi tidak benar anggapan bahawa belangkas dikategorikan sebagai binatang dua alam seperti amfibia iaitu katak. Ini kerana belangkas mengekalkan sifatnya bergantung kepada air untuk bernafas dan hidup.

Jawatankuasa turut merujuk keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah kali Ke-72 yang memutuskan bahawa harus memakan telur dan isi belangkas kerana ia sejenis haiwan hidupan satu alam. Telur dan isi belangkas harus dimakan sekiranya kandungan toksid pada badannya boleh dipisahkan. Hal ini menunjukkan perubahan hukum yang pada asalnya tidak boleh dimakan kepada harus adalah berasaskan kajian saintifik<sup>101</sup> yang membuktikan haiwan ini bukan dikategorikan sebagai haiwan dua alam. Pendapat ini sekaligus menyatakan adalah tidak benar belangkas adalah haiwan dua alam yang dihukumkan sebagai haram oleh mazhab Sy fi".

### **Kedua: *Takhayyur***

Jawatankuasa menggunakan kaedah *takhayyur* dalam penyelidikan fatwa ini. Masalah ini hanya boleh dikategorikan sebagai *takhayyur* atau taqlid mazhab lain dan tidak sampai tahap *tlfiq* lagi, walaubagaimanapun aplikasi *takhayyur* terhadap mazhab selain Sy fi ini membuktikan bahawa Jawatankuasa melalui sikap keterbukaan terhadap pandangan-pandangan selain mazhab Sy fi walaupun mazhab Sy fi dianggap mazhab rasmi dalam peruntukan undang-undang.<sup>102</sup> Persoalan yang timbul dalam menentukan hukum dan menjadi pernyataan masyarakat adalah sama ada belangkas ini hidupan dua alam atau satu alam sahaja. Pendapat pakar haiwan laut yang menjelaskan bahawa belangkas

---

<sup>101</sup> Dr. Zaleha Kassim, Pakar Kajian Haiwan Hidupan Air, Universiti Malaysia Terengganu. Rujuk Kertas Kerja Hukum Memakan Daging Atau Isi Belangkas Dan Telurnya, Bahagian Dokumentasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 Februari 2011).

<sup>102</sup> Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

dan penyu adalah sama sifat iaitu naik ke atas darat untuk bertelur.<sup>103</sup> Mereka bertelur di pantai dan hanya hidup di laut dalam sahaja.

Dalam menentukan kategori haiwan belangkas ini, penyelidikan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah merujuk pandangan Ulama“ Melayu Klasik Mazhab Sy fi dalam *S ī l al-Muht ī n Kit b al- th"im h* karangan Sheikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjar<sup>104</sup> menyebut bahawa haram memakan haiwan atau binatang yang hidup di dalam air dan di atas darat seperti buaya, katak, penyu, kura-kura, belangkas dan lain-lain. Pandangan Dr. Wahbah al-Zuhayl dalam kitabnya *l - iqh l -Isl mī wa Adillatuhu*<sup>105</sup> menyebutkan bahawa:

مذهب الجمهور غير الحنفية، ورأيهم هو الأصح : حيوان الماء : السمك وشبهه مما لا يعيش إلا في الماء كالسرطان وحية الماء وكلبه وخنزيره ونحو ذلك، حلال يباح بغير ذكاة، كيف مات، حتف أنفه، أو بسبب ظاهر، كصدمة حجر، أو ضربة صياد، أو انحسار ماء، راسيا كان أو طافيا، وأخذه ذكاته، لكن إن انفتح الطافي بحيث يخشى منه السقم يحرم الضرر

Terjemahan: *Jumhur Ul m " sel i n Ul m " zh H n fi*<sup>106</sup> berpendapat semua hidupan air seperti ikan dan seumpamanya yang tidak boleh hidup kecuali di dalam air seperti ketam, ular air, anjing atau babi laut dan sebagainya adalah halal dimakan tanpa perlu disembelih tanpa mengira bagaimana cara ia akan mati, baik ia mati sendirian atau dengan sebab-sebab nyata seperti terlanggar batu, dipukul oleh nelayan ataupun terdampar disebabkan air pasang atau air surut, dan menyembelihnya, tetapi sekiranya ia kembang dan

<sup>103</sup> Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim, 30 Pakar Kajian Haiwan Hidupan Air, Universiti Malaysia Terengganu. *Ibid*.

<sup>104</sup> Syekh Muhammad Arshad al-Banjar, *S ī l al-Muht ī n Kit b al- th"im h* (Pulau Pinang: D r al-Mu,arif, 1343H)

<sup>105</sup> Wahbah al-Zuhayl *l - iqh l -Isl mī wa Adillatuh*, cet ke-10, (Damsyiq: D r al-Fikr, 2007), 1:2791-2792.

<sup>106</sup> Al-Qurtub (1995), *i h l - u jt hī w ih h l - u qt sīd*, (D r al-Sal m) 1:1201, Al-Shiraz (1995), *l - u h zz fi fiqh l -Im m al-Sh fi"ī* (Beirut –Lubnan: D r al-Kutub al-Ilmiyyah), 1:454-455, al-Sharbin (1997), *u ghni l - u ht j*, (Beirut-Lubnan: D r al-Ma'rif h), 4:398.

terapung yang mana dibimbangi menyebabkan keracunan dan kemudaran, maka ia haram dimakan.

Berdasarkan firman Allah S.W.T:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ  
صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمَّتْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

Al-Maidah 5: 96

Terjemahan: Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang Dalam pelayaran.

Nama buruan dalam ayat di atas adalah meliputi hidupan laut yang lain termasuk ikan. Ini bererti semua yang ada di dalam laut adalah halal. Pendapat ini juga bersandarkan hadis nabi S.A.W sewaktu baginda ditanya mengenai berwudhu" menggunakan air laut:

عن سعيد بن سلمة - من آل ابن الأزرق - أن المغيرة بن أبي بردة - وهو من بني عبد الدار - أخبره : أنه سمع أبا هريرة يقول : سأل رجل رسول الله (ص)، فقال : يا رسول الله إن نركب البحر ونحمل معنا القليل من الماء : فإن توضأنا به عطشنا، أفنتوضأ من البحر. فقال رسول الله (ص) هو الطهور ماؤه، الحل ميتته. - رواه الترمذي.<sup>107</sup>

Terjemahan: rip S,,i in Sl mah - daripada keluarga Ibn al-Azraq - Sesungguhnya al-Mughirah bin Abi Burdah - dan dia dari kalangan Bani Abd al-dar - Telah memberitahu akan dia : Sesungguhnya dia telah mendengar Abu Hurairah berkata : Wahai Rasulullah, sesungguhnya kita sedang menaiki kapal laut dan kita e rwu hu" e ng n ir ini nesc kit k n h g p k h oleh

<sup>107</sup> Al-Bani (t.t), *Sunn h l-tirmizī*, (Al-Riyadh: Maktabah al-Ma'arif), no ḥad th 69, 27.

*kit menggunakan air laut untuk erwu hu". k sulul ih S.A.W bersabda: Laut airnya suci dan menyucikan dan bangkainya adalah halal.*

Merujuk kepada perbincangan ini, kehidupan belangkas sama dengan kehidupan penyu sepertimana yang dijelaskan oleh Dr. Zaleha Kassim iaitu belangkas dan penyu bertelur di pantai dan hanya hidup di laut dalam sahaja. Dr. Wahbah al-Zuhayl menyatakan dalam tulisan beliau bahawa ada tiga pendapat ulama<sup>108</sup> mengenai jenis binatang yang boleh hidup di darat dan di dalam air sekaligus seperti katak, kura-kura atau penyu, ketam, ular, buaya, anjing laut dan sebagainya.<sup>108</sup>

1. Pendapat Ulama<sup>109</sup> Mazhab Hanafi dan Syafi'i. Ia tidak halal dimakan kerana tergolong dalam binatang yang kotor dan disebabkan keracunan khususnya yang terdapat pada ular.
2. Pendapat Ulama<sup>110</sup> Mazhab Maliki. Memakan katak dan segala jenis serangga, ketam, kura-kura atau penyu adalah harus kerana tidak terdapat sebarang nas yang mengharamkannya. Maksud benda kotor (مفحش) yang diharamkan adalah setiap perkara yang dinaskan haram oleh syarak sahaja. Oleh itu, sebarang perkara yang tidak dinaskan dan dianggap jijik oleh liur dan keinginan tidaklah menjadi haram.
3. Sebahagian Ulama<sup>111</sup> Mazhab Hanbali Berpendapat setiap binatang air yang merayap tidak halal tanpa disembelih sama seperti burung air, kura-kura atau penyu, anjing laut melainkan yang tidak mempunyai darah seperti ketam maka ia halal tanpa disembelih mengikut pendapat Imam Ahmad, kerana ia adalah binatang air yang hidup di daratan dan ia pula tidak mempunyai darah, oleh itu disembelihannya tidak diperlukan. Ini berbeza dengan binatang yang mempunyai darah kerana ia tidak halal tanpa disembelih.

<sup>108</sup> Wahbah al-Zuhayl *l- iqh l-Isl mī w ill tuh* (cet ke-10, Damsyiq: D r al-Fikr, 2007), 1:2799-2800

<sup>109</sup> Al-Sheikh Abd al-Ghani al-Ghanim, *l - u fi S rhi l-Kit*, (Beirut – Lubnan: al-Maktabah al-„Alamiyyah,1997), 3:230, al-Sharbin, *u ghni l- u ht j* Beirut-Lubnan: D r al-Ma'rifah,1995), 4:400, Al-Shiraz, *l - u h zz fi fiqh l-Im m l-Sh fi''* Beirut-Lubnan: D r al-Kutub al-Ilmiyyah), 1:454-455.

<sup>110</sup> Al-Qurtub, *i h l- u jt hī w ih h l- u qt sī* (D r al-Sal m,1995) 1:1213-1214.

<sup>111</sup> Ibn Qud mah, „Abd Allah Bin Ahmad . *l- u ghni* (Riyad: D r „Alim al- Kut b, 1997), 13: 328-329.

Dalam kitab *l-jm* <sup>112</sup> juga menyatakan pandangan Imam al-Nawawi mengenai penyu adalah haram dimakan mengikut pendapat yang kuat. Berdasarkan *Al-Maws'ah Al-Fiqhiyyah*, ketam, buaya, ular air dan penyu adalah halal dimakan sekiranya ia adalah jenis haiwan yang hanya boleh tinggal di laut dan tidak boleh sama sekali hidup di darat. Namun, jika haiwan-haiwan ini boleh tinggal di darat dan laut (dua alam) maka ia haram dimakan.<sup>113</sup> Ulama Mazhab Hanbali berpandangan tentang haiwan hidupan laut seperti anjing laut, penyu dan ketam adalah halal dimakan sekiranya ia disembelih. Melainkan katak, ular air dan buaya, mereka mengatakan haram dimakan ketiga-tiga jenis haiwan tersebut kerana ada larangan membunuh bagi katak, ular air disebabkan kekotorannya dan buaya disebabkan ia binatang yang ganas. Tetapi mereka memberi pengecualian kepada ikan jerung atau ikan yu, maka ia adalah halal dimakan kerana ia adalah jenis ikan yang tidak boleh hidup melainkan dalam laut. Dalam *al-Maws'ah al-Fiqhiyyah* membincangkan pendapat ulama<sup>114</sup> mengenai telur haiwan:

- i. Telur bagi haiwan yang boleh dimakan semasa hidup, atau selepas disembelih mengikut syarak, atau selepas ia mati yang mana tidak perlu disembelih seperti ikan, maka telurnya harus dimakan mengikut pandangan ijmak, kecuali telur itu sudah fasad (rosak atau busuk).
- ii. Ulama<sup>114</sup> Mazhab Maliki menghuraikan telur yang fasid ialah telur yang berbau busuk setelah ia berpisah dengan haiwan itu atau ia menjadi ketulan darah atau ia menjadi ketulan daging atau ia menetas menjadi bangkai (mati).
- iii. Ulama<sup>114</sup> Mazhab Sy fi mentafsirkan telur yang fasid itu ialah telur yang berubah bentuk kejadiannya yang tidak elok.

<sup>112</sup> *Ibid.*, 9:34.

<sup>113</sup> *Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah*, (1983), 5: 130.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 5:153-154.

Manakala telur bagi haiwan yang tidak boleh dimakan selepas ia mati tanpa disembelih mengikut syarak seperti contoh ayam, ada beberapa pandangan ulama<sup>115</sup>:

- a) Imam Abu Hanifah: boleh dimakan telur itu sama ada ia telah menjadi keras atau pun tidak.
- b) Ulama<sup>115</sup> Mazhab Maliki: tidak boleh dimakan telur itu.
- c) Ulama<sup>115</sup> Mazhab Syafi'i: boleh dimakan telur itu sekiranya ia menjadi keras.
- d) Al-Zaila'i menceritakan bahawa Imam Abu Yusuf dan Muhammad berpendapat tidak boleh dimakan telur itu kerana ia adalah najis sekiranya ia masih cair, kecuali ia telah menjadi keras dan beku.

**Telur bagi haiwan yang tidak boleh dimakan ; beberapa pandangan ulama<sup>115</sup> seperti berikut<sup>115</sup>:**

- i. Ulama<sup>115</sup> Mazhab Hanafi berpandangan sekiranya telur itu terdapat tompokan darah atau darah cair yang berbelang-belang seperti telur burung gagak, maka telurnya adalah najis sama seperti dagingnya, maka tidak boleh dimakan. Sekiranya telur itu tidak menunjukkan sifat darah yang cair seperti telur tebian, maka telurnya suci sama seperti dagingnya dan boleh dimakan kerana ia bukan bangkai.
- ii. Ulama<sup>115</sup> Mazhab Maliki berpandangan bahawa semua jenis telur adalah halal(harus) dimakan sama ada telur itu daripada haiwan yang hidup atau pun haiwan yang disembelih. Kerana haiwan-haiwan yang bertelur di sisi mereka tidak ada jenis pembahagian sama ada haiwan yang boleh dimakan atau yang tidak boleh dimakan bahkan semuanya adalah harus dimakan melainkan telur cicak. Ia adalah haram dimakan kerana boleh memudharatkan. Maka begitulah juga telur yang sekiranya boleh memudharatkan, maka ia haram dimakan dan jika tidak mudharat, maka ia halal dimakan.
- iii. Imam al-Nawawi menyatakan bahawa telur daripada haiwan yang tidak boleh dimakan semasa hidup adalah suci dan boleh dimakan. Adapun

---

<sup>115</sup> *Ibid.* Lihat juga, Kertas Kerja Hukum Memakan Daging Atau Isi Belangkas Dan Telurnya, Bahagian Dokumentasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 Februari 2011).

telur itu menjadi bersih atau suci kerana haiwan itu pada asalnya adalah bersih atau suci.

- iv. Ulama<sup>116</sup> Mazhab Hanbali menyatakan bahawa telur daripada haiwan yang tidak boleh dimakan semasa hidup adalah najis dan tidak halal dimakan. Maka apabila haiwan itu dari kalangan haiwan yang tidak halal dimakan, maka telurnya juga tidak halal dimakan.

Oleh itu, Jawatankuasa telah merujuk karya-karya *fiqh* oleh keempat-empat mazhab.<sup>116</sup> Menurut pandangan Ulama<sup>117</sup> Mazhab Sy fi haram memakan haiwan atau binatang yang hidup di dalam air dan di atas darat seperti buaya, katak, penyu, kura-kura, belangkas dan lain-lain. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa telah mengambil pakai hujah pendapat ulama<sup>118</sup> mazhab M l i k . Perubahan hukum daripada pengharaman memakan belangkas kepada keharusan untuk menikmatinya selepas kajian saintifik dan penelitian semula keempat-empat mazhab dijalankan mengenai tabiat hidup dan makanan haiwan terabit. Kesimpulan dari penyelidikan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor:

- i. Belangkas bukan hidupan dua alam, ia hidupan air (Pendapat Ulama<sup>116</sup> Mazhab Maliki). Memakan katak dan segala jenis serangga, ketam, kura-kura atau penyu adalah harus kerana tidak terdapat sebarang nas yang mengharamkannya. Maksud benda kotor (مذبحى) yang diharamkan adalah setiap perkara yang dinaskan haram oleh syarak sahaja. Oleh itu, sebarang perkara yang tidak dinaskan dan dianggap jijik oleh liur dan keinginan tidaklah menjadi haram. Walaubagaimanapun Jawatankuasa Fatwa Selangor tetap mengikut pandangan Ulama<sup>117</sup> Mazhab Sy fi bahawa haram memakan haiwan atau binatang yang hidup di dalam air dan di atas darat seperti buaya, katak, penyu dan kura-kura.

<sup>116</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>117</sup> Al- Al-Banjar , *S ī l al-Muht ī n lil-T f qquh fī mr l- ī n*. (Fatani-Thailand: Matba<sup>118</sup>ah bin Halabi), 1:257.

<sup>118</sup> Al-Qurtūb , *ī yah al-Mujtahīd wa Nih h l- u qt sīd* (D r al-Sal m, 1995), 1:1213-1214.

- ii. Kandungan toksin yang terdapat dalam badannya hendaklah dipisahkan (dibuangkan) Ulama<sup>119</sup> Mazhab Maliki berpandangan bahawa semua jenis telur adalah halal(harus) dimakan sama ada telur itu daripada haiwan yang hidup atau pun haiwan yang disembelih, kerana haiwan-haiwan yang bertelur di sisi mereka tidak ada jenis pembahagian sama ada haiwan yang boleh dimakan atau yang tidak boleh dimakan bahkan semuanya adalah harus dimakan melainkan telur cicak. Ia adalah haram dimakan kerana boleh memudharatkan. Maka begitulah juga telur yang sekiranya boleh memudharatkan, maka ia haram dimakan dan jika tidak mudharat, maka ia halal dimakan.

Setelah meneliti kaedah penyelidikan fatwa bagi masalah ini, kaedah yang digunakan adalah pendekatan *takhayyur* kepada mazhab lain selain Sy fi dan tidak sampai tahap *tlfiq* lagi. Lanjutan itu, perubahan hukum daripada mazhab Sy fi<sup>119</sup> yang haram memakan belangkas pada awalnya kepada harus dengan mengambil pendapat dari mazhab Maliki dan bukti kajian saintifik oleh pakar haiwan hidupan air berkaitan adalah tidak bermakna meremehkan ijtihad ulama Melayu klasik sebelum ini, sebaliknya ia dapat menambahkan lagi kelangsungan hukum Islam yang bersifat sentiasa berkembang dan *law in action* kepada masyarakat Islam.<sup>119</sup> Perkara ini juga tidak bertentangan dengan malah perkara ini diperuntukkan oleh undang-undang pentadbiran negeri Selangor.<sup>120</sup>

#### 4.3.4 FATWA 4: ZAKAT FITRAH MELALUI PEMBAYARAN ELEKTRONIK

Fatwa berkaitan zakat fitrah melalui pembayaran elektronik telah diputuskan pada tahun 2008 dan diwartakan pada tahun 2011. Penetapan fatwa ini adalah berdasarkan cadangan untuk meluaskan perkhidmatan pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (*SMS*), perbankan internet, mesin *ATM* dan mesin E-debit. Perluasan kaedah ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk melunaskan

---

<sup>119</sup> Mohamad Aizat Jamaludin dan Mohd Anuar Ramli, "Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan" (World Congress For Islamic History And Civilization (Wocihac), Akademi Pengajian Islam (Apium) Januari 2011), 11-12.

<sup>120</sup> Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

kewajipan zakat fitrah dan dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan zakat agar sentiasa selari dengan perkembangan teknologi terkini.

#### **a) Penyelidikan Fatwa**

Dalam meluluskan cadangan meluaskan perkhidmatan zakat fitrah melalui pembayaran elektronik, kajian berbentuk dalaman dan lapangan telah digunakan. Mesyuarat ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor telah mengambil maklum pembentangan kertas kerja oleh Ketua Jabatan Dakwah dan Kutipan, Lembaga Zakat Selangor seperti berikut:<sup>121</sup>

- i. Perkembangan teknologi yang disesuaikan dengan prinsip hukum di dalam Islam telah menyumbang kepada beberapa kemudahan pembayaran zakat. Antara kemudahan yang telah dipraktiskan oleh Lembaga Zakat Selangor ialah pembayaran melalui internet, *Phone banking*, melalui kaedah pos, kad kredit dan sebagainya. Kemudahan yang disediakan adalah meliputi zakat harta sahaja.
- ii. Pembayaran zakat harta di Selangor menjadi lebih berkesan dengan memberikan pelbagai kemudahan pembayaran zakat kepada orang ramai. Berdasarkan kepada prestasi kutipan zakat harta pada tahun 2007, peningkatan pembayaran melalui elektronik amat memberangsangkan di mana kutipan melalui internet telah menyumbang sebanyak RM3.17 juta berbanding RM1.90 juta sahaja pada tahun 2006.<sup>122</sup>
- iii. Pembayaran zakat fitrah sehingga kini masih menggunakan kaedah manual dengan memberi kupon kepada pembayar setelah selesai membayar zakat. Justeru, LZS bercadang untuk meluaskan perkhidmatan pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), perbankan internet, mesin ATM dan mesin E-debit. Ini adalah perlu bagi memudahkan orang ramai melunaskan kewajipan zakat fitrah disamping dapat meningkatkan kecekapan di dalam pengurusan zakat.

---

<sup>121</sup> Pembentangan kertas kerja oleh Ustazah Adibah binti Abdul Wahab, Ketua Jabatan Dakwah dan Kutipan, Lembaga Zakat Selangor.

<sup>122</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kertas cadangan yang dibentangkan oleh wakil daripada Lembaga Zakat Selangor dan Proposal Celcom bagi cadangan pembayaran fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS), Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menjustifikasikan cadangan tersebut kepada tiga persoalan:<sup>123</sup>

- i. Pembayaran zakat melalui SMS terbahagi kepada dua iaitu pra-bayar (*prepaid*) dan pasca-bayar(*post-paid*).<sup>124</sup>
- ii. Adakah seseorang itu boleh berhutang untuk membayar fitrah. Jawatankuasa Fatwa telah merujuk kepada pendapat Ibnu Hazm *di dalam kitab al-Muḥall*<sup>125</sup> dan *l- us 'ah al-Fiqhiyyah*<sup>126</sup>
- iii. Pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik yang lain iaitu internet, mesin ATM dan mesin E-debit. Adakah sah akad tersebut?

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa:<sup>127</sup>

- a) Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) sama ada secara prabayar atau pascabayar.
- b) Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui internet, mesin ATM dan mesin-mesin e-debit.
- c) Pihak CELCOM hendaklah mendahulukan bayaran zakat yang telah dibayar melalui pascabayar sebagai jaminan bayaran telah diterima.
- d) Pihak CELCOM/bank adalah menjadi wakil kepada Lembaga Zakat Selangor dan hendaklah menghadkan tempoh masa penggunaan kaedah-kaedah ini bagi mengelakkan pembayaran zakat dilakukan melepasi waktu wajib zakat yang ditetapkan.
- e) Disyorkan supaya CELCOM/bank mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan Lembaga Zakat Selangor mengenai penyerahan jumlah wang zakat yang telah terkumpul.

---

<sup>123</sup> Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 12 April 2017.

<sup>124</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

<sup>125</sup> Ibnu Hazm, *al-Muḥalla*, (Beirut: D r al-Kutub al-Ilmiyyah), 286-287.

<sup>126</sup> *al- usu" h l-Fiqhiyyah* (1983). 2:347.

<sup>127</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

## **b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari**

Penelitian terhadap metode penyelidikan dan sandaran hujah-hujah kepada keputusan fatwa yang dihasilkan, penulis mendapati terdapat beberapa pendekatan ijtihad kontemporari yang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan. Antaranya:

### **Pertama: Pengambilkiraan realiti semasa.**

Pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit merupakan suatu perkara baru yang belum pernah berlaku dan dibincangkan hukum berkaitannya oleh sarjana hukum fiqh pada masa lalu. Pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit ini telah menggambarkan suatu inovasi kaedah pembayaran zakat yang telah berkembang dari pertemuan secara fizikal antara pembayar dengan amil sehinggalah menjadi pertemuan secara maya sahaja.<sup>128</sup>

Di Malaysia, perubahan hukum turut berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan mencapai kemaslahatan manusia. Perkara ini boleh dilihat apabila terdapat persoalan hukum yang sudah mempunyai jawapan terdahulu, bertukar ke jawapan yang baru atau persoalan hukum baru yang tidak mempunyai jawapan dalam perbendaharaan hukum fiqh terdahulu.<sup>129</sup> Perubahan hukum yang berlaku juga secara tidak langsung memperlihatkan perubahan sandaran mazhab Sy fi" kepada pandangan mazhab lain atau pandangan tokoh fiqh kontemporari selari dengan kewujudan peruntukan undang-undang pentadbiran Islam di setiap negeri yang membenarkan. Pelaksanaan kewajipan ini (zakat) telah disyariatkan pada tahun ke-2 Hijrah dan seiring dengan kefardhuan

---

<sup>128</sup> Hamizul Abdul Hamid, *Zakat Terapi Kekayaan* (Selangor: Grup Buku Karangraf, 2011), 246. Lihat juga, Azri Bin Bhari, "Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif Maq'ud Syariah", (Ijazah Doktor Falsafah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur 2016), 286.

<sup>129</sup> Anisah Ab Ghani, "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia" dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).222.

puasa ramadhan.<sup>130</sup> Syariat ini berterusan dilaksanakan sehingga kini. Namun, beberapa perubahan dalam zakat telah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan pelaksanaan rukun Islam ini. Antaranya, pembentukan rangka institusi zakat, pengurusan, perundangan serta perluasan jenis harta boleh dizakat dan cara pembayaran zakat.

Menurut Anisah Ab. Ghani,<sup>131</sup> fatwa berhubung kaedah pembayaran zakat melalui pembayaran elektronik adalah wajar dan dilihat telah meraikan perkembangan realiti semasa yang berlaku. Ini kerana, antara faktor yang memberi kesan terhadap perkembangan ini adalah kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Persoalan ini kemungkinan timbul atas beberapa sebab seperti lokasi kaunter pembayaran zakat yang terletak jauh daripada rumah atau pejabat. Faktor kesuntukan masa dengan komitmen kerja dan sebagainya. Apabila Jawatankuasa telah menetapkan fatwa bahawa harus pembayaran zakat dengan menggunakan kaedah perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit, perkara ini membuktikan bahawa perkembangan hukum semasa seiring dengan pembangunan dan perkembangan teknologi pada masa kini.<sup>132</sup> Pembayaran zakat melalui pembayaran elektronik yang lain iaitu internet, mesin ATM<sup>133</sup> dan mesin E-debit<sup>134</sup> boleh dijelaskan seperti berikut:

- i. Pembayaran melalui internet, pembayaran, pembayaran akan melayari portal yang menyediakan kemudahan pembayaran zakat. Pembayaran melalui kaedah ini terbuka kepada pembayar yang mempunyai akaun simpanan atau

---

<sup>130</sup> Al-Qar ʿaw , *Hukum Zakat*, 921. Lihat juga dalam Shofian Ahmad dan Amir Husin Mohd Nor, *Zakat Membangun Ummah*, 33.

<sup>131</sup> Anisah Ab. Ghani, “Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia”, 222.

<sup>132</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

<sup>133</sup> Mesin juruwang automatik (ATM) merupakan sejenis peranti telekomunikasi berkomputer yang menyediakan capaian transaksi kewangan kepada pelanggan institusi kewangan di kawasan tumpuan awam tanpa memerlukan juruwang manusia atau kerani bank. Lihat, Laman Web Wikipedia, dicapai 27 Februari 2016, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Mesin\\_juruwang\\_automatik](https://ms.wikipedia.org/wiki/Mesin_juruwang_automatik)

<sup>134</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

semasa dengan ejen kutipan yang dilantik dan mendaftar sebagai pengguna kemudahan perbankan internet.

- ii. Pembayaran melalui mesin ATM, pembayar boleh membayar zakat melalui mesin ATM di premis bank. Kemudahan ini hanya kepada pembayar yang mempunyai akaun simpanan atau semasa di Bank Islam Malaysia berhad (BIMB), Public Bank dan OCBC Bank yang layak melakukan urusan tersebut.
- iii. Pembayaran melalui mesin E-debit, pembayaran zakat boleh dibuat melalui mesin E-debit yang kini diletakkan di 22 buah kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS) di seluruh negeri Selangor. Selain itu, mesin ini juga wujud di pelbagai lokasi strategik seperti di masjid, pasaraya dan stesen minyak. Kesemua kad bank tempatan yang mempunyai kad E-Debit boleh menggunakan kemudahan ini.
- iv. Kesemua pembayaran di atas adalah menggunakan platform penolakan terus secara elektronik daripada akaun pembayar dengan menggunakan peralatan yang dinyatakan di atas.

Kajian oleh Fidlizan Muhammad telah merumuskan bahawa kaedah fiqh “*kesukaran mendatangkan kemudahan*”, merupakan prinsip yang mengiktiraf realiti semasa.<sup>135</sup> Melalui prinsip ini, syariah memaksimumkan kemodenan persekitaran bagi menggalakkan masyarakat menunaikan zakat dalam pelbagai bentuk melalui konsep syariah. Hasil dari pengamatan prinsip ini dalam aplikasi zakat, jelas menunjukkan bahawa Islam menggalakkan pembaharuan mengikut realiti semasa atau inovasi bagi memudahkan masyarakat menunaikan tanggungjawab zakat ini. Kaedah pembayaran zakat pada masa kini membuktikan bahawa Islam adalah agama yang meraikan perubahan selaras dengan perkembangan sektor kewangan dan transaksi pada masa kini daripada bentuk tunai kepada atas talian.

---

<sup>135</sup> Fidlizan Muhammad, *Kepelbagaian Kaedah Pungutan Zakat: Analisis Di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2003-2009*, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012), 329-348.

## **Kedua: Ijtihad dan penglibatan golongan pakar**

Penglibatan wakil daripada Pihak Celcom dan Ketua Jabatan Dakwah dan Kutipan Lembaga Zakat Selangor dalam membentangkan kertas kerja cadangan penyelidikan mereka berkaitan pembayaran zakat fitrah melalui pembayaran elektronik memperlihatkan bahawa penglibatan golongan yang lebih arif dalam perkara zakat dan sistem telekomunikasi dipraktikkan dalam penetapan fatwa ini. Walaupun penglibatan Lembaga Zakat Selangor dan Pihak Celcom dalam penyelidikan fatwa Jawatankuasa Fatwa tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada ijtihad *j m , i*, pengkaji berpandangan mereka merupakan sumber penting dalam proses ijtihad fatwa negeri Selangor sebagai wakil atau golongan yang lebih arif berkaitan isu yang dikemukakan. Jawatankuasa telah mengambil maklum input, cadangan dan pembentangan kertas kerja daripada pihak Celcom untuk menjelaskan secara lebih terperinci mengenai kemudahan pembayaran zakat fitrah kepada pelanggan Celcom.<sup>136</sup>

Pembuktian bahawa pengamalan ijtihad *j m , i* dan pandangan-pandangan banyak pihak telah dirujuk adalah apabila pihak Celcom telah menerangkan berkaitan konsep Syariah di antara pelanggan, Pihak Celcom dan Lembaga Zakat Selangor di dalam E-Fitrah Celcom dan konsep pembayaran secara pra-bayar (*prepaid*) dan pasca-bayar (*post-paid*).<sup>137</sup> Berdasarkan kertas cadangan yang dibentangkan, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menjustifikasikan bahawa pembayaran zakat melalui SMS terdapat dua keadaan berbeza yang perlu dipertimbangkan:

- a) Pra-bayar, iaitu pelanggan telah membayar terlebih dahulu sejumlah wang untuk menggunakan perkhidmatan komunikasi yang ditawarkan oleh

---

<sup>136</sup> Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 12 April 2017.

<sup>137</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

CELCOM. Jika pelanggan membayar fitrah melalui perkhidmatan SMS yang dicadangkan, wang mereka akan dipotong dari baki sedia ada.<sup>138</sup>

- b) Pasca-bayar, iaitu pelanggan menggunakan perkhidmatan komunikasi yang ditawarkan oleh CELCOM dan bayaran hanya akan dibuat pada masa kemudian. Bil akan dihantar kepada pelanggan menyatakan jumlah yang perlu dibayar untuk tempoh satu bulan penggunaan. Sekiranya pelanggan membayar fitrah melalui perkhidmatan SMS yang dicadangkan, ini bermakna CELCOM perlu mendahulukan sejumlah wang dari akaun. CELCOM untuk tujuan pembayaran fitrah tersebut kepada LZS. Seterusnya, CELCOM akan membilkan jumlah fitrah di dalam akaun pelanggan.

Pihak Lembaga Zakat Selangor dalam mesyuarat jawatankuasa turut menghuraikan dengan memberikan contoh tentang pengamalan pembayaran zakat fitrah di Singapura<sup>139</sup> yang menggunakan telefon sebagai satu usaha agar lebih ramai dari kalangan masyarakat Islam Singapura dapat melunaskan zakat fitrah mereka, terutama bagi mereka yang tua, sakit dan tidak berkemampuan untuk turun ke masjid bagi pembayaran zakat fitrah mereka. Ia tidak sama sekali bermaksud untuk penghapusan pembayaran zakat fitrah secara asal iaitu melalui amil. Persoalan sah atau tidak pembayaran zakat fitrah melalui telefon, ia telah dibahaskan oleh Jawatankuasa Fatwa dan didapati sah kerana.<sup>140</sup>

- a) Zakat fitrah tidak memerlukan *‘aqad ijab dan qabul* seperti jual beli. Ia hanya memerlukan niat dan pembayar zakat tersebut.<sup>141</sup>

---

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

<sup>140</sup> Al-Jazir, „Abd al-Rahmān bin Muḥammad „Aud, *Kitāb al-Iqā‘*, l l- h hi l- r ‘ h (Bayr t: D r al-Ihya’ al-Turath al-„Arabi, t t ), 1: 516 ; Wahbah al-Zuhayl, *al-Fiqh al-Islāmī w ill tuḥ* cet. ke-2 (Dimashq: D r al-Fikr, 1985), 2: 750. Lihat juga kajian Anisah Ab Ghani et, al, “Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Ibadat” *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007).108

<sup>141</sup> Al-Shiraz, Abu Ishāq, *al-Muḥadhdhab* (Bayr t: D r al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995), 1: 751 Lihat juga Shib r, Muḥammad „Uthm n, *al- w ,i l-Kuliyyah wa al- w it l-Fiqhiyyah fī al-Sh ri., h l- Isl mi h* (Urdun: D r al-Nafais, 2007), 255.; Al-Zarqa“, Muḥammad, *Sharḥ al- w ,i l-Fiqhiyyah*, (Damshiq: D r al-Qalam, 1998), 2: 349, „Al Muḥammad Aḥmad Ab al-„Izz, *al-Tij r h l-Ilktroniyyah wa Ahk miḥ fī l-Fiqh al-Islāmī* (Urdun: D r al-Naf ,is, 2013), 138

- b) Bayaran yang diterima oleh MUIS<sup>142</sup> dari zakat tersebut adalah secara langsung dari pihak Telekom Singapura. Pihak Telekom Singapura adalah wakil bagi pembayar tersebut dan akan menjelaskan bayaran itu kepada MUIS apabila sahaja si pembayar menekan nombor zakat fitrah itu, tidak kira sama ada si pembayar berhutang kepada pihak Telekom atau menjelaskan bilnya selepas Hari Raya Aidilfitri.

Selain itu, pihak Lembaga Zakat Selangor mengambil Negeri Terengganu sebagai contoh di dalam Malaysia yang mempunyai usaha dalam membayar zakat melalui sms telah digunakan bagi memudahkan urusan pembayaran zakat fitrah. Program zakat fitrah melalui SMS ini dilakukan dengan kerjasama antara pemerintah Terengganu dan Aircom Technology yang bergerak di bidang telekomunikasi.<sup>143</sup>

### **Ketiga: Pendekatan *q idi*.**

Setiap perkara asalnya harus kecuali ada unsur yang haram,<sup>144</sup> mengikut kaedah fiqh, bermula hukum sesuatu perkara itu harus selagi tidak ada nas yang mengharamkan. Kaedah pembayaran ini bukan sahaja tiada unsur haram tetapi dari segi *maṣlahah* ia amat selari dengan tuntutan agama Islam yang menyeru supaya membuat kebaikan (tanggungjawab sebagai umat Islam). Dengan memberikan kemudahan pembayaran zakat kepada orang ramai, ianya dapat memberi ruang yang luas kepada masyarakat melaksanakan tuntutan wajib yang telah ditetapkan dalam kehidupan yang semakin moden ini. Perkara ini boleh membantu mereka daripada tidak menunaikan zakat kerana sifat lalai, sibuk dengan urusan duniawi dan sebagainya kerana telah diberi kemudahan

<sup>142</sup> MUIS: Majlis Ugama Islam Singapura.

<sup>143</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008) Lihat juga “Usah was-was bayar zakat fitrah melalui SMS”, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 13 November 2017, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0809&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Timur&pg=wt\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0809&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_02.htm).

<sup>144</sup> Kaedah ini lahir berdasarkan hadis daripada Abi Darda“ yang diriwayatkan oleh Bazzar dan al-Tabrani:

لَوْ بَدَأَ أَحَدُكُمْ بِشَيْءٍ حَرَامٍ فَلَمْ يَجِدْ فِيهِ حَرَامًا فَلْيَتْرَكْهُ حَتَّى يَجِدَ فِيهِ حَرَامًا أَوْ يَجِدَ فِيهِ حَرَامًا فَلْيَتْرَكْهُ حَتَّى يَجِدَ فِيهِ حَرَامًا أَوْ يَجِدَ فِيهِ حَرَامًا فَلْيَتْرَكْهُ حَتَّى يَجِدَ فِيهِ حَرَامًا  
Bermaksud: Perkara yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T adalah halal, perkara yang diharamkannya itu adalah haram dan perkara yang didiamkan daripadanya adalah dimaafkan. Maka terimalah kamu kemaafan kerana Allah S.W.T tidak mungkin lupa terhadap sesuatu.

dan kesenangan kepada para pembayar untuk menggunakan medium pembayaran yang sesuai dengan perkembangan semasa pada hari ini.<sup>145</sup>

Pendekatan *maṣlaḥ* *mursalah* jua dianggap *maṣlaḥ* kerana ia mendatangkan manfaat dan menghalang kemudaratan. Syeikh Abdul Fattah bin Muhammad berkata: Ia dinamakan sebagai *al-maṣlaḥ al-mursalah* kerana ia merupakan manfaat yang tidak terdapat dalil yang menyatakan padanya.<sup>146</sup> Namun tidak dapat dinafikan bahawa usul-usul agama yang umum menyaksikan dan mengiktirafnya. Sekalipun *maṣlaḥ* *mursalah* ini bukanlah dalil yang *mustaqil* (bersendiri), ia adalah hujah dengan beberapa syarat berikut:

1. Ia mestilah berupa suatu permasalahan yang bermanfaat.
2. Permasalahan itu hendaklah bersifat umum.
3. Ia hendaklah tidak bercanggah dengan nas.

Manakala Imam al-Shaṭīb menambah beberapa syarat lain untuk membolehkan beramal dengan *al-maṣlaḥ al-mursalah* iaitu:

1. Hendaklah *maṣlaḥ* tersebut selari dengan *maqṣid* syara'.
2. Ia mestilah boleh diterima oleh akal.
3. Hendaklah berpegang dengan *maṣlaḥ* itu demi menjaga perkara *dār rī'āṭ* atau untuk mengangkat kesulitan.<sup>147</sup>

Jawatankuasa jawatankuasa fatwa Selangor dilihat telah mengambil kira pertimbangan *maqṣid* *Syariah* dalam memutuskan fatwa ini. Penilaian terhadap *maṣlaḥ* dan *mafsadah* telah dilakukan secara tidak langsung oleh jawatankuasa fatwa sebelum sesuatu fatwa diputuskan. Hal ini menunjukkan bahawa fatwa-fatwa zakat secara hutang yang diputuskan tidak berasaskan kepada pandangan mazhab Syafi'ite itu

<sup>145</sup> Azri Bhari dan Luqman Abdullah, "Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia: Perspektif Maqṣid Syariah", Jurnal Fiqh, No. 13 (2016), 68-71.

<sup>146</sup> lihat al-I'tāam Fi Usul al-Ahkam, Abd al-Fattah bin Muhammad, 152.

<sup>147</sup> Rujuk al-I'tisham, Al-Syathibi (Jil. 2 Hlm. 307-312)

adalah bertujuan untuk mencapai *maqṣid Syariah* sesuai dengan prinsip hukum Islam yang bersifat fleksibel.<sup>148</sup> Dalam konteks *maqṣid ḥifẓ al-īmān* ia dapat memudahkan pengurusan kutipan zakat. Kaedah tersebut dianggap sebagai inovasi dalam pelaksanaan ibadah zakat supaya agama tidak dilihat statik dan beku.

Kepelbagaian kaedah pembayaran zakat pada masa kini dan perkembangan kemudahan pelbagai medium pembayaran zakat yang disediakan, sebenarnya ia boleh mengelakkan dan mengurangkan individu yang memberi alasan yang pelbagai dalam melaksanakan zakat. Pembayaran boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa terbatas dengan waktu dan tempat tertentu sahaja. Oleh hal yang demikian, ia dapat menyekat *mafsadah* iaitu sikap melewatkan atau tidak melakukan pembayaran zakat. Penulisan berkaitan perkara ini turut dibincangkan oleh Azri Bhari dan Luqman Abdullah dalam kajiannya.<sup>149</sup> Azri Bhari telah memperincikan *maqṣid Syariah* yang dipertimbangkan dalam fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan. Kajian beliau telah menyimpulkan para mufti dan jawatankuasa fatwa di Malaysia berusaha mengambil kira dan mencapai *maqṣid Syariah* dalam memutuskan fatwa-fatwa zakat tersebut dengan mempertimbangkan *maṣlahah* dan *mafsadah*. Kepelbagaian kaedah pembayaran zakat ini juga adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan pembayar zakat tanpa perlu membawa wang tunai dengan jumlah yang besar ke kaunter zakat. Melalui kaedah pembayaran alternatif zakat ini, transaksi zakat dapat dilakukan dengan lebih selamat dan tidak terdedah kepada *mafsadah* iaitu risiko rompakan atau kehilangan khususnya bagi mereka yang perlu membayar pelbagai jenis zakat dalam jumlah yang besar. Perkara ini bertepatan dengan Definisi *maṣlahah* seperti yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali *Rahimahullah* adalah: „ *en t ngk an manfaat dan menghalang*

---

<sup>148</sup> Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).

<sup>149</sup> *Ibid.*

*kemud r t n*'''.<sup>150</sup> Justeru, sebarang bentuk perkara yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada manusia serta dalam masa yang sama ia menghalang keburukan dan kemudaratan ke atas diri mereka, adalah dianggap sebagai *maṣlahah*. Kaedah-kaedah tersebut ia bukan sahaja memudahkan pembayar tetapi memudahkan pihak pengurusan zakat. Pembayaran menggunakan teknologi ini adalah lebih menjimatkan kos pentadbiran dan menjamin keselamatan wang zakat. Sistem rekod kutipan zakat juga bertambah tersusun dengan bantuan kaedah tersebut.<sup>151</sup> Pengambilkiraan *maq ṣid Syariah* tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa kaedah-kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit.<sup>152</sup>

#### **Keempat: *Takhayyur* dan *tl fīq***

Berdasarkan perbincangan dan penyelidikan fatwa oleh jawatankuasa, pendekatan *tl fīq* dan *takhayyur* sebenarnya telah diaplikasikan dalam menilai pembayaran zakat secara hutang. Jawatankuasa telah mengambil kira pendekatan secara *tl fīq* dan *takhayyur* bagi memastikan kewajipan zakat dapat diaplikasikan dengan cara yang lebih fleksibel atau anjal sesuai dengan *maṣlahah*, keperluan, „*urf* dan situasi semasa di Malaysia. *Tl fīq* boleh dijelaskan melalui keterbukaan fatwa Selangor terhadap penggunaan mazhab zahiri dalam masalah zakat hutang. Perkara-perkara lain seperti jenis zakat dan nisab zakat, kesahihan sesuatu akad masih kekal dengan mazhab Sh fi . Pendekatan ini boleh dilihat berdasarkan dua persoalan ini.

<sup>150</sup> Lihat Al-Mustashf , Al-Ghaz 1 (Jil. 2 Hlm. 139)

<sup>151</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 395.

<sup>152</sup> Azri Bhari dan Luqman Abdullah, “Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia: Perspektif Maq ṣid Syariah”, 68-71. Lihat juga Azri Bin Bhari , “Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif Maq ṣid Syariah”, (Ijazah Doktor Falsafah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur 2016), 286.

**Persoalan pertama:** Adakah seseorang itu boleh berhutang untuk membayar fitrah. Jawatankuasa Fatwa telah merujuk kepada pendapat Ibnu Hazm (mazhab zahiri) di dalam kitab *al-Muḥalla*<sup>153</sup> telah menyatakan:

*“Ti k perselisih n pen p t ri k l ng n um t p z m n ini sehingg zaman Rasulullah (S.A.W) bahawa sesiapa yang wajib zakat keatasnya sama ada gandum, tamar, perak, emas, unta, lembu atau kambing, lalu dia mengeluarkan zakatnya yang wajib ke atasnya, bukan dari lembu tadi dan bukan dari kambing tadi, sesungguhnya dia tidak ditegah dari berbuat demikian, dan tidak pula menjadi halangan untuk berbuat demikian. Bahkan, sama ada dia mengeluarkan ri ,, in o jek ) h r t -harta tadi, atau apa yang dimiliki selain dari harta tadi, atau yang dibeli, atau dipeolehi melalui hibah, atau hutang, yang demikian itu adalah sah dengan penuh yakin bahawa zakat itu sabit secara liabiliti (zimmah) n uk n p ,, in h r t ”*

Pendapat Ibn Hazm di dalam kitab *al-Muḥalla* tersebut ternyata sangat praktikal untuk diqiyyaskan dalam isu ini. Tambahan lagi, pada perkembangan sistem teknologi masa kini pendapat tersebut sangat bertepatan dengan perkembangan semasa. Dalam mengharuskan pembayaran zakat melalui *post-paid* (pasca bayar) ahli jawatankuasa bersetuju dengan proposal celcom yang telah dibentangkan oleh wakil lembaga zakat Selangor bahawa mekanisme *post-paid* (pasca bayar secara hutang) bermaksud pelanggan berhutang kepada Celcom. Celcom *bill*-kan bayaran fitrah di dalam *bill* pelanggan. Tiada caj dikenakan. Tiada unsur riba. Celcom melunaskan pembayaran secara penuh kepada pihak berkuasa zakat (Lembaga Zakat Selangor).

**Persoalan kedua:** Adakah sah sesuatu akad itu dapat disahkan sekiranya akad tersebut berlangsung melalui kaedah perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit? Selain itu, bolehkah urusan zakat ini diwakilkan kepada orang lain untuk dikeluarkan bagi pihak pembayar zakat?

---

<sup>153</sup> Ibnu Hazm, *al-Muḥalla*, (Beirut: D r al-Kut b al-Ilmiyyah), 286-287.

Pembayaran zakat tidak memerlukan akad, Pembayaran zakat dinilai sah di sisi syariat apabila berlaku dua perkara, iaitu niat berzakat dan berlaku pemindahan harta zakat. Berkaitan isu pembayaran zakat menerusi medium seperti yang dinyatakan di atas, dilihat niat sudah berlaku dan pemindahan wang juga turut telah berlaku. Justeru itu, Noor Naemah Abdul Rahman dan Mohd Faez Mohd Shah dalam penyelidikannya turut menyatakan bahawa hukum pembayaran zakat adalah sah melalui medium berkenaan.<sup>154</sup> Niat merupakan perkara yang disepakati oleh para ulama sebagai sesuatu yang wajib dalam pengeluaran zakat dan tidak sah zakat tanpa niat.<sup>155</sup> Dalam kaedah pembayaran secara elektronik ini, penyertaan niat sewaktu pembayaran zakat dilakukan tidak menjadi masalah. Ini kerana setiap pembayar sudah semestinya akan menyertakan niat untuk membayar zakat sewaktu mengesahkan transaksi yang menunjukkan bahawa ia bersetuju untuk membayar zakat. Imam Shafi menegaskan niat yang dilafazkan tidak menjadi syarat terhadap sahnya pembayaran zakat.<sup>156</sup>

Berhubung isu akad iaitu ijab dan qabul ketika pembayaran zakat adalah tidak diperlukan dan tidak memberi kesan terhadap sahnya pembayaran zakat yang dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat pihak pembekal perkhidmatan tersebut akan memaparkan akad tersebut di hadapan skrin dan pembayar zakat boleh membaca akad tersebut dan ia diterima sebagai akad yang sah. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh „tulisan itu dianggap sebagai percakapan di dalam akad.

### الكتاب كالحطاب

Terjemahan: *Tulisan itu dianggap sebagai percakapan di dalam akad*<sup>157</sup>

<sup>154</sup> Anisah Ab Ghani et, al, “Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Ibadat” *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007), 108.

<sup>155</sup> Al-Jazir, „Abd al-Rahmān bin Muḥammad, „Aud, *Kitāb al-Fiqh*, l *al-Madhhib al-Rashidi* (Bayrūt: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t t), 1: 516 ; Wahbah al-Zuhayl, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 750.

<sup>156</sup> Al-Shiraz, Abu Ishāq, *al-Muḥadhdhab* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1: 751

<sup>157</sup> Shibiri, Muḥammad, „Uthmān, *al-Qawā’id al-Kuliyyah wa al-Dawbiyyah al-Fiqhiyyah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah* (Urdun: Dār al-Nafais, 2007), 255.; Al-Zarqa, Muḥammad, *Sharḥ al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*,

Jelas bahawa dalam konteks zakat, ia tidak memerlukan akad bahkan memadai dengan niat. Adapun amalan yang berlaku di antara pembayar zakat dan juga amil atau asnaf, itu adalah lafaz kepada niat menunaikan zakat yang secara teorinya, sudah sah jika disertakan dengan niat sahaja tanpa memerlukan kepada suatu akad. Justeru itu, lafaz niat menunaikan zakat itu dapat dijelaskan dengan menggunakan kaedah tulisan dalam medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM kad kredit yang menuntut pihak yang diwakilkan iaitu bank untuk membayar bagi pihak pembayar zakat. Setelah pihak bank membayar kepada pihak amil, maka selesailah isu niat dalam pembayaran melalui medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM kad kredit ini. Tambahan pula pembayaran secara medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM kad kredit ini pula adalah menggunakan kaedah tulisan yang boleh menggantikan sesuatu ucapan dan diperakui oleh syarak.

Selain itu, berkaitan isu perwakilan, Imam al-Nawawi (mazhab Shafi'i) telah menjelaskan bahawa urusan mewakilkan zakat boleh dilakukan oleh pembayar sama ada mewakilkan pembayaran itu kepada pemerintah atau amil. Pembayar juga boleh memilih untuk memberikan sendiri wang zakat kepada asnaf. Kedua-dua kaedah ini dibolehkan tanpa ada *khilaf*. Hujah yang membolehkan mewakilkan pembayaran zakat ini ialah kerana ia merupakan ibadah seperti mewakilkan orang lain untuk melunaskan hutang. Mewakilkan pembayaran zakat juga dibolehkan kerana berkehendak kepada *wakalah* disebabkan ketiadaan wang dan seumpamanya. Ulama mazhab Syafi'i menyatakan sama ada mewakilkan untuk pembayaran zakat dari harta orang yang mewakilkan atau dari harta wakil, kedua-dua kaedah ini dibolehkan tanpa ada *khilaf*<sup>158</sup>

---

(Damshiq: Dar al-Qalam, 1998), 2: 349 ; ,Al Muḥammad Aḥmad Ab al-ʿIzz, *al-Tijarah al-Iktiraniyah wa Ahkām al-Fiqh al-Islāmī* (ʿUrdun: Dar al-Nafʿ, 2013), 138

<sup>158</sup> Al-Nawawi, Yahya ibn Sharaf, *al-Jamʿ al-Sharḥ li-Uḥd al-ʿUlūm*, (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 6: 138.

#### **4.3.5 FATWA 5: HUKUM WANITA MENYUSUKAN ANAK ANGKAT**

Fatwa berkaitan hukum wanita menyusukan anak angkat ini telah diputuskan pada tahun 2011 Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 5/2011 yang bersidang pada 21 November 2011. Penetapan fatwa ini adalah kerana isu ini telah diwar-warkan dalam akhbar utusan Malaysia yang melaporkan timbulnya kecenderungan wanita profesional di Malaysia untuk mengambil anak angkat dan memakan pil penggalak susu badan bagi tujuan menyusukan sendiri bayi angkat mereka, yang akan menjadikan hubungan antara mereka sebagai mahram. Dalam akhbar tersebut menyatakan bahawa fenomena ini sebagai sesuatu perkara yang agak membimbangkan untuk kesan jangka masa panjang. Amalan memberi susu ibu kepada anak, menjadi gesaan dan saranan oleh banyak pihak sama ada di peringkat kerajaan mahupun agensi-agensi lain. Melihat kepada keputusan tersebut, wujud amalan, pengambilan ibu susuan bagi tujuan memenuhi hasrat penyusuan susu ibu secara eksklusif.<sup>159</sup> Perkara ini berterusan apabila wanita bujang yang belum berkahwin juga turut ingin menyusukan anak angkat mereka dan perkara ini telah menimbulkan pelbagai persoalan hukum. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga untuk memberikan pandangan dan mengeluarkan fatwa berkenaan tuntutan ini.<sup>160</sup>

##### **a) Penyelidikan Fatwa**

Penyelidikan bagi isu hukum menyusukan anak angkat adalah bersifat penyelidikan dalaman. Perbincangan jawatankuasa adalah dengan membentangkan semula keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-96 dan semasa mesyuarat tersebut, menurut Khairiamri bin Ahmad

---

<sup>159</sup> Siti Fatimah Binti Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita", (Ijazah Doktor Falsafah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2015), 184.

<sup>160</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

ahli jawatankuasa fatwa Selangor telah membincangkan secara mendalam mengenai persoalan-persoalan yang timbul seperti:<sup>161</sup>

1. Hukum menyusukan anak angkat bagi wanita bujang, janda, mandul atau wanita yang menghidap penyakit kronik dan tidak dapat melahirkan anak.
2. Status lelaki yang menjadi suami kepada wanita yang menyusukan anak angkat, adakah anak angkat tersebut menjadi anak susuan dan suami tersebut menjadi mahram kepada anak angkat itu.
3. Hukum susu yang terhasil daripada pengambilan hormon atau ubat-ubatan tertentu, adakah boleh dianggap susu ibu sebenar lebih-lebih lagi jika wanita berkenaan tidak pernah berkahwin, janda atau mandul.
4. Hukum menggunakan alat-alat perantaraan atau alat sokongan seperti tiub, botol susu dan sebagainya bagi tujuan memasukkan susu ibu kedalam perut bayi.
5. Hukum susuan bagi bayi yang diberi minum susu ibu yang telah dicampur dengan bahan-bahan lain.
6. Hukum seorang ibu beragama Islam menyusukan bayi bukan beragama Islam dan sebaliknya.

Dalam membincangkan isu ini, jawatankuasa fatwa telah bersandarkan kepada nas al-quran dan al-sunnah, merujuk kepada karya-karya fiqh dengan mengemukakan pandangan-pandangan mazhab untuk menemukan pendapat mana yang lebih *rajih* (kuat dalilnya). Jawatankuasa Fatwa juga merujuk kepada Panel Kajian Syariah, fatwa terdahulu dan semasa seperti keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam penghujahan agar fatwa nasional dan fatwa negeri Selangor dapat membentuk persepakatan dan bersifat rasional.<sup>162</sup>

---

<sup>161</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>162</sup> *Ibid.*

## **b) Aplikasi Ijtihad Kontemporari**

Penelitian terhadap metode penyelidikan dan sandaran hujah-hujah kepada keputusan fatwa yang dihasilkan, penulis mendapati terdapat beberapa pendekatan ijtihad kontemporari yang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menggunakan. Antaranya:

### **Pertama: Ijtihad dan penglibatan golongan pakar**

Menurut Khairiamri bin Ahmad, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengemukakan hujah mereka dengan merujuk kepada fatwa yang diputuskan oleh Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali Ke 75 dan membentangkan semula keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-96. Hukum menyusukan anak angkat merupakan isu yang bersifat semasa dan polemik pada ketika itu.<sup>163</sup> Oleh itu, rujukan kepada fatwa kebangsaan atau ijtihad *j m , i* lebih menepati keperluan semasa untuk menjawab permasalahan ini. Dalam hal ini, penyelidikan fatwa secara ijtihad *jam ,i* sangat berkesan kerana jika dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan, sesebuah fatwa yang mereka keluarkan telah menjalankan penyelidikan yang teliti, baik dan tersusun. Kerjasama yang diberikan oleh pakar perubatan kepada pihak Majlis Fatwa Kebangsaan dalam proses mengeluarkan fatwa berkaitan dengan perubatan adalah sangat memberi bekerjasama.<sup>164</sup> Oleh yang demikian, keputusan yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan telah menjadi sandaran utama apabila Jawatankuasa Fatwa Selangor telah merujuk segala hujah dan dalil, pendapat pakar perubatan tersebut seperti yang telah diperbincangkan dalam muzakarah tersebut. Pengkaji merumuskan bahawa dalam isu berkaitan hukum wanita menyusukan anak angkat, ahli Jawatankuasa fatwa Selangor telah membuat perbincangan semula berkaitan beberapa persoalan utama yang timbul disertai dengan

---

<sup>163</sup> Menurut Kamus Dewan, polemik bermaksud perbahasan (perdebatan, perbantahan).

<sup>164</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

penyelidikan atau perbincangan dalaman di dalam mesyuarat ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sahaja.<sup>165</sup>

**Persoalan pertama:** Hukum menyusukan anak angkat bagi wanita bujang, janda, mandul atau wanita yang menghidap penyakit kronik dan tidak dapat melahirkan anak. Bagi seorang ibu yang tidak mampu menyusukan sendiri bayi mereka, Islam membenarkan bayi tersebut disusukan oleh seorang perempuan yang lain. Firman Allah S.W.T:<sup>166</sup>

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا  
ءَاتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

Al-Baqarah 2:233

Terjemahan: *dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.*

Dalam ayat ini, Allah S.W.T telah menjelaskan bahawa para ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun bagi mereka yang berkemampuan dan menginginya. Namun begitu, tidak menjadi kesalahan sekiranya mereka ingin mengupah orang lain (upah susu) untuk menyusukan anak mereka kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi menurut Rashid Rida terdapat banyak perbezaan bagi bayi yang disusui oleh ibu sendiri dengan disusui oleh perempuan lain.<sup>167</sup>

<sup>165</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

<sup>166</sup> Para ulama berselisih pendapat dalam menentukan penyusuan yang menjadikan mahram antara ibu susuan dan anak susuan. Pendapat yang paling kuat dan rajih ialah dalam Mazhab al-Sh fi" (al-Sh fi", t.t: 892).

<sup>167</sup> Muhammad Rashid Rida. 2005. *Tafsir al-manar*. Jil. 2, (Beirut: D r al-Kutub al-,ilmiyyah).

Mesjuarat menegaskan bahawa Islam menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak untuk menyusukan sendiri bayi mereka dengan susu ibu sehingga mencapai usia dua tahun, sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Namun begitu, Islam juga mengharuskan wanita yang tidak melahirkan anak atau tidak mampu melahirkan untuk mendapatkan bantuan rawatan perubatan. Ini adalah berdasarkan pandangan jumhur fuqaha<sup>168</sup> yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak. Jawatankuasa juga memutuskan bahawa Islam mengharuskan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat, untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan.<sup>168</sup>

*Kitāb al-Mufaṣṣal fī ḥukm al-mar'ah*<sup>169</sup> menerangkan bahawa menurut pandangan mazhab Hanbali, Syāfi' dan Ḥanafī, seorang perempuan yang hendak menyusukan seorang anak tidak disyaratkan mempunyai suami yang menyetubuhinya.<sup>170</sup> Ini bermakna berdasarkan pandangan jumhur fuqaha<sup>171</sup>, seseorang wanita itu tidak disyaratkan perlu hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak.<sup>171</sup> Jumhur fuqaha tidak mensyaratkan seseorang itu mesti hamil atau mempunyai suami yang menyetubuhinya terlebih dahulu untuk menyusukan anak. Sekiranya dia menyusui seseorang anak, maka sah hukum susuan keatasnya.<sup>172</sup> Oleh itu, seorang anak dara boleh menyusukan anak angkatnya dengan bantuan kaedah perubatan moden dan implikasi hubungan anak susuan dengan ibu susuan tersebut (yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan) adalah sama seperti hubungan dengan sebab keturunan.

<sup>168</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

<sup>169</sup> Abdul Karim Zaidan, *Kitāb al-Mufaṣṣal fī ḥukm al-mar'ah*, (Mu'assasah Risalah : Beirut, 1993), 1:137. Lihat juga Abd al-Karim Zaydan, *al-Mufaṣṣal fī ḥukm al-mar'ah wa l-talīm fī al-sharī'ah l-Islamiyyah*. Cet. ke-3. (Beirut: Mu'assasat al-Risalah), 2003.

<sup>170</sup> Sila lihat: Al-Khatieb Al-Shirbiiniy, *l-uḡnī*, Juz 3, 420. Sila lihat: Ibn Rushd Al-M liki, *Al-Bayaan wa Al-Tahsil*, juz 5, 153. Sila lihat: Fataawa Al-Hindiyah, Juz 1, 343.

<sup>171</sup> Abdul Karim Zaidan, *Kitāb al-Mufasssol fī Ahkam Al-mar'ah*, (Mu'assasah Risalah : Beirut, 1993), 1:137.

<sup>172</sup> Ini bersandarkan kepada umumnya ayat dalam surah an-nisa:23.

Sebahagian wanita Islam sama ada wanita bujang, mandul, wanita yang tidak dapat melahirkan anak disebabkan penyakit kronik atau janda berhasrat untuk menyusukan sendiri anak angkat mereka bagi menghalalkan perhubungannya dan perhubungan ahli keluarganya dengan anak angkat tersebut. Jawatankuasa Fatwa telah mempersetujui dengan merujuk kepada kitab *Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah*<sup>173</sup> yang menyatakan terdapat dua syarat bagi seseorang individu yang menyusui anak.

1. Merupakan seorang wanita, tidak sah (sabit) sebagai anak susuan sekiranya lelaki yang menyusui bayi tersebut. Begitu juga tidak sah sekiranya bayi tersebut diberikan susu haiwan dan sekiranya yang menyusukan itu seorang khunsa. Namun begitu, jika anak tersebut disusukan oleh seorang khunsa musykil nalurinya cenderung kepada wanita, maka anak tersebut adalah sah menjadi anak susuan.
2. Fuqaha mazhab Hanbali, Hanafi dan Syafi juga mensyaratkan wanita tersebut mestilah mampu melahirkan anak (telah baligh). Sekiranya bayi menyusui daripada seorang wanita yang belum baligh, maka tidak sah sebagai susuan. Dalam hal ini, had umur baligh seorang wanita ialah sekurang-kurangnya berumur sembilan tahun. Mazhab Shafi juga menetapkan bahawa umur minima orang yang menyusui berdasarkan umur baligh iaitu sembilan tahun<sup>174</sup> atau dengan mengambil kira umur tersebut jika tidak dapat dipastikan dia telah baligh melalui kedatangan haidnya. Sekiranya, seorang perempuan yang mempunyai susu itu kurang daripada sembilan tahun, dia tidak sah sebagai ibu susuan, melainkan dia telah baligh.<sup>175</sup>

**Persoalan kedua:** Status lelaki yang menjadi suami kepada wanita yang menyusukan anak angkat, adakah anak angkat tersebut menjadi anak susuan dan suami tersebut menjadi mahram kepada anak angkat itu. Perbincangan mesyuarat juga telah memutuskan bahawa lelaki yang menjadi suami kepada wanita yang menyusukan bayi

<sup>173</sup> Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, "Radha" al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, jil. 22, cet. 2, (Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1992), m/s: 243.

<sup>174</sup> Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin bin Syaraf, Muhammad Najib Al-Mufidi (ed.), *Kitab al-majmu'*, jil. 20, cet. 1, (Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 2001), 59.

<sup>175</sup> *Ibid.*

angkat dan bayi tersebut telah sabit menjadi anak susuan, adalah menjadi mahram kepada anak susuan tersebut. Hal ini kerana, dalam Islam, penyusuan seorang bayi (anak susuan) dengan seorang wanita lain (ibu susuan) membawa kepada implikasi perhubungan keturunan (nasab) apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ini bermakna, hubungan anak susuan dengan ibu susuan yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah sama seperti hubungan dengan sebab keturunan, iaitu seorang anak susuan haram berkahwin dengan semua orang yang diharamkan berkahwin dengan nasab keturunan seperti ibu dan bapa (suami kepada ibu susuan), datuk, nenek dan keatas serta adik-beradik susuan dan kebawah.<sup>176</sup> Dalil yang mengharamkan anak susuan mengahwini ibu susuan atau keturunannya iaitu sepertimana firman Allah S.W.T:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ  
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ  
مِّنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ

An-nisa 4:23

Terjemahan: *Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan daripada saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan daripada saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusui kamu; saudara perempuan sepersusuan.*

<sup>176</sup> Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan bahawa seseorang lelaki atau perempuan yang mempunyai pertalian penyusuan dilarang berkahwin dengan mana-mana orang yang juga turut dilarang berkahwin dengan sebab nasab atau perkahwinan (Seksyen 9 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

Oleh itu, orang-orang yang termasuk dalam ayat yang dinyatakan itu adalah orang yang diharamkan berkahwin sesama mereka disebabkan nasab atau susuan. Perkara ini juga dijelaskan menerusi hadis Nabi S.A.W seperti yang berikut:

يَحْرُمُ مِنَ الرِّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ

Terjemahan: *Diharamkan (berkahwin) dengan sebab penyusuan sebagaimana diharamkan (berkahwin) dengan sebab kelahiran (nasab).*<sup>177</sup>

Islam juga menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak untuk menyusukan sendiri bayi mereka dengan susu ibu sehingga mencapai usia dua tahun, sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Firman Allah S.W.T:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَ  
وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Al-Baqarah 2: 233

Terjemahan: *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap Iaitu bagi orang Yang hendak menyempurnakan penyusuan itu.*

Selain dari ayat di atas, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmiz dan hadis ini merupakan hadis *hasan sahih*. Hadis ini menyatakan penyusuan yang menyebabkan terjadinya anak susuan itu sebagai mahram ialah dalam tempoh penyusuan iaitu sebelum dua tahun.

عن أم سلمة قالت : رسول الله ﷺ : (( لا يحرم من الرضاعة إلا ما  
فتق الأمعاء في الثدي وكان قبل الفطام ))

<sup>177</sup> Had th Riwayat. al-Bukhari , no. 5099 dan hadis Riwayat al-Muslim, no. 1444.

Terjemahan: “*Ummu Salamah berkata: Rasulullah S.A.W telah berkata, seseorang itu tidak menjadi mahram penyusuan kecuali dia telah kenyang (meminum susu dari payudara) dan ia berlaku dalam tempoh penyusuan*”<sup>178</sup>

**Persoalan ketiga :** Hukum susu yang terhasil daripada pengambilan hormon atau ubat-ubatan tertentu, adakah boleh dianggap susu ibu sebenar lebih-lebih lagi jika wanita berkenaan tidak pernah berkahwin, janda atau mandul. Muzakarah Kebangsaan menukilkan pandangan daripada Syeikh Ja afar Ahmad at-Talhawi salah seorang ulama Universiti al-Azhar yang berkata pengaliran susu daripada payu dara, sama ada secara semula jadi atau menggunakan ubat yang merangsang pengeluarannya adalah harus selagi susu yang dikeluarkan itu adalah susu *t i ‘ī* (asli). Apa yang lebih dititik beratkan ialah umur bayi yang disusui dan bilangan susuan yang diberikan kepada bayi tersebut. Mesyuarat juga bersetuju memutuskan bahawa menggunakan ubat atau suntikan untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat ianya seorang wanita yang telah mencapai umur baligh sama ada telah berkahwin ataupun sebaliknya dan ubat atau hormon yang digunakan tersebut tidak mengandungi sebarang unsur-unsur najis atau mudharat. Melalui rawatan ini (terapi hormon penggalak susu badan<sup>179</sup>), hormon *estrogen* dan *progesterone* dimasukkan kedalam badan seseorang wanita tersebut bagi menyerupai tahap estrogen yang tinggi pada badan seseorang wanita yang hamil.<sup>180</sup> Rawatan yang boleh diambil sama ada secara oral (makan) mahupun secara suntikan ini dapat merangsang penghasilan hormon (*prolaktin*) dari kelenjar *pituitari* yang tugasnya adalah untuk merangsang penghasilan susu badan.

<sup>178</sup> al-Tirmiz , hadis hasan s *hīh* 2004, no. hadis 1152, al-Bayhaq mengatakan hadis ini *wq f*, 205.

<sup>179</sup> Terapi hormon penggalak susu badan ialah sejenis rawatan yang diambil bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran susu badan khususnya bagi wanita yang berkahwin tetapi tidak mempunyai anak, wanita bujang, wanita yang menghidap penyakit kronik. Inovasi dalam sains teknologi yang merupakan salah satu faktor penyumbang kepada perubahan sosial telah menghasilkan beberapa penemuan baharu dalam bidang penyusuan. Suntikan hormon sintetik (*depo provera*) ialah satu kaedah yang ditemui bagi merangsangkan penghasilan susu ibu.

<sup>180</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

Menurut Siti Fatimah Salleh dalam kajiannya, aspek zat dan kualiti susu badan yang terhasil daripada rawatan ini, kualitinya menyamai kualiti susu badan wanita yang bersalin. Kuantitinya juga boleh berterusan sehingga dua tahun lamanya jika payu dara menerima ransangan yang berterusan daripada bayi yang disusukan.<sup>181</sup> Selain itu, pandangan oleh Doktor Nurasyikin binti Man, pakar perbidanan dan sakit puan yang digunapakai dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dipetik oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor sebagai sokongan kepada justifikasi persoalan rawatan hormon penggalak susu badan. Sebagai contoh dalam isu ini, aplikasi ijtihad *j m , i* telah digunapakai apabila pakar berkaitan telah diundang oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mengikut kepakarannya bersesuaian dengan isu atau persoalan perubatan yang dibincangkan. Berdasarkan taklimat yang di sampaikan oleh Doktor Nurasyikin binti man, pakar perbidanan dan sakit puan hospital selangor berkaitan dengan persoalan rawatan hormon penggalak susu badan, beliau telah menerangkan bahawa tiada kesan sampingan yang teruk didapati daripada rawatan ini, Cuma pengambilannya mungkin akan menyebabkan sakit kepala, rasa dahaga dan tidak bermaya.<sup>182</sup> Namun begitu, mereka dinasihatkan menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu sebelum menjalani rawatan ini.<sup>183</sup> Melalui rawatan ini, *hormone estrogen* dan *progestrone*<sup>184</sup> dimasukkan kedalam badan seseorang wanita tersebut bagi menyerupai tahap estrogen yang tinggi pada badan seseorang wanita yang hamil. Rawatan yang boleh diambil sama ada secara oral (makan) mahupun secara suntikan ini dapat merangsang penghasilan hormon (*prolaktin*<sup>185</sup>) dari kelenjar *pituitary* yang tugasnya adalah untuk merangsang penghasilan susu badan. Walaubagaimanapun kejayaan rawatan terapi hormon ini

---

<sup>181</sup> Siti Fatimah Salleh, Mohd Zulkifli Muda dan Saadan Man, "Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik Dalam Penyusuan: Dirasah Ta'siliyyah", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9, (2015), 204. Lihat juga Stuart-Macadam P, & Dettwyler K, *Breastfeeding: Biocultural Perspectives*, (t.tp.: Aldine de Gruyter, 1995), 131.

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011)

<sup>184</sup> Hormon yang dirembeskan oleh ovari.

<sup>185</sup> Hormon dirembeskan oleh kelenjar pituitari.

dalam menghasilkan susu badan bergantung kepada keadaan fizikal serta daya ketahanan setiap individu. Proses penyusuan tidak akan berjaya jika individu tidak yakin dengan keupayaan diri, cemas ataupun mengalami tekanan. Ini bermakna tidak semua wanita yang berhasrat menyusukan anak angkat mereka berjaya menghasilkan susu badan walaupun setelah menjalani rawatan ini. Daripada aspek zat dan kualiti susu badan yang terhasil daripada rawatan ini, Doktor Nurasyikin mengesahkan bahawa kualitinya menyamai kualiti susu badan wanita yang bersalin. Kuantitinya juga boleh berterusan sehingga dua tahun lamanya jika payu dara menerima ransangan yang berterusan daripada bayi yang disusukan. Menggunakan hujah surah *al-baqarah* 2: 233, surah lukman 13:41 dan juga sejarah telah menceritakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W semasa bayinya telah disusui oleh dua orang wanita daripada Bani Sa'ad iaitu Thuwaibah dan Halimah al-Saadiyah setelah kewafatan ibunya. Ini menunjukkan bahawa mendapatkan susu ibu daripada pihak ketiga tidak bertentangan dengan syara .

**Persoalan keempat:** Hukum menggunakan alat-alat perantaraan atau alat sokongan seperti tiub, botol susu dan sebagainya bagi tujuan memasukkan susu ibu kedalam perut bayi. Jumhur fuqaha<sup>186</sup> juga bersepakat bahawa terdapat dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut mahram dengan sebab susuan, iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi wanita yang menggunakan alat sokongan atau alat bantuan sebagai kaedah menyusukan bayi, mesyuarat juga memutuskan bahawa bayi tersebut sah sebagai anak susuan apabila cukup syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh syarak seperti berikut:<sup>186</sup>

- i. Bilangan susuan hendaklah dengan lima kali penyusuan;

---

<sup>186</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

- ii. Susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi;<sup>187</sup>
- iii. Umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.

Hujah sabitnya ini adalah kerana susu ibu tersebut telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan daging dan memanjangkan tulang,<sup>188</sup> sama seperti bayi yang menyusu secara terus daripada payudara.

عن ابن مسعود رضي الله عنه، قال: لا رضاع إلا ما أنشز العظم وأنبت اللحم

Terjemahan: “Ti k huk um susu n me l i nk n ng me ngu tk n tulang dan menumbuhkan daging”<sup>189</sup>

Jumhur fuqaha iaitu mazhab Hanafi, Maliki (pendapat al-Sya’bi dan al-Thaur ), Sy fi” dan Hanbal dalam riwayat yang *aṣaḥ* berpandangan bahawa penyusuan melalui tiub atau botol adalah sama seperti penyusuan daripada seorang wanita.<sup>190</sup> Ini kerana asas pengharaman ialah makanan asasi melalui susu diterima dan ia menumbuhkan daging, memanjangkan tulang serta menahan daripada kelaparan. Kesemua keadaan ini dapat diterima oleh bayi walaupun tidak menyusu daripada seorang wanita secara terus. Walaubagaimanapun, sekiranya kaedah yang dilakukan adalah dengan cara menyuntik susu melalui qubul atau dubur, menitik susu ke dalam mata, telinga atau di tempat luka tubuh badan, maka bayi tersebut tidak sah sebagai anak susuan. Berhubung perkara ini juga, sah menjadi anak susuan sekiranya bayi menyusu dengan cara yang berbeza bagi setiap kali penyusuan. Contohnya penyusuan pertama ialah dengan secara terus daripada payu dara, penyusuan kedua dengan menggunakan botol susu, penyusuan

<sup>187</sup> Wiz rah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, “Radha” *al-Mausu 'ah al-Fiqhiyah*, jil. 22, cet. 2, (Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islam yyah, 1992), 243.

<sup>188</sup> Al-San,ʿani, *Su ul l-S l m l-u sīlah Ila Bulugh al-Maram*, Kitab: al-Rada,, Bab: La Rada,, Illa Ma Anbata al-Lahm, no. Hadis 1074, 718. Lihat juga, Al-Sin,ʿani, Muhammad bin Ismail al-Amir, *Su ul l-S l m*, (Baitul Afkar al-Dauliyyah: al-Urdun,2005).

<sup>189</sup> *Ibid*. Lihat juga Abu Daud dalam Abu Toyyib Muhammad Shams al-Haq al-Azim Abadi, 'Aun *al-Ma' bud Syarh Sunan Ahi Daud*, Kitab *al-Nikah*, Bab ii r h l-K īr, no. ḥad th: 2045, jil 6, cet 2, (Madinah: Muhammad Abdul Muhsin, 1968), 61.

<sup>190</sup> Abdul Karim Zaidan, *al-Mufaṣ l fī hk m l- r h w it l-u slīm fī l-Syari'ah*, jil 6, cet 3, (Lubnan: Mu assasah al-Ris lah, 2000), 254.

ketiga dengan memasukkan susu ibu kedalam botol dan salurkan ke kerongkong dan seterusnya sehingga cukup lima kali susuan.<sup>191</sup>

**Persoalan kelima:** Hukum susuan bagi bayi yang diberi minum susu ibu yang telah dicampur dengan bahan-bahan lain. Mesyuarat juga memutuskan bahawa susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya.<sup>192</sup>

Sekiranya susu ibu dicampur dengan bahan-bahan lain dan diberi kepada bayi, mazhab Hanafi dan Maliki berpandangan bahawa ukuran pengharamannya dilihat kepada bahan yang lebih baik. Jika susu yang lebih baik, berlakulah pengharaman dan sebaliknya. Jika bahan lain yang lebih baik, tidak berlaku pengharaman kerana hukum dikira bagi bahan yang lebih baik.<sup>193</sup> Pendapat yang terpilih dalam hal ini, sepertimana pendapat yang *rajih* daripada ulama mazhab Syafi'i dan Hanbali, kerana untuk sabit menjadi anak susuan, perlu memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh syarak Ulama mazhab Syafi'i dan Hanbali mengikut pendapat yang *rajih*, susu yang bercampur dengan bahan-bahan yang lain sama juga seperti susu tulen yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya kerana susu itu tetap sampai ke rongga bayi yang menyusu.<sup>194</sup> Sepertimana pendapat mazhab Syafi'i, ulama daripada kalangan Mazhab Hanbali juga turut mempunyai pandangan yang sama dengan Mazhab Syafi'i. Ibnu Qudamah dalam kitabnya memberi alasan bahawa apa pun yang dilakukan oleh seseorang sebelum ia memberikan air susu ibu kepada bayinya, yang jelas susu

---

<sup>191</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011). Lihat juga Siti Fatimah Binti Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 253.

<sup>192</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011)

<sup>193</sup> al-Kasani, (1986, 4:9), Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*, (Beirut: Dar al Fikr, 1983) 7:539, Al-Mawardi, *Kitab al- i " 245-252*. Al-Kasani, *"i,, l-S n 'i,, i T rti l-Sh r 'i,,* 3:408; al-Mawardi, *Kitab al- i " 373*, Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 2:1972.

<sup>194</sup> <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wanita-menyusukan-anak-angkat>, Dicapai pada 29 Disember 2016.

tersebut akan masuk melalui kerongkongnya dan akan sampai ke dalam rongga perutnya dan dapat menumbuhkan daging serta mempercepat pertumbuhan tulang. Maka ia dikira susuan secara semula jadi serta berlaku mahram penyusuan antara bayi dan wanita itu.<sup>195</sup> Pendapat yang terpilih dalam hal ini ialah daripada pandangan mazhab Sy fi iaitu menjadi mahram penyusuan kerana masuknya susu ibu ke dalam rongga badan seseorang bayi dan ianya juga mengenyangkan. Ini adalah pendapat sebahagian besar jumhur fuqaha dan para sahabat ini kerana elemen-elemen yang boleh mensabitkan pengharaman hasil daripada susu ibu seperti pembentukan daging dan tulang, kenyang tetap wujud dalam kandungan susu tersebut sekalipun ia bercampur dengan bahan-bahan lain dengan mematuhi syarat-syarat penyusuan seperti usia bayi, bilangan penyusuan dan sebagainya yang berkaitan dengan pensabitan mahram penyusuan.<sup>196</sup>

**Persoalan Keenam:** Dalam isu anak susuan, timbul isu persoalan adakah Islam mengharuskan seorang wanita Islam menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga sebaliknya. Berhubung perkara ini, tidak disyaratkan agama ibu susuan mestilah menyamai agama anak susuan memandangkan tidak ada nas yang melarang seorang wanita Islam menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga sebaliknya tidak ada larangan untuk seorang wanita bukan Islam menyusukan bayi beragama Islam. Dalam mengupas perkara ini, Sheikh „Atiyyah Saqar<sup>197</sup> menjelaskan bahawa tidak ada larangan bagi seorang wanita Islam menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga sebaliknya, seorang bayi beragama Islam boleh menyusu dengan wanita yang bukan Islam. Namun

<sup>195</sup> (Ibnu Qudamah, 1983, 7:539). Ibnu Qudamah, *l u ghnī*, (Beirut: D r al Fikr,1983). Lihat juga Siti Fatimah Binti Salleh, “Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah , Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 253-254.

<sup>196</sup> *Ibid.*

<sup>197</sup> Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011). Lihat juga 'Atiyyah Saqar, *hs n l-K l m fi t w w l- h k m*, jil 2, (Kaherah: D r al-Ghadd al- Ar b , t.th.)

begitu, perlu ditentukan bahawa penyusuan tersebut tidak mengubah agama bayi yang disusui dan mereka tetap kekal dalam agama asalnya. Namun begitu, perlu ditekankan bahawa penyusuan tersebut tidak mengubah agama bayi yang disusui dan mereka tetap kekal dalam agama aslinya. Akan tetapi diharamkan seorang lelaki dewasa yang ketika bayinya menyusu dengannya wanita bukan Islam berkahwin dengan ibu susuannya. Mesyuarat juga memutuskan bahawa seorang wanita beragama Islam harus menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga seorang bayi beragama Islam boleh menyusui kepada wanita bukan Islam kerana tidak ada nas syarak yang melarangnya.<sup>198</sup>

**Kedua: Pendekatan *q idi* dan pengambilkiraan realiti semasa, perubahan sosial dan zaman.**

Persoalan rawatan hormon penggalak susu badan dan penggunaan. Mesyuarat Jawatankuasa turut berpandangan bahawa inovasi dalam sains teknologi yang merupakan salah satu faktor penyumbang kepada perubahan sosial telah menghasilkan beberapa penemuan baharu dalam bidang penyusuan.<sup>199</sup> Suntikan hormon sintetik (*depo provera*) ialah satu kaedah yang ditemui bagi merangsangkan penghasilan susu ibu. Pengambilan suntikan ini menjadi realiti dan mendapat sambutan dalam kalangan wanita yang ingin mengambil anak angkat atau isteri yang tidak mempunyai zuriat hasil dari perkahwinan mereka.<sup>200</sup> Isu suntikan hormon sintetik ini dikira kontemporari, syarak mempunyai ta'silnya (asas dalam *fiqh turath*) dalam membincangkan isu ini. Status anak susuan melalui pendekatan kaedah sains ini perlu dijelaskan kedudukan syarak padanya bagi memelihara tuntutan *Maq sid al- Sharī, h* iaitu "*ḥifẓu al-n sl* " pemeliharaan keturunan yang boleh dipelihara atau dielakkan daripada berlaku perkahwinan antara mahram susuan, tambahan lagi bahawa susu ibu adalah yang terbaik

---

<sup>198</sup> *Ibid.*

<sup>199</sup> Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan penulis, pada 2 March 2017.

<sup>200</sup> Siti Fatimah Binti Salleh, "Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita", 254.

untuk pertumbuhan bayi yang sihat. Wanita yang tidak berhasrat untuk berkahwin atau bujang dan isteri yang tidak mampu memiliki zuriat secara semulajadi ada antara mereka beralih kepada pendekatan sains yang memperkenalkan penemuan baharu untuk merangsangkan air susu. Pendekatan sains ini ialah sebagai alternatif penyusuan bayi lain dengan harapan bayi tersebut menjadi mahram mereka.<sup>201</sup> Oleh yang demikian, Jawatankuasa fatwa dalam perbincangan penelitian hukum ini telah mengambilkira realiti semasa dan perubahan sosial masyarakat perlu dititik beratkan agar dapat menghasilkan hukum yang menepati keperluan semasa dan masyarakat. Jawatankuasa menyifatkan bahawa pengambilan suntikan hormon sintetik dalam penyusuan dinilai hukumnya sebagai hukum baru dan isu yang dikategorikan sebagai inovasi pada hukumnya iaitu pengambilan ibu susuan. Penemuan ini juga telah membuktikan dengan jelas bahawa faktor perubahan sosial yang melibatkan kehidupan sosial masyarakat mempunyai peranan yang memberi implikasi serta pengaruh terhadap penentuan hukum fiqh wanita semasa.<sup>202</sup>

Pengkaji juga merujuk kepada fatwa lain iaitu fatwa singapura iaitu seorang wanita yang ingin mengambil anak angkat boleh berusaha untuk menjadikan anak tersebut sebagai anak susuan. Penyusuan tadi menyebabkan hubungan mahram itu terhasil antara ibu susuan dengan anaknya, dan suami wanita itu juga menjadi mahram anak tersebut. Sama ada penyusuan itu dilakukan secara langsung dari payudara, ataupun secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Jawatankuasa Fatwa juga tiada halangan jika wanita tersebut ingin mengambil perubatan tertentu seperti pil hormon untuk menghasilkan susu (*Induced Lactation*).<sup>203</sup>

---

<sup>201</sup> *Ibid*, 202.

<sup>202</sup> *Ibid*.

<sup>203</sup> Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Ugama Islam Singapura Jawatankuasa Fatwa 2013-2016 Telah Membincangkan Soalan Berkenaan Batasan Aurat Antara Anak Angkat Dengan Keluarga Angkat Pada Mesyuarat Yang Ke 2 Bertarikh 12 Disember 2013 Dan Mesyuarat Ke-3 Bertarikh 13 Mac 2014. <https://www.muis.gov.sg/-/Media/Files/Oom/Fatwa/Batasan-Aurat-Keluarga-Angkat.Pdf>

#### 4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dari lima sampel fatwa yang dianalisis, kaedah *ijtihad* secara kolektif atau *j m , i* bersama penglibatan golongan pakar telah diaplikasi dalam setiap penyelidikan fatwa. Sebagai contoh adalah fatwa berkaitan ASN dan ASB, walaupun wujud perbezaan fatwa antara Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam mengeluarkan fatwa berkaitan Hukum Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Seumpamanya, kedua-dua pihak telah menguruskan keputusan fatwa dengan penyelidikan yang penuh berhemah supaya ia memberi kebaikan kepada semua khususnya masyarakat Bumiputera Islam di Malaysia. Selain itu, pandangan dan pendapat pakar haiwan laut diambil secara keseluruhannya dalam isu hukum memakan daging atau isi belangkas dan telurnya. Walaupun pendekatan *ijtihad j m , i* dan penglibatan golongan pakar dilihat digunakan dalam setiap penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa turut bertanggungjawab membuat penyelidikan dalaman atau kepustakaan dengan menggunakan kaedah nukilan perbincangan para fuqaha dari kitab-kitab fiqh sebagai sumber hukum untuk mengukuhkan lagi kedudukan fatwa tersebut.

Pendekatan *m q sidi* sangat ditekankan dalam penyalahgunaan penggunaan nama Allah yang tidak boleh digunakan oleh agama bukan Islam. Hal ini kerana, Jawatankuasa Fatwa mengambil pendekatan ini supaya masyarakat Islam di Malaysia perlu sedar terhadap realiti yang sedang berlaku kini yang akan memburukkan lagi keadaan untuk menangani isu penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam demi kepentingan menjaga agama (*hifzuddin*) daripada diganggu gugat oleh anasir yang boleh memesongkan akidah umat dan gerakan yang mencabar kedaulatan Islam.

Selain itu, penetapan fatwa berhubung harus menggunakan kaedah pembayaran zakat melalui pembayaran elektronik seperti SMS menerusi pembayaran prepaid dan

postpaid E-Fitrah Celcom adalah wajar dan dilihat bahawa Jawatankuasa telah meraikan perkembangan realiti semasa yang berlaku. Jawatankuasa telah bersetuju dengan cadangan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Pihak Celcom setelah melihat pelaksanaan ini berjaya dilakukan di Singapura dan Jawatankuasa Fatwa Singapura turut mengeluarkan fatwa sah zakat apabila menggunakan transaksi tersebut. Tambahan lagi, Jawatankuasa dilihat telah meraikan pendekatan sains sebagai alternatif penyusuan bayi lain dengan harapan bayi tersebut menjadi mahram mereka.

Pengkaji melihat bahawa kaedah *takhayyur* dan *tlfiq* ini diterima dan digunapakai dalam pembayaran zakat dengan wang pinjaman (hutang). Di Malaysia, masyarakat Islam telah menerima pakai pendapat mazhab Hanafi di dalam urusan fitrah mereka. Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh dirujuk kepada mazhab lain. Meskipun dominasi mazhab Shafi<sup>204</sup> dalam amalan fatwa masih berlaku di Malaysia namun demi meraikan tuntutan perkembangan semasa, laluan dibuka untuk mengambil pandangan di luar mazhab Shafi bahkan sampai kepada ijtihad yang lebih bebas telah diperuntukkan dalam enakmen negeri-negeri. Oleh itu, bagi menyelesaikan isu yang berbangkit dalam masyarakat jawatankuasa fatwa bebas untuk menentukan kaedah yang dilihat sesuai berasaskan keperluan dan tuntutan realiti semasa. Perkara ini bertepatan dengan peruntukan undang-undang yang diperuntukkan dalam seksyen 54 (1) (2).

---

<sup>204</sup> Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

## **BAB 5: RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

### **5.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab keempat pengkaji telah membincangkan analisis fatwa-fatwa semasa negeri Selangor untuk melihat sejauhmanakah aplikasi ijtihad kontemporari oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dalam mesyuarat jawatankuasa dan penyelidikan fatwa yang dijalankan. Oleh itu, di bab yang kelima adalah kesimpulan atau rumusan pengkaji berkaitan kajian ini. Di samping itu, bab ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan aktiviti penyelidikan fatwa di institusi fatwa negeri Selangor.

### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga objektif yang dinyatakan dalam bab satu adalah dijawab sebaik mungkin. Pengkaji telah menghuraikan konsep dan pendekatan ijtihad kontemporari dengan jelas di bab yang kedua. Manakala untuk melihat sejauhmana aplikasi ijtihad kontemporari dalam fatwa semasa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor, pengkaji telah menganalisis secara teliti di bab ketiga dan keempat. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, pengkaji boleh merumuskan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengaplikasi penyelidikan atau kerangka ijtihad kontemporari dalam penetapan fatwa yang bersifat semasa dan kritikal ini khususnya dalam pengamalan kaedah ijtihad secara kolektif atau *j m , i* bersama penglibatan golongan pakar. Hal ini membuktikan bahawa dalam menghasilkan sesuatu fatwa yang berkepentingan nasional dan sangat memberi kesan kepada masyarakat, pendekatan ijtihad *j m , i* seperti merujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan dan mengambil pandangan dari golongan yang berkepakaran adalah

diutamakan seperti diperuntukkan dalam enakmen.<sup>1</sup> Oleh yang demikian, penyelidikan fatwa yang dilakukan oleh pihak jawatankuasa fatwa adalah bersifat penyelidikan dalaman dan lapangan apabila fatwa tersebut berkaitan dengan kepentingan nasional dan bersifat kritikal.

Pengkaji turut merumuskan bahawa aplikasi pendekatan *maqāsid* dan pengambilkiraan realiti semasa dan sosial juga diutamakan dalam menghasilkan setiap fatwa oleh jawatankuasa fatwa Negeri Selangor. Dari sudut penggunaan kaedah *takhayyur* dan *taḥfīq* dalam penyelidikan fatwa oleh jawatankuasa fatwa, pengkaji melihat bahawa kaedah *takhayyur* dan *taḥfīq* ini diterima dan digunapakai dalam penetapan sesuatu fatwa di dalam penyelidikan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Khususnya dalam fatwa muamalat. Mengambil pandangan dari mana-mana mazhab empat yang lain selain al-Shāfi dengan mendalami metod yang diterima pakai oleh imam mazhab masing-masing tidak menjadi kesalahan selagi tidak membawa kepada *taḥfīq* yang menjurus kepada kerosakan prinsip hukum, dan mencari kemudahan sewenang-wenangnya (*tatabbu' al-rukhas*), apabila zaman dan situasi memerlukan tindakan tersebut.

Justeru itu, penyelidikan dan kaedah berfatwa yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menggambarkan konsep penyelidikan fatwa dalam kerangka ijtihad kontemporari khususnya dalam pengamalan ijtihad *jam'i*, i walaupun terdapat fatwa dianggap tidak bertepatan yang dengan perkembangan semasa pada hari ini kerana ia merupakan pendirian Jawatankuasa Fatwa itu sendiri setelah menjalankan penyelidikan fatwa secara serius terhadap isu tersebut. Melalui pemerhatian pengkaji, setiap penyelidikan dalaman fatwa yang dilakukan oleh Jabatan

---

<sup>1</sup> Seksyen 51 dan 52, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Mufti Negeri Selangor masih dominasi kepada mazhab Sh fi ,<sup>2</sup> namun dalam beberapa permasalahan hukum yang diputuskan, jawatankuasa fatwa telah meraikan tuntutan perkembangan semasa dengan mengambil pandangan di luar mazhab Sh fi bahkan sampai kepada ijtihad yang lebih luas sepertimana yang diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran setiap negeri.

### 5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Bagi mempertingkatkan kredibiliti institusi fatwa sebagai institusi penyelidikan hukum, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang ingin dinyatakan oleh pengkaji kepada individu atau pihak yang terlibat dalam proses penyelidikan dan pengeluaran fatwa di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Cadangan dan saranan ini diharap dapat membantu dalam mempertingkatkan kualiti penyelidikan fatwa di institusi fatwa negeri Selangor menerusi kaedah penyelidikan fatwa yang lebih sistematik dan serius. Antara cadangan dan saranan yang boleh dilontarkan adalah:

**Pertama:** Pegawai-pegawai fatwa disarankan meningkatkan penguasaan dalam penyelidikan hukum Islam dan pengetahuan terhadap isu semasa(realiti semasa) dengan cara menyertai bengkel kaedah penyelidikan fatwa semasa atau seminar yang dianjurkan oleh organisasi atau institusi tertentu. Pengkaji berpandangan pengisian yang terdapat dalam seminar dan bengkel dapat memberikan pelbagai informasi kepada para pegawai fatwa sebagai persediaan mereka dalam menjalankan penyelidikan fatwa. Sebagai contoh, pihak Jabatan Mufti perlu menghantar pegawai fatwa menyertai bengkel berkenaan isu dan topik-topik semasa agar informasi terkini berkaitan isu tersebut dapat diteliti dengan baik untuk dibincangkan dalam penyelidikan fatwa dalaman di peringkat jabatan mufti. Terdapat pelbagai seminar, persidangan dan

---

<sup>2</sup> Seksyen 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

bengkel telah dianjurkan oleh pihak universiti tempatan atau antarabangsa dan sebagainya. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan Jabatan Mufti Negeri Selangor menjalankan kursus atau bengkel penyelidikan fatwa untuk para pegawai fatwa mereka. Bagi menjalankan kursus dan bengkel seperti ini, pihak Jabatan Mufti boleh menjemput golongan profesional yang berkecualan untuk membincangkan topik penyelidikan fatwa bagi isu semasa yang boleh terdiri daripada ulama, ahli akademik, pakar dari pelbagai bidang seperti kewangan Islam, kejuruteraan, kedokteran dan sebagainya.

Pemerhatian pengkaji menerusi Laporan Tahunan Bahagian Fatwa<sup>3</sup> terdapat bengkel yang dijalankan oleh Bahagian Fatwa tetapi kebanyakannya adalah bengkel atau penerangan fatwa berkaitan akidah (ajaran sesat) dan sedikit sahaja bengkel berkaitan pemantapan ilmu penyelidikan fatwa. Pihak Jabatan Mufti perlu mewujudkan kerjasama antara para ilmunan dan pakar dalam pelbagai bidang supaya tiada jurang kepakaran ilmu dalam menyelesaikan sesuatu hukum. Selain itu, perlu mewujudkan kerjasama antara Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan INFAD, ISRA, institusi-institusi penyelidikan seperti IPT, pusat penyelidikan halal, pusat perubatan, institusi penyelidikan perbankan dan kewangan Islam dan sebagainya. Kerjasama ini sebenarnya telah wujud di peringkat kebangsaan, akan tetapi masih dilihat kurang dijalankan di peringkat Jabatan Negeri Selangor.

Kelebihan jaringan kerjasama yang baik bersama institusi penyelidikan adalah kerana mereka terdiri daripada ahli yang terlatih dalam kerja-kerja penyelidikan yang berdasarkan bidang-bidang kepakaran mereka. Perubahan masa menyebabkan pelbagai penemuan dan isu baru yang mungkin memerlukan penjelasan melalui penyelidikan yang serius. Kemajuan dan kewujudan pelbagai isu yang baru memerlukan para pegawai sentiasa bersedia dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, rasional dan peka

---

<sup>3</sup> Laporan Tahunan Bahagian Fatwa 2016 Jabatan Mufti Negeri Selangor.

dengan realiti perkembangan semasa yang berlaku agar mereka dapat menyediakan suatu kertas kerja penyelidikan fatwa yang berkualiti dan mantap.

**Kedua:** Pengkaji mencadangkan agar jawatan pegawai penyelidik fatwa di Jabatan Mufti diwujudkan. Jawatan ini berperanan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan fatwa secara khusus. Melalui pemerhatian pengkaji, bilangan pegawai di bahagian fatwa yang agak terhad menjadikan penyelidikan fatwa tidak dapat dilakukan secara terperinci kerana kekurangan masa untuk menyediakan bahan penyelidikan dan kekurangan tenaga(*orang yang sama menjalankan penyelidikan fatwa*). Terdapat juga beberapa penulisan yang mencadangkan satu jawatan pegawai penyelidik khas untuk menjalankan penyelidikan sesuatu fatwa.<sup>4</sup> Walaubagaimanapun rata-rata institusi fatwa masih belum membuat penambahbaikan dalam pengurusan penyelidikan fatwa mereka termasuk di Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kewujudan jawatan pegawai penyelidik ini membantu meringankan beban tugas-tugas pegawai bahagian fatwa yang sedia ada dan tugas luaran. Pegawai penyelidik tersebut mestilah seorang yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang syariah khususnya fiqh, usul al-fiqh dan perbandingan mazhab. Pengkaji berpandangan bahawa kelayakan akademik para pegawai dalam bidang penyelidikan hukum adalah penting dalam menjamin kualiti penyediaan fatwa. Perkara ini pernah diutarakan oleh Ahmad Hidayat Buang yang menyatakan beberapa cadangan untuk memperbaiki prosedur penyelidikan dan pengeluaran fatwa antaranya ialah pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses pempfatwaan mestilah mempunyai kefahaman yang mendalam tentang kaedah perundangan hukum Islam.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Mohd Faez Mohd Shah, "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa : Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010" (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013), 181-182.

<sup>5</sup> Ahmad Hidayat Buang, "Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa di Malaysia", (Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia , Institute of Advance Islamic Studies, Kuala Lumpur, 10 Mac 2016), 5.

Pengkaji turut mencadangkan agar pegawai penyelidik yang dilantik berkemahiran dan berpegetahuan tinggi terhadap mazhab sunni yang lain selain Mazhab Sy fi . Walaupun dibawah enakmen memperuntukkan keutamaan kepada pandangan mazhab Sy fi , akan tetapi sekiranya memerlukan kepada pandangan mazhab Hanafi, Maliki, dan Hanbali, Jawatankuasa akan merujuk kepada pandangan mazhab-mazhab tersebut. Dalam fatwa kontroversi yang diteliti oleh pengkaji, perbincangan pelbagai mazhab sangat perlu diambil perhatian agar tidak hanya terikat kepada pandangan mazhab Sy fi untuk menghasilkan fatwa yang baik seiring dengan menjaga objektif syariah.

**Ketiga:** Pengkaji mencadangkan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor melantik pakar-pakar daripada pelbagai bidang kepakaran sebagai panel khas yang akan terlibat dalam penyelidikan fatwa mengikut kepakaran bidang mereka. Panel Khas yang dilantik boleh membantu pihak penyelidikan fatwa ini menyediakan jawapan hukum yang lebih lancar, pantas, informasi yang tepat dan efektif. Kelemahan fatwa yang mengambil masa yang panjang terhadap fatwa yang kontroversi boleh diatasi sekiranya Panel Khas ini diwujudkan. Mereka yang dilantik akan bersama Jawatankuasa Fatwa dalam proses penyediaan fatwa jika isu fatwa yang akan diputuskan itu berkaitan dengan bidang kepakaran mereka. Panel Khas ini adalah lantikan berlainan daripada Jawatankuasa Fatwa yang dilantik melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003). Lantikan Panel Khas ini bertujuan untuk pemantapan penyelidikan fatwa sebagai usaha sinergi bersama para ilmuwan. Sebagai contoh dalam isu berkaitan ASB, ketidakseragaman berlaku apabila penyelidikan fatwa yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa mengambil sikap untuk bersikap „*firm*” dalam keputusan mereka pada awalnya, setelah beberapa penyelidikan semula dilakukan yang diwakili oleh pihak yang berkepakaran dalam kewangan Islam maka keputusan Jawatankuasa telah

berubah setelah memahami kefahaman dan hakikat sebenar objektif syariah dalam kewangan Islam(*maṣlahah*). Pengkaji berpandangan bahawa ia merupakan usaha yang sangat baik untuk meningkatkan kualiti penyelidikan fatwa menerusi kombinasi kerjasama antara Jawatankuasa Fatwa Negeri dan ahli yang berkepakaran. Maka, proses penyelidikan fatwa dan hasil keputusan fatwa dapat lebih diyakini oleh masyarakat dan kedudukan institusi fatwa dapat dipertingkatkan sebagai sesuatu institusi yang menyumbang kepada perkembangan undang-undang dan hukum Islam semasa kerana penglibatan golongan pakar yang tersebut sangat meyakinkan mereka.

#### 5.4 PENUTUP

Sebagai penutup, pengkaji dapat menegaskan beberapa perkara bahawa pendekatan ijihad kontemporari yang merangkumi pendekatan ijihad *j m , i*, pengambilkiraan realiti semasa, pendekatan maq ṣid Syariah dan penggunaan *t l f i q* dan *takhayyur* merupakan pendekatan yang perlu dititik beratkan dalam penyelidikan fatwa. Masyarakat Islam memandang institusi fatwa sebagai pusat informasi atau rujukan sesuatu hukum yang menjadi kemusykilan. Oleh itu, peranan fatwa sebagai respon atau jawapan hukum kepada masyarakat merupakan aspek terpenting dalam perkembangan sistem perundangan Islam pada era ini. Rentetan daripada itu, kredibiliti institusi fatwa dapat dilihat sebagai sebuah institusi penyelidikan hukum yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi sebagai panduan kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Sekiranya pendekatan ijihad kontemporari ini tidak diaplikasi dalam penyelidikan fatwa, pengkaji berpandangan bahawa kredibiliti institusi fatwa itu boleh goyah kesan dari kelemahan institusi fatwa itu sendiri. Kelemahan untuk mengaplikasi kaedah berfatwa dan mengabaikan pendekatan ijihad kontemporari ini akan melahirkan fatwa-fatwa yang tidak rasional dan bersifat menghukum. Sebagai penutup kajian ini, pengkaji mengucapkan sekalung penghargaan di atas usaha Jabatan Mufti Negeri

Selangor yang telah berusaha untuk menjalankan penyelidikan fatwa sehabis baik dan pengkaji juga menyarankan agar pihak institusi fatwa negeri Selangor akan membuat penambahbaikan terhadap kualiti penyelidikan fatwa dengan mempertingkatkan pengamalan ijtihad kontemporari yang sedia ada.

Universiti Malaya

## BIBLIOGRAFI

### 1. RUJUKAN BUKU

#### BAHASA ARAB

„Abd al-Majid al-Najar. *Fi Fiqh al-Tānīm n W Tnzīl n Kit l-Ummah*, (D r-Akhbar al-Yaum, 1989).

„Alau al-d n „Abd al-„Aziz bin Ahmad al-Bukhari, *K s f l - sr r* , jilid 3, (Beirut: D r al-Kitab al-„Arabi, 1974)

„Ali Ibn „Umar al-Daruqutni, *Sunan al-Daruqutni*, ed „Adil Ahmad „Abd al-Mawjud dan „Ali Muhammad (Beirut: D r al-Ma„rifah, 2001), 3:197

Abdul Karim Zaidan, *al-Mufaṣṣal fī hk m l - r h w it l- uslīm fī l-Syari'ah jil. 6*, cet. 3, (Lubnan: Mu'assasah al-Risalah, 2000).

-----, *Kit b al-Mufaṣṣal fī hk m l - r h* , (Mu“assasah Ris la h : Beirut, 1993), 1:137.

Abu D wud Sulaym n Ibn al-Ash“ath al-Sijist ni, *Sun n i wu Ijtih -Ray fī al-Qadai*, Had th No 3592, Dirujuk dalam *Kit usu“ h h īt h sh ri f Kutub al-Sittah*, (Riyad: D r al-Sal m li al-Nashri wa al-Tauzi,1996).

Abu Muhammad „Izz al-d n Bin „Abd al-Salam al-Damsyiqi, w “i l - hk m fī s l ih l -Anam. (Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah,1991)1:60.

Ahmad bin Muhammad bin „Ali al-Fayyumi, *l - is h l - unīr*, (Beirut : Maktabah Lubnan, 1990).

Ahmad Bu“ud, *Fiqh al-W qi“ Uş l w Ḍ w it* Kaherah: D r al-Sal m, 2006)

Ahmad Ibn Hamdan al-Harrani, *Sifat al-fatwa wa al-mufti wa al-mustaffi* (Beirut: Maktab al-Islami, 1984).

Ahmad Mokhtar „Umar, *u'j m l-Lughat al-„, r i h l - u“ şirah*, (Kaherah : „Alim al-Kutub,2008).

al-Amidi, *l -Ihk m i Uş l al-Ahk m* „, (Kaherah: t.tp., 1987), 3: 270.

-----, *l -Ihk m i Uş l al-Ahk m* , (Beirut : al-Maktab al-Islami), 4:162.

Al-Badawi, Yusuf Ahmad Muhammad. *q şid al-Shari`ah `inda Ibn Taymiyyah*. (Jordan: D r al-Nafais, 2000).

Al-Bani, *Sunn h l -tirmizī*, (Al-Riyadh: Maktabah al-Ma“arif, t t)

Al-Banjar, *Sīl al-Muhtān li-l-Tafqūh fī al-Madīnah*. (Fatani-Thailand: Matba'ah bin Halabi, t.t) 1:257

Al-Ghalayini, Mustafa, *al-Mi'āl-ur sīl-ah, rīḥ*, (Beirut : Mansyurat al-Maktabah al-Asriyah, 1986)

Al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, Jilid 1, (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-Arabi Mua'assasah al-Tarikh al-'Arabi, 1993).

'Ali Hasbullah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* Dār al-Ma'arif, Kaherah, 1964).

Ali Ibn Muhammad al-Amidi, *al-Ihkām fī Uṣūl al-Fiqh*, Jilid 4, (Riyad: Dār al-Samī' 2003).

Al-Jazir, „Abd al-Rahmān bin Muḥammad „Aud, *Kitāb al-Iqḥ*, Jilid 1, (Beirut: Dār al-Ihya' al-Turath al-Arabi, t.t), 1: 516

Al-Khadami, Nur al-dīn ibn Mukhtar, *al-Qāṣid al-Shar'iyyah*, (Riyadh: Kunuz Asybilah, 2003).

Al-Khadami, Nuruddin Mukhtar, *al-Ijtihād al-Qāṣidi*, (Qatar: tp, 1998).

Al-Nawwī, Abu Zakaria Mahyuddin bin Syaraf, Muhammad Najib Al-Mufī (ed.), *Kitāb al-majmu'*, jilid 20, cet. 1, (Lubnan: Dār Ihya' al-Turath al-Arabi, 2001)

Al-Nawwī, Yaḥyā ibn Syaraf, *al-Majmū' Shāriḥ al-Muhazzab* (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 6: 138.

Al-Qurṭub, *al-Muḥīṭ fī al-Sharḥ al-Muqtaṣid*, (Dār al-Salām, 1995) 1:1213-1214.

Al-Raysuni, Ahmad, *al-Ikrām al-Qāṣidi*, (Rabat: Mansyurat Jaridah al-Zaman, 1999)

Al-Sam'āni, „awṭar al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh", (Riyad: Maktabah al-Taubah, 1998), 5:133.

al-Sayūṭī, Jalaluddin, *al-Muḥīṭ fī al-Sharḥ al-Muḥīṭ*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1983).

Al-Sharbini, Syams al-dīn Muhammad Bin al-Khatib. *ughni l-ughni fī al-Fiqh al-Arabi*, Jilid 1, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2006)

Al-Shaṭīb, Abi Ishak Ibrahim Bin Musa, *al-Uwḥ fī al-Fiqh al-Arabi* Sa'ūdi: Dār Ibn Affan, 1997)

----- *al-Muḥīṭ fī al-Sharḥ al-Muḥīṭ*. Cet. ke-2, (Tunis: t.p, 1985).

Al-Shaṭīb, Abu Ishaq Ibrahim al-Lakhmi al-Gharnati al-Malik, *al-Uwḥ fī al-Fiqh al-Arabi* (Saudi: Dār Ibn Affan, 1997), 2:294-295.

Al-Shiraz , *al-Muhazzab fī fiqh al-Imam al-Shafi‘ī*, (Beirut-Lubnan: D r al-Kutub al-Ilmiyyah,1995), 1:454-455.

-----, Abu Ishāq, *al-Muhadhdhab* (Beir t :D r al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1995), 1: 751.

Al-Shaukani, Muhammad „Ali, *Irsh ul uhul il Thqīq min Ilm l-Uş l* , (Damsyiq : D r Ibn Kathir,2003) ; Al-Asyq r, Tarikh al-Fiqh al-Islam (Kuwait : Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1982).

Al-Zarqa“, Muḥammad, *Sharh al- w „i l -Fiqhiyyah*, (Damshiq: D r al-Qal m, 1998), 2: 349.

Amir Sa,ıd al-Zibari, *hit h fi hk m l - tw* (Beirut: D r Ibn Hazm, 1995)

'Atiyyah Saqar, *hs n l -K l m fi t w w l - hk m jil 2*, (Kaherah: D r al-Ghadd al-' Arabi, t.th.).

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I, l m l - uw q qi, in „n l - , l min 4:337*.

Ibn Qudamah, „Abd Allah Bin Ahmad, *l - ughnī* (Riyad: D r „Alim al- Kutub, 1997).

Ibnu Manzur, *is n l -Arab*, (Beirut: D r Ihya“ al-Turath al-,„Arabi, 1993) 2:395

Ibnu Qudamah, *l ughnī* , (Beirut: D r al Fikr, 1983)

Irwan bin Muhammad Sabri , *l - hk mw l - t w l -Shar`iyyahbayna al-Thabatwa al-Taghayyu*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2012).

Jal l al-D n bin „Abd al-Rahman al- Suy t , *al- s h w l -Naz “ir fi w “i w uru” iqh l -S fi “i h* (Makkah: Maktabah al-Sa“udiyah, 1997)

Muhammad bin „Ali bin Muhammad al-Syawkani, *Irsyad al-Fuḥul il Th qīq l -Haqq min „Ilm l-Uş l* Beirut: D r al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1994)

Muhammad bin Abu Bakr bin „Abd al-Qadir al-Razi, *Mukhtar al-Siḥah*, (Beirut: D r al-Kitab al-,„Arabi“, 1967)

Muhammad bin Idris al-Sh fi , *l - is l h* , (Beirut: al-Maktabah al-,Ilmiyyah, t t)

Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan Al-Jizani, *“ li m Uş l l -Fiqh Inda Ahl al-Sunnah* (al-Dammam : D r Ibn al-Jawzi, 2010).

Muhammad Idris al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi, (Mesir: D r al-Fikr,1354).

Muhammad Rashid Rida, *Tafsir al-manar*, Jil 2, (Beirut: D r al-Kutub al-,ilmiyyah, 2005).

Muhammad Siraj, *Us l l - iqh l -Isl mī* , (Iskandariyah: Mansha“ah al-Ma“arif, 1988)

- Muhammad Yusuf Musa, *Kitāb al-Irṣād fī al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah : Dār al-Fikr al-`Arabi, 1961)
- Mustafa Ahmad al-Zarqa, *al-Madkhal al-Fiqh al-islāmī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1998), 1:102.
- Nazih Hammad, *Mada Siḥḥah Tamin al-Munahhil-Shart fī al-Fiqh al-Islāmī*, ed. ke-2 (Jeddah: al-Maḥad al-Islāmī li al-Buhuth wa al-Taḍrib, 2000).
- , *al-Fiqh al-islāmī, mamlakat al-ḥawāli al-Masrafiyyah al-islāmīyah, shirah* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2008)
- Prof Dr. Mustafa Al-Zuhaidi, *al-Ijtihād al-islāmī, fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Mekah:2008).
- Qutb Mustafa Sanu, *Uḥūḍ al-Usul fī al-Fiqh*, ed Muhammad Rawwas Qal, aḥi (Dimashq: Dār al-Fikr, 2000).
- Shams al-dīn Abu al-Khayr Muhammad Ibn `Abd Rahman al-Sakhawī, *al-Maqṣid al-Ḥisn fī al-Katḥir min al-Aḥkām al-Ushtariyyah*, al-ḥadīth al-islāmīyah (Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1979)
- Shibiri, Muḥammad, *Uḥmūd al-awḥad fī al-Kuliyyah wa al-awḥad fī al-Fiqhiyyah fī al-Sharī`ah al-Islāmīyah* (Urdun: Dār al-Nafais, 2007).
- Sulayman al-Asyqar, *al-Iftā`inda al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah*, (Jordan: Dār al-Nafaes, 2004).
- Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari, *Silsilah al-Muḥtārīn li al-Tafqūḥ fī al-ḥadīth al-islāmī* (Pulau Pinang: Dār al-Mu`arif, 1343H)
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, "Radha" *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, jil. 22, (Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1992).
- Yusuf Hamid al-`Alim, *al-Maqṣid al-islāmī, mamlakat al-Sharī`ah al-Islamiyyah*, ed. ke-2 (Herndon: al-Maḥad al-islāmī li al-Fikr al-Islāmī, 1994).
- Wahbah al-Zuhayl, *al-ḥawāli al-Maliyyah al-islāmīyah, sarḥ*, ed 6 (Damsyik: Dār al-Fikr, 2008).
- , *Usul al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu`asir, 1996), 2:1156.
- , *al-Fiqh al-Islāmī wa al-ḥadīth* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 750.
- , *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 2007), 1:35.
- , *al-ḥadīth fī al-Silsilah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik: Dār al-Maktab, 1999)
- , *al-Ijtihād al-Fiqhi al-ḥadīthi*, (Damsyik: Dār al-Maktab, 1997).

-----, *Al-Rukhas al-Shari'ah fi al-Hukm al-Dawlati*. (Beirut: Dar al-Khair, 1993).

Yusuf al-Qaradawi, *al-Indibat wa al-Tasayyub*, (Kaherah: Dar al-Sahwah, 1998).

-----, *Fiqh al-Awlawiyat*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996).

-----, *irshad fi fiqh maqashid al-Syariah: nashr al-maqashid al-kulliyah wa al-nusus al-juz'iah* Kaherah : Dar al-Shuruq, 2007).

----- *khilafah al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2001).

-----, *al-Ijtihad fi al-Syariah al-Islamiyyah* "Zuharat Tahliliyah fi al-Ijtihad al-Ushuri" (Kuwait: Dar al-Qalam :1996).

Ziyad Muhammad Ahmidan, *maqashid al-Shari'ah al-Islamiyyah* "Ushul fi al-Tatqiq al-Qahiri" (Beirut: Risalah Publishers, 2008).

-----, *al-Waqif al-Fiqhiyyah wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, (Amman: Dar al-Furqan, 2000).

## **BAHASA INGGERIS**

Ahmad Ibrahim, *Sources And Development Of Muslim Law*, (Singapore, 1965).

Creswell, John W. "Mixed-method research: Introduction and application." *Handbook of educational policy* (1999).

Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir *Treaties on Maqashid al-Shari'ah*. Terj. dan ed. Muhammad al-Tahir al-MiS.A.Wi, (London: The International Institute of Islamic Thought and Al-Maqashid Research Centre In The Philosophy Of Islamic Law, Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006).

Mohd Hisham Mohd Kamal, *Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role*. Syariah Law Reports, (2009)

Mohd Sani Badron, "Heresy Arises from Words Wrongly Used," 16

Majlis Agama Islam Selangor, *Obligation to Preserve the Sanctity of the Name Allah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2013)

Muhammad Hashim Kamali. *An Introduction To Syariah*, (Selangor: Ilmiah Publishers, 2006).

-----, *Methodological Issues in Islamic Jurisprudence* (BRILL, 1996).

Patton Michael Quinn “*u lit ti ve ev lu t ion n r ese rch metho s*” :SAGE Publications. Inc, (1990).

Strauss,A. & Corbin, J., *Basic of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*, (Newbury Park : Sage, 1998).

Stuart-Macadam P, & Dettwyler K, *Breastfeeding: Biocultural Perspectives*, (t.tp.: Aldine deGruyter, 1995).

## **BAHASA MELAYU**

Abd Karim Ali, "Pengambikiraan Nilai semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam,1999).

-----, “Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum”, dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur : APIUM, 2000).

-----, “Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum”, dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur : APIUM, 2000).

Abdullah @ Alwi Hj Hassan, “Pelaksanaan Undang-Undang Syariah pada Zaman Pramerdeka: Aspek Sejarah dan Pelaksanaan” dalam Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.) Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam - Malaysia, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2005).

Ahmad Sufyan Che Abdullah, “Instrumen Pasaran Kewangan Islam di Malaysia: Perspektif Semasa”, dalam *Dinasmisme Kewangan Islam di Malaysia*, e.d. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006).

Anisah Ab Ghani, “Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia” dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

Basri Bin Ibrahim, *Metode Fatwa Al-Qardawi Dalam Menangani Isu-Isu Semasa* (Batu caves: al-Hidayah Publisher, 2011).

Dato” Dr Abdul Monir bin Yaacob, “Maq šid Sharia”ah: Konsep Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Semasa Di Malaysia Dalam Menentukan Hukum”, dalam

*Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur :APIUM, 2000).

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, “Mufti: Fatwa Perseorangan dan Majlis”, dalam *Monograf al-Ifta’ Siri 1*” ed. Wan Morsita Wan Sudin, *et.al.* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,2010).

Hamizul Abdul Hamid, *Zakat Terapi Kekayaan* (Selangor: Grup Buku Karangkrif, 2011).

Harmy Mohd Yusoff et al., *Fikah Perubatan* (Batu Caves : PTS Millennia Sdn. Bhd, 2011).

Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2008).

Hassan Hj Ahmad, “Maqāṣid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000).

Hj Mohd Murat bin Md Aris, “Pengurusan Fatwa Di Singapura,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et al., (Nilai:Institut Pengurusan dan Pengkajian Fatwa Sedunia (INFAD), 2006).

Idris Awang, *Pengkajian Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Selangor: Sri Elila Resources, 2009).

----- “Pengkajian Ilmiah Dan Kepentingannya Dalam Penentuan Semula Hukum” dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2000).

Kenneth D Bailey, “ *Kaedah Pengkajian Sosial*”, ( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).

Lokmanulhakim Hussain, “Ijtihad dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia”, Monograf INFAD Siri 1, (Nilai : INFAD USIM, 2013)

Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010).

-----, “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa,”dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et al, (Nilai:Institut Pengurusan dan Pengkajian Fatwa Sedunia (INFAD), 2006).

-----, "Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang*

- Membangun, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999).
- Maszlee Malik, *Tlfiq: erml engn Pel gi zh*, (Selangor: Karya Bestari Sdn.Bhd., 2005).
- Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, “Aplikasi Ijtihad Kontemporari Dalam Menangani Isu-isu Halal Semasa”, dalam *Dimensi Kontemporari Dalam Pengajian Islam*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff (Kuala Lumpur: APIUM, 2013).
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, R Zirwatul, Aida R Ibrahim, “*etologi Penyelidikan Sins Sosi l*” (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2018).
- Mohd Daud Bakar, “Kedinamikan Syari’ah Dalam Memenuhi Tuntutan Mu’amalah Perbankan Modern”, *Jurnal Syariah*, 6, (1998).
- Mohd Salleh Ahmad, *Pengantar Syariat Islam*, (Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2014).
- Muhammad Siraj, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Iskandariyah: Mansha’ah al-Ma’arif, 1988).
- Othman Ishak, *Fatwa dalam Perundangan di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1981).
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014).
- Pelan Strategik 2015-2019*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2015).
- Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj Ismail, “Ijtihad Sebagai Manhaj Istibat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Monograf al-Ifta Siri I*” ed. Wan Morsita Wan Sudin, *et.al.* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010).
- Prosiding Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa Negeri Selangor, (Shah Alam : Jabatan Mufti Negeri Selangor: 2015).
- S S Dato’ Haji Nooh Gadot (Mufti Negeri Johor), “Pengurusan Fatwa di Malaysia”, dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa, (Nilai : Institut Pengurusan dan Pengkajian Fatwa Sedunia, 2006).
- Shamrahayu A. Aziz, *Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2015).
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia* (Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2013).

Wahbah al-Zuhayl , *Ijtihad Baru Fiqh: Titik Tolak dan Aliran-Alirannya*, terj. Basri al-Hasani (Johor: JAHABERSA).

*Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah* (Selangor: Majlis Agama Islam Selangor(MAIS), 2013).

Zulkifli Mohd al-Bakri, Rashidy Jamil dan Mohd Aizam Mas'od, *Validity of the Use of the,Allah' Only For Muslim*, terj. Ahmad Dahan (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

Zulkiple Abd Ghani, "Teknologi Malumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999).

## 2. RUJUKAN ARTIKEL JURNAL

Abdullah @ Alwi Haji Hassan, "Ijtihad Dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-undang Syariah Di Dunia Islam Masa Kini", *Jurnal Syariah* 15, no.2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

Ab Mumin Ab Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Mu'amalat", *Jurnal Syariah*, 16, 2, (2008).

Abdul Samad Hadi, "Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan Kepelbagaian Proses ke Bentuk Perbandaran", *Malaysian Journal of Environmental Management* no 11(2) (2010), 26-27.

Alias bin Azhar Et Al , "Implikasi Isu-Isu Sains Dan Teknologi Dalam Pembangunan Penyelidikan Fatwa Kontemporari", *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship* (GBSE) 2, No. 1 (2016).

Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil 10, Bil. 1,(2002).

Azri Bhari dan Luqman Abdullah, "Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia: Perspektif Maq şid Syariah", *Jurnal Fiqh*, No. 13 (2016).

Fidlizan Muhammad, Kepelbagaian Kaedah Pungutan Zakat: Analisis Di Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2003-2009, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012).

Hasnan Kasan, "Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyyah," *Jurnal Pengajian Umum*, Bil 2, (2001).

Mazni binti Abdul Wahab, "Perwartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya," *Jurnal Syariah* 12, no 2 (2004).

- Mohammad Hashim Kamali, "Methodological Issues in Islamic Jurisprudence", *Arab Law Quarterly*, Vol 11, No 1 (1996).
- , "Syariah And Civil Law: Towards A Methodology Of Harmonization", *Islamic Law and Society Journal* 14, No. 3, (2007).
- Mohd Aizam bin Mas'od, "Hujah Menolak Penggunaan Kalimah Allah Oleh Kristian", *Jurnal Pengkajian*, no. 21 (2008).
- Mohd Kamel Bin Mat Salleh, Mohd al-Adib bin Samuri dan Mohd Izzhar Ariff bin Mohd Kashim, "Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia," *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 1(1) (2016).
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman, "Aplikasi Maqāsid al-Syar'ah dalam Pentadbiran Negara : Satu Tinjauan Sejarah Islam", *Jurnal Fiqh* 12 (2015).
- Mohd Faez Bin Mohd Shah Dan Noor Naemah Bt Abdul Rahman, "Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, (2015).
- Muhamamad Ikhlās Rosele et al , "Pendekatan Ijtihad Kontemporari Dalam Isu Semasa di Malaysia", *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, no. 13 (2016).
- Muhammad Ikhlās Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Paizah Hj Ismail, Mohd Anuar Ramli, "Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal", *Jurnal Fiqh* 10, No. 10(2013).
- Muhamad Zaidi Abdul Rahman Raja Hisyamudin Raja Sulong, "Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Syar'iyyah", *Jurnal Syariah* (2008).
- Mohammad Hashim Kamali, "Moderation in Fatwa and Ijtihad: Juristic and Historical Perspectives", *Journal Islam and Civilisational Renewal*, vol.7(2016).
- Noor Naemah Abd Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah* 10 No. 2(2002).
- , "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih," *Jurnal Fiqh*, No. 4 (2007).
- Nadirsyah Hosen, "Behind the scenes: Fatwa of Majelis Ulama Indonesia (1975-199)", *Journal of Islamic Studies* 15, no.2. (2004).
- Nora'innah Bt Bahari, "Fatwa Muamalat Di Malaysia: Satu Kajian Literatur, *Jurnal Penyelidikan n Inovasi*" Jilid I, (2014).

-----, “Pembentukan Berasaskan Maq šid Shari“ah: Analisis Metode Pengenalpastian dan Kawalan oleh al-Sh ũib dan Ibn „Ashur”, *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8, No 1, (2015).

Siti Nurani Mohamed Nor “Ethical Issue in Artificial Reproductive Technics in Geneologi and Preservation of the Progeny An Islamic Perspective”, *Journal Genealogy and the Preservation of the Progeny*, (2006).

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, dan Nor Hayati Mohd Dahlal, “ Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 17 no. 1 (2009).

-----, “Ijtihad : Satu Analsis Perbandingan”, *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (1993).

Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Mašlahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa ” *Jurnal Syariah* 16, no. 1.(2008).

Saadan Man, “Pattern of Contemporary Ijtihad in Malaysia: Analysis on Fatwa of Malaysian National Fatwa Council,” *International Journal of Social Science and HumanBehaviour Study*, Volume 1, issue 3 (2014).

Saifudin Mujtaba, “Membuka Pintu Ijtihad”, *Jurnal Falasifa* 1, no 1 (2010).

Siti Fatimah Salleh, Mohd Zulkifli Muda dan Saadan Man, “Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik Dalam Penyusuan: Dirasah Ta“siliyyah,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9, (2015).

Anisah Ab. Ghani et, al, “Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Ibadat” *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007).

Zaini Nasohah et, al, “Analisis Literatur Isu Pelantikan Hakim Syarie Wanita Di Malaysia”, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol. 3, no. 1 (2016).

### **3. RUJUKAN KERTAS KERJA PERSIDANGAN**

Ahmad Hidayat Buang, “Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa di Malaysia”, (Seminar Isu-Isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia , Institute of Advance Islamic Studies, Kuala Lumpur,10 Mac 2016).

Alias Azhari, Mohammad Azam Hussain, Mohd Zakhiri Md. Nor dan Mohamad Khairi Haji Othmani, “Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maq šid Al-Syariah: Satu Tinjauan”, (Seminar Fatwa Antarabangsa , 2016)

Mohammad Aizat Jamaluddin, Mohd Anuar Ramli dan Suhaimi Ab Rahman, “Ijtihad Kontemporari Dalam Pembinaan Fiqh Kepenggunaan Semasa Di Malaysia” (International Conference On Creativity And Innovation For Sustainable

Development Infusing Creativity And Innovation In Education, UIAM, 12 Sep – 14 Sep 2011).

Mohamad Aizat Jamaludin dan Mohd Anuar Ramli, “Pemikiran Ulama Melayu Klasik Tentang Pemakanan” (World Congress For Islamic History And Civilization (Wocihac), Akademi Pengajian Islam (Apium) Januari 2011).

Mustafa Shamsuddin, “Talfiq: Sejauhmanakah Pengamalannya di Malaysia”, (Seminar Pemahaman Empat Mazhab, anjuran Jabatan Agama Islam Perak (JAIP).

Muhammad Ariffin Ismail, “Isu Kalimah Allah dan Kaitannya dengan Pluralisme” (Makalah, Program Pemantapan Fatwa 2, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2010).

Nooh Bin Gadot, “Peranan Fatwa Dalam Perpaduan Ummah” (makalah, Konvensyen Islam 2002 Peringkat Kebangsaan, Golden Legacy Hotel Melaka, 14-15 Jun 2002)

Nur Azyan Baharizan, “Kepimpinan Wanita Dalam Politik: Satu Perbincangan Tentang Pandangan Ulama,” dalam (Prosiding Seminar Pengurusan Islam: KeArah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor, 2015).

Tan Sri Sheikh Ghazali Hj Sbdul Rahman, “Beberapa Manifestasi Penggunaan Ijtihad dan *Talfiq* Dalam peruntukan-peruntukan Statut Moden Di Malaysia”, (Kertas kerja, Seminar Taqlid, Ijtihad dan Talfiq: Skop, Amalan Dan Batasan, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dewan Besar, IKIM, Kuala Lumpur, 12-13 November 2009).

Taqlid, Ijtihad dan Talfiq: Skop, Amalan Dan Batasan, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dewan Besar, IKIM, Kuala Lumpur, 12-13 November 2009)

Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Karim Ali dan Mohd Faizol Ismail, “Amanah Saham Bumiputera: Suatu Analisis Dari Sudut Akad” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa VII (SHIS VII) Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

#### **4. RUJUKAN TESIS DAN DISERTASI**

Azri Bin Bhari, “Analisis Fatwa Zakat Di Malaysia Dari Perspektif Maqāṣid Syariah”, (Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2016).

Abdul Hadi Bin Md Rofee, “Analisis Perbezaan Fatwa Mengenai Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) di Malaysia”, (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

- Khairul Azhar Bin Meerangani, “Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim Di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam” (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur ,2016).
- Maszlee bin Malik, “Hukum Talfiq dalam Muamalat: Kajian terhadap Bay’ al-Murabahah li al-Amir bi al-Syira” di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).
- Mazni Binti Abdul Wahab, “Pentadbiran Fatwa di Negeri Selangor: Kajian Terhadap Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989”, (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2001).
- Mohd Faez Mohd Shah, “Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa :Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010” (Tesis Sarjana (MA), Jabatan Usul fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,2013).
- Mohd Hafiz Bin Jamaludin , “Realiti Pengamalan Istihsan Di Dalam Perundangan Islam Dan Fatwa Di Malaysia”, (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Dan Undang- Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur ,2012).
- Mohd Hafiz Bin Jamaludin, “Aplikasi Talfiq Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2016).
- Mohd Marbawi Taha, “Pendekatan *Ijtihad* Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu” (Tesis Sarjana (MA), Jabatan *Usul fiqh*, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya,2006).
- Raihanah Halid, “The Fatawa Issued By The Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study”(Tesis Kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,2008).
- Siti Fatimah Binti Salleh, “Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa:Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).
- Zulfahmi, “Metodologi Ijtihad Imam al-Shafi’i : Analisis Pembaharuan Berkaitan Aspek Munakahat Di Malaysia” (Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh Dan Usul AkademiPengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur 2011).

## 5. RUJUKAN MANUSKRIP

- Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011).

- Kertas Kerja Makluman Fatwa Pencemaran Asid Deoksiribonukliek (DNA) Babi Pada Produk Makanan Yang Disahkan Halal: Penelitian Dari Aspek Sains Dalam Menentukan Kaedah Penyelesaiannya Mengikut Aspek Syarak, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (10 April 2012).
- Kertas Kerja Makluman Hukum Euthanasia Atau Mercy Killing, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012).
- Kertas Kerja Pelaksanaan Pengurusan Dan Pelupusan Harta Luqatah Yang Disimpan Oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (18 Mac 2009).
- Kertas Kerja Meminta Fatwa Mengenai Jenis Penerima Asnaf Al-Riqab Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 Feb 2012).
- Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (4 Mac 2008).
- Kertas Kerja Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan dan Kosmetik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 April 2008).
- Kertas Makluman Kajian Semula Hukum Pelaburan Dalam Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Dan Seumpamanya, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011)
- Kertas Kerja Hukum Penggunaan Vaksin Menactra, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (2 Februari 2015)
- Kertas Kerja Hukum Menternak Dan Menjual Lintah Dan Cacing Untuk Tujuan Perubatan Dan Kosmetik, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 April 2008).
- Kertas Kerja Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (EBOLA VIRUS DISEASE:EVD) Di Malaysia, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (11 Ogos 2015).
- Kertas Kerja Hukum Menggunakan Khidmat Ibu Tumpang (Surrogate Motherhood) Untuk Mendapatkan Zuriat, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).
- Kertas Kerja Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (3 Feb 2008).
- Kertas Makluman Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat, Bahagian Dokumentasi Jabatan Mufti Negeri Selangor, (21 November 2011)

Kertas Kerja Hukum Memakan Daging Atau Isi Belangkas Dan Telurnya, Bahagian Dokumentasi, Jabatan Mufti Negeri Selangor, (8 Februari 2011).

Ringkasan Eksekutif Memohon Menerima pakai Pelaburan Permodalan Nasional Berhad (Pnb) Berdasarkan Maq Sid Al-Syariah Kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Yang Disediakan Oleh Bahagian Projek Islamik, Pejabat Presiden Dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (2017).

## **6. RUJUKAN TEMU BUAL**

Abdul Halim Hapiz bin Salihin (Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, pada 12 April 2017.

Khairiamri bin Ahmad (Penolong Mufti (Buhuth), Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, pada 2 March 2017.

## **7. SENARAI STATUT**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan), 1994.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah), 1992.

Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, 1988 (Enakmen 1 Tahun, 1988).

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003).

## **8. LAMAN SESAWANG**

Hukum wanita menyusukan anak angkat yang dicapai pada 29 Disember 2016, <http://www.efatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-wanita-menyusukan-anak-angkat>

Laman sesawang *Portal e-Fatwa*, dicapai 8 September 2014, <http://www.efatwa.gov.my/>.

Laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, dicapai 25 November 2016, <http://www.muftiselangor.gov.my>

“List of launched funds in relation to unit trust funds as at 31 Mei 2014”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia*, dicapai pada 2 Februari

2016,  
<http://www.sc.com.my/wpcontent/uploads/eng/html/resources/stats/UTF.pdf>.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, “Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia”, laman sesawang *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dicapai 25 Disember 2015, [http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc\\_syariahcompliant\\_291113.pdf.pdf](http://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf.pdf).

Zaharuddin.Net {Rujukan Informasi Islam}, “Perbincangan Hukum Pelaburan ASB :Kemaskini”, laman sesawang *Ustaz Dr Hj Zaharuddin Hj Abd Rahman*, dicapai 7 Januari 2016, <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/224-perbincangan-hukum-pelaburan-asb->

Universiti Malaysia